# DISIPLIN DAN HUKUMAN DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK MENURUT IBN HAJAR AL-HAYTAMI (M.974 H): ANALISIS KITAB TAHRIR AL-MAQAL FI ADAB WA AHKAM WA FAWA'ID YAHTAJU ILAYHA MU'ADDIBU AL-ATFAL

University of Malaya

MOHD HASEM BIN ALMUDDIN

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

# DISIPLIN DAN HUKUMAN DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK MENURUT IBN ḤAJAR AL-HAYTAMĪ (M. 974 H): ANALISIS KITAB TAHRIR AL-MAQAL FI ADAB WA AHKAM WA FAWA'ID YAHTAJU ILAYHA MU'ADDIBU AL-ATFAL

**MOHD HASEM BIN ALMUDDIN**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA PENGAJIAN ISLAM**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**
**UNIVERSITI MALAYA**
**KUALA LUMPUR**

**2018**

University of Malaya

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: (No. K.P/Pasport: )

No. Pendaftaran/Matrik:

Nama Ijazah:

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Bidang Penyelidikan:

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi Tarikh

Nama:
Jawatan:

University of Malaya

**DISIPLIN DAN HUKUMAN DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK MENURUT IBN ḤAJAR AL-HAYTAMĪ (M. 974 H): ANALISIS KITAB TAHRIR AL-MAQAL FI ADAB WA AHKAM WA FAWA'ID YAHTAJU ILAYHA MU'ADDIBU AL-ATFAL**

## ABSTRAK

Disiplin dan hukuman adalah antara subjek yang terbabit dalam pendidikan termasuk pendidikan Islam, malah ramai ilmuwan Muslim turut membincangkannya. Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī (909-974 H/ 1503-1566 M) merupakan seorang ilmuwan Muslim yang lebih dikenali dalam bidang fiqh turut membahaskan perkara tersebut menerusi karyanya *Taḥrīr al-Maqāl fī Ādāb wa Aḥkām wa Fawā'id Yaḥtāj Ilayhā Mu'addibu al-Aṭfāl*. Hal ini menimbulkan persoalan bagaimana bentuk perbahasan beliau terhadap kedua-dua perkara tersebut. Di samping itu, turut dipersoalkan ialah kemampuan untuk membicarakan hal-hal yang berkaitan dengan pendidikan. Kajian ini menganalisis pemikiran Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī menerusi kitab *Taḥrīr al-Maqāl* berkenaan disiplin dan hukuman khususnya dalam pendidikan kanak-kanak memandangkan karya tersebut menjurus kepada perbahasan pendidikan kanak-kanak. Kajian ini turut mengemukakan biografi Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī dan pengenalan kitab *Taḥrīr al-Maqāl*. Kajian ini bersifat kualitatif yang menggunakan metode dokumentasi untuk pengumpulan data manakala dalam penelitian data beberapa bentuk metode analisis digunakan seperti metode historis, induktif, deduktif dan komparatif. Kajian ini mendapati bahawa perbincangan Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī mengenai disiplin tergambar dalam beberapa bentuk iaitu disiplin dengan penanaman nilai ukhrawi, disiplin dengan peneguhan yang positif, disiplin dengan amaran keras (*taḥdhīr*), disiplin dengan pengalaman, disiplin dengan kasih sayang dan disiplin dengan hukuman. Kajian ini juga mendapati Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī turut memperincikan perbincangan mengenai hukuman dengan meletakkan beberapa perkara yang harus dipatuhi iaitu hukuman dengan keizinan dan hukuman dalam lingkungan

University of Malaya

tujuan asal pelaksanaannya untuk memperbaiki (*iṣlāḥ*) dan mencegah (*zajr*). Turut terlibat ialah hukuman memukul (*ḍarb*) yang menurut beliau perlulah diperhalusi dari sudut jumlah bilangan pukulan, jenis pemukul, tatacara memukul, kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman, dan dakwaan melampau dalam memukul. Kesimpulannya, Ibn Ḥajar al-Haytamī merupakan seorang ilmuwan Muslim yang berkemampuan membahaskan pelbagai disiplin, justeru mengubah persepsi bahawa beliau hanyalah seorang ahli fekah (*jurist*) semata-mata. Malah perbahasan beliau tentang ehwal pendidikan tidak hanya didasari teori semata-mata sebaliknya disokong oleh pengalaman yang dilalui.

Kata Kunci: Disiplin, Hukuman, Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*

University of Malaya

**DISIPLIN DAN HUKUMAN DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK MENURUT IBN ḤAJAR AL-HAYTAMĪ (M. 974 H): ANALISIS KITAB TAHRIR AL-MAQAL FI ADAB WA AHKAM WA FAWA'ID YAHTAJU ILAYHA MU'ADDIBU AL-ATFAL**

## ABSTRACT

Discipline and punishment are among the subjects involved in education including Islamic education, that have drawn many Muslim scholars to discuss them. Ibn Hajar al-Ḥaytamī, (909-974 H/ 1503-1566 M) a Muslim scholar more known in the field of jurisprudence, also discussed this matter in his book *Taḥrīr al-Maqāl fī Ādāb wa 'Aḥkām wa Fawā'id Yaḥtāj Ilayhā Mu'addibu al-Aṭfāl*. This matter raised questions on how he discussed these two concepts. Besides this, his ability to discuss matters relating to education is also debated. This research analyses Ibn Hajar al-Haytami's thoughts through his book *Taḥrīr al-Maqāl* that talks about discipline and punishment especially in children's education. This research also includes a biography of Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī and the introduction of a book entitled *Taḥrīr al-Maqāl.* This research is a qualitative based research and it uses the documentation method for data collection; while in the data analysis, a few analysis methods are used such as historical, inductive, deductive and comparative methods. This research found that Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī's understanding of discipline are illustrated in a several forms such as discipline with the nurturing of ukhrawi, discipline with positive reinforcement, discipline with harsh warning, discipline with experience, discipline with love, and discipline with punishment. This research also found that Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī's discussion on discipline with punishment by impossing a few matters that should be followed, such as permissible punishment and it must be within the actual purpose of punishment which are improvement (*iṣlāḥ*) and prevention (*zajr*). In particular, the punishment beating according to him must be refined in the viewpoints of numbers of beating, types of

beaters, procedure of beating, faults in that can lead to punishment, and extreme claim in beating. In conclusion, Ibn Ḥajar al-Haytamī is a multi disciplined Muslim scholar thus changing the preception of him as only being a jurist. In fact, his words are not merely based on theory as a lot of his previous discussions encompassed his own past experiences.

Keywords: Discipline, Punishment, Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī, Taḥrīr al-Maqāl

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga baginda, para sahabat dan mereka yang menuruti jejak langkah baginda sehingga hari akhirat.

Penghargaan tertinggi diucapkan kepada kedua-dua ibu bapa tercinta, Masni binti Sawit dan Almuddin bin Zainal atas didikan, dorongan dan doa yang tidak putus, kedua mentua yang dikasihi, Rohani binti Wan Hussain dan Mohamed Fauzi bin Zain. Juga kepada isteri tercinta Nur Shuhada binti Mohamed Fauzi dan anak penyeri hati Naelah atas semangat dan dorongan yang sangat berharga. Sekalung penghargaan juga buat semua adik beradik Yuslinah, Azharuddin, Saifuddin, Ediyusli, Hilmey dan Halim atas doa dan perhatian kalian. Semoga Allah merahmati dan memberikan keredhaan-Nya kepada keluarga kita.

Penghargaan yang tertinggi dirakamkan kepada kedua-dua penyelia iaitu Dr. Asyraf Isyraqi Jamil dan Prof. Madya Dr. Che Zarrina Sa'ari atas segala curahan ilmu, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang menjalankan kajian ini. Semoga Allah membalas dengan sebaik-baik ganjaran atas segalanya. Begitu juga kepada sekalian guru yang telah mencurahkan ilmu serta pengalaman mereka dalam tempoh menuntut ilmu ini sejak dari awal sehingga kini dan selamanya.

Terima kasih juga diucapkan kepada yang turut sama memberi saranan, pandangan serta tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian ini, Dr. Mohd Anuar Mamat (USIM), Dr. Muhammad Lukman Ibrahim (USIM), Dr. Ahmad Yussuf (UM), Dr. Tengku Sarina (UM) dan Dr. Osman Rasip (UM).

Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelaras dan seluruh warga Program Pendidikan Islam, pengarah dan timbalan-timbalan pengarah serta seluruh kakitangan akademik, pentadbiran dan sokongan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya atas segala bantuan dan sokongan yang diberikan.

Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Sek. Ugama Islam Kuala Abai, Kota Belud; Sek. Ren. Keb. Kulambai, Kota Belud; Sek. Men. Keb. Agama Tun Said; Kursus Intensif Bahasa Arab Sabah & Sarawak dan Masjid Kg. Kulambai, Kota Belud atas peluang untuk menimba ilmu, membina pengalaman dan membentuk kematangan.

Juga kepada seluruh saudara mara sebelah ibu dan bapa serta keseluruhan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk menyempurnakan kajian ini. Allah SWT adalah yang selayaknya untuk membalas dengan balasan yang sebaik-baiknya.

Semoga usaha yang kerdil dalam kajian ini mendapat keredhaan dan rahmat dari Allah Yang Maha Mengetahui dan dinilai sebagai amal kebajikan seterusnya menjadi pemberat dalam timbangan kebaikan. Amin, wassalam.

MOHD. HASEM BIN ALMUDDIN
PROGRAM SARJANA PENGAJIAN ISLAM
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR, MALAYSIA

University of Malaya

**DAFTAR KANDUNGAN**


| KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---|
| **ABSTRAK** | iv |
| **ABSTRACT** | vi |
| **PENGHARGAAN** | viii |
| **DAFTAR KANDUNGAN** | ix |
| **PANDUAN TRANSLITRERASI** | xiv |
| **SENARAI KEPENDEKAN** | xvi |
| **SENARAI LAMPIFRAN** | xvii |
| **BAB SATU: PENDAHULUAN** | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 4 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 5 |
| 1.4 Objektif Kajian | 5 |
| 1.5 Kepentingan Kajian | 6 |
| 1.6 Skop dan Batasan Kajian | 8 |
| 1.7 Tinjauan Kajian Terdahulu | 9 |
| 1.8 Metodologi Kajian | 18 |
| 1.8.1 Metode Pengumpulan Data | 18 |
| 1.8.2 Metode Penelitian Data | 19 |
| a. Metode Historis | 20 |
| b. Metode Induktif | 20 |
| c. Metode Deduktif | 20 |
| d. Metode Komparatif | 21 |
| 1.9 Susunan Kajian | 22 |


University of Malaya

**BAB DUA: DISIPLIN DAN HUKUMAN DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK MENURUT ISLAM** 24

2.1 Pengenalan 24

2.2 Kepentingan Pendidikan Kanak-Kanak 24

2.3 Amalan Pendidikan Kanak-Kanak dalam Islam 25

2.4 Konsep Pendidikan Kanak-Kanak Menurut Islam 29

2.4.1 Konsep Pendidikan Islam 29

2.4.2 Konsep Pendidikan Kanak-Kanak dalam Islam 33

2.5 Prinsip Pendidikan Kanak-Kanak Menurut Islam 36

2.5.1 Prinsip Hormat dan Kasih Sayang (*al-Iḥtirām wa al-Shafaqah*) 37

2.5.2 Prinsip Berlemah Lembut (*al-Rifq wa al-Layyin*) 38

2.5.3 Prinsip Keadilan (*al-‘Adl*) 39

2.5.4 Prinsip Berperingkat dalam Pengajaran (*al-Tadarruj*) 38

2.6 Peringkat Pendidikan Kanak-Kanak dalam Islam 40

2.7 Disiplin dalam Pendidikan Kanak-Kanak Menurut Islam 43

2.7.1 Konsep Disiplin dalam Pendidikan Islam 43

2.7.2 Kepentingan Disiplin Terhadap Kanak-Kanak dalam Pendidikan Islam 48

2.8 Hukuman dalam Pendidikan Kanak-Kanak Menurut Islam 49

2.8.1 Konsep Hukuman dalam Pendidikan Islam 49

2.8.2 Kepentingan Hukuman dalam Pendidikan Islam 54

2.8.3 Tujuan Hukuman dalam Pendidikan Islam 55

a. Mendidik untuk Mengenali Tingkah Laku yang Betul dan Salah 56


University of Malaya

b. Membetulkan Tingkah Laku Salah yang Dilakukan 57

c. Mencegah Daripada Melakukan Kesalahan yang Sama 57

2.8.4 Prinsip Hukuman dalam Pendidikan Islam 58

a. Jalan yang Terakhir 59

b. Bersifat Mendidik 60

c. Bukan untuk Membalas Dendam 60

d. Bersesuaian dengan Kesalahan 61

e. Berperingkat-Peringkat 62

2.8.5 Hukuman Memukul (*Ḍarb*) dalam Pendidikan Kanak-Kanak Menurut Islam 63

a. Keharusan Hukuman Memukul Terhadap Kanak-Kanak 64

b. Syarat Memukul Terhadap Kanak-Kanak 65

2.9 Kesimpulan 66

**BAB TIGA: LATAR BELAKANG IBN ḤAJAR AL-HAYTAMĪ (909 H/ 1503 M - 974 H/ 1566 M) DAN KITAB *TAḤRĪR AL-MAQĀL*** 69

3.1 Pengenalan 69

3.2 Pengenalan Ibn Ḥajar al-Haytamī 70

3.2.1 Nama dan Gelaran 70

3.2.2 Kelahiran 73

3.2.3 Pendidikan 74

3.2.4 Suasana Kehidupan 76

a. Suasana Politik 77

b. Suasana Keagamaan 79

3.2.5 Guru dan Murid 79

3.2.6 Sumbangan dalam Bidang Ilmu 82

a. Pengajaran (*Tadrīs*) 82

b. Fatwa 83

c. Karya 84

3.2.7 Kewafatan 85

3.2.8 Kesimpulan Pengenalan Ibn Ḥajar al-Haytamī 86

3.3 Pengenalan Kitab *Taḥrīr Al-Maqāl* 88

3.3.1 Penisbahan Kitab 89

3.3.2 Sebab Penulisan 89

3.3.3 Isi Kandungan dan Metodologi Penulisan 92

3.3.4 Manuskrip dan Cetakan 98

3.3.5 Kesimpulan Pengenalan *Taḥrīr Al-Maqāl* 99

**BAB EMPAT: DISIPLIN DAN HUKUMAN DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK MENURUT IBN ḤAJAR AL-HAYTAMĪ** 101

4.1 Pengenalan 101

4.2 Disiplin Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī 103

4.2.1 Disiplin dengan Penanaman Nilai Ukhrawi 104

4.2.2 Disiplin dengan Peneguhan yang Positif 107

4.2.3 Disiplin dengan Amaran Keras (*Taḥdhīr*) 110

4.2.4 Disiplin dengan Pengalaman 112

4.2.5 Disiplin dengan Kasih Sayang 115

4.2.6 Disiplin dengan Hukuman 117

4.3 Hukuman dalam Pendidikan Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī 117

4.3.1 Syarat Keizinan 119

4.3.2 Tujuan Pelaksanaan 126

University of Malaya

4.3.3 Jenis Hukuman 130

4.4 Hukuman Memukul (*Ḍarb*) dalam Pendidikan Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī 132

4.4.1 Jumlah Bilangan Pukulan 132

4.4.2 Jenis Pemukul 138

` 4.4.3 Tatacara Memukul 141

a. Teknik Memukul 141

b. Syarat Semasa Memukul 144

4.4.4 Kesalahan yang Membolehkan Hukuman Memukul 149

4.4.5 Dakwaan Melampau dalam Memukul 151

4.5 Kesimpulan 153

**BAB LIMA: PENUTUP** 156

5.1 Pengenalan 156

5.2 Kesimpulan 156

5.3 Saranan 162

5.4 Rujukan 164

5.5 Lampiran 179

University of Malaya

## PANDUAN TRANSLITERASI

### a. Huruf-Huruf

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
|---|---|
| ا | - |
| ب | b |
| ت | t |
| ث | th |
| ج | j |
| ح | ḥ |
| خ | kh |
| د | d |
| ذ | dh |
| ر | r |
| ز | z |
| س | s |
| ش | sh |
| ص | ṣ |
| ض | ḍ |
| ط | ṭ |
| ظ | ẓ |
| ع | ‘ |
| غ | gh |
| ف | fa |
| ق | q |
| ك | k |
| ل | l |
| م | m |
| ن | n |
| و | w |
| ه | h |
| ء | ’ |
| ي | y |

University of Malaya

### b. Vokal Pendek

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
| --- | --- |
| ◌َ | a |
| ◌ِ | i |
| ◌ُ | u |

### c. Vokal Panjang

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
| --- | --- |
| ا ى | ā |
| ي | ī |
| و | ū |

### d. Diftong

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
| --- | --- |
| او | aw |
| اي | ay |

### e. Ta’ Marbūṭah dan Alif lām

| Huruf Arab | Huruf Rumi |
| --- | --- |
| ة | Ah |
| ال | Al atau ’l |

University of Malaya

## Senarai Kependekan

| Bil. | Kependekan | Kepanjangan |
|---|---|---|
| 1. | SWT | *Subḥāna-Hu wa-ta‘ālā* |
| 2. | s.a.w | *ṣalla Allah ‘alay-hi wa-sallam* |
| 3. | r.a | *Raḍiya Allah ‘an-hu/ ‘an-ha* |
| 4. | a.s | *‘Alay-hi/ ‘Alay-him al-salām* |
| 5. | H | Hijrah |
| 6. | M | Masihi |
| 7. | m. | Meninggal dunia |
| 8. | jil. | Jilid |
| 9. | bil. | Bilangan |
| 10. | ed./eds | Editor |
| 11. | t.t | Tanpa tarikh |
| 12. | t.tp | Tanpa tempat penerbit |
| 13. | t.p | Tanpa penerbit |
| 14. | *ibid* | *Ibedm*, rujukan pada tempat yang sama |

University of Malaya

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran a : Manuskrip pertama *Taḥrīr al-Maqāl* di Perpustakaan al-Azhar

Lampiran b : Manuskrip kedua *Taḥrīr al-Maqāl* di Perpustakaan al-Azhar.

Lampiran c : Manuskrip ketiga *Taḥrīr al-Maqāl* di Perpustakaan al-Azhar.

Lampiran d : Buku *Taḥrīr al-Maqāl* yang dicetak dan diterbitkan edisi ʻAlī Aḥmad al-Kindī.

Lampiran e : Buku *Taḥrīr al-Maqāl* yang dicetak dan diterbitkan edisi Majdī al-Sayyid Ibrāhīm

University of Malaya

# BAB SATU

# PENDAHULUAN

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam proses pengajaran, pembelajaran dan pendidikan, terdapat banyak kaedah dan teknik, malah falsafah dan teori yang sering digunakan oleh mereka yang terlibat. Begitu juga hal yang berlaku dalam pendidikan Islam apabila pelbagai kaedah dan teknik, malah falsafah dan teori digunakan khususnya oleh pendidik Muslim. Namun, sering dilihat sumber daripada barat dan sarjananya mendominasi bidang ini.[1] Natijahnya, ia memberi kesan dalam pembentukan kerangka pemikiran pendidikan tersebut khususnya pendidikan Islam.

Kesannya, pada masa kini ramai yang melihat proses pengajaran dan pembelajaran hanyalah satu proses perpindahan maklumat dan penambahan pengetahuan dalam kalangan pelajar semata-mata.[2] Pada masa yang sama, aspek-aspek lain yang tidak kurang pentingnya dalam proses pendidikan kurang diberi perhatian. Antaranya ialah persoalan berkisar adab dan disiplin pelajar. Melihat kepada persoalan adab dan disiplin ini semakin kurang diberikan perhatian, maka tidak menghairankan jika jumlah kes disiplin dan tingkah laku yang bermasalah dalam kalangan pelajar sekolah semakin membimbangkan. Lebih membimbangkan lagi masalah disiplin ini melibatkan kesalahan berat yang membabitkan unsur-unsur seperti jenayah, kelucahan, ponteng sekolah, vandalisme dan kes buli.[3] Lebih menyesakkan dada apabila ia tidak berlaku dalam kalangan pelajar sekolah menengah sahaja, bahkan membabitkan pelajar sekolah rendah.

---

[1] Rosnani Hashim, "Dualisme Pendidikan Umat Islam di Malaysia: Sejarah, Perkembangan dan Cabaran Masa Depan", *Jurnal Pendidikan Islam* 10, no. 2 (2002), 10; Mazidah Ismail, "Islam Sebagai Faktor Pendorong kepada Kedatangan Kuasa Barat : Kesan Penjajahan Terhadap Peradaban Melayu" (disertasi sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2001), 165.

[2] Ab. Halim Tamuri dan Mohammad Khairul Azman, "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep *Mua'allim*" *Journal of Islamic and Arabic Education* 2, no.1 (2010), 44.

[3] "13,359 Orang Pelajar Terlibat Salah Laku Disiplin Berat" laman sesawang Utusan Online, dicapai pada 20 Disember 2016, http://www.utusan.com.my/berita/nasional/13-359-pelajar-terlibat-salah-laku-disiplin-berat-1.21677.



University of Malaya

Perkara ini bukan sahaja berlaku dalam negara kita, bahkan turut berlaku di luar negara. Justeru, hal ini menunjukkan suatu kelompangan yang ketara dalam aspek disiplin dalam kalangan pelajar sekolah.

Dalam proses menguruskan masalah disiplin dan tingkah laku pelajar, mereka yang terlibat dengan masalah-masalah tersebut semestinya tidak terlepas daripada hukuman. Hukuman yang dikenakan pula sering kali menimbulkan pelbagai konflik. Pada masa yang sama, ia sering mendapat perhatian dan liputan dalam negara terutamanya melalui media sosial.[4] Konflik yang sering berlaku adalah antara pendidik dengan penjaga pelajar yang terbabit, pendidik dengan institusi pendidikan dan penjaga pelajar dengan institusi pendidikan. Perasaan tidak puas hati kerap berlaku daripada pihak penjaga khususnya ibu bapa terhadap pengurusan disiplin dan hukuman terutamanya kes yang melibatkan hukuman fizikal terhadap anak mereka, malah boleh berlarutan sehingga melibatkan institusi mahkamah.

Islam sebagai agama yang lengkap sudah semestinya mempunyai panduan terhadap penyelesaian masalah-masalah seumpama ini. Ilmuwan silam Islam telah meninggalkan khazanah ilmu yang sangat banyak untuk diterokai dan boleh dimanfaatkan pada masa ini. Antara hal yang disentuh oleh khazanah-khazanah ilmu tersebut ialah ehwal berkaitan pendidikan kanak-kanak dan persoalan disiplin dan hukuman dalam pendidikan. Melihat kepada kepentingan pendidikan itu sendiri terutamanya pendidikan kanak-kanak, maka adalah tidak benar jika dikatakan bahawa para sarjana Islam tidak menjadikan ehwal ini sebagai suatu subjek perbincangan.

[4] Sebagai contoh "seorang guru merotan pelajar direman empat hari" laman sesawang Sinar Harian, dicapai pada 14 Mei 2017, http://www.sinarharian.com.my/semasa/guru-rotan-pelajar-direman-empat-hari-1.546582.



University of Malaya

Di antara ilmuwan silam Islam yang membicarakan tentang pendidikan kanak-kanak ialah Ibn Saḥnūn[5] (w.256 H) dalam karyanya *Ādāb al-Mu‘allimīn,* al-Qābisī[6] dalam karyanya *al-Risālah al-Mufaṣṣalah li ’Aḥwāl al-Muta‘allimīn wa Aḥkām al-Mu‘allimīn wa al-Muta‘allimīn* karya dan juga Ibn Ḥajar al-Haytamī atau nama penuhnya Aḥmad bin Muḥammad Badr al-Dīn bin Muḥammad Shams al-Dīn bin ‘Ali Nūr al-Din bin Ḥajar (909-973 H/ 1503-1567 M) merupakan peribadi yang tidak asing lagi dalam tradisi keilmuan Islam terutamanya dalam bidang Fiqh, atau secara khusunya Fiqh Shafi‘i.[7] Ketokohan yang beliau miliki dalam bidang keilmuan telah memberikannya kedudukan yang istimewa dalam kalangan ilmuwan Islam yang sezaman, bahkan selepasnya. Namun begitu, kemampuan beliau dalam bidang pendidikan terutamanya pendidikan kanak-kanak kurang dikenali walaupun beliau memiliki karya-karya yang memperihalkan tentang ehwal pendidikan kanak-kanak. Antara karya tersebut ialah kitab *Taḥrīr al-Maqāl fi Ādāb wa Aḥkām wa Fawā’id Yaḥtāju Ilaihā Muaddibū al-Aṭfāl* yang memaparkan pandangan-pandangan beliau yang sesuai dengan pelbagai isu dalam bidang pendidikan, justeru  boleh dimanfaatkan. Selain itu, beliau juga memiliki sebuah kitab yang memerihalkan berkenaan pendidikan iaitu *Adāb al-Mu‘allim wa al-Muta‘allim.*

Perbahasan yang dikemukakan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam kitab *Taḥrīr al-Maqāl* dilihat mampu menjadi panduan penyelesaian kepada permasalahan berkaitan ehwal pendidikan khususnya melibatkan permasalahan adab, tingkah laku, disiplin dan hukuman. Apa yang penting, perbahasan yang dibawa oleh Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī dalam

[5] Beliau adalah Abū ‘Abdullah Muḥammad bin ‘Abd Salām Saḥnūn bin Sa‘īd al-Tanūkhī al-Qayrawānī meninggal pada 256 H. Lihat Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā’* (t.tp: Mu’assasah al-Risālah, 1985), 13: 60.
[6] Beliau adalah Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Khalaf al-Ma‘āfirī al-Qarawī al-Qābisī. Lihat al-Dhahabī, *Siyar A‘lām al-Nubalā’,* 17:158.
[7] Lihat Ibn al-‘Imād Shihāb al-Dīn ‘Abd al-Ḥay, *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab* (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1986), 10:541; Al-Haytamī, Aḥmad bin Muḥammad Ibn Ḥajar, *al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā* (T.tp: Dār al-Fikr, t.t), Mukaddimah; Al-Sayfī, Abu Bakr bin Muḥammad, *Nafāis al-Durar Fī Tarjamah Shaykh al-Islām Ibn Ḥajar*, no. 26/6, Perpustakan Universiti Malik Soud; Al-‘Aydarūsi, ‘Abd al-Qādir bin Shaykh, *al-Nūr al-Sāfir ‘an Akhbār al-Qarn al-‘Āṣhir* (Bayrūt: Dār Ṣādir, 2001), 464; Ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:582; Najm al-Dīn al-Ghazzi, *al-Kawākib al-Sā’irah bi A’yāni al-Mi’ah al-‘Āshirah* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiah, 1997), 3:102.



University of Malaya

kitab tersebut sebenarnya memberikan suatu kerangka asas dalam dunia pendidikan kanak-kanak terutama dalam berinteraksi dengan permasalahan disiplin dan hukuman yang hendak dilaksanakan menurut kerangka pemikiran pendidikan Islam.

### 1.2 Permasalahan Kajian

Terdapat pelbagai bentuk kesalahan disiplin dan tingkah laku yang sering dilakukan oleh pelajar peringkat kanak-kanak yang membolehkan mereka dihukum. Namun, sering dipersoalkan tentang keharusan untuk menghukum terutamanya hukuman secara fizikal yang dilaksanakan kepada mereka dan kesan hukuman tersebut.[8] Sebahagian sarjana berpendapat bahawa hukuman secara fizikal dibolehkan kepada pelajar peringkat kanak-kanak manakala sebahagian sarjana yang lain menolak perkara tersebut. Dari sudut pandangan Islam dan perbahasan para sarjananya sama ada dibenarkan atau tidak, wajarlah untuk dikenal pasti perbahasan keharusan yang wujud dan sejauh mana ia dibenarkan atau terdapat batasan tertentu yang perlu diberikan perhatian dalam ehwal disiplin dan hukuman kanak-kanak.

Seperti yang telah dinyatakan bahawa Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī merupakan seorang ilmuwan Muslim yang mempunyai keilmuan yang tinggi dalam pelbagai bidang ilmu. Hal ini dibuktikan dengan ratusan karya yang telah dikarang oleh beliau. Ditambah pula dengan pandangan para sarjana Islam yang lain terhadap beliau sehingga ada yang menyifatkan beliau sebagai penutup para ilmuwan dan ahli fatwa.[9] Namun, ramai yang tidak jelas tentang kemampuan beliau membicarakan perihal pendidikan kanak-kanak. Kewujudan kitab *Taḥrīr al-Maqāl* dalam timbunan karya-karya beliau yang boleh dilihat menyentuh aspek pendidikan kanak-kanak telah membangkitkan persoalan tentang

[8] Lihat Lai Poh Lin,"Pengaruh Hukuman Fizikal dan Sosio-Ekonomi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar", (latihan akademik, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000).

[9] Ibn al-ʻImād, *Shadharāt al-Dhahab*,10:541 dan Al-ʻAydarūsi, *al-Nūr,* 464.



University of Malaya

pandangan beliau dalam ehwal tersebut khususnya yang membabitkan perihal disiplin dan hukuman.

Justeru, kajian ini cuba mengemukakan pandangan Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī tentang pendidikan kanak-kanak khususnya dalam ehwal disiplin dan hukuman terhadap kanak-kanak. Kajian ini secara khusus akan membuat penelitian terhadap kitab *Taḥrīr al-Maqāl*. Kajian ini juga akan meneliti latar kehidupan Ibn Hajar al-Haytami dan latar pengarangan *Taḥrīr al-Maqāl* agar dapat diperolehi gambaran yang jelas untuk memahami kemampuan Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī sebagai seorang tokoh ilmuwan Islam yang membicarakan berkenaan pendidikan kanak-kanak.

## 1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba menonjolkan pandangan Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī dalam pendidikan kanak-kanak khususnya dari aspek disiplin dan hukuman dengan menjawab persoalan-persoalan berikut:

a. Apakah latar kehidupan Ibn Ḥajar al-Haytamī dan latar pengarangan kitab *Taḥrīr al-Maqāl*?
b. Bagaimanakah bentuk disiplin dalam pendidikan kanak-kanak yang dikemukakan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī menerusi kitab *Taḥrīr al-Maqāl*?
c. Sejauhmanakah bentuk hukuman dalam pendidikan kanak-kanak yang dikemukakan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī menerusi kitab *Taḥrīr al-Maqāl*?

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

a. Mengenal pasti latar kehidupan Ibn Ḥajar al-Ḥaytamī dan latar pengarangan kitab *Taḥrīr al-Maqāl*.
b. Mengemukakan bentuk disiplin dalam pendidikan kanak-kanak yang digarap berasaskan pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī menerusi kitab *Taḥrīr al-Maqāl*.

c. Membahaskan bentuk hukuman dalam pendidikan kanak-kanak yang dikemukakan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī menerusi kitab *Taḥrīr al-Maqāl*.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat dinyatakan seperti berikut:

a. Kajian ini akan menonjolkan kemampuan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam bidang pendidikan khususnya dalam pendidikan kanak-kanak. Kajian yang sedia ada hanya menonjolkan kemampuan beliau dalam bidang-bidang seperti fiqh,[10] sejarah,[11] mahupun aqidah.[12] Jika diteliti pandangan beliau mengenai pendidikan kanak-kanak, beliau sebenarnya dilihat telah memberikan sumbangan yang besar dalam pembangunan pendidikan Islam. Buah fikirannya menerusi kitab *Taḥrīr al-Maqāl* sangat relevan untuk dijadikan asas penyelesaian kepada beberapa permasalahan yang berkaitan dengan persoalan disiplin dan hukuman dalam pendidikan Islam. Dengan itu, pengenalan kitab *Taḥrīr al-Maqāl* dalam kajian ini sangat penting sebagai sebuah rujukan dalam bidang pendidikan kanak-kanak menurut Islam.

b. Kajian ini juga akan melengkapkan sudut pandang Islam terhadap pendidikan kanak-kanak yang sifatnya komprehensif. Secara tidak langsung, ia menonjolkan sisi kecemerlangan pendidikan Islam yang komprehensif sehingga turut membicarakan ehwal yang berkaitan pendidikan kanak-kanak sejak awal lagi. Hal

University of Malaya

---

[10] Antaranya Amjad Rasyid Muḥammad Ali,"Al-Imām Ibn Ḥajar Al-Haytamī wa Atharu-Hu Fi Al-Fiqhi Al-Shāfi'ī", (Disertasi Sarjana, jabatan Fiqh dan Usūl, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Jordan, 2000).

[11] Antaranya Lamyā' Ahmad Abdullah Shāfi'ī, "Ibn Ḥajar al-Makki wa Juhūdu-Hu fi al-Kitābah al-Tārīkhiyyah", (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Sejarah Dan Tamadun, Fakulti Syariah Dan Pengajian Islam, Universiti Umm Al-Qura, Makkah Al Mukarramah, 1996).

[12] Antaranya Muḥammad bin 'Abd al-aziz bin Muḥammad, *Ārā' al-Imām Ibn Ḥajar al-Haytamī al-I'tiqādiah 'Ard wa Taqwīm fi Dhau'i 'Aqīdah al-Salaf* (Riyadh: Dār al-Manhaj, 2006).

ini sekaligus membuktikan kerelevanan sudut pandang Islam dalam setiap aspek kehidupan termasuklah pendidikan kanak-kanak.[13]

c. Kajian ini juga akan menyumbang kepada usaha memantapkan pendidikan kanak-kanak sedia ada terutama dari sudut pengurusan disiplin dan hukuman menurut sudut pandangan Islam. Ia juga akan menggambarkan suatu proses Islamisasi pendidikan termasuklah pendidikan kanak-kanak yang dilihat lebih berpaksikan kerangka pemikiran Barat.[14] Lantaran oleh kelompongan ketara pada dasar pendidikan negara yang disebabkan oleh pejajahan sebelum ini telah menghasilkan dualisme pendidikan.[15] Oleh itu, pemikiran Ibn Ḥajar al-Haytamī menerusi kitab *Tahrīr al-Maqāl* berkaitan disiplin dan hukuman terhadap kanak-kanak adalah wajar untuk diketengahkan. Hal ini disebabkan oleh pemikiran yang bersumberkan agama Islam adalah lebih menyeluruh dan bersepadu. Kepentingan ini juga dapat dirasai apabila terdapat sebahagian masyarakat bahkan para pendidik yang tidak memiliki kefahaman yang betul tentang hal ehwal disiplin dan hukuman terhadap kanak-kanak menurut Islam.

d. Kajian ini juga akan menambah dan melengkapkan pengkajian-pengkajian yang pernah dilakukan berkaitan dengan pendidikan Islam, khususnya yang menumpukan kepada pemikiran pendidikan Islam. Kajian-kajian berkaitan dengan pemikiran pendidikan Islam wajar disuburkan dan diberi perhatian. Ini kerana kajian pendidikan Islam di institut pengajian tinggi di Malaysia lebih

---

[13] Sudut pandang Pendidikan Kanak-Kanak dari kaca mata Islam jauh lebih komprehensif bahkan bermula dari pemilihan pasangan untuk hidup, semasa lahir dan sehinggalah masuk . Rujuk Abdullah Nāṣih ‘Ulwān, *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam.* (Singapura: Pustaka Nasional, 1988), 18.

[14] Sila rujuk Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang menyatakan ‘Pendidikan Pra Sekolah (*preschool education*) ertinya program pendidikan bagi murid yang berumur dari empat hingga enam tahun’. Manakala Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308) menyatakan ‘Taska ertinya program pendidikan untuk kanak-kanak di bawah umur empat tahun. Ini bersamaan dengan takrifan yang diberikan Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF) menyatakan Pendidikan Awal Kanak-Kanak adalah dari lahir hingga 8 tahun. Sila rujuk Early Childhood Care and Education, UNESCO Bangkok, 2012, h.4. Takrifan yang sama juga diberikan oleh National Association for the Education of Young Children (NAEYC) yang ditubuhkan pada tahun 1926.

[15] Rosnani Hashim, “Dualisme Pendidikan Umat Islam di Malaysia: Sejarah, Perkembangan dan Cabaran Masa Depan”, *Jurnal Pendidikan Islam* 10, no. 2 (2002), 9 – 28.

banyak didominasi oleh kajian yang bersifat kuantitatif yang menumpukan kepada kaedah tinjauan dan kolerasi jika dibandingkan dengan kajian dan penyelidikan yang cuba mencungkil konsep-konsep atau teori-teori pendidikan yang terdapat dalam al-Quran, hadis, dan warisan ilmu Islam.[16]

### 1.6 Skop dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini, penulis hanya memfokuskan kepada bentuk disiplin menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam kitab *Taḥrīr al-Maqāl* berdasarkan kepada pengertian disiplin yang telah dibahaskan oleh penulis. Manakala, dari sudut hukuman pula penulis memberi penekanan kepada hukuman memukul kerana melihat hukuman memukul adalah hukuman yang paling tinggi kedudukannya dan besar kesannya. Ruang lingkup hukuman tersebut adalah hukuman guru kepada murid.

Pendidikan kanak-kanak yang ditekankan oleh penulis dalam kajian ini ialah pendidikan pada peringkat rendah sehinggalah sampai umur baligh menurut syarak tetapi penulis tidak memberi penekanan kepada pendidikan sebelum lahir (*prenatal education*).

Tumpuan utama dalam kajian ini adalah analisis kitab *Taḥrīr al-Maqāl* namun, beberapa pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam karyanya yang lain seperti *al-Fatāwā al-Kubrā al-Fiqhiyyah* turut diketengahkan untuk melihat konsistensi pandangan beliau. Dalam pada masa yang sama, penulis juga membawa pandangan-pandangan sarjana Islam lain terutamanya ilmuwan pendidikan Islam silam seperti Ibn Saḥnun, al-Qābisī, dan al-Ghazzālī dan juga kontemporari seperti Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān untuk membuat perbandingan dengan pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī. Selain itu, pandangan sarjana barat juga dibawa untuk tujuan yang sama.

---

[16] Rosnani Hashim, “Falsafah Penyelidikan Pendidikan dari Perspektif Islam: Konsep dan Matlamat” *Jurnal Pendidikan Islam* 11, no.1 (2004), 12.



University of Malaya

## 1.7 Tinjauan Kajian Terdahulu

Ibn Ḥajar al-Haytamī atau nama penuhnya Aḥmad bin Muḥammad Badr al-Dīn bin Muḥammad Shams al-Dīn bin ‘Ali Nūr al-Din bin Ḥajar (909-973 H/ 1503-1567 M) merupakan tokoh ilmuwan Islam yang menarik perhatian ramai penyelidik pada zaman ini untuk diteliti hasil pemikirannya dalam segenap aspek. Namun, berdasarkan pengamatan setakat ini, sumbangan beliau dalam pendidikan kanak-kanak bukanlah suatu sisi yang sering dibahaskan oleh para sarjana terhadap Ibn Ḥajar al-Haytamī. Berikut dikemukakan beberapa kajian dan penerbitan yang pernah dihasilkan berkaitan dengan Ibn Ḥajar al-Haytamī.

### 1.7.1 Ibn Ḥajar al-Haytamī

Muḥammad Yāsīn bin ‘Isa al-Fādāni menyusun satu penulisan yang diterbitkan pada tahun 2008 yang bertajuk *Asānīd al-Faqīh Aḥmad bin Muḥammad Ibn Ḥajar al-Haytamī*.[17] Penulisan ini menjurus kepada sanad yang bersambung dengan Ibn Ḥajar dalam meriwayatkan ilmu terutamanya bidang hadis dan fiqh tanpa menyentuh tentang latar belakang dan perbahasan ilmu serta buah fikiran Ibn Ḥajar.

Manakala, Abdul Mu‘iz Abdul Ḥamid al-Jazzār pernah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Ibn Ḥajar al-Haytamī* pada tahun 1981.[18] Buku ini adalah yang pertama seumpamanya yang diterbitkan dalam menerangkan latar belakang kehidupan Ibn Ḥajar al-Haytamī. Buku ini juga memperlihatkan secara umum ketokohan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam beberapa bidang seperti fiqh, hadis, dan tasawwuf.

*Nafāis al-Durar Fī Tarjamah Shaykh al-Islām Ibn Ḥajar* [19] adalah sebuah buku dalam bentuk manuskrip hasil tulisan Abu Bakr Al-Sayfī (1181H). Al-Sayfī merupakan salah seorang daripada anak murid Ibn Ḥajar al-Haytamī yang menulis tentang latar

---

[17] Muḥammad Yāsīn bin ‘Isā al-Fādāni, *Asānīd al-Faqīh Aḥmad bin Muḥammad Ibn Ḥajar al-Haytamī* (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2008).
[18] Abdul Mu‘iz Abdul Ḥamid al-Jazzār, *Ibn Ḥajar al-Haytamī* (al-Qāhirah: Maṭābi‘ al-Ahrām al-Tijāriyyah, 1981).
[19] Al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, no. 126/6.



University of Malaya

belakang beliau. Manuskrip *Nafāis al-Durar* ini menceritakan kehidupan Ibn Ḥajar al-Haytamī termasuklah nasab, ilmu, guru-gurunya, dan karya-karyanya.

Terdapat kajian ijazah tinggi yang dijalankan oleh Muḥammad bin ‘Abd al-‘Azīz bin Muḥammad pada tahun 2006 yang bertajuk *Ārā’ Al-Imām Ibn Ḥajar Al-Haytamī al-I‘tiqādiah ‘Ard wa Taqwīm fī Ḍau’i ‘Aqīdah al-Salaf.*[20] Kajian ini merupakan kajian di peringkat sarjana dalam bahagian aqidah dan mazhab Islam yang dilaksanakan di Universiti Imam Muḥammad bin Soud dan mendapat keputusan cemerlang (*mumtāz*) dan telah dibukukan. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pandangan-pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam aspek aqidah dan fiqh dan juga kritikan beliau terhadap Shaykh al-Islām Ibn Taymiyyah (661H)[21] dan Ibn al-Qayyim (691H)[22].

Selanjutnya kajian di peringkat sarjana yang dijalankan oleh Amjad Rasyid Muḥammad Ali pada tahun 2000 yang bertajuk *al-Imām Ibn Ḥajar al-Haytamī wa Atharu-Hu fī al-Fiqhi al-Shafi‘ī.*[23] Kajian ini adalah dalam cabang bidang fiqh dan usul, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Jordan pada tahun 2000. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kesan pemikiran Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam perjalan fiqh mazhab imam al-Shāfi‘ī. Kajian ini mendapati sumbangan Ibn Ḥajar Al-Haytamī dalam mazhab al-Shāfi‘ī amat besar sehingga menjadikan beliau tempat rujukan para ulama’ *mutaakhirin* mazhab al-Shāfi‘ī.

Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Lamyā’ Aḥmad ‘Abdullah Shāfi‘ī di peringkat doktor falsafah pada tahun 1996 bertajuk *Ibn Ḥajar al-Makkī wa Juhūdu-Hu fī al-Kitābah al-Tārīkhiyyah.*[24] Kajian ini dilaksanakan di Universiti Umm al-Qurā,

[20] Muḥammad bin ‘Abd al-‘Aziz bin Muḥammad, *Ārā’ Al-Imām Ibn Ḥajar Al-Haytamī al-I‘tiqādiah ‘Ard wa Taqwīm fi Ḍau’i ‘Aqīdah al-Salaf* (Riyadh: Dār al-Manhaj, 2006).
[21] Beliau adalah Shaykh al-Islām Taqiy al-Dīn Abu ’Abbās Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin ‘Abd al-Salām bin ‘Abdillah bin Taymiyyah (661H-728H). Rujuk Ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*,8:142.
[22] Beliau adalah Shams al-Dīn Abū ‘Abdullah al-Muḥammad bin Abi Bakr bin Ayyūb (691H-751H). Rujuk Ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*,8:287.
[23] Amjad Rasyid Muḥammad Ali,“Al-Imām Ibn Ḥajar Al-Haytamī Wa Atharu-Hu Fi Al-Fiqhi Al- Shāfi‘ī” (Disertasi Sarjana, jabatan Fiqh dan Usūl, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Jordan, 2000).
[24] Lamyā’ Ahmad Abdullah Shāfi‘ī, “Ibn Ḥajar al-Makki wa Juhūdu-Hu fi al-Kitābah al-Tārīkhiyyah”, (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Pengajian Sejarah Dan Tamadun, Fakulti Syariah Dan Pengajian Islam, Universiti Umm Al-Qura, Makkah Al Mukarramah, 1996).



University of Malaya

Makkah al-Mukarramah, Arab Saudi. Kajian ini cuba mengumpul buku-buku hasil tulisan Ibn Ḥajar al-Haytamī. Namun, tujuan utama penulisan tersebut ialah untuk mengkaji sumbangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam sejarah termasuklah sirah nabawiyyah dan sejarah-sejarah Islam yang lain melalui hasil karya Ibn Ḥajar al-Haytamī yang berkaitan dengan sejarah seperti *al-Minaḥ al-Makkiyyah fī Sharḥ al-Hamziyyah.*

Terdapat beberapa makalah yang diterbitkan berkaitan dengan Ibn Ḥajar al-Haytamī dan kitab *Taḥrīr al-Maqāl.* Antaranya sebuah makalah yang ditulis oleh Jackson Sherman A pada tahun 2004 yang bertajuk "Duty and Discipline in a Medieval Muslim Elementary School: Ibn Ḥajar al-Haytamî's Taqrîr al-Maqâl,".[25] Begitu juga sebuah makalah yang ditulis oleh Sulaimān Ḥusain al-Mazīn pada tahun 2006 yang bertajuk *Qirā'ah Tarbawiyah fi Adab al-Aṭfāl*.[26]

Namun, kedua-dua makalah tersebut dilihat tidak menyentuh pemikiran pendidikan kanak-kanak terutamanya berkaitan dengan disiplin dan hukuman. Makalah yang ditulis oleh Jackson Sherman A lebih tertumpu kepada bagaimana aplikasi terhadap nasihat al-Imām Ibn Ḥajar al-Haytamī diaplikasikan dalam madrasah dan bagaimana barat mengambil pemikiran tersebut dan meletakkannya dalam sekolah kanak-kanak mereka. Manakala, makalah yang ditulis oleh Sulaimān Ḥusain al-Mazīn menumpukan kepada sudut pentadbiran dan pengurusan sebuah institusi pendidikan yang diwaqafkan (*dār al-waqf*) yang menempatkan anak-anak yatim sebagai pelajarnya. Makalah ini menyarankan untuk *dār al-waqf* menjadi sebuah institusi yang menyediakan taman permainan, makanan, dan tempat tinggal. Selain membahaskan tentang bagaimana sepatutnya hubungan di antara guru dengan pelajar dan beberapa komponen pembelajaran.

[25] Jackson, Sherman A, "Duty and Discipline in a Medieval Muslim Elementary School: Ibn Ḥajar al-Haytamî's Taqrîr al-Maqâl," dalam *Studies in Education in Honor of Professor George Makdisi,* ed. D. Stewart, S. Toorawa, and J. Lowry (Great Britain: E.J.W. Gibb Memorial Trust, 2004), 18-32.
[26] Sulaiman Husain al-Mazīn, "Qirā'ah Tarbawiyah fi Adab al-Aṭfāl", *Silsilāh al-Dirāsāt al-Insāniah,* 14, 1, (2006), 232-267.

### 1.7.2 Disiplin

Memandangkan tema yang ingin disentuh daripada pemikiran Ibn Hajar al-Haytami ialah berkenaan disiplin dan hukuman dalam pendidikan, maka dinyatakan di sini kajian-kajian yang pernah dihasilkan berkaitan hal tersebut. Terdapat banyak kajian ilmiah mengenai ehwal disiplin dalam pendidikan khususnya di Malaysia. Kajian-kajian tersebut mencakupi beberapa sudut. Antara kajian yang mencakupi sudut bentuk masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar ialah kajian ijazah tinggi yang ditulis oleh Mausal Aliasah Musa bertajuk Perlanggaran disiplin di kalangan pelajar Tingkatan 4 luar bandar di dua buah sekolah dalam Daerah Pitas,[27] Azizah Lebai Nordin bertajuk Masalah Disiplin di Kalangan Remaja Tingkatan Empat di Kuala Lumpur,[28] Ramani Muthusamy bertajuk Masalah-Masalah Disiplin di Kalangan Pelajar Tingkatan 2,[29] Abdul Rahman Suratmin bertajuk Masalah Disiplin Pelajar Remaja: Satu Kajian Kes Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Harun, Tanjung Karang, Selangor,[30] Jeffry Muhamad bertajuk Pelanggaran Disiplin Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar: Satu Tinjauan di Daerah Muar, Johor,[31] Rohayah Samat bertajuk Masalah Disiplin Pelajar: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Bandar Sunway, Selangor,[32] Thanabalan Manikam bertajuk Masalah Pelanggaran Disiplin Sekolah Menengah di Tangkak, Johor,[33] Jamaliah Abdul Fattah bertajuk Masalah

University of Malaya

---

[27] Mausal Aliasah Musa, "Perlanggaran disiplin di kalangan pelajar Tingkatan 4 luar bandar di dua buah sekolah dalam Daerah Pitas" (disertasi sarjana, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 2006).

[28] Azizah Lebai Nordin, "Masalah Disiplin di Kalangan Remaja Tingkatan Empat di Kuala Lumpur" (tesis kedoktoran, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2002).

[29] Ramani Muthusamy, "Masalah-Masalah Disiplin di Kalangan Pelajar Tingkatan 2" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2002).

[30] Abdul Rahman Suratmin, "Masalah Disiplin Pelajar Remaja: Satu Kajian Kes Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Harun, Tanjung Karang, Selangor" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1999).

[31] Jeffry Muhamad, "Pelanggaran Disiplin Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Luar Bandar: Satu Tinjauan di Daerah Muar, Johor" (disertasi sarjana, Fakutli Perniagaaan dan Perniagaan, Universiti Malaya, 1998).

[32] Rohayah Samat, "Masalah Disiplin Pelajar: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Bandar Sunway, Selangor" (disertasi sarjana, Fakutli Perniagaaan dan Perniagaan, Universiti Malaya, 1998).

[33] Thanabalan Manikam, "Masalah Pelanggaran Disiplin Sekolah Menengah di Tangkak, Johor" (disertasi sarjana, Fakutli Perniagaaan dan Perniagaan, Universiti Malaya, 1998).

Disiplin yang Dilakukan oleh Pelajar Sekolah Menengah,[34] Haron Abdul Ghani bertajuk,[35] Sheikh Abdullah Mukhsin bertajuk Satu Kajian Mengenai Masalah Disiplin di Sebuah Sekolah Menengah di Batu Pahat,[36] dan Abdullah Salleh bertajuk Pelanggaran Peraturan Disiplin di Sekolah-Sekolah Menengah di Port Dikson.[37]

Antara kajian ijazah tinggi yang membincangkan tentang disiplin dari sudut hubungan pentadbir atau guru dengan masalah disiplin pelajar pula ialah kajian Carol Lenny Dongulu bertajuk Hubungan Komunikasi Guru dalam Bilik Darjah dengan Masalah Disiplin Pelajar di Sekolah Menengah Luar Bandar dalam Daerah Keningau,[38] Ghani Che Hamid bertajuk Amalan Kepimpinan Pengetua dalam Pengurusan Disiplin Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah di Kelantan,[39] Ab. Rahman Jusoh bertajuk Kaitan Kepimpinan dan Kepengurusan Pengetua Pada Prestasi Disiplin di Sekolah,[40] dan Borhan Othman bertajuk Hubungkait Tingkah Laku Guru dan Pengetua dengan Kawalan Disiplin di Sekolah.[41] Manakala terdapat dua kajian ijazah tinggi yang cuba melihat disiplin pelajar dari sudut faktor-faktor kewujudan masalah disiplin pelajar iaitu kajian oleh Nor Hashimah Osman bertajuk Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah

University of Malaya

---

[34] Jamaliah Abdul Fattah, "Masalah Disiplin yang Dilakukan oleh Pelajar Sekolah Menengah" (disertasi sarjana, Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia, 1998).

[35] Haron Abdul Ghani, "Masalah Disiplin di Kalangan Pelajar Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Kubang Pasu" (disertasi sarjana, Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia, 1998).

[36] Sheikh Mokhsin Abdullah, "Satu Kajian Mengenai Masalah Disiplin di Sebuah Sekolah Menengah di Batu Pahat" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1983).

[37] Abdullah Salleh, "Pelanggaran Peraturan Disiplin di Sekolah-Sekolah Menengah di Port Dikson" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1979).

[38] Carol Lenny Dongulu, "Hubungan Komunikasi Guru dalam Bilik Darjah dengan Masalah Disiplin Pelajar di Sekolah Menengah Luar Bandar dalam Daerah Keningau" (disertasi sarjana, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 2013).

[39] Ghani Che Hamid, "Amalan Kepimpinan Pengetua dalam Pengurusan Disiplin Pelajar di Sebuah Sekolah Menengah di Kelantan" (disertasi sarjana, Institut Kepengetuaan, Universiti Malaya, 2010).

[40] Ab. Rahman Jusoh, "Kaitan Kepimpinan dan Kepengurusan Pengetua Pada Prestasi Disiplin di Sekolah" (disertasi sarjana, Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia, 1997).

[41] Borhan Othman, "Hubungkait Tingkah Laku Guru dan Pengetua dengan Kawalan Disiplin di Sekolah" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1991).

dalam Daerah Kubang Pasu,[42] dan Arifin Hasan bertajuk Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin di Sekolah. [43]

Selain itu ialah kajian ijazah tinggi mengenai disiplin dari sudut pengurusan disiplin seperti kajian yang dilakukan oleh Datu Iskandar Datu Ismail bertajuk Persepsi Guru Terhadap Masalah Disiplin dan Tingkah Laku Pelajar Dalam Bilik Darjah Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Tawau, Sabah,[44] Isidora Alexander Tek bertajuk Pengurusan Disiplin di Sekolah-Sekolah Menengah di Sekitar Bandar Muar Johor,[45] Theivanai Krishnan bertajuk Kecerdasan Pelbagai Pemimpin Sekolah dan Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah di Zon Pudu, Kuala Lumpur,[46] Anney Zaharazilah bertajuk Tahap Pengetahuan dan Amalan Pengurusan Pisiplin Pelajar dalam Kalangan Guru Disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Segamat,[47] Kalaichalvi Patchaippan bertajuk Pengurusan Disiplin Pelajar di Sekolah Menengah Daerah Kulaijaya, Johor,[48] Mohamad Rani Asim bertajuk Kajian Perbandingan Pengurusan Disiplin oleh Pengetua Secara Elektonik dengan Tradisional di Sebuah Sekolah Menengah Johor,[49] Mohd Haizir Mohd Salleh bertajuk Pengurusan Disiplin di Sebuah Sekolah Menengah di Zon Keramat, Kuala Lumpur,[50] Sapiee Saidi bertajuk Kecekapan Pengurusan Disiplin di Sekolah Rendah Hubungan Antara Tahap Pengetahuan dan Kemahiran

---

[42] Nor Hashimah Osman, "Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah dalam Daerah Kubang Pasu" (disertasi sarjana, Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia, 2002).

[43] Arifin Hasan, "Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin di Sekolah" (disertasi sarjana, Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia, 1991).

[44] Datu Iskandar Datu Ismail, "Persepsi Guru Terhadap Masalah Disiplin dan Tingkah Laku Pelajar Dalam Bilik Darjah Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Tawau, Sabah" (disertasi sarjana, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 2013).

[45] Isidora Alexander Tek, "Pengurusan Disiplin di Sekolah-Sekolah Menengah di Sekitar Bandar Muar Johor" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2013).

[46] Theivanai Krishnan, "Kecerdasan Pelbagai Pemimpin Sekolah dan Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah di Zon Pudu, Kuala Lumpur" (disertasi sarjana, Institut Kepimpinan Pendidikan, Universiti Malaya, 2012).

[47] Anney Zaharazilah, "Tahap Pengetahuan dan Amalan Pengurusan Pisiplin Pelajar dalam Kalangan Guru Disiplin di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Segamat" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2012).

[48] Kalaichalvi Patchaippan, "Pengurusan Disiplin Pelajar di Sekolah Menengah Daerah Kulaijaya, Johor" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2012).

[49] Mohamad Rani Asim, "Kajian Perbandingan Pengurusan Disiplin oleh Pengetua Secara Elektonik dengan Tradisional di Sebuah Sekolah Menengah Johor" (disertasi sarjana, Institut Pengajian Kepengetuaan, Universiti Malaya, 2011).

[50] Mohd Haizir Mohd Salleh, "Pengurusan Disiplin di Sebuah Sekolah Menengah di Zon Keramat, Kuala Lumpur" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2009).



University of Malaya

Guru Disiplin,[51] Johan Kadis bertajuk Pengurusan Disiplin Asrama di Sekolah Menengah di Daerah Raub, Pahang,[52] Kamsiah Salleh bertajuk Pengurusan Disiplin Pelajar di Sebuah Sekolah di Daerah Kuala Terengganu,[53] Khalim Zainal bertajuk Perbandingan Sistem Penalti dan Konvensional dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah Menengah,[54] Mat Samsudin Samat bertajuk Pengurusan Salah Laku Disiplin Pelajar Cemerlang di Sebuah Sekolah Berasrama Penuh di Kelantan,[55] Salleh @ Bustaman Hamat bertajuk Persepsi Pelajar Terhadap Hubungan antara Sikap dan Amalan Guru dalam Kelas dengan Masalah Devian (Pelanggaran Disiplin) Para pelajar Sekolah-Sekolah Menengah di Daerah Jeli, Kelantan,[56] Raja Ibrahim Raja Shahdan bertajuk Penilaian Terhadap Pengurusan Disiplin Pelajar di Dua Buah Sekolah Menengah di Daerah Raub, Pahang,[57] Abd. Halim Saad bertajuk Pengurusan Disiplin Pelajar,[58] Ahmad Shukri Sudin bertajuk Kajian Pengendalian Permasalahan Disiplin dalam Kelas Oleh Guru Berpengalaman dan Novis di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Daerah Kuching, Sarawak dan di Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching,[59] dan Ghazalli Othman bertajuk Beberapa Strategi Kawalan Disiplin dalam Dua Buah Sekolah Menengah di Negeri Selangor.[60]

---

[51] Sapiee Saidi, "Kecekapan Pengurusan Disiplin di Sekolah Rendah Hubungan Antara Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru Disiplin" (disertasi sarjana, Kolej Seni dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 2009).
[52] Johan Kadis, "Pengurusan Disiplin Asrama di Sekolah Menengah di Daerah Raub, Pahang" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2005).
[53] Kamsiah Salleh, "Pengurusan Disiplin Pelajar di Sebuah Sekolah di Daerah Kuala Terengganu" (disertasi sarjana, Institut Pengajian Kepengetuaan, Universiti Malaya, 2005).
[54] Khalim Zainal, "Perbandingan Sistem Penalti dan Konvensional dalam Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah Menengah" (disertasi sarjana, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putera Malaysia, 2004).
[55] Mat Samsudin Samat, "Pengurusan Salah Laku Disiplin Pelajar Cemerlang di Sebuah Sekolah Berasrama Penuh di Kelantan" (disertasi sarjana, Institut Pengajian Kepengetuaan, Universiti Malaya, 2003).
[56] Saleh @ Bustaman Hamat, "Persepsi Pelajar Terhadap Hubungan antara Sikap dan Amalan Guru dalam Kelas dengan Masalah Devian (Pelanggaran Disiplin) Para pelajar Sekolah-Sekolah Menengah di Daerah Jeli, Kelantan" (disertasi sarjana, Sekolah Siswazah, Universiti Utara Malaysia, 2003).
[57] Raja Ibrahim Raja Shahdan, "Penilaian Terhadap Pengurusan Disiplin Pelajar di Dua Buah Sekolah Menengah di Daerah Raub, Pahang" (disertasi sarjana, Institut Pengajian Kepengetuaan, Universiti Malaya, 2001).
[58] Abd. Halim Saad, "Pengurusan Disiplin Pelajar" (disertasi sarjana, Universiti Utara Malaysia, 1999).
[59] Ahmad Shukri Sudin, "Kajian Pengendalian Permasalahan Disiplin dalam Kelas Oleh Guru Berpengalaman dan Novis di Beberapa Buah Sekolah Menengah di Daerah Kuching, Sarawak dan di Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching" (disertasi sarjana, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, 1998).
[60] Ghazalli Othman, "Beberapa Strategi Kawalan Disiplin dalam Dua Buah Sekolah Menengah di Negeri Selangor" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1983).



University of Malaya

Antara lain ialah kajian ijazah tinggi yang memfokuskan kepada sudut pengaruh luar seperti keluarga, rakan-rakan dan amalan agama terhadap masalah disiplin pelajar seperti kajian yang ditulis oleh Sitti Rahimah Yusuppu bertajuk Gaya Asuhan Ibu Bapa dan Disiplin Pelajar Sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan Labuan,[61] Mascilla Hamzah bertajuk Masalah Salah Laku Agresif di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah dan Hubungannya Dengan Gaya Keibubapaan,[62] Wan Salwany Wan Mohamad bertajuk Pengaruh Amalan Solat Terhadap Disiplin dan Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Islam,[63] Ramanathan Nagarathinam bertajuk Pengaruh Rakan Sebaya, Sekolah dan Keluarga dalam Masalah Disiplin Pelajar India: Satu Kajian Kes,[64] dan Roslina Yaacob bertajuk Peranan Guru dan Keluarga Dalam Mengatasi Masalah Disiplin Pelajar.[65]

Dapat disimpulkan kajian ijazah tinggi yang telah dilakukan di Malaysia berkaitan ehwal disiplin berlegar dalam lima aspek utama iaitu bentuk masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar, faktor-faktor kewujudan masalah disiplin pelajar, sudut pengurusan disiplin, pengaruh luar seperti keluarga, dan rakan-rakan dan amalan agama terhadap masalah disiplin pelajar. Namun, penulis tidak mendapati tulisan yang berkait dengan faham disiplin dari sudut Islam dan penerapannya dalam pemikiran pendidikan kanak-kanak.

### 1.7.3 Hukuman Dalam Pendidikan

Sarjana pendidikan barat dilihat meletakkan perbincangan mengenai hukuman dalam pendidikan berada di bawah tema *corporal punishment.* Terdapat banyak kajian yang dilakukan dibawah tema ni, namun terdapat kajian yang cuba menyimpulkan kajian-

[61] Sitti Rahimah Yusuppu, "Gaya Asuhan Ibu Bapa dan Disiplin Pelajar Sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan Labuan" (disertasi sarjana, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosaial, Universiti Malaysia Sabah, 2013).
[62] Mascilla Hamzah, "Masalah Salah Laku Agresif di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah dan Hubungannya Dengan Gaya Keibubapaan" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2008).
[63] Wan Salwany Wan Mohamad, "Pengaruh Amalan Solat Terhadap Disiplin dan Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Islam" (disertasi sarjana, Universiti Utara Malaysia, 2007).
[64] Ramanathan Nagarathinam, "Pengaruh Rakan Sebaya, Sekolah dan Keluarga dalam Masalah Disiplin Pelajar India: Satu Kajian Kes" (disertasi sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2000).
[65] Ruslina Yaacob,"Peranan Guru dan Keluarga Dalam Mengatasi Masalah Disiplin Pelajar" (disertasi sarjana,, Universiti Utara Malaysia, 1998).



University of Malaya

kajian yang telah dilakukan tersebut seperti sebuah makalah yang ditulis oleh Joan Durrant dan Ron Ensom pada tahun 2012 yang bertajuk "Physical punishment of children: lessons from 20 years of research".[66] Makalah ini menyimpulkan bahawa kebanyakan kajian mendapati hukuman fizikal meningkatkan risiko perkembangan yang negatif terhadap kanak-kanak. Kajian ini juga menyatakan kebanyakan penderaan fizikal terhadap kanak-kanak berlaku dalam konteks hukuman. Seterusnya kajian ini menyatakan bahawa para professional bersepakat bahawa ibu bapa harus disokong dalam mempelajari pendekatan pendidikan tanpa kekerasan dan pendekatan yang efektif dalam ehwal disiplin.

Selain itu, terdapat juga pengkaji dari beberapa negara yang cuba mengetengahkan permasalahan berkaitan hukuman dalam pendidikan di negara masing-masing. Antaranya sebuah kajian di peringkat doktor falsafah oleh Pokil Wong yang bertajuk "Corporal Punishment of Students By Teachers in Elementary and Middle Schools in Taiwan: The Relationship With School Level, Gender, School Location, Academic Performance, and Emotional Reactions".[67] Begitu juga kajian yang ditulis oleh Profanter Annemarie yang bertajuk "Corporal Punishment as Cultural and Educational Process in The Islamic Republic of Pakistan".[68]

Manakala kebanyakan sarjana Islam membincangkan ehwal hukuman dalam pendidikan dibawah tajuk *ta'dīb.*[69] Antara kajian yang ditulis khusus untuk membincangkan hal ini seperti sebuah makalah yang bertajuk *Ta'dīb al-Ṭifl bi al-Ḍarb fī*

---

[66] Joan Durrant & Ron Ensom, "Physical punishment of children: lessons from 20 years of research", *Canadian Medical Association Journal*, 12, 184, (2012) 1373-1377.

[67] Pokil Wong, "Corporal Punishment of Students By Teachers in Elementary and Middle Schools in Taiwan: The Relationship With School Level, Gender, School Location, Academic Performance, and Emotional Reactions" (tesis kedoktoran, Faculty of The USC Rossier, School of Education, University of Southern California, 2011)

[68] Profanter Annemarie, "Corporal Punishment as Cultural and Educational Process in The Islamic Republic of Pakistan" (Proceedings of the Redesigning Pedagogy: Culture, Knowledge and Understanding Conference, National Institute of Education, Nanyang Technological University Singapore, May 2007)

[69] Perbincangan mengenai istilah ini akan diperincikan pada bab kedua pada kajian ini.



University of Malaya

*al-Fikr al-Tarbawī al-Islāmī Dirāsah Naqdiyyah* oleh Badr Muḥammad Mālik dan Laṭīfah Hussayn al-Kandarī.[70] Makalah ini menyoroti pandangan sarjana Islam dari bidang fiqh kemudian membuat perbandingan antara pandangan tersebut lalu mengemukakan pandangan tersebut sehingga dapat diketahui terdapat dua aliran pandangan terhadap hukuman terhadap kanak-kanak pelajar iaitu menyokong hukuman dan menentang hukuman.

Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Aḥmad Dhiāb dan Āṭif Muḥammad Abū Hurbaid yang bertajuk *Ta'dīb al-Ṭifl bi Istikhdām al-'uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī*[71]. Kajian ini lebih memerhatikan kepada kaedah hukuman yang digunakan dalam hukuman terhadap kanak-kanak menurut Islam dan kepentingan menghukum dengan secara berperingkat-peringkat serta prinsip yang perlu diamalkan ketika menghukum.

## 1.8 Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dalam metode pengumpulan dan penelitian data. Perincian mengenai kedua-dua metode tersebut adalah seperti berikut:

### 1.8.1 Metode Pengumpulan Data

Metode ini merangkumi usaha untuk mencari, mengumpul dan mencatat data yang berada dalam ruang lingkup kajian.[72] Dalam mengumpul data dalam kajian ini, metode dokumentasi digunakan secara menyeluruh. Ianya merupakan suatu cara penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang berkait dengan masalah yang diteliti.[73] Ini dilakukan dengan mengumpul data yang diperolehi daripada bahan-bahan rujukan di perpustakaan dan lain-lain seperti soal selidik, temu duga, perbincangan dan sebagainya. Ini

[70] Badr Muhammad Malik dan Latifah Hussain al-Kandari, "*Ta'dīb al-Ṭifl bi al-Ḍarb fī al-Fikr al-Tarbawī al-Islāmī Dirāsah Naqdiyyah" Majallah Kulliyah al-Tarbiyyah*, 68, (2010), 97-138.
[71] Aḥmad Dhiāb dan Āṭif Muḥammad Abū Hurbaid, "*Ta'dīb al-Ṭifl bi Istikhdām al-'uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī*" Mu'tamar al-Tarbawī al-Thānī, Kulliah al-Tarbiyyah, Universiti Islam Gaza, Palestin, November 2005, 75-95.
[72] Kamaruddin Ngah, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal, Tesis* (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, 2005), 5.
[73] Abdul Halim Mat Diah, *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1987), 117.



University of Malaya

termasuklah buku, makalah jurnal, prosiding, tesis, disertasi dan lain-lain. Antara perpustakaan yang pernah dikunjungi untuk mendapatkan data-data tersebut ialah:

- Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya
- Perpustakaan al-Malik Faisal, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri, Kelantan
- Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Gombak

Sumber utama atau primer dalam kajian ini ialah kitab *Taḥrīr al-Maqāl* dan karya-karya Ibn Hajar al-Haytami yang lain, manakala sumber kedua atau sekunder dalam kajian ini ialah segala rujukan yang berkaitan dengan Ibn Hajar al-Haytami dan *Taḥrīr al-Maqāl* serta karya-karyanya yang lain.

### 1.8.2 Metode Penelitian Data

Metode penelitian data ialah suatu proses meneliti data yang telah dikumpul untuk sampai kepada kesimpulan-kesimpulan yang bersesuaian.[74] Dalam kajian ini, terdapat beberapa bentuk metode penelitian data yang telah digunakan. Metode-metode tersebut dapat diperincikan seperti berikut:

a. Metode Historis
b. Metode Induktif
c. Metode Deduktif
d. Metode Komparatif

Namun, metode induktif merupakan metode utama yang digunakan dalam kajian ini tetapi dalam masa yang sama metode penelitian yang lain juga digunakan.

---

[74] Ronald C. Martella et al., *Understanding and Interpreting Educational Research* (New York: The Guilford Press, 2013), 305.



University of Malaya

**a. Metode Historis**

Metode historis merupakan kaedah penelitian untuk merangka keadaan masa lampau secara objektif, sistematik, dan tepat. Melalui penelitian ini bukti-bukti dikumpulkan, dinilai, dianalisis dan disintesiskan.[75] Memandangkan kajian ini bertujuan meneliti pemikiran seorang peribadi dalam sejarah, maka amat wajar metode historis digunakan supaya data-data berkaitan dengan peribadi tersebut dapat dikumpul, diteliti, disusun dan seterusnya ditulis.

Metode ini diguna secara khusus dalam bab ketiga dalam kajian ini ketika meneliti latar kehidupan al-Imām Ibn Ḥajar al-Haytamī dan latar pengarangan kitab *Taḥrīr al-Maqāl.* Antaranya ialah merujuk kepada manuskrip biografi al-Imām Ibn Ḥajar al-Haytamī yang ditulis oleh anak muridnya al-Sayfī.

**b. Metode Induktif**

Metode induktif ialah kaedah penelitian dengan menggunakan cara berfikir daripada sesuatu yang khusus kepada suatu kesimpulan yang umum. Ia bermula dengan melihat dan meneliti premis-premis khusus yang ada seterusnya membuat hipotesis umum untuk menerangkan perkaitan antara premis-premis tersebut.[76]

Metode ini digunakan secara keseluruhan dalam kajian ini kerana ia merupakan kaedah penelitian yang umum,[77] terutamanya dalam mencapai kesimpulan umum yang digarap serta dibangunkan berasaskan pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī menerusi kitab *Taḥrīr al-Maqāl* berkenaan ehwal disiplin dan hukuman dalam pendidikan kanak-kanak.

**c. Metode Deduktif**

Metode deduktif pula ditakrifkan sebagai kaedah penelitian dengan menggunakan cara berfikir daripada suatu yang umum kepada suatu kesimpulan yang khusus. Hipotesis-

---

[75] Sudarwan Danim, *Riset Keperawatan : Sejarah dan Metodologi* (Jakarta: Buku Kedoktoren EGC, 2003), 64.
[76] Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, *Pandai Berfikir* (Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd, 2005), 174.
[77] Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Multimedia Publication, 2001), 82.



University of Malaya

hipotesis khusus akan diperolehi setelah diteliti premis umum yang berkaitan dengannya.[78]

Metode ini digunakan ketika penulis cuba menjawab persepi yang melihat Ibn Ḥajar al-Haytamī hanyalah seorang jurist. Menjawab persepsi ini penulis menyatakan bahawa Ibn Ḥajar al-Haytamī merupakan seorang sarjana Islam yang menguasai multidisiplin termasuklah bidang pendidikan. Kemudian penulis mengumpulkan data-data yang berkaitan untuk menyokong pandangan penulis.

**d. Metode Komparatif**

Metode komparatif dapat ditakrifkan sebagai cara membuat kesimpulan dengan melakukan kaedah penelitian bersifat perbandingan terhadap beberapa data yang diperoleh dalam penyelidikan.[79] Metode ini merupakan kaedah yang khusus dalam penelitian data.[80]

Metode ini juga diguna pakai secara menyeluruh dalam kajian ini terutamanya apabila terdapat lebih daripada satu pendapat dan pandangan bagi sesuatu perkara. Ini boleh dilihat kepada perkara-perkara seperti rekod sejarah atau perbahasan keilmuan yang melibatkan lebih daripada satu pandangan. Antara contoh penggunaan metode komparatif dalam kajian ini ialah ketika dibentangkan berkenaan bentuk disiplin melalui hukuman, terdapat perbahasan dalam kalangan ilmuwan Islam berkenaan jumlah bilangan pukulan dalam menghukum kanak-kanak. Justeru, metode komparatif digunakan untuk menilai pandangan-pandangan yang wujud agar dapat sampai kepada kesimpulan yang sewajarnya berkaitan hal yang tersebut.

[78] Ainon Mohd dan Abdullah Hassan, *Pandai Berfikir*,174.
[79] Abdul Halim Mat Diah, *Satu Contoh Tentang Teori Huraian Metodologi* (Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin. Akademi Islam Universiti Malaya), 136.
[80] Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan*, 83.



University of Malaya

## 1.9 Susunan Kajian

Kajian ini merangkumi lima bab iaitu:

a. **Bab Satu: Pendahuluan**; bab ini terdiri daripada beberapa bahagian iaitu latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, tinjauan kajian terdahulu, metodologi kajian dan susunan kajian.

b. **Bab Dua: Disiplin dan Hukuman dalam Pendidikan Kanak-kanak Menurut Islam**; bab ini mengandungi beberapa bahagian yang terdiri daripada pengenalan, kepentingan pendidikan kanak-kanak, amalan pendidikan kanak-kanak, konsep pendidikan kanak-kanak menurut Islam, prinsip pendidikan kanak-kanak menurut Islam, peringkat pendidikan kanak-kanak menurut Islam, konsep disiplin dalam pendidikan kanak-kanak menurut Islam, dan konsep hukuman dalam pendidikan kanak-kanak menurut Islam.

c. **Bab Tiga: Latar Belakang Ibn Ḥajar al-Haytamī (909 H/ 1503 M - 974 H/ 1566 M) dan Kitab *Taḥrīr al-Maqāl***; bab ini mempunyai beberapa bahagian yang akan menjawab persoalan kajian yang pertama. Ia terdiri daripada pengenalan kehidupan Ibn Ḥajar al-Haytamī seperti nama dan gelaran, kelahiran, pendidikan, latar zaman dan persekitaran, guru-guru, anak murid, sumbangan dalam bidang ilmu serta kewafatan. Bab ini juga akan membentangkan latar pengarangan kitab *Taḥrīr al-Maqāl* yang terdiri daripada penisbahan kitab, sebab penulisan, isi kandungan dan metodologi penulisan, dan juga manuskrip dan cetakan terkini.

d. **Bab Empat: Disiplin dan Hukuman dalam Pendidikan Kanak-kanak Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī**; bab ini terdiri daripada beberapa bahagian seperti pengenalan, disiplin menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī, hukuman dalam pendidikan menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī, dan hukuman dalam pendidikan

University of Malaya

menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī, hukuman memukul (*ḍarb*) dalam pendidikan menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī dan kesimpulan. Bab ini akan menjawab persoalan kajian yang kedua dan ketiga.

e. **Bab Lima: Penutup**; bab ini merangkumi beberapa bahagian iaitu kesimpulan, saranan, rujukan dan lampiran. Bab ini membentangkan kesimpulan kajian selain beberapa perkara yang diletakkan dalam lampiran seperti manuskrip dan penerbitan yang berkaitan Ibn Ḥajar al-Haytamī dan kitab *Taḥrīr al-Maqāl*.

University of Malaya

# BAB DUA

# DISIPLIN DAN HUKUMAN DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK MENURUT ISLAM

## 2.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan faham disiplin dan hukuman dalam pendidikan kanak-kanak dari sudut pandang Islam. Perbahasan mengenai perkara ini penting supaya menjadi asas kepada perbahasan pemikiran disiplin dan hukuman dalam pendidikan kanak-kanak menurut Ibn Ḥajar al-Haytami melalui kitab *Taḥrīr al-Maqāl*. Namun, sebelum perbahasan mengenai disiplin dan hukuman dalam pendidikan kanak-kanak menurut Islam dibentangkan, wajar dikemukakan perbahasan mengenai kepentingan pendidikan kanak-kanak dan amalan, konsep, prinsip dan peringkat pendidikan kanak-kanak dalam Islam.

## 2.2 Kepentingan Pendidikan Kanak-kanak

Pendidikan merupakan bidang asasi yang mampu menentukan hala tuju dan jatuh bangun sesebuah tamadun. Bahkan pendidikan memainkan peranan penting dalam menjaga kesejahteraan kehidupan individu mahupun masyarakat. Lemahnya pendidikan akan menghasilkan kemunduran dalam keseluruhan aspek.[1] Oleh itu, secara sendirinya pendidikan kanak-kanak mengambil tempat yang tertinggi dalam bidang pendidikan kerana pendidikan kanak-kanak merupakan peringkat yang pertama daripada peringkat-peringkat pendidikan. Ia menjadi asas kepada perkembangan potensi manusia pada

[1] Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf dan Abdul Fatah Shaharuddin, "Pendidikan Menurut al-Quran dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah," *Jurnal Hadhari Special Edition,* (2012), 7.



University of Malaya

peringkat yang seterusnya.[2] Malah pada peringkat asas ini, kanak-kanak mula belajar dan membentuk diri.[3]

Maka tidak menghairankan jika sebenarnya perihal kanak-kanak dan pendidikan mereka amat dititik beratkan oleh al-Quran. Ini boleh dilihat bagaimana al-Quran meletakkan peringkat kanak-kanak pada peringkat yang tinggi apabila menceritakan kisah para nabi tanpa meninggalkan perihal zaman kanak-kanak mereka. Sebagai contoh ialah kisah zaman kanak-kanak Nabi Ismā‘il, Nabi Yūsuf, Nabi Mūsā, malah Nabi Muḥammad s.a.w. [4]

Oleh yang demikian, proses membentuk pada peringkat kanak-kanak amatlah penting kerana ia akan mencorak peribadi dan susuk tubuhnya pada masa hadapan. Manakala, untuk menghasilkan natijah yang diingini dari proses pembentukan itu, maka pendidikan yang sempurna mestilah disediakan kepada mereka. Dengan itu, jelaslah bahawa pendidikan kanak-kanak amat penting kerana ia berkait secara langsung dengan pembentukan kanak-kanak yang merupakan peringkat pertama dalam proses pendidikan manusia. Justeru, kepentingan pendidikan kanak-kanak terletak kepada proses pendidikan yang dilaksanakan terhadap untuk sampai kepada matlamat dan tujuan yang dikehendaki.

## 2.3 Amalan Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

Jika ditelusuri sejarah Islam bermula pada zaman Rasulullah s.a.w sehingga kini, pendidikan kanak-kanak merupakan antara subjek utama yang diambil perhatian oleh Baginda s.a.w. Buktinya, hal berkenaan kanak-kanak diperbincangkan dengan sangat terperinci seawal sebelum kelahiran mereka. Ini boleh dilihat apabila perbincangan

[2] Ibn Khaldūn menyatakan pendidikan kanak-kanak adalah menjadi asas kepada perkembangan potensi manusia pada peringkat seterusnya. Lihat ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad Ibn Khaldūn, *Diwān al-Mubtada’ wa al-Khabar fī Tārīkh al-‘Arab wa al-Barbar wa Man ‘Āṣarahum min Dhawi al-Sha’n al-’Akbar* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1988), 1:740.
[3] Ḥassan Mullā ‘Uthmān, *al-Ṭufūlah fī al-’Islām Makānatuhā wa ’Asas Tarbiyah al-Ṭifl* (Riyāḍ: Dār al-Marīkh, t.t), 6.
[4] Aḥmad Khalīl Jum‘ah, *al-Ṭifl fī Ḍaw’i al-Qur’ān wa al-Sunnah wa al-’Adab* (Bayrūt: al-Yamāmah, 2001), 58.



University of Malaya

bermula seawal hal pemilihan ibu kepada kanak-kanak tersebut.[5] Baginda s.a.w juga mendoakan kanak-kanak walaupun belum dilahirkan lagi sepertimana yang Baginda s.a.w lakukan kepada orang-orang Ṭaif ketika Baginda s.a.w berdakwah di sana.[6] Begitu juga Baginda s.a.w memerintahkan pasangan suami isteri untuk berdoa sebelum melakukan persetubuhan demi kebaikan anak yang akan dilahirkan.[7] Ini memperkukuhkan bahawa Islam amat mementingkan pendidikan terhadap kanak-kanak lebih awal sebelum kemunculan perbincangan yang masyhur dengan istilah *prenatal education*.[8]

Pada zaman Baginda s.a.w pendidikan kanak-kanak tidaklah berlaku dalam suatu institusi yang khusus, namun pendidikan kanak-kanak tersebut tetap berlaku dengan sempurna. Ini kerana seolah-olah institusi pada waktu itu adalah keseluruhan hidup mereka kerana kewujudan Baginda s.a.w. Pendidikan yang dibawa oleh Baginda s.a.w pada ketika itu bahkan sehingga sekarang membangkitkan kebaikan, membangunkan cita-cita kepada kanak-kanak, menumbuhkan akal dan hati serta meningkatkan kesedaran.[9]

---

[5] Lihat Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik* (Selangor: Dewan Pustaka Islam, 1991), 36; ‘Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān, *Tarbiyah al-’Awlād fī al-’Islām* (T.tp: Dār al-Salām, 1992), 33; ‘Alī Naif, *Al-Wajīz fī Ḥuquq al-’Awlād fī al-’Islām* (Pahang: t.p, 2009), 7; ‘Abd al-Bāri’ Muḥammad Dāwūd, *Tarbiyah al-Ṭifl fī Ẓill al-Manhāj al-Islāmī* (al-Qāhirah: Mu’assasah al-Mukhtār, 2001); Muḥammad Nūr Suwaid, *Manhaj al-Tarbiyah al-Nabawiyyah li al-Ṭifl* (Makkah: Dār Ṭaybah, 2000), 30; Khālid Aḥmad, *Tarbiyah al-’Aṭfāl fī al-ḥadith al-Sharīf* (T.tp: t.p, t.t); Sa‘īd bin ‘Alī al-Qaḥṭānī, *Al-Hady al-Nabī fī Tarbiyah al-’Awlād* (T.tp: t.p, t.t); Maḥmūd al-Miṣrī, *Kaifa Nurabbī Awlādanā Tarbiyah Islāmiyyah Ṣaḥīḥah* (T.tp: Mu’assasah Qurṭubah, 2002). Perkara ini juga banyak dibincangkan dalam kitab-kitab fiqh perkahwinan (*fiqh munākaḥat*) sila rujuk Maḥmūd al-Miṣrī, *Al-Zawāj al-’Islāmī al-Sa‘īd* (al-Qāhirah: Maktabah al-Ṣafā, 2006).

[6] Rujuk Ṣafī al-Raḥmān al-Mubārakpūrī, *Al-Raḥīq al-Makhtūm* (Bayrūt: Dār al-Hilāl, t.t), 115.

[7] Jamāl ‘Abd al-Raḥmān, *Āṭfāl al-Muslimīn Kaifa Rabbāhum al-Nabī al-Amīn* (Makkah: Dār Ṭaybah al-Khadrā’, 2004), 14.

[8] Pendidikan pralahir ataupun *prenatal education* adalah pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak sebelum kelahiran. Ibn Sīnā adalah ilmuwan Islam yang membincangkan pendidikan pralahir ataupun *prenatal education* dengan terperinci dalam kitabnya yang masyhur iaitu *al-Qānun fī al-Ṭibb* di bawah tajuk *Tadbīr kullī lil ḥawāmil*. Secara umumnya Ibn Sīnā telah membahaskan perbuatan dan keadaan ibu memberi kesan kepada janin dan bagaimana penjagaan janin untuk mengelakkan keguguran. Lihat al-Ḥusayn bin ‘Abdullah Ibn Sīnā, *al-Qānūn fī al-Ṭibb,* ed. Muḥammad Amīn al-Ḍannāwī (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999) 2:771

[9] Aḥmad Khalīl, *al-Ṭifl*, 313.

Penelitian terhadap penulisan dalam pendidikan Islam silam juga akan memperlihatkan kebanyakan buku-buku yang ditulis berkaitan dengan pendidikan kanak-kanak akan berkait dengan kepentingan ilmu, kelebihan serta adab menuntut ilmu dan menyebarkannya. Ini memberi gambaran bahawa peringkat umur kanak-kanak dalam Islam adalah tempoh masa pendidikan yang terbaik sama ada dari sudut ilmu mahupun akhlak. Bermula dengan kemunculan karya seperti *al-ʻĀlim wa al-Mutaʻallim* karya Abu Ḥanifah al-Nuʻmān (80 – 150 H)[10], *Kitāb al-ʻIlm* karya Abi Khaythamah (160 – 234 H)[11], *Ādāb al-Muʻallimīn* karya Ibn Saḥnūn (w.256 H)[12], *al-Risālah al-Mufaṣṣalah li ʼAḥwāl al-Mutaʻallimīn wa Aḥkām al-Muʻallimīn wa al-Mutaʻallimīn* karya al-Qābisī (324 – 403 H)[13], *Ādāb al-Dunyā wa al-Dīn* karya al-Māwardī (364 – 450 H)[14], *al-Akhlāq wa al-Sayr fi Mudāwamah al-Nufūs* karya Ibn Ḥazm (384 – 456 H)[15], *al-Jāmiʻ li Akhlāq al-Rāwī wa Ādāb al-Sāmiʻ* karya al-Khaṭīb al-Baghdādī (392 – 463 H)[16], *al-Dharīʻah ilā Makārim al-Sharīʻah* karya al-Rāghib al-ʼAṣfahānī (499 – 502 H)[17], *Ayyuhā al-Walad* karya Abu Ḥāmid al-Ghāzzālī (450 – 505 H)[18], *Laftah al-Kabad ilā Naṣīḥaḥ al-Walad* karya Ibn Zawjī (508 – 597 H)[19], *Taʻlīm al-Mutaʻallim fī ṭarīq al-Taʻallum* karya al-Zarnūjī (w. 610

[10] Beliau adalah Abū ḥanīfah al-Nuʻmān bin Thābit al-Kufī. Lihat Ibn al-ʻImād, *Shadharāt al-Dhahab*, 2:229.
[11] Beliau adalah Abu Khaythamah Zuhayr bin Ḥarb bin Shaddād al-Nasāʼī. Lihat Ibn al-ʻImād, *Shadharāt al-Dhahab*, 3:157.
[12] Beliau adalah Abū ʻAbdullah Muḥammad bin ʻAbd Salām Saḥnūn bin Saʻīd al-Tanūkhī al-Qayrawānī meninggal pada 256 H. Lihat Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar ʼAʻlām al-Nubalāʼ* (t.tp: Muʼassasah al-Risālah, 1985), 13: 60.
[13] Beliau adalah Abū al-Ḥasan ʻAlī bin Muḥammad bin Khalaf al-Maʻāfirī al-Qarawī al-Qābisī. Lihat al-Dhahabī, *Siyar ʼAʻlām al-Nubalāʼ*, 17:158.
[14] Beliau adalah Abū al-Ḥasan ʻAlī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī al-Māwardī. Lihat al-Dhahabī, *Siyar ʼAʻlām al-Nubalāʼ*, 18:64.
[15] Beliau adalah Abū Muḥammad ʻAlī bin Aḥmad bin bin Saʻīd bin Ḥazm bin Ghālib bin ṣāliḥ bin Khalaf bin Maʻdān bin Sufyān bin Yazīd al-Fārisī al-ʻAndalusī al-Ẓāhirī. Lihat al-Dhahabī, *Siyar ʼAʻlām al-Nubalāʼ*, 18:184
[16] Beliau adalah Abū Bakr Aḥmad bin ʻAlī bin Thābit bin Aḥmad bin Mahdī al-Baghdādī. Lihat al-Dhahabī, *Siyar ʼAʻlām al-Nubalāʼ*, 18:270.
[17] Beliau adalah al-Ḥusayn bin Muḥammad bin al-Mufaḍḍal al-ʼAṣfahānī. Lihat Khayr al-Dīn bin Mahmūd al-Ziriklī, *al-ʼAʼlām* (t.tp: Dār al-ʻIlm li al-Malāyīn, 2002), 2:255.
[18] Beliau adalah Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Ṭūsī. Lihat al-Dhahabī, *Siyar Aʻlām al-Nubalāʼ*, 19:322.
[19] Beliau adalah Abū al-Faraj ʻAbd al-Raḥmān bin ʻAlī bin Muḥammad bin ʻAlī bin ʻUbaydillah. Lihat al-Dhahabī, *Siyar ʼAʻlām al-Nubalāʼ*, 21:365.



University of Malaya

H)[20], *Ādāb al-‘Ālim wa al-Muta‘allim wa al-Muftī wa al-Mustaftī wa Faḍl Ṭalab al-‘Ilm* karya al-Imām al-Nawāwī (631 – 676 H) [21] dan banyak lagi.

Perhatian khusus Islam terhadap pendidikan kanak-kanak lebih terserlah apabila para pemimpin Islam terdahulu memilih pendidik yang khusus untuk anak-anak mereka. Pendidik yang dilantik untuk mengajar anak-anak para pemimpin tersebut akan mengajarkan mereka pelbagai bidang ilmu.[22] Antara contoh yang boleh dilihat ialah pada Abu Muslim Mu‘az bin Muslim al-Harrā’ yang merupakan pendidik (*mu’addib*) kepada anak-anak khalifah ‘Abdul Malik bin Marwān.[23] Begitu juga Muḥammad bin Muslim al-Zuhrī merupakan pendidik kepada anak-anak khalifah Hishām bin ‘Abdul Malik.[24] Ini menjadi kelaziman para pemimpin Islam pada ketika itu. Selepas daripada itu, ia tidak lagi terhad kepada anak-anak pemimpin malah terbuka kepada kanak-kanak awam. Perkara ini berlaku sejajar dengan munculnya sistem pendidikan yang tersusun seperti munculnya institusi pendidikan dengan campur tangan pihak penguasa pada ketika itu.[25]

Antaranya ialah rumah persendirian, masjid, *kuttāb,* istana pemerintah, salun kesusasteraan, kedai buku, madrasah dan *dār* persendirian, perpustakaan, hospital, balai cerap, dan kawasan pedalaman.[26] Selain itu, disebutkan juga bahawa pertambahan jumlah

---

[20] Beliau adalah Burhānuddīn al-Zarnūjī al-Ḥanafī. Tidak terdapat mana-mana kitab biografi yang meletakkan tarikh lahir beliau. Manakala tarikh meninggal beliau disimpulkan disekitar tahun 620 H. Lihat Fā’izah ‘Aṭāllah Muḥammad, “al-Fikr al-Tarbawī ‘inda Burhānuddīn al-Zarnūjī fī Kitāb Ta‘līm al-Muta‘allim wa Ṭuruq al-Ta‘līm” (tesis sarjana, Universiti Umm al-Qurrā’, 1995), 25.

[21] Beliau adalah Abū Zakariyā Yaḥyā bin Yaḥyā Sharaf bin Mirā bin ḥasan bin ḥusayn bin Muḥammad al-Nawāwī. Lihat ‘Alī bin Ibrāhīm bin al-‘Aṭār, *Tuḥfah al-Ṭālibīn fī Tarjamah al-’Imām Muḥyī al-Dīn* (‘Ammān: al-Dār al-’Athariyyah, 2007), 39.

[22] Perkara ini dinyatakan oleh Ibn Khaldūn ketika menceritakan perbezaan kaedah pembelajaran di beberapa wilayah islam ketika itu seperti Maghrib, Andalus dan Afrika. Lihat Ibn Khaldūn, *Diwān al-Mubtada’*, 1:744.

[23] Jamal al-Dīn ‘Alī binYūsuf al-Qutfī, *Inbāh al-Ruwāt Anbāh al-Nuhāh* (al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1982), 3:292.

[24] Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar ’A’lām al-Nubalā’* (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadith, 2006), 5:327.

[25] ‘Abdullah bin ‘Abd al-Dā’im, *al-Tarbiyah ‘Ibr al-Tārikh min al-‘Uṣūr al-Qadīmah ḥatta ’Awā’il al-Qarn al-‘Ishrīn* (Bayrūt: Dār al-‘Ilm al-Malāyīn 1984), 166.

[26] Institusi-institusi pendidikan ini dibahaskan oleh Asyraf Israqi dalam tesis doktor falsafah beliau ketika menyenaraikan institusi pendidikan sebelum kemunculan Madrasah Niẓāmiyyah. Untuk perbahasan lanjut mengenai perkara ini sila rujuk Asyraf Isyraqi Jamil, “ Pemikiran Pentadbiran Pendidikan Islam Niẓām al-Mulk: Kajian Terhadap Madrasah Niẓāmiyyah” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 167.



University of Malaya

pelajar telah membawa kepada perkembangan ini.[27] Dari itu, dapat dilihat sedikit sebanyak perkembangan pendidikan kanak-kanak sejak bermulanya zaman Islam. Perkembangan ini membuktikan kewujudan amalan pendidikan kanak-kanak dalam sejarah Islam yang sememangya tidak boleh dinafikan.

## 2.4 Konsep Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

Sebelum dibahaskan berkenaan konsep pendidikan kanak-kanak dalam Islam, adalah wajar untuk dibahaskan terlebih dahulu berkenaan konsep pendidikan Islam agar perbahasan berkenaan konsep pendidikan kanak-kanak dalam Islam nanti lebih jelas dan dapat dilihat perkaitannya dengan konsep pendidikan dalam Islam. Untuk itu, bahagian ini akan membahaskan berkenaan konsep pendidikan Islam terlebih dahulu sebelum dikemukakan perbahasan berkenaan konsep pendidikan kanak-kanak dalam Islam.

### 2.4.1 Konsep Pendidikan Islam

Perbahasan berkenaan konsep pendidikan Islam akan berkait dengan istilah-istilah bahasa Arab yang sering digunapakai untuk memberikan gambaran berkenaan konsep tersebut. Antara istilah-istilah tersebut ialah *ta‘līm, tarbiyah, ta‘dīb, tadrīs, tahzīb* dan *riyāḍ.*[28] Namun, hanya istilah *ta‘līm*, *tarbiyah* dan *ta‘dīb* yang sering dibahaskan kerana merujuk kepada rumusan Persidangan Dunia Pertama Mengenai Pendidikan Muslim pada tahun 1977 yang menyatakan pendidikan ditakrifkan sebagai *al-ta‘līm, al-tarbiyah* dan *al-ta‘dīb* secara bersama-sama.[29]

---

[27] Aḥmad Shalaby, *History of Muslim Education* (Beirut: Dar al-Kashshaf, 1954), 55.
[28] Noor Hisham Md Nawi, *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam* (Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2011), 5.
[29] Syed Muḥammad Naquib al-Attas, *Aims and Objectives of Islamic Education* (Jeddah: Universiti King Abdulaziz & Hodder dan Stouhton), 157.



University of Malaya

Kepelbagaian istilah yang dirujuk kepada pendidikan Islam sebenarnya mempamerkan keunikan dan dinamika pendidikan yang tersendiri dalam Islam.[30] Gambaran faham pendidikan menurut Islam tidak dapat lari daripada menggabungkan ketiga-tiga unsur tersebut. Ini bertepatan dengan rumusan Persidangan Dunia Pertama Mengenai Pendidikan Muslim pada tahun 1977 yang menyatakan pendidikan ditakrifkan sebagai *al-ta‘līm, al-tarbiyah* dan *al-ta‘dīb* secara bersama-sama.[31] Justeru, dapat dilihat bahawa perbahasan mengenai istilah *ta‘līm, tarbiyah* dan *ta'dīb* membawa kepada satu kesimpulan berkenaan hubungan ketiga-tiga perkataan tersebut yang saling berkait dan menguatkan antara satu sama lain walaupun ada yang memberi makna yang lebih luas berbanding yang lain.

Dalam usaha untuk memberi takrif kepada pendidikan Islam, para ilmuwan Islam telah mengemukakan pelbagai pandangan. Antaranya ialah al-Bayḍāwī yang menyatakan bahawa pendidikan Islam yang dirujuk kepada *tarbiyah* ialah tindakan menyampaikan sesuatu sehingga sempurna sedikit demi sedikit.[32] Al-Aṣfahānī pula menyatakan pendidikan Islam yang dirujuk kepada *tarbiyah* ialah tindakan membentuk sesuatu secara berperingkat sehingga mencapai peringkat kesempurnaan.[33] Manakala al-Ḥāzimī pula menyatakan pendidikan Islam sebagai tindakan membentuk individu secara berperingkat dari semua sudut untuk mencapai kebahagian di dunia dan akhirat bertepatan dengan manhaj Islam.[34] Sementara Miqdād Yaljīn pula menyebut pendidikan Islam sebagai tindakan menyediakan individu muslim secara sempurna dari semua sudut pada setiap

University of Malaya

---

[30] Abdul Muhsien Sulaiman, “Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak Murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib Al-Makki (W.386h/996m)” (tesis kedoktoran, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 2.
[31] al-Attas, *Aims and Objectives*, 157.
[32] Nāṣir al-Ḍīn ‘Abdullah bin ‘Umar al-Bayḍāwī, *Anwār al-Tanzīl wa ’Asrār al-Ta’wīl* (Bayrūt: Dār ‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1997), 1:28.
[33] Al-Rāghib al-Aṣfahānī, *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur’ān*, ed. ṣafwān ‘Adnān (Bayrūt: Dār al-Qalam, 1991), 336.
[34] Khālid Ḥāmid al-Ḥāzimī, *Uṣūl al-Tarbiyah al-Islāmiyyah* (Al-Madīnah al-Munawwarah: Dār al-‘Ālam al-Kutub, 2000), 19.

peringkat pembesarannya untuk kehidupan dunia dan akhirat berdasarkan prinsip-prinsip, nilai-nilai dan kaedah yang dibawa oleh Islam.[35]

Beberapa sarjana Muslim nusantara juga mengemukakan pandangan mereka terhadap maksud pendidikan Islam. Antaranya Abdul Halim Mat Diah yang menyatakan bahawa pendidikan Islam sebagai proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik untuk membentuk keperibadian yang tertentu berdasarkan cita-cita dan falsafah hidupnya.[36] Hasan Langgulung pula membahagikan pengertian pendidikan Islam kepada dua pengertian iaitu secara umum dan khusus. Makna pendidikan Islam secara umum menurutnya meliputi hampir semua bidang aktiviti manusia daripada yang paling sederhana hingga kepada aktiviti yang kompleks. Sementara makna secara khusus pula meliputi aktiviti manusia untuk memelihara kelangsungan hidupnya sama ada sebagai seorang individu atau sebagai anggota masyarakat.[37]

Sementara itu, Syed Muḥammad Naquib al-Attas pula mengertikan pendidikan Islam sebagai sebagai satu proses menanam sesuatu ke dalam jiwa manusia. Beliau menerangkan ‘proses menanam’ tersebut merujuk kepada kaedah dan sistem yang dipanggil ‘pendidikan’ dan disampaikan secara beransur-ansur. Adapun ‘sesuatu’ yang dimaksudkan ialah kandungan kepada apa yang ditanam. Manakala, jiwa manusia pula merujuk kepada penerima proses dan kandungan itu.[38] Dari sudut bahasa Arab, beliau lebih mengutamakan penggunaan istilah *ta’dib* berbanding dengan yang lain untuk memberi makna pendidikan Islam. Al-Attas menolak penggunaan istilah *tarbiyah* dan *ta‘līm* sebagai pengertian yang lengkap tentang pendidikan Islam. Hal ini kerana kedua-

[35] Miqdād Yāljin, *Jawānib al-Tarbiyah al-Islāmiyyah al-Asāsiyyah* (al-Riyāḍ: Dār al-Hadyi 1986), 25.
[36] Abdul Halim Mat Diah, *Islam dan Demokrasi Pendidikan* (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1989), 43.
[37] Hasan Langgulung, *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), viii.
[38] Syed Muhammad Naquib al-Attas, *The Concept of Education in Islam* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1999), 13.



University of Malaya

dua istilah tersebut atau salah satunya tidak menunjukkan kesesuaian makna yang sebenar kepada pendidikan Islam.[39]

Berdasarkan perbandingan takrif yang diberikan oleh para ilmuwan di atas, dapat dilihat bahawa istilah *ta'dib* memiliki ciri-ciri yang menggambarkan pendidikan Islam sebagai sebuah proses yang mempunyai makna yang komprehensif dan mendalam, menekankan unsur akhlak, dan menunjukkan perolehan ilmu yang benar serta perbuatan yang tepat.[40] Jika dibandingkan dengan istilah *tarbiyah*, didapati penggunaannya terlalu meluas sehingga melibatkan manusia, haiwan dan juga tumbuhan. Selain itu, ruang lingkup perbahasan istilah *tarbiyah* juga dilihat terhad iaitu hanya terhadap perkembangan jasmani dan psikomotor serta pertumbuhan emosi sahaja, justeru istilah *tarbiyah* dilihat kurang tepat dalam menterjemahkan maksud pendidikan Islam yang komprehensif. Istilah *ta'līm* juga dilihat tidak sesuai digunakan untuk menggambarkan makna pendidikan Islam yang komprehensif kerana ruang lingkup perbahasannya hanya terhad kepada sudut kognitif dan akal sahaja.[41] Justeru, pandangan al-Attas mempunyai kelebihan tersendiri kerana ia dilihat memberikan konsep yang tulen, sepadu dan menyeluruh, seterusnya menjadi kerangka kerja yang kukuh bagi teori dan amalan pendidikan Islam itu sendiri.[42]

[39] Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005), 122.
[40] Kesimpulan ini diberikan oleh Mohd Anuar Mamat dalam tesis Kedokran beliau ketika meninjau tujuan pendidikan menurut al-Quran dan al-Sunnah. Setelah membentangkan perbahasan mengenai tiga konotasi yang sering dikaitakan dengan pendidikan iaitu *tarbiyyah*, *ta'līm* dan *ta'dīb* dari sudut penggunaan ketiga-tiga perkatan tersebut dalam al-Quran dan al-Sunnah. Lihat Mohd Anuar Mamat, "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Menurut Abu Hanifah al-Nu'man (M.150H/767M): Suntingan ilmiah Kitab *Al-'Alim wa al-Muta'allim*, Terjemahan dan Analisis" (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur, 2012), 69.
[41] *Ibid.*, 68.
[42] Wan Mohd Nor, *Falsafah dan Amalan*, 125.



University of Malaya

### 2.4.2 Konsep Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

Kanak-kanak diungkapkan dengan istilah *al-ṭifl* dalam bahasa Arab. *Ṭifl* berasal dari akar kata *ṭafula* yang sinonim dengan *rakhuṣa* yang membawa maksud lembut dan halus.[43] *Ṭifl* juga membawa maksud sesuatu yang kecil saiznya atau sedikit umurnya. Tifl juga merupakan istilah yang digunakan kepada manusia, haiwan dan tumbuhan. Justeru, istilah *ṭifl* secara asalnya jika digunakan kepada manusia atau haiwan membawa maksud anak yang baru dilahirkan. Oleh sebab itu, *ṭifl* juga boleh dimaksudkan sebagai anak yang baru lahir. Apabila digunakan kepada tumbuhan, ia membawa maksud anak pokok atau benih yang baru tumbuh ataupun tumbuhan yang kecil saiznya.

Perkataan *ṭifl* disebut dalam al-Quran di beberapa tempat. Antaranya ketika Allah s.w.t memberitahu manusia akan peringkat kejadian untuk menghilangkan perasaan ragu-ragu tentang hari kiamat. Allah s.w.t menyatakan manusia diciptakan dari tanah, kemudian setitik air benih, kemudian sebuku darah beku, kemudian seketul daging yang disempurnakan kejadiannya atau yang tidak disempurnakan, dan kemudian manusia dikeluarkan berupa *ṭifl*.[44] Jika dilihat ayat ini dari sudut kedudukannya, dapat difahami *ṭifl* itu merujuk kepada keadaan manusia selepas dilahirkan.[45] Perkataan *ṭifl* juga dapat dilihat ketika Allah s.w.t memerintahkan kepada wanita supaya tidak memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali kepada beberapa golongan termasuk *ṭifl* iaitu kanak-kanak yang belum mengerti aurat wanita.[46] Disebutkan juga perkataan *ṭifl* dalam bentuk kata nama ramai (*jama‘*) iaitu *aṭfāl* merujuk kepada anak-anak ketika Allah s.w.t menjelaskan waktu-waktu tertentu yang diperlukan keizinan untuk memasuki bilik kedua ibu bapa.[47]

[43] Lihat mada *ṭa-fa-la* dalam: Ibn Manẓūr Muḥammad bin Mukram, *Lisān al-‘Arab*, (Bayrūt: Dār Ṣādir, 1993), 11: 401; Muḥammad bin Muḥammad al-Zabīdī, *Tāj al-‘Arūs min Jawāhir al-Qāmūs* (T.tp: Dār al-Hidāyah, t.t), 29:369

[44] Surah al-Ḥaj: 5; Surah al-Ghāfir: 67

[45] Aḥmad ‘Ubayd al-Da‘āish, Aḥmad Muḥammad dan Ismā‘īl Maḥmūd al-Qāsim, *’I‘rāb al-Qur’ān al-Karīm* (Damshīq: Dār al-Munīr dan Dār al-Farābī, 2004), 2:302

[46] Surah al-Nūr: 31.

[47] Surah al-Nūr: 58.

Kedua-dua ayat ini menunjukkan *ṭifl* mempunyai tempoh yang tertentu yang menjadi penanda kepada titik tolak perubahan hukum kepada *ṭifl* tersebut.

Berdasarkan kepada penggunaan al-Quran terhadap perkataan *ṭifl*, terdapat dua gambaran yang berkaitan dengannya. Pertama, perkataan *ṭifl* berkait dengan keadaan dan hal iaitu merujuk kepada keadaan jasmani dan jasad. Kedua, berkaitan dengan tempoh umur yang dapat dilihat apabila hukum kanak-kanak berubah ketika sampai tempoh tertentu.[48] Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak merupakan satu peringkat yang tertentu dalam peringkat-peringkat kehidupan manusia. Justeru, dapat dikatakan bahawa perkataan *ṭifl* jika digunakan kepada manusia, maka ia merujuk kepada manusia yang masih kecil dari segi umur dan fizikalnya sehingga sampai kepada tempoh akil baligh.[49]

Terdapat beberapa perkataan lain yang digunakan merujuk kepada kanak-kanak, antaranya ialah *ṣabīy*.[50]. *Ṣabīy* bermaksud kanak-kanak yang masih menyusu.[51] Terdapat pandangan yang menyatakan *ṣabīy* akan dipanggil *ṭifl* untuk anak-anak yang baru dilahirkan sehingga sampai kepada umur akil baligh. Ada juga pandangan yang menyatakan istilah *ṭifl* diberikan kepada anak-anak yang baru dilahirkan sehingga *mumayyiz*[52], selepas itu kanak-kanak yang telah *mumayyiz* tidak lagi dipanggil *ṭifl*, tetapi dipanggil *ṣabīy*.[53]

---

48 Hukum yang disebutkan ialah hukum wanita dilarang menunjukkan perhiasaan mereka kecuali kepada beberapa golongan termasuk kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat wanita dan hukum meminta keizinan ketika memasuki bilik tertentu. Dalam hukum wanita dilarang menunjukkan perhiasaan mereka kecuali kepada beberapa golongan, perkataan *lam yaẓharū* ditafsirkan sebagai *la yafhamun* (tidak memahami). Ini menjelaskan jika kanak-kanak (*ṭifl*) sudah memahami perihal aurat wanita maka haram bagi wanita untuk menunjukkan perhiasan mereka kepada kanak-kanak (*ṭifl*) tersebut. Rujuk tafsiran ayat 31 surah al-Nūr dalam: Abu al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm* (Bayrūt: Dār al-Kutub-al-'Ilmiyyah, 1999), 6:45.

49 Akil baligh (*al-bulūghah*) ialah tempoh beralihnya kanak-kanak ke alam remaja dengan melihat kepada tanda-tanda tertentu seperti keluar air mani bagi lelaki dan datang haid bagi perempuan. Lihat Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah al-Kuwayt, *al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (Kuwait: Zāt al-Salāsil, 1986), 8:186.

50 Lihat mada *ṣa-ba-a* dalam: Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, 14:449; lihat mada *ṣa-ba-wa* dalam: al-Zabīdī, *Tāj al-'Arūs*, 38:406.

51 Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, 14:450.

52 Kanak-kanak dikira *mumayyiz* apabila mereka sudah boleh membezakan perkara yang baik dan perkara yang bahaya terhadap diri mereka. Sebahagian ulama menyatakan Kanak-kanak dikira *mumayyiz* apabila mereka memiliki kemampuan untuk berfikir untuk memahami sesuatu perkara. Lihat Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*, 14:32.

53 al-Zabīdī, *Tāj al-'Arūs*, 38:370.



University of Malaya

Namun, dalam al-Quran, penggunaan perkataan *ṣabīy* bertepatan dengan takrif kanak-kanak yang masih dalam tempoh menyusu. Perkataan *ṣabīy* disebut sebanyak dua kali dalam al-Quran. Pertama, ketika Allah s.w.t memberikan kepada Nabi Yaḥyā a.s *al-kitāb* sewaktu dalam keadaan *ṣabiyyā.*[54] Sebahagian ilmuwan Tafsir menyatakan bahawa Nabi Yaḥyā a.s ketika itu berusia dua tahun.[55] Kedua, ketika Maryam a.s menyangkal tuduhan berzina kepadanya yang didakwa oleh kaumnya dengan mengisyaratkan supaya kaumnya mendapatkan cerita sebenar daripada anaknya sendiri iaitu Nabi ʻĪsā. Namun, kaumnya mempertikaikan Maryam kerana beranggapan bahawa anaknya iaitu Nabi ʻĪsā adalah kanak-kanak yang masih berada di dalam buaian (*al-mahdi*) dan dalam keadaan *ṣabiyyā.*[56] Penggunaan *ṣabīy* dalam kedua-dua ayat tersebut jelas merujuk kepada kanak-kanak yang masih lagi dalam tempoh menyusu.

Perkataan lain yang mempunyai kaitan dengan maksud kanak-kanak dalam bahasa Arab ialah *ghulām.*[57] *Ghulām* bermaksud kanak-kanak yang baru dilahirkan sehingga tumbuh anak misai. Namun, kebanyakan ilmuwan Islam mengatakan *ghulām* adalah remaja yang baru tumbuh misainya. Dalam al-Quran perkataan *ghulām* disebut beberapa kali antaranya ketika Nabi Zakariyyā a.s menyatakan tentang bagaimana Baginda a.s boleh memperolehi *ghulām* sedangkan Baginda a.s telah terlalu tua, malah isterinya mandul.[58] Begitu juga ketika Allah s.w.t memberikan berita gembira kepada Nabi Ibrāhīm a.s bahawa Baginda a.s akan memperolehi *ghulām.*[59] Perkataan *ghulam* juga digunakan ketika Maryam a.s berdialog dengan malaikat tentang Allah s.w.t yang akan memberikan kepadanya *ghulām.*[60] Juga dalam hal yang sama, ketika Allah s.w.t menceritakan tentang salah seorang ahli daripada satu rombongan perniagaan terjumpa

---

[54] Surah Maryam: 12.
[55] Abu ʻAbdullah Aḥmad bin Muḥammad al-Qurṭubī, *al-Jāmiʻ li Aḥkām al-Qur'an* (al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), 11:87.
[56] Surah Maryam: 29.
[57] Lihat mada *gha-la-ma* dalam: Ibn Manẓūr, *Lisān al-ʻArab,* 12:440; al-Zabīdī, *Tāj al-ʻArūs*, 33:175.
[58] Surah āli-Imrān: 40; surah Maryam: 7-8.
[59] Surah al-ṣāffāt: 101; Surah al-Dhāriyyāt: 28.
[60] Surah Maryam: 19-20.



University of Malaya

Nabi Yūsuf a.s dalam perigi ketika beliau masih *ghulām.*[61] Perkataan *ghulām* juga digunakan ketika Allah menceritakan kisah perjalanan Nabi Musa a.s dan Nabi Khiḍir a.s.[62]

Dengan itu, dapat dilihat penggunan perkataan *ghulām* dalam al-Quran adalah merujuk kepada remaja yang baru tumbuh misainya. Walau bagaimanapun, dalam kisah penceritaan pemberian *ghulām* kepada Nabi Ibrāhīm a.s, Nabi Zakariyyā a.s dan Maryam a.s, secara zahirnya maksud ghulam di situ bertentangan dengan maksud *ghulām* yang merujuk kepada remaja yang baru tumbuh anak misainya. Tetapi, jika diteliti dengan lebih mendalam, penggunaan *ghulām* di situ sebenarnya merujuk kepada sifat optimis (*tafāul*) bahawa anak itu akan membesar dan menjadi *ghulām*.[63]

Justeru, penggunaan ungkapan *ta'dīb al-ṣabī* dilihat tidak berapa tepat untuk menggambarkan pendidikan kanak-kanak kerana *al-ṣabī* itu sendiri hanya membawa satu tempoh yang terhad dalam peringkat kanak-kanak iaitu merujuk kepada kanak-kanak yang masih menyusu. Begitu juga ungkapan *ta'dīb al-ghulām* tidak sesuai kerana makna perkataan *ghulam* hanya terhad kepada remaja yang baru tumbuh anak misainya. Adapun ungkapan yang lebih sesuai untuk menggambarkan pendidikan kanak-kanak dalam Islam ialah *ta'dīb al-ṭifl* kerana keluasan makna yang terdapat dalam perkataan *al-ṭifl.* Sekali lagi ditekankan *ta'dīb* yang dimaksudkan di sini ialah istilah yang membawa makna pendidikan dalam sifatnya yang komprehensif, dan bukan dalam makna yang selainnya.

## 2.5 Prinsip Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

Dalam melaksanakan pendidikan terhadap kanak-kanak, Islam mempunyai prinsip-prinsip yang tersendiri. Prinsip-prinsip tersebut lahir daripada sumber-sumber utama Islam iaitu al-Quran dan Hadis. Prinsip-prinsip tersebut juga banyak membicarakan

[61] Surah Yūsuf: 19.
[62] Surah al-Kahfī: 74, 80 & 82
[63] Abu Ḥayyān Muḥammad bin Yusūf al-Andalūsī, *al-Baḥr al-Muḥiṭ fī al-Tafsīr* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 2003), 3:108.



University of Malaya

tentang hubungan antara pendidik dan kanak-kanak. Menerusi penelitian secara secara induktif terhadap ayat-ayat al-Quran dan nas-nas Hadis, serta pandangan-pandangan para ilmuwan Islam, maka dapat dinyatakan prinsip-prinsip pendidikan kanak-kanak dalam Islam terdiri daripada prinsip hormat dan kasih sayang (*al-iḥtirām wa al-shafaqah*), prinsip berlemah lembut (*al-rifq wa al-layyin*), prinsip keadilan (*al-'adālah*) dan prinsip berperingkat dalam pengajaran (*al-tadarruj*). Terdapat banyak prinsip lain yang boleh dipegang dalam pendidikan kanak-kanak, namun apa yang akan dibentangkan di sini ialah prinsip-prinsip yang dilihat lebih khusus kepada pendidikan kanak-kanak dan lebih wajar diberikan perhatian dalam pendidikan kanak-kanak.

### 2.5.1 Prinsip Hormat dan Kasih Sayang (*al-Iḥtirām wa al-Shafaqah*)

Prinsip Hormat dan Kasih Sayang (*al-Iḥtirām wa al-Shafaqah*) ini mestilah berlaku antara pendidik dan kanak-kanak yang dididik sebagaimana sayangnya seorang ayah kepada anaknya. Ini adalah prinsip yang datang daripada seorang pendidik yang agung iaitu Nabi Muḥammad s.a.w. Baginda s.a.w menyifatkan dirinya kepada manusia seolah-olah sebagai seorang ayah kepada anaknya.[64] Ini menunjukkan kasih sayang Baginda s.a.w dalam mendidik umatnya adalah seolah-olah kasih sayang seorang ayah kepada anaknya. Begitu juga halnya dalam pendidikan kanak-kanak iaitu pendidik dengan kanak-kanak yang dididik hendaklah berprinsipkan kasih sayang yang sama.[65] Perasaan hormat pendidik tersebut hendaklah terserlah dalam percakapan, perbuatan bahkan terhadap panggilan kepada kanak-kanak. Tindakan-tindakan tersebut pastinya memberi kesan kepada kanak-kanak.[66] Prinsip ini juga bertitik tolak daripada pesanan Nabi Muḥammad

---

[64] Hadis riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Ṭahārah wa Sunanuhā, Bab al-'Istinjā bi al-Ḥijārah, no. Hadis 313. Lihat Ibn Mājah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, ed. Shu'ayb al-Arnauṭ (T.tp: Dār al-Risālah al-'ālamiyyah, 2009), 1:208.

[65] Perkara ini dinyatakan oleh al-Imām al-Ghazzālī ketika beliau membincangkan peranan utama seorang guru (*al-murshid al-mu'allim*). Lihat Abu Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazzālī, *'Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, t.t), 1:55.

[66] Al-Imām al-Nawāwī meletakkan beberapa contoh penghormatan yang diberikan guru kepada pelajar antaranya menyambut murid ketika kedatangan mereka dalam keadaan berwajah ceria, memanggil mereka dengan gelaran *kunyah* tanpa menyebut nama mereka untuk memuliakan mereka, dan bertanya tentang pelajar yang tidak hadir. Lihat Abu Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī, *al-Majmū' Sharaḥ al-Muhadzdzab* (T.tp: Dār al-Fikr, t.t), 1:31.

s.a.w yang amat menekankan akhlak dan menyatakan bahawa sebaik-baik orang yang beriman dan yang paling sempurna imannya ialah orang yang paling baik akhlaknya.[67]

### 2.5.2 Prinsip Berlemah Lembut (*al-Rifq wa al-Layyin*)

Prinsip Berlemah Lembut (*al-Rifq wa al-lLayyin*) juga merupakan prinsip yang penting dalam pendidikan kanak-kanak. Bersikap lemah lembut merupakan anjuran yang penting dalam pendidikan kanak-kanak dan merupakan penjagaan yang terbaik buat mereka.[68] Ia merupakan salah satu faktor yang besar dalam kejayaan pendidikan terhadap kanak-kanak.[69] Justeru, tidak menjadi suatu kesalahan jika dikatakan bahawa menjadi satu kewajipan kepada para pendidik untuk bersikap lemah lembut terhadap kanak-kanak yang dalam didikannya.[70] Ini kerana bersikap lemah lembut adalah perkara penting yang diajar oleh Baginda s.a.w. Baginda menyatakan bahawa Allah SWT menyukai kelembutan dalam segala urusan.[71] Bersikap kasar dan keras dalam mendidik kanak-kanak akan menimbulkan banyak kesan negatif terhadap kanak-kanak seperti kebimbangan, hilang kecerdasan, menimbulkan kemalasan dan sebagainya. Kekerasan kepada mereka juga mendorong kepada kelakuan menipu kerana takut.[72] Walau bagaimanapun, sifat lemah lembut tidak wajar disalah gunakan sehingga memberikan kesan negatif pula kepada kanak-kanak iaitu perasaan lemah dan tidak mampu bergantung kepada diri sendiri.[73]

University of Malaya

---

[67] Hadis riwayat al-Timidzī, Kitab al-Īmān, Bab Mā jā'a fī Istikmāl al-Īmān wa Ziyādatihi wa Nuqṣanihi, no. Hadis 2612. Lihat Muḥammad bin ʻĪsā al-Tirmidzī, *al-Jāmiʻ al-Kabīr,* ed. Bashār ʻIwād Maʻrūf (Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmī, 1998), 4:305.
[68] Abu al-Ḥasan ʻAlī al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah li 'Aḥwāl al-Mutaʻallimīn wa Aḥkām al-Muʻallimīn wa al-Mutaʻallimīn*, ed. Aḥmad Khālid (Tūnis: al-Sharikah al-Tunisiyyah, 1986), 127.
[69] Sālik Aḥmad Maʻlūm, *al-Fikr al-Tarbawī ʻInda al-Khaṭīb al-Baghdādī* (Damanhūr: Maktabah Layyinah, 1993), 277.
[70] Aḥmad Fu'ad al-'Ahwānī, *al-Tarbiyah fī al-Islām* (al-Qāhirah: Dār al-Maʻārif, 1968), 144.
[71] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-'Adab, Bab al-Rifq fī al-amr kullih, no. Hadis 6024. Lihat Muḥammad bin ʻIsmāʻīl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥammad Zuhayr bin Nāṣir (T.tp: Dār Ṭawq al-Najāh: 2001), 8:12.
[72] Ibn Khaldūn, *Diwān al-Mubtada'* 1:743.
[73] Muḥammad Quṭb, *Manhaj al-Tarbiyyah al-'Islāmiyyah* (T.tp: Dār al-Shurūq, t.t), 1:190.

### 2.5.3 Prinsip Keadilan (*al-‘Adl*)

Keadilan (*al-‘Adl*) pada asalnya membawa makna sesuatu perkara yang tepat di antara dua keadaan, tidak lebih dan tidak kurang.[74] Prinsip Keadilan (*al-‘Adl*) ini sangat penting dan ia merupakan suatu kewajipan.[75] Salah satu sudut keadilan dalam pendidikan kanak-kanak ialah dengan mengajarkan ilmu-ilmu yang sepatutnya diajarkan kepada mereka.[76] Selain itu, prinsip ini juga merangkumi peringkat kefahaman kanak-kanak itu sendiri. Dalam usaha untuk memberi ilmu dan pendidikan, pendidik hendaklah adil dalam memberikan pengajarannya. Dalam erti kata lain, pendidik hendaklah meraikan perbezaan tahap kecerdasan kanak-kanak yang dididiknya supaya tidak tersalah dalam menyampaikan ilmu dan didikan kepada mereka.[77]

Pendidik juga hendaklah sentiasa berwaspada agar tidak membanding-bandingkan antara kanak-kanak. Perkara ini mungkin akan menyebabkan kesedihan kepada kanak-kanak yang dibanding dan direndahkan kemampuannya.[78] Hal ini boleh mewujudkan perasaan tidak yakin dan kurang bermotivasi kepada kanak-kanak yang lemah dan tidak terkehadapan. Jika dilihat dengan teliti prinsip ini, ia berkait secara rapat dengan prinsip yang seterusnya iaitu prinsip berperingkat dalam pengajaran (*al-tadarruj*).

University of Malaya

[74] ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Mu‘jam al-Ta‘rīfāt*, ed. Muḥammad Ṣiddīq al-Minshāwī (al-Qāhirah: Dār al-Faḍīlah, 2004), 124.

[75] Ibn Qayyīm menunjukkan kepentingan perkara ini apabila beliau meletakkan salah satu bab dalam kitabnya *Tuḥfah al-Maudūd* iaitu *Fī Wujūb Ta’dīb al-Awlād wa Ta‘līmihim wa al-‘Adl baynahum* (Berkenaan dengan kewajipan untuk mendidik, mengajar dan bersikap adil terhadap kanak-kank). Lihat Muḥammad bin Abī Bakr Ibn Qayyim, *Tuḥfah al-Maudūd bi Aḥkām al-Mawlūd* (T.tp: Dār ‘Ilm al-Fawā’id, t.t.), 328.

[76] Muḥammad Ibn Suḥnūn, *Kitāb ādāb al-Mu‘allimīn*, ed. Muḥammad al-‘Arūsī (al-Qāhirah: Dār al-Ma‘ārif, 1968), 102.

[77] Perkara ini dibahaskan oleh al-Imām al-Nawāwī dan beliau telah menyatakan beberapa contoh yang praktikal. Antaranya cukup bagi guru memberi isyarat sahaja terhadap sesuatu perkara bagi pelajar yang mampu memahami pelajaran tersebut, guru memberikan ulangan kepada pelajar yang belum menghafal sesuatu pelajaran dan guru menyebutkan hukum sesuatu perkara dengan contoh-contoh yang jelas tanpa menyebutkan dalil bagi yang belum mengetahui dalil. Lihat al-Nawāwī, *al-Majmū‘*, 1:31.

[78] Muḥammad bin Ibrāhīm Ibn Jamā‘ah, *Tadzkirah al-Sāmi‘ wa al-Mutakallim fī ’Adab al-‘ālim wa al-Muta‘allim*, ed. Muḥammad Mahdī al-‘Ajmī (Bayrūt: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2012), 79.

### 2.5.4 Prinsip Berperingkat dalam Pengajaran (*al-Tadarruj*)

Prinsip Berperingkat dalam Pengajaran (*al-Tadarruj*) merupakan prinsip yang penting kerana setiap kanak-kanak mempunyai peribadi dan kecerdasan yang berbeza. Sebagai mana yang disebutkan dalam prinsip keadilan, pendidik hendaklah meraikan perbezaan ini. Dalam menanggapi hal ini, prinsip berperingkat dalam pengajaran sangat penting untuk diamalkan. Pendidikan terhadap kanak-kanak tidak akan berhasil tanpa mengaplikasikan prinsip ini.[79] Hal ini bersesuaian dengan kadar kefahaman kanak-kanak supaya mereka tidak terasa sukar dan terbeban. Kesannya akan menyebabkan kecerdasan mereka terbantut. Lebih dari itu lagi akan menyebabkan mereka tidak suka untuk belajar dan melarikan diri daripada aktiviti pembelajaran.[80]

Prinsip ini bertitik tolak daripada didikan Allah s.w.t terhadap Baginda Nabi s.a.w yang menggunakan prinsip yang sama.[81] Prinsip ini juga diamalkan oleh para sahabat apabila mereka mempelajari tentang iman terlebih dahulu sebelum mereka mempelajari tentang al-Quran.[82] Berperingkat dalam pengajaran kanak-kanak perlu mengambil kira dua aspek yang besar. Pertama berperingkat dalam kadar ilmu pengajaran yang diberikan dan kedua berperingkat dalam cara memberikan ilmu tersebut kepada kanak-kanak.[83]

## 2.6 Peringkat Pendidikan Kanak-kanak dalam Islam

Secara umumnya pembahagian peringkat pendidikan pada zaman ini kepada peringkat rendah, menengah, dan universiti atau pengajian tinggi adalah bertitik tolak daripada apa yang berlaku dalam empayar Islam sejak awal lagi.[84] Pendidikan kanak-kanak pula boleh

---

[79] Ibn Khaldūn, *Diwān al-Mubtada'* 1:734.

[80] Perkara ini dinyatakan oleh al-Imām al-Ghazzālī ketika beliau membincangkan peranan utama seorang guru (*al-murshid al-mu'allim*). Lihat al-Ghazzālī, *'Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn,* 1:57.

[81] Ini boleh dilihat dalam proses pendidikan umat islam di zaman Baginda s.a.w. Pada fasa makkah hanya di akhlak dan aqidah yang ditekankan dan pada zaman madinah zaman barulah hukum hakam banyak diajarkan. Begitu juga dalam pengharaman arak dan beberapa lagi.

[82] Hadis riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Sunnah, Bab al-Īmān, no. Hadis 61. Lihat Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, 1:42.

[83] Yusūf al-Qaraḍāwī, *Al-Rasūl wa al-'Ilm* (al-Qāhirah: Dār al-Ṣaḥwah, 2001), 133.

[84] Shalaby, *History of Muslim Education,* 219.



University of Malaya

dikategorikan dalam dalam pendidikan peringkat rendah. Ini kerana peringkat rendah dalam sejarah Islam merujuk kepada pendidikan yang berlaku di *kuttāb*.[85] Jika dilihat, rata-rata umur kemasukan belajar ke *kuttāb* adalah lima hingga sepuluh tahun.[86] Walau bagaimanapun, peringkat pendidikan kanak-kanak sebenarnya boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat.[87] Namun, pembahagiannya kepada empat peringkat adalah lebih sesuai dan tersusun iaitu pendidikan sebelum kelahiran, pendidikan kanak-kanak pertama, pendidikan kanak-kanak kedua, dan pendidikan menghampiri remaja.[88]

Pendidikan sebelum kelahiran termasuk dalam peringkat pendidikan kanak-kanak kerana sebagaimana yang diketahui bahawa bayi yang berada dalam kandungan terkesan dengan suasana luar.[89] Bahkan ketika mengandung, setiap ibu perlulah pandai menyesuaikan diri dengan segala perubahan yang berlaku pada dirinya, terutamanya dari segi selera makan dan perasaan.[90] Tidak hairan jika para fuqaha meletakkan beberapa hak bagi bayi dalam kandungan, antaranya hak nasab, hak mendapat perwarisan, hak mendapat wasiat dan hak mendapat waqaf.[91] Perkara ini menunjukkan bahawa bayi dalam kandungan adalah sama seperti kanak-kanak yang baru dilahirkan walaupun dari segi bahasa sebagaimana perbahasan makna kanak-kanak (*ṭifl*) sebelum ini menyatakan bahawa kanak-kanak merujuk kepada manusia yang masih kecil dari segi umur dan fizikalnya sehingga sampai kepada tempoh umur akil baligh.

Pendidikan kanak-kanak pertama merujuk kepada peringkat selepas kelahiran sehingga mencapai umur enam atau tujuh tahun. Peringkat ini boleh dibahagikan kepada

University of Malaya

---

[85]*Kuttab* adalah institusi pendidikan kanak-kanak semenjak awal kedatangan islam. Lihat George Makdisi, *The Rise of Colleges: Institutions of Learning in Islam and The West* (Edinburgh: Edinburgh University, 1981), 19.
[86] *Ibid*.
[87] Lihat Ḥassan Mullā, *al-Ṭufūlah fī al-'Islām,* 8 dan Aḥmad Ibrahīm, *Naḥwa Mashrū' Majallah Rā'idah li al-'Aṭfāl* (T.tp:Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1997), 41.
[88] Pembahagian ini adalah rumusan penulis berdasarkan makna *al-ṭifl* dari segi bahasa yang dibincangkan sebelum ini dan melihat kepada amalan pendidikan kanak-kanak menurut islam yang telah dibincangkan sebelum ini.
[89] Ibn Sīnā, *al-Qānūn*, 2:771.
[90] El-Muhammady, *Pendidikan Islam*, 37.
[91] Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*, 7:155.

dua fasa iaitu fasa pertama selepas kelahiran sehingga umur dua tahun manakala fasa kedua bermula pada umur tiga tahun sehingga tujuh tahun. Fasa pertama adalah berasaskan tempoh penceraian susu kepada seorang bayi iaitu dua tahun.[92] Manakala fasa kedua berakhir pada umur tujuh tahun kerana pada umur ini Baginda s.a.w mengisyaratkan kepada suatu tempoh peralihan usia kepada kanak-kanak apabila sudah mula diajar untuk menunaikan solat.[93]

Pendidikan kanak-kanak kedua pula merujuk kepada tempoh bermula umur tujuh tahun sehingga sepuluh tahun. Had umur sepuluh tahun ini diambil berdasarkan kepada isyarat Baginda s.a.w dalam keharusan menghukum kanak-kanak pada usia sepuluh tahun apabila tidak menunaikan solat. Pada umur ini juga tempat tidur anak-anak lelaki dan perempuan perlu dipisahkan. [94]

Pendidikan menghampiri remaja pula merujuk kepada peringkat tempoh umur bermula daripada sepuluh tahun sehingga umur baligh.[95] Namun, dalam membincangkan had umur baligh ilmuwan Islam berbeza pandangan dalam penetapan umur baligh dan tanda-tanda sampai kepada umur baligh. Disimpulkan bahawa terdapat lima tanda bahawa seseorang itu sampai kepada umur baligh iaitu bermimpi keluar mani, tumbuhnya bulu ari-ari, haid, hamil, dan genap umur.[96] Manakala genap umur dikira apabila salah satu daripada tanda-tanda sampai baligh yg disebutkan tidak didapati. Adapun umur yang genap ialah 15 tahun qamariah menurut jumhur ulama dari mazhab Syafie, Hambali dan

[92] Surah al-Baqarah: 233.
[93] Rujuk hadis *"murū awlādakum bi al-ṣalāh wa hum abnā' sab' sinīn.."*. Hadis riwayat al-Bayhaqī, Kitab al-Ṣalāh, Bab mā 'alā al-'Ābā' wa al-'Ummahāt min Ta'līm al-Ṣibyān 'Amr al-Ṭahārah wa al-Ṣalāh, no. Hadis 5092, dan al-Ḥākim, Kitab al-Ṣalāh, Bab 'Amr al-Ṣibyān bi al-Ṣalāh li Sab' Sinīn, no. Hadis 708. Lihat Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhāqī, *al-Sunan al-Kubrā*, ed. Muḥammad 'Abd al-Qādir (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 3:119 dan Muḥammad bin 'Abdullah al-Ḥākim, *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn,* ed. Muṣṭāfā 'Abd al-Qādir (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 1:311.
[94] *Ibid*.
[95] Baligh ialah satu tempoh dalam umur seseorang samaada lelaki ataupun perempuan yang menandakan dia layak menerima *taklīf* (tanggungjawab) yang ditentukan oleh syarak seperti solat, puasa, haji dan lain-lain. Lihat Muṣṭafā al-Buhgā, Muṣṭafā al-Khin dan 'Alī al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī 'Alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī* (Damshiq: Dār al-Qalam li al-ṭibā'āh, 1992), 1:77.
[96] Wahbah Muṣṭafā al-Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Damshiq: Dār al-Fikr, t.t,), 1:241.

sebahagian dari pengikut mazhab Hanfi.[97] Umur genap menurut jumhur inilah menjadi had pendidikan menghampiri remaja.

## 2.7 Disiplin dalam Pendidikan Kanak-kanak menurut Islam

Setelah dibahaskan berkenaan pendidikan kanak-kanak dalam Islam, maka bahagian ini akan menyentuh secara terperinci berkenaan disiplin dalam pendidikan kanak-kanak menurut Islam. Istilah disiplin bukanlah istilah yang asing dalam bidang pendidikan. Kepentingannya amat signifikan untuk memastikan proses pendidikan berjalan lancar. Justeru, bahagian ini akan membahaskan mengenai disiplin dari segi konsep dan kepentingannya kepada pendidikan kanak-kanak sebagai peringkat yang terawal dalam pendidikan manusia.

### 2.7.1 Konsep Disiplin dalam Pendidikan Islam

Perkataan ‘disiplin’ yang datang dari istilah *discipline* dalam bahasa Inggeris berasal dari perkataan Latin *disciplina* adalah membawa maksud pengajaran, pembelajaran dan arahan.[98] *Discipline* dalam bahasa Inggeris juga dikatakan datang dari bahasa Perancis iaitu *dicepline* yang bermaksud pembunuhan beramai-ramai (*massacre*, *carnage*), pengajaran, arahan, undang-undang (*rule or body of rules*), hukuman (*punishment*), kawalan diri (*self control*) dan pengetahuan terhadap ketenteraan (*knowledge of military matters*).[99] Melihat kepada asal maksud perkataan *discipline* yang luas, maka ia membuka ruang yang luas dalam membahaskan makna *discipline*.[100] Kesannya, ia menyukarkan para pengkaji untuk mengeluarkan satu takrifan yang konsisten terhadap *discipline* yang

---

[97] Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah*, 8:192.
[98] Online Etymology Dictionary, ‘Discipline’, laman sesawang *Etymonline*, dicapai pada 26 Februari 2016, http://www.etymonline.com/index.php?term=discipline.
[99] Oxford English Dictionary, ‘Discipline’, laman sesawang *Oed*, dicapai pada 26 Februari 2016, http://www.oed.com/view/Entry/53744?rskey=86wD80&result=1&isAdvanced=false#eid.
[100] Tony Becher dan Paul R. Trowler, *Academic Tribes and Territories: Intellectual Enquiry and The Culture of Discipline* (Buckingham: The Society for Research into Higher Education and Open, 2001), 41.



University of Malaya

mampu memuatkan kesemua makna asalnya.[101] Dalam Collins Thesaurus pula merumuskan beberapa kata kunci untuk istilah *discipline* iaitu kawalan (*control*), hukuman (*punishment*), kawalan diri (*self control*), latihan (*training*) dan bidang kajian (*field of study*).[102]

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat telah meletakkan lima takrif kepada 'disiplin'. Pertama, latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tatatertib. Kedua, peraturan yang ditetapkan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik. Ketiga, kepatuhan kepada peraturan yang telah ditetapkan. Keempat, hukuman atau denda kerana melanggar sesuatu peraturan yang ditetapkan. Kelima, bidang atau lapangan kajian.[103]

Laporan Jawatankuasa Kabinet Pendidikan (1979) pula menjelaskan 'disiplin' itu membawa lima makna. Pertama, kesanggupan seseorang itu bekerja ataupun membuat sesuatu dengan cukup tertib. Kedua, kesanggupan menghormati hak individu lain. Ketiga, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain. Keempat, kesanggupan menghormati antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong menolong. Kelima, kesanggupan membaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat.[104] Namun, jika diteliti, takrifan yang dibawakan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet Pendidikan (1979) ini tidak selari dengan makna asal istilah 'disiplin' melainkan pada makna yang pertama iaitu melakukan sesuatu dengan tertib. Selain itu, makna 'disiplin' yang diberikan dalam laporan ini juga lebih menjurus kepada menyelesaikan beberapa masalah yang berlaku dalam negara pada ketika itu.[105]

---

[101] Armin Krishnan, "What are Academic Disciplines? Some Observations on The Disciplinarity vs. Interdisciplinarity Debate", (Kertas Kerja, Disciplines and Interdisciplinarity, National Centre for Research Methods, University of Southampton, Januari 2009), 7.
[102] Collins Thesaurus, ed. ke-2 (Britain: Harpers Collins Publishers, 2006), 281, entri "discipline".
[103] *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), 356, dalam entri "disiplin".
[104] Abdullah Sani Yahya, *Mengurus Disiplin Pelajar* (Kuala Lumpur: PTS Professional, 2006), 1.
[105] Berberapa isu besar sebelum itu telah melanda negara dan menguguat keamanan negara antara peristiwa 13 mei 1969. Maka isu perpaduan menjadi teras dalam falsafah pendidikan negara. Lihat Haris Md. Jadi,



University of Malaya

Mengambil kira makna asal perkataan 'disiplin' daripada perbahasan di atas, maka boleh disimpulkan bahawa disiplin ialah "**satu bentuk pelatihan dan pengawalan dalam sesuatu bidang, tempat atau organisasi terhadap pemikiran dan tingkah laku kepada seseorang untuk patuh kepada peraturan yang ditetapkan dan tidak melanggar peraturan tersebut supaya tidak membawa kepada hukuman atau denda yang bersesuaian.**"

Dari sudut pandang pendidikan di sekolah, 'disiplin' dalam pendidikan dapat ditakrifkan sebagai satu bentuk pelatihan dan pengawalan dalam sekolah terhadap pemikiran dan tingkah laku pelajar untuk patuh kepada peraturan yang ditetapkan dan tidak melanggar peraturan tersebut supaya tidak membawa kepada hukuman atau denda yang bersesuaian. Takrif ini hampir sama diberikan oleh Kamus Pendidikan Oxford iaitu 'disiplin' sebagai pengawalan yang dikenakan oleh guru terhadap tingkah laku pelajar.[106] Hanyatakrif tersebut dilihat agak sempit kerana disiplin tidak terhad kepada hubungan guru dengan murid sahaja bahkan meliputi keseluruhan persekitaran sekolah.

Selain itu, terdapat juga pandangan yang menyatakan istilah '*education*' adalah sinonim dengan istilah 'disiplin'.[107] Pandangan ini boleh dikatakan kurang tepat kerana jika tidak dicermati, pengertian disiplin akan dilihat membawa makna pendidikan. Namun, jika diteliti takrif pendidikan dan disiplin dalam kerangka pendidikan yang telah dibentangkan oleh para sarjana sebelum ini, maka terdapat perbezaan yang ketara dalam kedua-dua istilah tersebut. Pendidikan membawa makna yang jauh lebih luas daripada disiplin. Hal ini kerana disiplin hanya boleh dilihat sebagai salah satu wasilah atau cara untuk untuk sampai kepada matlamat pendidikan.

---

"Reformasi Kurikulum Pendidikan Negara: Satu Pandangan ke Atas Proses Perancangan, Pembinaan dan Pelaksanaannya", *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 11, (1991), 13.

[106] *A Dictionary of Education*, ed. Susan Wallace (United States: Oxford University Press, 2008), 78, dalam entri "discipline".

[107] Habibuddin Ritonga, "Penggembangan Disiplin dalam Perspektif Pendidikan Islam", *Innovatio* 5 (Julai-Disember, 2006), 345.



University of Malaya

Dalam bahasa Arab terdapat beberapa istilah yang sering digunakan untuk merujuk kepada makna disiplin. Antaranya ialah *inḍibāṭ*. Perkataan *inḍibāṭ* adalah kata nama terbitan dari perkataan *inḍabaṭa* yang berasal dari perkataan *ḍabaṭa* yang membawa maksud menjaga sesuatu dengan rapi, keras dan tekun.[108] Dalam ilmu bahasa Arab, bentuk timbangan (*wazan*) *infa‘ala* atau *infi‘āl* membawa maksud terjadi perbuatan hasil dari  perbuatan lain (*al-muṭāwa‘ah*).[109] Seringkali timbangan ini digunakan hanya untuk perbuatan yang memberi kesan yang jelas dilihat secara zahir, bukannya secara batin.[110] Justeru, *inḍibāṭ* atau *inḍabaṭa* dalam timbangan ini mengandungi makna asal ‘terjadinya penjagaan setelah berlakunya penjagaan yang rapi’.

Perkataan *inḍabaṭa* tidak terdapat dalam kamus silam bahasa Arab. Perkataan ini hanya terdapat dalam kamus-kamus bahasa Arab yang terkemudian.[111]  Ini menunjukkan perkataan ini tidaklah selalu digunakan dalam timbangan tersebut melainkan pada zaman ini. Begitu juga dalam bidang Pendidikan Islam pada zaman awal Islam, jika dirujuk kepada buku-buku Pendidikan Islam pada zaman awal, maka didapati istilah tersebut tidak pernah digunakan. Oleh itu, boleh dikatakan perkataan *inḍibāṭ* hanya digunakan oleh sarjana pendidikan pada zaman ini sahaja dan tidak terkenal pada zaman awal Pendidikan Islam.

Perkataan lain yang boleh dirujuk sebagai disiplin ialah *ta’dīb.*[112] Walaupun sebenarnya *ta’dīb* membawa makna pendidikan yang lebih luas daripada disiplin, namun istilah *ta’dīb* juga dilihat sebagai istilah yang sesuai untuk menggambarkan faham disiplin itu sendiri. Sebagaimana yang dibahaskan sebelum ini, perkataan disiplin

University of Malaya

---

108 Lihat mada *ḍa-ba-ṭa* dalam: Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab,* 7:340; dan lihat al-Zabīdī, *Tāj al-‘Arūs*, 19:439.
109 Contohnya *kasartuhu fa inkasara* (aku telah memecahkannya lalu menjadi ia pecah). Lihat Maḥmūd bin ‘Umar al-Zamakhsharī, *al-Mufaṣṣal fi ‘Ilm al-‘Arabiyyah,* ed. Fakr Ṣāliḥ Qadārah (‘Ammān: Dār ‘Ammār, 2003), 284; Ṣāḥib Ḥamāh ’Ismā‘īl bin al-’Afḍal ‘Alī, *Kitāb al-Kunnāsh fi Fannay al-Naḥw wa al-Ṣarf* (Bayrūt: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2004), 2:69.
110 Hādī Shandūkh Ḥamīd, “*Ṣīghah (infa‘la) fī al-Ta‘bīr al-Qurānī: Dirāsah fī al-Mabnā wa al-Ma‘nā*”, *Majallah Ādāb Dhi Qār*, 1 (Disember 2010), 72.
111 Rujuk Aḥmad Mukhtār ‘Umar, *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘āṣirah* (al-Qāhirah: ‘Ālam al-Kutub, 2008), 2:1345 dan Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *al-Mu‘jam al-Waṣīṭ* (al-Qāhirah: Dār al-Da‘wah, t.t), 533.
112 Hans Wehr, *A Dictionary of Modern Written Arabic* ed. J. Milton Cowan ed. Ke.3 (Ner York: Spoken Langguage Services, 1976), 10 entri “ta’dīb”.

ditakrifkan sebagai satu bentuk pelatihan dan pengawalan dalam sesuatu bidang, tempat atau organisasi terhadap pemikiran dan tingkah laku kepada seseorang untuk patuh kepada peraturan yang ditetapkan dan tidak melanggar peraturan tersebut supaya tidak membawa kepada hukuman atau denda yang bersesuaian. Jika dilihat kembali kepada perkataan *ta'dīb*, ia mengandungi makna kecantikan dan kebijaksanaan yang terkait dengan adab jiwa (*adab al-nafs*) dan adab pengajaran (*adab al-dars*). Selain itu *ta'dīb* juga mencakupi makna mengajar dan melatih untuk patuh.[113] Seorang yang beradab disebut sebagai *al-adīb* kerana dia merupakan seorang yang mengajak kepada perkara yang terpuji dan mencegah daripada perbuatan yang keji.[114]

Disebabkan itu, kita boleh melihat kebanyakan para ilmuwan Islam menggunakan perkataan *ta'dīb* dan *adab* dalam tajuk dan penulisan mereka yang menunjukkan maksud disiplin. Contohnya *Ādāb al-Mu'allimīn* karya Ibn Saḥnūn, *Ādāb al-Dunyā wa al-Dīn* karya al-Māwardī, *al-Jāmi' li Akhlāq al-Rāwī wa Ādāb al-Sāmi'* karya al-Khaṭīb al-Baghdādī, dan *Ādāb al-'Ālim wa al-Muta'allim wa al-Muftī wa al-Mustaftī wa Faḍl Ṭalab al-'Ilm* karya al-Imām al-Nawāwī. Selain itu, boleh dilihat penggunaan perkataan *ta'dīb* oleh para fuqaha tidak akan lari dari maksud mengajarkan *adab*, hukuman terhadap kesalahan, melatih jiwa dan akhlak yang baik.[115] Justeru, perkataan *ta'dīb* sebenarnya telah pun mencakupi makna disiplin yang sedia ada walaupun secara asalnya perkataan *ta'dīb* itu sendiri mempunyai cakupan makna yang lebih luas yang merangkumi makna pendidikan. Justeru, rangkai kata bahasa Arab yang sesuai digunakan dalam bidang pendidikan Islam untuk menggambarkan disiplin kanak-kanak ialah *ta'dīb al-ṭifl* atau *ta'dib al-Atfal*.

[113] Sila rujuk perbahasan mengenai makna *ta'dīb* pada perbahasan makna pendidikan.
[114] Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab,* 1:206.
[115] Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah,* 10:19.



University of Malaya

### 2.7.2 Kepentingan Disiplin Terhadap Kanak-kanak dalam Pendidikan Islam

Disiplin dalam kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan. Justeru, kepentingannya dalam kehidupan tidak dapat dinafikan. Al-Quran yang merupakan panduan hidup kepada seluruh manusia adalah sebuah kitab yang sarat dengan panduan disiplin. Buktinya, antara intisari utama dalam lima ayat al-Quran yang pertama diturunkan adalah berkenaan disiplin hidup. Hidup hendaklah dipandu dengan ilmu yang bersumberkan daripada Tuhan yang menciptakan sekalian alam. Manakala ilmu diperolehi dari proses pendidikan, pengajaran dan pembelajaran.[116]

Dari sudut masyarakat umum, disiplin sentiasa diperlukan untuk membentuk kehidupan yang tersusun dan terkawal. Dari kacamata pendidikan kanak-kanak juga tidak jauh bezanya, disiplin sangat diperlukan bahkan sentiasa dipupuk untuk mengawal sosial sekolah melalui proses dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan teratur. Bahkan, disiplin juga menjadikan pelajar lebih bermotivasi dan bertindak dengan aktif.[117] Manakala, penanaman disiplin dalam diri kanak-kanak pelajar sangat diperlukan untuk membentuk perilaku mereka. Disiplin diperlukan untuk membantu penyesuaian peribadi dan sosial anak.[118]

Melihat kepentingan disiplin itu sendiri, secara sendirinya ia juga menjadi suatu yang sangat penting dalam pendidikan kanak-kanak. Antara kepentingan utama disiplin kanak-kanak ialah menjadi faktor utama mencapai tujuan pendidikan.[119] Menjadi satu harapan tertinggi dan matlamat terbesar dalam apa jua bidang sekalipun adalah untuk mencapai tujuan dan objektif yang telah ditetapkan. Dengan itu, jelas tergambar bahawa aspek Disiplin merupakan aspek yang tidak boleh dipandang enteng dan diremehkan

[116] Rujuk surah al-‘Alaq: ayat 1-5.
[117] Abdullah Sani Yahaya, Abdul Rashid Mohamed dan Abd. Ghani Abdullah, *Guru Sebagai Pemimpin* (Kuala Lumpur: PTS Professional, 2007), 68.
[118] Chairon Nisak Aulina, “Penanaman Disiplin Pada Usia Anak Dini” *Pedagogia* 2, no. 1 (Februari 2013), 37.
[119] Dinasril Amir, “On Time and Discipline in Islam: Analysis Towards Purpose of Islamic Education” *al-Ta’lim* 21, no.3 (November 2014), 223.



University of Malaya

lantas kepentingannya yang besar. Dalam melestarikan konsep Disiplin memerlukan pendekatan yang benar. Antara pendekatan yang sering dibahaskan ialah Pendekatan Hukuman yang akan dibincangkan seterusnya.

## 2.8 Hukuman dalam Pendidikan Kanak-kanak menurut Islam

Perbahasan mengenai hukuman dalam pendidikan sering diperdebatkan oleh para sarjana pendidikan di serata dunia, khususnya hukuman terhadap kanak-kanak. Terdapat kumpulan yang bersetuju dengan pelaksanaan hukuman terhadap kanak-kanak, namun terdapat juga kumpulan yang tidak bersetuju dengan hal tersebut. Masing-masing kumpulan mempunyai dalil dan hujah yang tersendiri.[120] Justeru, bahagian ini akan membahaskan berkenaan konsep, kepentingan, tujuan dan prinsip hukuman dalam pendidikan khususnya pendidikan kanak-kanak menurut Islam. Di akhir perbahasan, dikemukakan satu bahagian khusus yang membincangkan mengenai hukuman memukul dalam pendidikan kanak-kanak menurut Islam.

### 2.8.1 Konsep Hukuman dalam Pendidikan Islam

Hukuman dalam bahasa Arab disebut dengan istilah *‘iqāb* atau *‘uqūbah. ‘Iqāb* adalah kata terbitan daipada kata kerja *‘āqaba* yang berasal dari perkataan *al-‘aqib* yang bermaksud akhir sesuatu perkara.[121] Sebagaimana dikatakan kepada hujung kaki (*‘aqib al-qadam*) yang membawa maksud hujung atau akhir kaki yang merujuk kepada tumit kaki. Pada masa yang sama, ia juga mengandungi maksud balasan yang baik dan akibat sesuatu perbuatan. ‘*Aqib* juga mengandungi makna silih berganti. Hal ini menjelaskan bahawa maksud asal*‘iqāb* ialah selepas berakhirnya sesuatu perkara yang berbentuk balasan.[122]

---

[120] Laṭīfah Hussayn al-Kandari. *Ta'dīb al-Ṭifl bi al-Luṭf lā bi al-‘Unf.* (al-Kuwait: wizārah al-Tarbiyah, 2011), 61.
[121] Lihat mada *‘a-qa-ba* dalam: Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab*, 1:611; al-Zabīdī, *Tāj al-‘Arūs*, 3:396.
[122] *Ibid.*



University of Malaya

*‘Iqāb* dalam al-Quran disebut beberapa kali dan kebanyakannya disebut bersama perkataan *shadīd* yang bermaksud bersangatan dan keterlaluan.[123] Gandingan kedua-dua perkataan ini merujuk kepada bersangatannya *‘iqāb* Allah s.w.t. terhadap perlanggaran peraturan-peraturan-Nya. Terdapat ayat yang menggandingkan perkataan *‘iqāb* dengan perkataan *sarī’* yang bermaksud pantas dan laju.[124] Gandingan kedua-dua perkataan ini menjelaskan bahawa *‘iqāb* Allah s.w.t itu laju dan pantas. Dalam al-Quran juga terdapat pecahan perkataan *‘iqāb* yang menggambarkan maksud *‘iqāb* itu sendiri antaranya *’a’qāb*.[125] Perkataan ini adalah kata ramai (*jama‘*) daripada perkataan *‘aqib* yang merujuk kepada berpaling kembali.[126] Terdapat juga perkataan *‘uqbā* yang menggambarkan makna *‘iqāb* ketika Allah s.w.t menceritakan kesudahan dan balasan bagi setiap orang yang beriman dan orang yang ingkar.[127]

Justeru, penggunaan perkataan *‘iqāb* dan beberapa pecahan perkataan daripadanya dalam al-Quran berkait rapat dengan balasan dan ganjaran terhadap sesuatu perbuatan sama ada ia berlaku di dunia mahupun akhirat. Walaupun begitu, *‘iqāb* lebih menjurus kepada balasan perbuatan yang salah. Ia dilihat sebagai satu gertakan kepada manusia supaya kembali ke jalan asal mereka yang telah ditetapkan agar kesudahan hidup mereka adalah kesudahan yang baik.

Dapat dilihat daripada perbahasan di atas bahawa *‘iqāb* hanya berlaku selepas sesuatu perbuatan dilaksanakan dan perbuatan itu menyalahi peraturan atau undang-undang yang telah ditetapkan. Perbahasan ini membawa kepada suatu kesimpulan bahawa *‘iqāb* atau hukuman boleh ditakrifkan sebagai **‘suatu perbuatan balas terhadap perbuatan yang bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan yang mempunyai tujuan tertentu’**. Daripada perbahasan ini juga dapat dilihat konsep *‘iqāb* atau hukuman

[123] Surah al-Baqarah: 196 & 211; surah Āli-‘Imrān: 11; surah al-Mā’idah: 2 & 98; surah al-Anfāl: 13, 25, 48 & 52 ; surah al-Ra‘d: 32; surah al-Ghāfir: 3.
[124] Surah al-’An‘ām: 165; surah al-’A‘rāf: 167.
[125] Surah Āli-‘Imrān: 144 & 149; Surah al-’An‘ām: 71; surah al-Mu’minūn: 66.
[126] al-Qurṭubī, *al-Jāmi‘*, 4:226.
[127] Surah al- Ra‘d: 22, 24, 35 & 42; surah al-Kahfī: 44; surah al-Shams: 15.



University of Malaya

dalam Islam lebih luas dan berkesan berbanding konsep hukuman selainnya. Ini kerana hukuman dalam Islam meliputi hukuman dunia (*al-'iqāb al-dunyāwī*) dan juga hukuman akhirat (*al-'iqāb al-ukhrāwī*).

Terdapat beberapa perkataan yang hampir sama maknanya dengan hukuman. Antaranya ialah *jazā'*. *Jazā'* membawa makna balasan sama ada dalam bentuk ganjaran terhadap perbuatan baik ataupun hukuman terhadap perbuatan yang salah.[128] Dalam al-Quran perkataan *jazā'* diulang banyak kali yang menunjukkan makna balasan yang baik atau buruk terhadap perlakuan manusia.[129] Ini menguatkan lagi bahawa j*azā'* bukanlah perkataan yang memberi makna yang jitu terhadap hukuman. Dari sini jika diteliti, perkataan *jazā'* lebih umum daripada perkataan *'iqāb* kerana *jazā'* merangkumi pemberian ganjaran kepada perbuatan yang baik sedangkan *'iqāb* tidak membawa maksud tersebut.

Adapun perkataan *al-ḥukm* yang daripadanya perkataan hukuman dalam bahasa Melayu diperolehi, ia tidak membawa maksud sepertimana yang digambarkan dalam bahasa Melayu. *Ḥukm* adalah kata nama terbitan daripada kata kerja *ḥakama* yang membawa maksud menahan dan mengembalikan.[130] *Ḥukm* juga membawa maksud ilmu dan kefahaman yang mendalam.[131] Dengan makna itulah orang yang menjalankan *ḥukm* digelarkan sebagai *ḥākim* kerana dia menahan manusia daripada melakukan kezaliman dan mengembalikan hak seseorang.[132] Begitu juga dalam al-Quran, *ḥukm* disebut dalam banyak ayat sama ada dalam bentuk kata kerja ataupun kata nama.[133] Namun makna ayat-

University of Malaya

---

128 Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, 14:143.
129 Surah al-Baqarah: 85 & 191; surah Āli-'Imrān: 87 & 136; surah al-Nisā': 93; surah al-Mā'idah: 29, 38 & 95: surah al-Tawbah: 26, 82 & 95; surah Yūnus: 27: surah Yūsuf: 25, 74 & 75; surah al-Isrā': 63 & 98; surah al-Kahfi: 88 & 106; surah Ṭāhā: 76; surah al-Furqān: 15; surah al-Sajdah: 17; surah Saba': 37; surah al-Zumar: 34; surah Fuṣṣilat: 27; surah al-Shūrā: 40; surah al-'Aḥqāf: 14; surah al-Najm: 41; surah al-Qamar: 14; surah al-Raḥmān: 60; surah al-Wāqi'ah: 24; surah al-Ḥashar: 17; surah al-'Insān: 9 & 22; surah al-Naba': 26 & 36; surah al-Bayyinah: 8.
130 Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, 12:141.
131 *Ibid.*, 140.
132 *Ibid.*, 141.
133 Antaranya kata nama selain *ḥukm* yang boleh didapati ialah *ḥikmah*. Lihat surah al-Baqarah: 129, 151, 231, 251 & 269; surah Āli-'Imrān: 48, 81 & 164; surah al-Nisā': 54 & 113; surah al-Mā'dah: 110; surah al-Naḥl: 125; ; surah al-'Isrā': 39; surah Luqmān: 12; surah al-'Aḥzāb: 34; surah Ṣād: 20; surah al-Zukhruf:

ayat itu tidak lari dari makna asal perkataan tersebut iaitu ilmu, kefahaman dan proses keadilan. Justeru, *ḥukm* yang terdapat dalam bahasa Arab mempunyai maksud yang berlainan dengan faham hukuman yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Perkataan lain yang mengandungi makna hukuman ialah *al-'azāb*. Namun, jika diteliti makna *azdāb*, ia berasal daripada perkataan *al-'adzb* yang bermaksud segar atau sesuatu yang terputus daripada makanan dan minuman.[134] Seseorang yang tidak makan atau minum digelarkan *al-'ādzib*. Perkataan *azdāb* juga bermakna *al-man'* iaitu menghalang.[135] Dalam hal ini, air yang segar digelarkan *al-mā' al-'adzb* kerana ia menghalang seseorang daripada kehausan.

Perkataan *azdāb* boleh ditemui sangat banyak dalam al-Quran.[136] Namun jika diteliti, perkataan *azdāb* dalam al-Quran lebih menjurus kepada makna siksaan. Disebabkan itu *azdāb* juga diertikan sebagai kesakitan yang bersangatan yang dikenakan kepada badan ataupun perasaan.[137] Justeru, *azdāb* dikenakan kepada pesalah kerana ia menghalang orang yang bersalah itu untuk kembali mengulangi kesalahannya. Dengan itu, *azdāb* dapat dikatakan sebagai satu siksaan yang pedih yang dikenakan kepada pesalah bertujuan untuk menghalangnya daripada mengulangi kesalahan. Dalam sebuah hadis, disebutkan juga perjalanan yang jauh merupakan sebahagian daripada *azdāb.*[138] Ini menunjukkan selain daripada siksaan yang dikenakan kepada pesalah, *azdāb* juga mengandungi makna kesakitan yang terhasil daripada perkara-perkara yang lain seperti perjalanan yang jauh dan sebagainya.

University of Malaya

63; surah al-Qamar: 5; surah Jumu'ah: 2. Selain itu *muḥkamah*. Lihat surah Āli-'Imrān: 7 dan surah Muḥammad: 20.

[134] Lihat mada *'a-dza-ba* dalam: Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, 1:583.

[135] al-Zabīdī, *Tāj al-'Arūs*, 3:330.

[136] Perkataan ini boleh dijumpai dengan banyak dalam surah-surah yang lain selain al-baqarah. Namun dinyatakan surah al-baqarah sahaja sebagai rujukan. Surah al-Baqarah: 7, 10, 49, 85, 86, 90, 96, 104, 114,126, 162, 166, 174, 175, 178 dan 201.

[137] Aḥmad Mukhtār, *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah*, 2:1474.

[138] Lihat hadis riwayat al-Bukhāri, Kitab al-'Umrah, Bab al-Safar Qiṭ'ah min al-'adzab, no. Hadis 1804. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,), 3:8.

Melalui perbahasan di atas ternyata istilah bahasa Arab yang paling sesuai digunakan untuk hukuman ialah *‘iqāb.* Ini kerana *jazā’* mempunyai maksud yang lebih umum meliputi hukuman terhadap perbuatan yang salah dan juga ganjaran kepada perbuatan yang baik. Manakala istilah *ḥukm* tidaklah menepati istilah hukuman kerana *ḥukm* lebih menjurus kepada makna pengadilan dengan ilmu. Begitu juga istilah *azdāb* kurang sesuai digunakan kerana ia mempunyai maksud yang lebih umum berbanding ‘*iqāb*. Ini kerana *azdāb* tidak khusus kepada balasan perbuatan yang salah bahkan boleh sahaja terhasil daripada pelbagai perkara seperti perjalanan yang jauh dan sebagainya.

Jika dilihat dari sudut pendidikan, hukuman (‘*iqāb*) dalam pendidikan juga tidak lari daripada makna hukuman yang asal. Perbezaan yang jelas ialah pelaku kesalahan itu ialah pelajar sekolah dan melakukannya semasa waktu persekolahan serta melibatkan undang-undang sekolah. Hukuman dalam pendidikan boleh ditakrifkan sebagai **‘satu bentuk tindak balas terhadap perbuatan pelajar yang bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan yang mempunyai tujuan tertentu’**.

Perbezaan hukuman yang diberikan kepada pelajar juga dititikberatkan berdasarkan perbezaan dari segi kesalahan yang dilakukan, perbezaan usia dan peringkat pendidikan.[139] Melihat kepada maksud hukuman (‘*iqāb*) yang diberikan jelas bahawa hukuman (‘*iqāb*) dalam pendidikan ini tidak terhad kepada hukuman berbentuk fizikal bahkan juga berbentuk perasaan. Kebiasaannya, hukuman yang sering dibahaskan dalam pendidikan adalah hukuman yang bersifat fizikal (*ḥissī*) seperti memukul, mencubit dan menarik telinga.[140] Namun, dalam meletakkan hukuman terhadap kesalahan pelajar ia tidak terbatas kepada hukuman fizikal (*ḥissī*) seperti memukul dan sebagainya.[141] Bahkan, terdapat juga hukuman yang berbentuk bukan fizikal iaitu hukuman bersifat psikologi

[139] Ahmad Kilani Muhamed, *Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam* (Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2003), 161.
[140] Perbincangan mengenai jenis hukuman akan dibincangkan dengan lebih pada bab keempat dalam penulisan ini.
[141] Al-Ḥāzimī, *Uṣūl al-Tarbiyah al-Islāmiyyah,* 402.



University of Malaya

(*ma'nawī*).[142] Antara contoh hukuman psikologi (*ma'nawī*) ialah pengasingan daripada pelajar lain dan menghalang daripada bermain atau makan serta minum.[143]

### 2.8.2 Kepentingan Hukuman dalam Pendidikan Islam

Hukuman merupakan salah satu pendekatan dalam mendidik manusia di samping pendekatan-pendekatan yang lain. Ia merupakan satu kaedah yang diterima pakai sejak awal sejarah manusia.[144] Masyarakat yang cuba mengasingkan dan menidakkan hukuman (*'iqāb*) dalam sistem kehidupan mereka mesti berdepan dengan pelbagai masalah dan kepincanganbahkan hala tuju masyarakat akan mengarah kepada kehancuran.[145] Disebabkan itu, Islam mensyariatkan hukuman (*'iqāb*) kerana mempunyai kepentingan yang sangat besar dalam membantu kehidupan manusia. Bukan sahaja dari sudut menghukum terhadap pelanggaran peraturan dan undang-undang, malah ia menjadi satu kaedah mendidik kepada bukan pesalah.[146] Justeru, Islam sebagai agama yang komprehensif tidak pernah mengasingkan hukuman (*'iqāb*) dalam sistem pendidikannya.[147]

Rentetan dari itu, hukuman (*'iqāb*) dengan pendidikan sebenarnya tidak boleh dipisahkan. Namun, ia tidaklah boleh digunakan sewenang-wenangnya. Secara asalnya ia merupakan pendekatan yang terakhir dalam membentuk disiplin pelajar sebagai

University of Malaya

[142] Ahmad Kilani, *Pengurusan Pendidikan di Sekolah,* 162.
[143] Hukuman psikologi (*ma'nawī*) dengan menghalang untuk makan dan minum tidak dipersetujui oleh al-Qābisī. Menurutnya ianya bersalahan dengan hubungan seorang guru dengan pelajarnya yang sepatutnya bersifat lemah lembut. Lihat al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah,* 130.
[144] Ini boleh dilihat dalam kisah Nabi Adam a.s apabila dihukum untuk keluar daripada syurga dan turun ke bumi selepas dihasut oleh Iblis untuk melanggar arahan daripada Allah. Lihat Surah al-Baqarah ayat 30 hingga 36.
[145] Perkara ini disebutkan oleh Shaykh 'Abdullah Nāṣiḥ 'Ulwān ketika membincangkan pendidikan melalui hukuman. Beliau membawakan beberapa kes yang berlaku terhadap masyarakat barat dalam menunjukkan keseriusan perkara ini. lihat 'Abdullah Nāṣiḥ 'Ulwān, *Tarbiyah al-'Awlād,* 2:717.
[146] 'Azīz 'Alī, "*Maqāṣid al-'Uqūbah fī al-Shāri'ah al-'Islāmiyyah" al-'Akādimiyyah li al-Dirāsāt al-'Ijtimā'iyyah wa al-'Insāniyyah 7,* (2011), 42-49.
[147] *Ibid.*

pelajaran kepada mereka selepas pendekatan yang lain tidak berhasil.[148] Perkara ini akan dibahaskan pada topik prinsip dalam hukuman nanti.

Dengan adanya hukuman dalam pendidikan, ia sebenarnya mendidik pelajar bahawa setiap sesuatu ada peraturan, batasan dan kedudukannya. Ternyata hukuman sangat penting untuk mengurangkan dan seterusnya mengelakkan sebarang permasalahan disiplin dalam kalangan pelajar. Ini kerana masalah disiplin boleh merencatkan proses pendidikan pelajar itu sendiri, malah ia akan melambatkan bahkan membantutkan usaha untuk mencapai tujuan pendidikan  secara berkesan. Oleh itu, kepentingan hukuman dalam pendidikan sangat jelas kerana ia merupakan jambatan yang kukuh dalam membentuk disiplin pelajar. Walaupun demikian, hukuman dalam pendidikan hendaklah berasaskan prinsip-prinsip yang selari dengan pandangan Islam. Ini kerana prinsip-prinsip itulah yang akan memandu hukuman tersebut agar matlamat dalam pelaksanaannya dapat dicapai. Selain itu, perlu ditekankan juga bahawa hukuman dalam pendidikan mempunyai tujuan tertentuyang akan memperlihatkan bahawa hukuman merupakan salah satu daripada bentuk disiplin (*ta'dīb*) itu sendiri.

### 2.8.3 Tujuan Hukuman dalam Pendidikan Islam

Secara asasnya tujuan manusia diciptakan oleh Allah SWT adalah untuk mengabdikan diri kepada-Nya.[149] Namun, apabila manusia lari dari tujuan asalnya, maka Allah SWT mengutuskan para rasul untuk memberi peringatan dan amaran.[150] Dengan turunnya wahyu terakhir kepada nabi terakhir iaitu Nabi Muḥammad s.a.w, maka dapat dilihat bahawa Allah SWT telah menjadikan wahyu terakhir ini sebagai syariat yang paling lengkap dan komprehensif. Salah satu aspek utama yang terdapat dalam syariat ini ialah wujudnya konsep ganjaran dan hukuman. Pensyariatan Islam terhadap hukuman dalam

---

[148] Al-Ḥāzimī, *Uṣūl al-Tarbiyah*, 401.
[149] Surah al-Dhāriyāt: 56.
[150] Surah al-Baqarah: 213.



University of Malaya

memandu sistem kehidupan manusia memberi isyarat yang besar terhadap kepentingannya. Ini kerana ia mempunyai tujuan yang penting dan besar dalam menjaga maslahah umum masyarakat.[151]

Perbahasan mengenai tujuan hukuman tidak lari daripada tiga kata kunci iaitu mendidik (*ta'dīb*), memperbaiki (*iṣlāh*) dan mencegah (*rad'*).[152]Hukuman dalam pendidikan merupakan cara atau wasilah kepada disiplin (*ta'dīb*) itu sendiri dan bukannya menghukum semata-mata.[153] Antara tujuan hukuman dilaksanakan kepada kanak-kanak ialah untuk mendidik mereka mengenali tingkah laku yang betul dan salah, membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh mereka dan mencegah mereka untuk tidak melakukan kesalahan yang sama. Ketiga-tiga tujuan ini adalah berasaskan tiga kata kunci yang disebutkan sebelum ini. Oleh itu, wajarnya dijelaskan tujuan hukuman ini supaya kefahaman terhadap hukuman dapat dibetulkan, bukan semata-mata untuk menjatuhkan maruah orang yang dihukum sahaja. Berikut diperjelaskan ketiga-tiga tujuan hukuman yang tersebut.

**a. Mendidik untuk Mengenali Tingkah Laku yang Betul dan Salah**

Hukuman yang dilaksanakan kepada kanak-kanak hendaklah bertujuan menjadikan mereka mengetahui, mengenali dan menyedari bahawa tingkah laku yang dilakukan oleh mereka yang mengakibatkan hukuman tersebut adalah salah. Ini kerana sebahagian kanak-kanak tidak mengetahui bahawa tingkah laku mereka adalah salah. Oleh kerana itu, Islam menyatakan bahawa kanak-kanak merupakan golongan yang tidak

---

[151] Muḥammad Abu Zuhrah, *al-Jarīmah wa al-'Uqūbah fī al-Fiqh al-'Islāmī* (al-Qāhirah: Dār al-Fikrī al-'Arabī, 1998), 18.

[152] Lihat Muḥammad al-Ṭāhir Ibn 'Ashūr, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-'Islāmiyyah,* ed. Muḥammad al-Ḥabīb (Qaṭar: Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'ūn al-'Islāmiyyah, 2004), 3:550.

[153] Perbahasan mengenai hukum keharusan untuk menghukum kanak-kanak telahpun dibincangkan oleh para ilmuwan Islam dan mereka menetapkan bahawa hukuman terhadap kanak-kanak adalah untuk mendidik dan bukan untuk menghukum. Lihat Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī, *al-Umm* (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 1990), 6:187; 'Abdullah bin Aḥmad bin Qudāmah, *al-Mughnī li Ibn Qudāmah* (al-Qāhirah: Maktabah al-Qāhirah, 1968), 5:397; Abu Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazzālī, *al-Waṣīṭ fī al-Madhab,* ed. Aḥmad Maḥmūd dan Muḥammad Tāmir (al-Qāhirah: Dār al-Salām, 1997), 6:513; Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah al-Kuwayt, *al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah* (Kuwayt: Wizārah al-Awqāf, 2006), 45:168.



University of Malaya

dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kewajipan.[154] Namun begitu, mereka masih mempunyai keupayaan akal untuk menilai sebab sesuatu tingkah laku sama ada benar mahupun salah walaupun keupayaan itu masih belum sempurna.[155]

**b. Membetulkan Tingkah Laku Salah Yang Dilakukan**

Membentuk peribadi yang benar menurut Islam adalah antara perkara yang amat dititikberatkan. Selaras dengan itu, tidak hairan jika perbadi Baginda s.a.w diiktiraf sebagai peribadi yang mempunyai akhlak yang agung.[156] Oleh kerana itu, antara tugas utama para rasul ialah untuk membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh manusia. Justeru, antara tujuan hukuman terhadap kesalahan kanak-kanak ialah untuk membetulkan kesalahan tersebut. Ini bagi mengelakkan daripada berlaku pengulangan terhadap kesalahan yang sama, seterusnya menjadi kebiasaan mereka. Apabila perkara sebegitu terjadi, maka akan ada kecenderungan untuk berlaku yang lebih bahaya iaitu melakukan kesalahan tanpa rasa bersalah dalam diri.

**c. Mencegah Daripada Melakukan Kesalahan yang Sama**

Dalam syariat Islam, hukuman bukan semata-mata memberi kebaikan kepada pesalah bahkan memberi kebaikan kepada orang lain iaitu dengan menghindari mereka daripada melakukan kesalahan yang sama. Ini dinyatakan oleh Allah SWT dalam perihal pelaksanaan hukum hudud kepada penzina lelaki dan perempuan yang mesti disaksikan pelaksanaan hukuman tersebut oleh sekumpulan orang yang beriman.[157] Hal tersebut akan memberi kesan yang mendalam kepada orang yang menyaksikannya, seterusnya

[154] Hadis riwayat al-Bayhaqī, Kitab al-Ṣalāh, Bab man tajibu ‘alayhi al-ṣālah, no. Hadis 5089 dan dan al-Ḥākim, Kitab al-Ṭahārah, no. Hadis 949. Lihat al-Bayhāqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 3:118 dan al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, 1:389.
[155] Ḥassan Mullā, *al-Ṭufūlah fī al-’Islām*, 145.
[156] Surah al-Qalam: 4.
[157] Surah al-Nūr: 2.



University of Malaya

menjadi peringatan serta amaran kepada mereka untuk tidak melakukan perkara yang sama.[158]

Begitu juga halnya dalam menghukum kanak-kanak. Selain mencegah pelaku kesalahan daripada melakukan kesalahan tersebut, ia juga bertujuan untuk mencegah dan mengelak kanak-kanak yang lain daripada melakukan kesalahan yang sama dan mengulanginya. Namun, hendaklah dipastikan bahawa hukuman itu memberi kesan yang mendalam kepada kanak-kanak lain dengan menerangkan kepada mereka tujuan hukuman tersebut dilakukan kepada pelaku kesalahan.

Kesimpulannya, hukuman yang dilaksanakan kepada kanak-kanak adalah bertujuan sebagai cara atau wasilah untuk mencapai matlamat dalam pendidikan. Ia juga merupakan satu unsur yang penting dalam disiplin (*ta'dīb*). Oleh itu, tujuan hukuman hendaklah sentiasa diperjelaskan agar setiap hukuman yang dijalankan kepada kanak-kanak tidak terpesong dan lari daripada tujuan asalnya yang akan menyebabkan kesan yang tidak sihat kepada  kanak-kanak itu sendiri mahupun kepada orang lain.

### 2.8.4 Prinsip Hukuman dalam Pendidikan Islam

Dalam melaksanakan hukuman dalam pendidikan sama ada di sekolah ataupun selainnya, adalah perlu dijelaskan dengan terperinci prinsip-prinsip dalam menjalankan hukuman. Sudah tentu prinsip-prinsip ini dibina berasaskan Islam melalui sumbernya iaitu al-Quran dan Hadis. Namun, perlu diperhatikan bahawa hukuman yang dilakukan terhadap kanak-kanak hendaklah berbeza dengan hukuman yang dilakukan kepada orang dewasa. Hal ini kerana secara asalnya hubungan seorang guru dengan pelajar itu bersifat lemah lembut dan belas kasihan.[159] Hal ini juga dilihat berdasarkan hubungan Nabi Muḥammad s.a.w

---

[158] Lihat Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm,* 6:5 dan Sayyid Quṭb, *Tafsīr fī ẓilāl al-Qur'ān* (T.tp: Dār al-Shurūq, 2003), 4:2488.

[159] Ḥassan Mullā, *al-Ṭufūlah fī al-'Islām,* 143.

dengan kanak-kanak semasa hayat Baginda s.a.w. Bahkan Baginda s.a.w tidak pernah memukul atau merotan kanak-kanak.[160]

Walaupun demikian tidak bermakna bahawa Baginda s.a.w melarangnya. Ini dapat dilihat pada proses pendidikan solat.[161] Pada umur tujuh tahun kanak-kanak diajarkan dan diperintahkan untuk menunaikan solat dan apabila sampai umur sepuluh tahun mereka boleh dipukul jika meninggalkan solat. Oleh yang demikian, dalam melaksanakan hukuman terhadap kesalahan pelajar maka hendaklah hukuman itu berdasarkan prinsip-prinsip yang lahir daripada sumber Islam itu sendiri. Justeru, prinsip-prinsip ini diletakkan supaya faham terhadap hukuman itu benar dan tidak lari daripada matlamat pendidikan. Maka, ia dapat mengelakkan daripada penyalahgunaan hukuman dan tanggapan yang salah terhadap hukuman dalam pendidikan.

### a. Jalan yang Terakhir

Hukuman yang dilaksanakan kepada kanak-kanak hendaklah dijalankan selepas semua kaedah pendidikan seperti memberi tahu dan memberi amaran telah pun dijalankan dan kaedah-kaedah tersebut masih lagi tidak berkesan.[162] Disebutkan bahawa jika kanak-kanak melakukan kesalahan atau perkara kemungkaran, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah diberitahu dengan kata-kata (*al-qawl*), kedua diberi amaran (*al-wa‘īd*), ketiga dicela (*al-ta‘nīf*), [163] dan keempat dirotan. Para pendidik dinasihatkan untuk mengikut tertib yang disebut dan tidak melangkaui tertib. Jika matlamat untuk mendidik

---

[160] Jamāl ‘Abd al-Raḥmān, *Aṭfāl Muslimīn*, 94.
[161] Rujuk hadis "*murū awlādakum bi al-ṣalāh wa hum abnā’ sab‘ sinīn..*" Hadis ini boleh dianggap sebagai asas kepada hukuman dalam pendidikan kanak-kanak. Hadis riwayat al-Bayhaqī, Kitab al-Ṣalāh, Bab mā ‘alā al-’Ābā’ wa al-’Ummahāt min Ta‘līm al-Ṣibyān ’Amr al-Ṭahārah wa al-Ṣalāh, no. Hadis 5092, dan al-Ḥākim, Kitab al-Ṣalāh, Bab ’Amr al-Ṣibyān bi al-Ṣalāh li Sab‘ Sinīn, no. Hadis 708. Lihat al-Bayhāqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 3:119 dan al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, 1:311.
[162] ’Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān, *Tarbiyah al-’Awlād*, 2:725.
[163] Perkara ini juga dinyatakan oleh Ibn Sīnā dan beliau meletakkan untuk syarat celaan (*ta‘nīf* atau *tawbīkh*) terhadap kesalahan kanak-kanak yang terbabit hendaklah sekadar yang apa yang dilihat cukup dan tidak berlebihan. Lihat al-Ḥusayn bin ‘Abdullah Ibn Sīnā, *Kitāb al-Siyāsah*, ed. Fu‘ad ‘Abd al-Mu‘im (Iskandariyyah: Muassasah Shabāb al-Jāmi‘ah, t.t), 101.



University of Malaya

dapat dicapai dalam mana-mana turutan, maka memadai dan tidak perlu ke turutan yang seterusnya.[164]

Justeru, hukuman yang hendak dilaksanakan kepada kanak-kanak hendaklah menjadi jalan terakhir untuk mendidik mereka. Ini dapat difahami kerana hukuman itu bukanlah menjadi matlamat dalam mendidik kanak-kanak. Namun, ia merupakan salah satu kaedah untuk mencapai matlamat pendidikan. Maka, jika matlamat pendidikan dapat dicapai dengan kaedah lain sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, gugurlah hukuman tersebut terhadap kanak-kanak. Tetapi jika sebaliknya yang berlaku, maka perlulah hukuman itu dijadikan sebagai jalan yang terakhir.

**b. Bersifat Mendidik**

Para ilmuwan Islam telah menjelaskan matlamat asal dalam pensyariatan hukuman dalam Islam ialah untuk menghalang pesalah mengulangi kesalahan (*rad‘ al-jānī*), memperbaikinya (*iṣlāḥ wa tahdzīb*) dan mencegah orang lain untuk melakukan kesalahan yang sama (*man‘ al-ghayr*).[165] Namun, dari sudut pendidikan kanak-kanak para sarjana Islam telah membezakan bahawa hukuman terhadap kanak-kanak dilaksanakan adalah semata-mata untuk mendidik dan bukannya untuk menghukum.

Apa juga jenis hukuman yang diberikan kepada kanak-kanak tidaklah boleh disamakan dengan hukuman yang diberikan kepada orang awam yang melakukan kesalahan. Walaupun sedikit sebanyak kaedah yang digunakan adalah sama, namun hukuman kepada pelajar tetap dan sentiasa berdiri atas prinsip mendidik.

**c. Bukan untuk Membalas Dendam**

Prinsip ini sangat penting kerana ia berkaitan dengan tujuan hukuman itu sendiri. Tujuan hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar mestilah sentiasa berada di landasan yang betul dan bukannya untuk melepaskan kemarahan dan membalas

---

[164] Lihat Wizārah al-Awqāf, *al-Mausū‘ah al-Fiqhiyyah*, 10:24.
[165] ‘Alī bin Muḥammad al-Māwardī, *al-’Aḥkām al-Sulṭāniyyah* (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, t.t), 344.



University of Malaya

dendam.[166] Ini kerana jika hukuman itu berdasarkan kemarahan semata-mata dan bukan untuk tujuan mendidik dan mendisiplinkan kanak-kanak, maka itu dilarang. Akan tetapi jika hukuman itu untuk kebaikan dan mendidik kanak-kanak tersebut, maka ia dibolehkan.[167]

Selain itu dalam al-Quran juga diisyaratkan kepada manusia untuk menahan kemarahan dan memaafkan kesalahan orang lain.[168] Dapat difahami menahan kemarahan dan memaafkan kesalahan orang dewasa itu adalah diperintahkan. Maka perbuatan itu lebih utama kepada kanak-kanak kerana mereka masih lagi kurang pengetahuan tentang perbuatan mereka. Disebabkan itu juga ilmuwan pendidikan Islam meletakkan pelaksanaan hukuman kepada pelajar bukanlah untuk melepaskan kemarahan semata-mata dan bukan untuk memuaskan hati pendidik. Jika berlaku sedemikian, ia bukanlah satu keadilan kepada kanak-kanak tersebut.[169]

**d. Bersesuaian dengan Kesalahan**

Bersesuaian dengan kesalahan bererti setimpal dan wajar dengan kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak pelajar. Tidak berlebihan dalam menghukum juga termasuk dalam ruang lingkup ini. Bahkan jika keadaan menunjukkan sesuai untuk mengurangkan hukuman daripada sepatutnya, maka itu lebih baik. Ini kerana asal hukuman terhadap kanak-kanak adalah untuk mendidik dan bukan menghukum semata-mata.[170] Ini bersesuaian dengan perintah Allah untuk bersifat adil dalam melakukan apa sahaja perkara kerana keadilan itu lebih hampir kepada taqwa.[171] Hukuman yang tidak

[166] Al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah,* 129.
[167] Perkara ini dibahaskan oleh Ibn Saḥnūn dalam *Kitāb ādāb al-Mu'allimīn* ketika menceritakan kisah anak Sa'ad bin al-Khaffāf yang menanggis kerana dipukul oleh gurunya. Lalu Sa'ad mengeluarkan satu hadis iaitu *"syirār ummatī mu'allimū ṣibyānihim aqalluhum raḥmatan li al-yatīm wa aghlaẓuhum 'alā al-miskīn"*(sejahat-jahat ummat ku adalah para guru yang mengajar kanak-kanak yang sangat kurang belas kasihan terhadap anak-anak yatim dan sangat kasar keatas orang miskin). Lihat Muḥammad bin Saḥnūn, *Kitāb ādāb al-Mu'allimīn,* ed. Muḥammad al-'Arūsī (Tūnis: t.p., 1972), 89.
[168] Surah Ali 'Imrān: 134.
[169] Al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah,* 129.
[170] Al-Ghazzālī, *al-Waṣīṭ fī al-Madhab,* 6:513.
[171] Surah al-Mā'idah: 8.

bersesuaian dan berlaku pelampauan dalam menghukum boleh membawa kepada perasaan benci dan tidak suka pelajar kepada guru dan pihak sekolah.

### e. Berperingkat-peringkat

Islam telah menunjukkan peringkat proses untuk membetulkan kesalahan sehingga ke peringkat yang terakhir iaitu memberikan hukuman.[172] Ini dapat dilihat sebagaimana jalan yang ditunjukkan oleh guru yang agung iaitu Nabi Muḥammad s.a.w dalam berdepan dengan situasi yang melibatkan kesalahan.[173] Pertama, bermula dengan membetulkan kesalahan itu dengan memberi panduan (*al-tawjīh*). Kedua, membetulkan kesalahan dengan kelembutan (*al-mulāṭafah*). Ketiga, membetulkan kesalahan dengan isyarat (*al-isyārah*). Keempat, membetulkan kesalahan dengan celaan dan teguran yang keras (*al-tawbīkh*). Kelima, menunjukkan kesalahan dengan pemulauan (*hijr*). Keenam, membetulkan kesalahan dengan memukul (*al-ḍarb*). Ketujuh, membetulkan kesalahan dengan mempertontonkan hukuman (*al-'uqūbah al-wā'iẓah*).

Peringkat pertama ialah membetulkan kesalahan dengan memberi panduan (*al-tawjīh*). Ini dapat dilihat ketika Baginda s.a.w memberi panduan cara makan yang betul kepada seorang sahabat yang masih kanak-kanak.[174] Peringkat kedua membetulkan kesalahan dengan kelembutan (*al-mulāṭafah*). Baginda s.a.w menunjukkan perkara ini ketika Baginda s.a.w membawa minuman dan kemudian membahagikan kepada para sahabat. Kemudian Baginda s.a.w meminta izin kepada seorang kanak-kanak yang berada di sebelah kanannya supaya Baginda s.a.w memberikan minuman itu kepada para sahabat yang berada di sebelah kiri.[175] Perbuatan meminta izin kepada kanak-kanak tersebut adalah menunjukkan cara yang lembut untuk mengajarkannya berakhlak dengan orang

---

[172] 'Imād 'Abdullah Muḥammad, "Ta'dīl al-Sulūk al-Insānī fī al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah" (tesis Sarjana, Universiti Yarmuk, Yarmuk, 2002), 113.

[173] Peringkat-peringkat yang disebutkan selepas ini adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Shaykh'Abdullah Nāṣiḥ 'Ulwān. 'Abdullah Nāṣiḥ 'Ulwān, *Tarbiyah al-'Awlād*, 2:722.

[174] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-'Aṭ'imah, Bab al-'Akl mimmā Yalīh, no. Hadis 5377. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 7:68.

[175] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Maẓālim, Bab Idhā 'Adhina lahu aw Aḥallahu, no. Hadis 2451. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 3:130.



University of Malaya

tua dengan memberikan mereka minum dahulu.[176] Peringkat ketiga membetulkan kesalahan dengan isyarat (*al-isyārah*). Ini jelas ketika Baginda s.a.w mengalihkan pandangan seorang sahabat yang berada di belakang Baginda s.a.w daripada memandang seorang wanita yang bukan mahram yang datang bertanya soalan kepada Baginda s.a.w.[177] Dapat diperhatikan Baginda s.a.w memperbetulkan kesalahan sahabat tersebut dengan memalingkan muka sahabat terbabit ke tempat lain. Peringkat keempat membetulkan kesalahan dengan celaan dan teguran yang keras (*al-tawbīkh*). Perkara ini berlaku apabila Baginda s.a.w memberi teguran yang keras kepada seorang sahabat ketika sahabat tersebut mengeluarkan kata-kata kesat terhadap sahabat yang lain.[178] Peringkat kelima menunjukkan kesalahan dengan pemulauan (*hijr*). Ini ditunjukkan oleh Baginda s.a.w ketika memulau Ka‘ab bin Mālik selepas tidak turut serta dalam perang Tabuk.[179] Peringkat keenam membetulkan kesalahan dengan memukul (*al-ḍarb*).[180] Perkara ini akan dijelaskan lebih lanjut dalam bahagian seterusnya. Ketujuh, membetulkan kesalahan dengan mempertontonkan hukuman (*al-‘uqūbah al-wā‘iẓah*). Ini adalah sebagaimana yang diterapkan oleh al-Quran dalam isu sebatan kepada pezina agar hukuman sebat tersebut disaksikan oleh orang lain.[181]

### 2.8.5 Hukuman Memukul (*ḍarb*) dalam Pendidikan Kanak-kanak menurut Islam

Hukuman fizikal dengan kaedah memukul (*ḍarb*) ataupun hukuman memukul adalah hukuman yang sering menjadi bahan perbincangan oleh para sarjana pendidikan. Perbahasan mengenai hukuman memukul (*ḍarb*) dalam pendidikan kanak-kanak menurut

[176] ’Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān, *Tarbiyah al-’Awlād*, 2:723.
[177] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ḥāj, Bab Wujūb al- Ḥāj wa Faḍluhu, no. Hadis 1513. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2:132.
[178] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-’Imān, Bab al-Ma‘āṣī min Amr al-Jāhiliyyah, no. Hadis 30. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:15.
[179] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-’Aḥkām, Bab Hal li al-Imām an Yamna‘ al-Mujrimīn wa ahl al-Ma‘ṣiyah mi al-Kalām Ma‘ahu, no. Hadis 7225. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 9:82.
[180] Akan dibincangkan pada subtopik seterusnya.
[181] Surah al-Nūr: 2.



University of Malaya

Islam adalah berkisar terhadap beberapa sudut seperti keharusan, syarat dan kaedah. Hal ehwal hukuman memukul dari sudut keharusan dan syarat akan dibahaskan pada perbahasan seterusnya manakala yang berkaitan dengan kaedah memukul akan dibahaskan dengan lebih lanjut pada bab keempat dalam tulisan ini.

**a. Keharusan Hukuman Memukul Terhadap Kanak-kanak**

Dari sudut perundangan Islam secara umumnya, hukuman terhadap sesuatu kesalahan dibahagikan kepada tiga jenis iaitu hudud, qisas dan takzir.[182] Hudud dan qisas dikategorikan sebagai *'uqūbat muqaddarah* (hukuman yang ditetapkan). Ini kerana Islam telah menetapkan jenis dan kadar hukuman tersebut dengan jelas. Manakala takzir dikategorikan sebagai *'uqūbat ghayr muqaddarah* (hukuman yang tidak ditetapkan) kerana Islam tidak meletakkan jenis dan kadar hukuman tersebut. Hukuman tersebut terletak kepada penentuan daripada pihak berkuasa untuk mencapai maslahah dan bergantung kepada keadaan pesalah dan kesalahan.[183] Begitu juga dalam pendidikan, hukuman yang dikenakan terhadap kanak-kanak adalah bergantung kepada kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak tersebut.[184] Ini bermakna hukuman dalam pendidikan bersifat takzir.

Keharusan menjalankan hukuman memukul tidak pernah diragui oleh ilmuwan pendidikan Islam sebelum ini sehinggalah pada masa kini.[185] Kemunculan keraguan ini dalam kalangan sarjana pendidikan Islam moden merupakan kesan daripada pandangan sarjana Barat yang sudah dikenali dari dulu cuba menidakkan hukuman memukul dalam pendidikan. Ini boleh dilihat pemikiran untuk menentang hukuman fizikal dalam pendidikan ini telah dimulakan di barat sekitar tahun 1700 an. Pada tahun 1780, John Browne telah membuat satu prinsip iaitu menidakkan hukuman (*corporal punishment*)

---

[182] Al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-'Islāmī*,1:37.
[183] *Ibid.*, 4: 3142 .
[184] Ahmad Kilani, *Pengurusan Pendidikan di Sekolah*, 160.
[185] Laṭīfah Hussayn, *Ta'dīb al-Ṭifl*, 96.



University of Malaya

secara mutlak kepada sekolah elit di barat.[186] Bahkan pada masa kini mereka telah pun menubuhkan *The National Coalition to Abolish Corporal Punishment* yang terdiri daripada organisasi-oganisasi pendidikan mereka.[187] Bagi mereka hukuman fizikal (*corporal punishment*) adalah kaedah yang tidak berkesan digunakan di sekolah, merbahaya, dan merupakan kaedah disiplin yang tidak boleh diterima.[188]

Walau bagaimanapun, di sebalik keharusan yang diberikan tersebut, ia tidaklah menjadi satu keizinan untuk menjalankan hukuman memukul dengan sewenang-wenangnya. Pendidikan Islam mempunyai pandangan yang jelas dalam perkara ini iaitu tidak menolak secara mutlak dan tidak terlalu bermudah-mudah dengan hukuman. Pendidikan Islam telah meletakkan beberapa syarat terhadap hukuman memukul yang akan memandu untuk mencapai objektif yang betul seterusnya menjadikan hukuman ini sebagai salah satu kaedah yang sentiasa relevan dalam pendidikan termasuk pendidikan kanak-kanak.

**b. Syarat Memukul (*Darb*) Terhadap Kanak-kanak**

Menghukum kanak-kanak dengan kaedah memukul (*ḍarb*) boleh dijalankan apabila beberapa syarat yang tertentu dapat dicapai. Pertama, guru mendapat keizinan daripada ayah atau pun penjaga kepada kanak-kanak tersebut untuk melaksanakan hukuman memukul. Keizinan ayah atau penjaga diperlukan oleh seorang guru untuk menjalankan hukuman memukul kanak-kanak. Ini adalah pendapat tiga mazhab iaitu mazhab Ḥanafī,[189]

---

[186] J. H. Plumb, "The New World of Children in Eighteenth-Century England" dalam *Past & Present* (Oxford: Oxford University Press, 1975), 70.
[187] Donald E. Greydanus et al., "Corporal Punishment in Schools", dalam *Journal of Adolescent Health* 32, no.5 (May 2003), 385.
[188] *Ibid.,* 391.
[189] Lihat Abu Bakr bin Mas'ūd al-Kāsānī al-Ḥanafī, *Badā'i'al-ṣanā'i' fī Tartīb al-Shāra'i'* (T.tp: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986),7:305 dan Ibn al-Humām Kamāl al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Wāḥid, *Fatḥ al-Qādir li Ibn al-Humām* (Tt.p: Dār al-Fikr, t.t), 5:353.



University of Malaya

mazhab Mālikī[190] dan mazhab Shāfi'ī[191] kecuali mazhab Ḥanbalī yang tidak mensyaratkan keizinan ayah atau penjaga (*wālī*) kepada guru untuk melaksanakan hukuman memukul kepada kanak-kanak. Kedua, hukuman memukul itu memenuhi prinsip menjalankan hukuman seperti yang dibahaskan sebelum ini iaitu merupakan jalan yang terakhir, bersifat mendidik, bukan untuk membalas dendam, bersesuaian dengan kesalahan, dan berperingkat-peringkat. Ketiga, pukulan yang dikenakan kepada kanak-kanak tersebut hendaklah disertakan dengan jaminan ia tidak membawa kepada kecederaan yang serius. Ini kerana pukulan ini bertujuan untuk mendidik dan bukan untuk membalas dendam dan mencederakan.[192]

Justeru, hukuman memukul terhadap kanak-kanak tidak boleh dilaksanakan melainkan telah mencapai syarat-syarat memukul yang telah disebutkan. Syarat-syarat yang diletakkan untuk membolehkan hukuman memukul itu dijalankan jelas menunjukkan bahawa hukuman itu adalah demi kebaikan kanak-kanak terbabit dan bukan bertujuan merosakkan harga diri dan motivasi mereka. Bahkan ia bukanlah matlamat utama dalam pendidikan dan digunakan sewenang-wenangnya dalam pendidikan kanak-kanak.

## 2.9 Kesimpulan

Perhatian Islam terhadap pendidikan kanak-kanak sudah bermula sejak di zaman awal Islam lagi. Bahkan perhatian ini berkembang ke tahap yang tertinggi sehingga ilmuwan Islam banyak menghasilkan karya yang membincangkan tentang kanak-kanak dan pendidikan mereka. Oleh itu Islam telah menggariskan beberapa prinsip yang penting

---

[190] Lihat Abu Muḥammad 'Abdullah bin Najm al-Mālikī, *'Aqd al-Jawāhir al-Thamīnah fī Madhhab 'Ālim al-Madīnah*, ed. Ḥumayd bin Muḥammad (Bayrūt: Dār al-Gharb al-'Islāmī, 2003), 3:1179 dan Abu 'Abdullah 'Aḥmad bin Muḥammad al- Mālikī, *Minaḥ al-Jalīl Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1989), 9:357.
[191] Lihat Abu Zakariyya Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Rauḍah al-Ṭālibīn* ed. Zuhayr al-Shāwaish (Bayrūt: al-Maktab al-'Islāmī, 1991), 10:175 dan Aḥmad bin Muḥammad al-Haytamī, *Tuḥfah al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj* (al-Qāhirah: al-Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā bi Miṣr, 1983), 9:179.
[192] Al-Ghazzalī, *al-Waṣīṭ,* 6:513.



University of Malaya

dalam pendidikan kanak-kanak iaitu prinsip hormat dan kasih sayang (*al-iḥtirām wa al-shafaqah*), prinsip berlemah lembut (*al-rifq wa al-layyin*), prinsip keadilan (*al-‘adl*) dan prinsip berperingkat dalam pengajaran (*al-tadarruj*).

Bertitik tolak daripada kepentingan pendidikan kanak-kanak dan dipandu oleh prinsip-prinsip yang berdiri atas prinsip Islam, maka konsep disiplin (*ta’dīb*) dalam pendidikan kanak-kanak juga terkait secara langsung kerana disiplin (*ta’dīb*) merupakan salah satu wasilah untuk mencapai matlamat pendidikan yang ditetapkan. Manakala untuk melaksanakan makna disiplin (*ta’dīb*) tersebut, ia memerlukan pendekatan-pendekatan yang tertentu. Antara yang sering menjadi perbahasan ialah pendekatan hukuman (*‘iqāb*). Namun, konsep hukuman yang benar dalam pendidikan perlulah difahami supaya ia mencapai tujuan hukuman yang telah diletakkan iaitu mendidik untuk mengenali tingkah laku yang betul dan salah, membetulkan tingkah laku yang salah serta mencegah pelaku dan kanak-kanak pelajar lain untuk tidak melakukan kesalahan yang sama.

Berbekalkan tujuan hukuman tersebut, harus diperjelaskan hukuman dalam pendidikan kanak-kanak bukanlah sesuatu yang perlu diasingkan dan tidak pula diambil sambil lewa. Prinsip hukuman yang telah ditetapkan iaitu hukuman tersebut merupakan jalan yang terakhir, bersifat mendidik, bukan untuk membalas dendam, bersesuaian dengan kesalahan dan berperingkat-peringkat pula akan membuktikan bahawa hukuman bukanlah tujuan utama dalam pendidikan kanak-kanak menurut Islam, sebaliknya ia hanyalah cara atau wasilah. Dalam melaksanakan hukuman dalam pendidikan kanak-kanak terdapat banyak kaedah yang digunakan dan hukuman memukul (*ḍarb*) adalah yang sering dibincangkan. Bagi pendidikan Islam, hukuman memukul bukanlah kaedah yang tidak sesuai untuk diamalkan dan perlu ditolak dan bukan pula untuk dimudah-mudahkan sehingga menyebabkan penyalahgunaannya. Akan tetapi perlu seimbang antara keduanya dengan syarat yang tertentu. Antaranya guru mendapat keizinan daripada



University of Malaya

ayah ataupun penjaga kepada kanak-kanak, hukuman memukul itu memenuhi prinsip menjalankan hukuman, dan pukulan yang dikenakan kepada kanak-kanak tersebut hendaklah disertakan dengan jaminan ia tidak membawa kepada kecederaan yang serius.

Dengan meneliti kedudukan pendidikan kanak-kanak dan kepentingannya memberikan gambaran bahawa disiplin dan hukuman dalam pendidikan kanak-kanak menurut Islam mempunyai asas yang kukuh. Ini juga menunjukkan ilmuwan Islam jauh mendahului dalam perbincangan berkaitan hal ini, sekaligus menonjolkan kecemerlangan pendidikan Islam itu sendiri.

University of Malaya

# BAB TIGA

# LATAR BELAKANG IBN ḤAJAR AL-HAYTAMĪ (909 H/ 1503 M - 974 H/ 1566 M) DAN KITAB *TAḤRĪR AL-MAQĀL*

## 3.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan perihal latar belakang kehidupan Ibn Ḥajar al-Haytamī.[1] Perbahasan latar belakang ini sangat penting kerana ia memperlihatkan bagaimana latar belakang ini mempengaruhi pemikiran Ibn Ḥajar al-Haytamī selain sedikit sebanyak dapat memahami suasana zaman hidup beliau yang membentuk keperibadian dan keilmuannya. Pengenalan tokoh seperti ini tidaklah asing dalam mana-mana kajian dan perbincangan. Selain itu, bab ini juga akan menyentuh sumbangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam bidang ilmu dan pendidikan. Perbincangan latar belakang Ibn Ḥajar al-Haytamī ini merupakan suatu pengenalan terhadap beliau yang ditulis dalam bahasa Melayu dan merupakan pelengkap kepada kajian-kajian yang selainnya yang kebanyakannya berbahasa Arab. Selain itu, dalam bab ini juga akan dibentangkan pengenalan kepada kitab *Taḥrīr al-Maqāl* ataupun judul yang lengkapnya ialah *Taḥrīr al-Maqāl fī Ādāb wa Aḥkām wa Fawā'id Yaḥtāj Ilayhā Mu'addibū al-Aṭfāl* (Perincian Kata tentang Adab,

---

[1] Biografi Ibn Ḥajar boleh dirujuk dalam rujukan-rujukan berikut. Lihat Abu Bakr al-Sayfī, *Nafāis al-Durar fī Tarjamah Shaykh al-Islām Ibn Ḥajar*, no. 126/6, Perpustakan Universiti Malik Soud; Aḥmad bin Muḥammad Ibn Ḥajar al-Haytamī, *al-Fatāwa al-Kubrā al-Fiqhiyyah* (t.tp: al-Maktabah al-'Islāmiyyah, t.t), 1:3; 'Abd al-Qādir bin Shaykh al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir 'an 'Akhbār al-Qarn al-'Āṣhir* (Bayrūt: Dār Ṣādir, 2001), 391; Najm al-Dīn al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā'irah bi 'A'yāni al-Mi'ah al-'Āshirah*, (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiah, 1997), 3:101; Ibn al-'Imād Shihāb al-Dīn 'Abd al-Ḥayy, *Shadharāt al-Dhahab fi 'Akhbār Man Dhahab* (Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, 1986), 10:541; Muḥammad bin 'Alī al-Shawkānī, *al-Badr al-Ṭāli' bi Maḥāsin Man Ba'da al-Qarn al-Sābi'* (al-Qāhirah: Dār al-Kitāb al-'Islāmī, t.t), 1:109; Nu'man bin Maḥmūd al-'Ālūsī, *Jalā al-'Aynayn fī Muḥākamat al-'Aḥmadayn* (t.tp: Maṭbah al-Madanī, 1981), 40; Muḥammad 'Abd al-Ḥay bin 'Abd al-Kabīr al-Kattānī, *Fahras al-Fahāris wa al-'Athbāt wa Mu'jam al-Ma'ājim wa al-Mushayyakhāt wa al-Musalsalāt* (Bayrūt: Dār al-Garb al-'Islāmī, 1982), 1:337; Ismā'il bin Muḥammad Amīn al-Bābānī al-Baghdādī, *Hadiyyah al-'Ārifīn Asmā' al-Mu'allifīn wa Āthār al-Muṣannifīn* (Bayrūt: Dār 'Iḥyā al-Turāth al-'Arabī, t.t), 1:146; Khayr al-Dīn al-Ziriklī, *al-A'lām* (Bayrūt: Dār al-'Ilmī lil Malāyīn, 2002), 1:234; 'Umar bin Riḍā Kaḥḥālah, *Mu'jam al-Mu'allifīn* (Bayrūt: Dār 'Iḥyā al-Turāth al-'Arabī, t.t), 2:152; 'Abdullah Mirdād al-Khayr, *al-Mukhtaṣar min Kitāb Nashr al-Nūr wa al-Zuhur fī Tarājim Afāḍil Makkah* (Jeddah: 'Ālam al-Ma'rifah, 1986), 122; 'Abd al-Mu'iz 'Abd al-Ḥamīd al-Jazzār, *Ibn Ḥajar al-Haytamī* (al-Qāhirah: t.p, 1981), 27; Lamyā' Aḥmad 'Abdullah Syāfi'I, "Ibn Ḥajar al-Makkī wa Juhūduhu fi al-Kitābah al-Tārīkhiyyah", (tesis kedoktoran, Universiti Umm Al-Qurā, 1996), h.16; Muḥammad bin 'Abd al-'Azīz al-Shāyi', *Ārā' Ibn Ḥajar al-Haytamī al-'I'tiqādiyyah 'Arḍ wa Taqwīm fī Ḍau'i 'Aqīdah al-Salaf* (al-Riyāḍ: Maktabah Dār al-Manhāj, 2006), 28.

Hukum, dan Faedah yang diperlukan oleh Pendidik Kanak-kanak) serta latar pengarangannya. Pengenalan kitab ini akan menjelaskan kepada umum tentang penisbahan, sebab penulisan dan isi kandungannya secara umum.

## 3.2 Pengenalan Ibn Ḥajar al-Haitamī

Pengenalan Ibn Ḥajar al-Haytamī ini penting untuk dibentangkan bagi mengenal pasti keperibadian beliau serta membuktikan beliau sebagai seorang tokoh yang mempunyai kedudukan yang tersendiri dalam kalangan ilmuwan Islam. Selain itu, pada masa yang sama, wajar untuk dilihat suasana dan latar belakang zaman serta persekitaran semasa hayat beliau yang telah banyak mencorakkan keperibadian beliau.

### 3.2.1 Nama dan Gelaran

Nama penuh Ibn Ḥajar al-Haytamī ialah Aḥmad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Ali bin Ḥajar. Ini seperti yang tercatat dalam *Mu‘jam Ibn Ḥajar*[2] yang merupakan sebuah buku hasil tulisan Ibn Ḥajar sendiri.[3] Ini juga dikukuhkan lagi dengan beberapa sumber yang menyatakan nama tersebut.[4] Namun, terdapat beberapa sumber yang menyatakan nama penuh beliau dengan beberapa perbezaan. Antaranya ada yang menyebutkan namanya dengan Aḥmad bin Muḥammad bin Ali[5] tanpa menyebut nama datuknya Muḥammad Shams al-Dīn. Antara penyebab perbezaan ini ialah kewujudan tiga naskhah manuskrip *Mu‘jam Ibn Ḥajar* yang boleh didapati iaitu naskhah Yaman, naskhah Mesir, dan naskhah Jerman. Hanya naskhah Yaman yang menyebutkan nama datuknya iaitu Muḥammad. Manakala dua lagi tidak menyebutkannya yang kemudian menjadi ikutan beberapa buku. Perbezaan itu tidak lain melainkan perbezaan yang berlaku dalam

---

[2] *Mu‘jam Ibn Ḥajar* adalah sebuah buku yang ditulis oleh Ibn Ḥajar tentang biografi dirinya sendiri dan tiga orang gurunya beserta sanad. Buku ini disebut dalam al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, helaian 5; al-‘Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 391; al-Kattānī, *Fahras al-Fahāris*, 1:337.
[3] al-Haytamī, *Mu‘jam Ibn Ḥajar al-Haytamī*, helaian 80.
[4] Ibn Ḥajar al-Haytamī, *al-Fatāwa al-Kubrā al-Fiqhiyyah*, 1:3; al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 2; Ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:541; al-Bābānī, *Hadiyyah al-‘Ārifīn*, 1:146.
[5] al-‘Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 391; al-Ziriklī, *al-A‘lām*,1:234; al-Kattānī, *Fahras al-Fahāris*, 1:337; al-’Ālūsī, *Jalā al-‘Aynayn*, 40.



University of Malaya

penulisan.[6] Manakala al-Ghazzī menyatakan nama penuh Ibn Ḥajar sebagai Aḥmad bin Aḥmad bin Muhammad bin Ali seperti dalam *al-Kawākib al-Sā'irah*.[7]

Namun, apabila diteliti pendapat yang lebih tepat ialah pendapat yang pertama kerana ia bertepatan dengan pendapat dua orang murid Ibn Ḥajar al-Haytamī yang menulis tentang biografi beliau. Yang pertama ialah al-Sayfī[8] dalam kitabnya *Nafā'is al-Durar fi Tarjamah Ibn Ḥajar* dan kedua ialah seorang muridnya[9] yang menuliskan mukadimah untuk sebuah kitab hasil karya Ibn Ḥajar al-Haytamī iaitu *al-Fatāwa al-Kubrā al-Fiqhiyyah.* Mereka berdua meletakkan nama datuk Ibn Ḥajar al-Haytamī iaitu Muḥammad. Jika dilihat, pendapat al-Ghazzī amat berbeza dengan apa yang dinukilkan oleh dua orang anak murid Ibn Ḥajar yang disebutkan. Selain itu, tidak terdapat riwayat lain yang menyokong pendapat al-Ghazzi. Justeru, nama sebenar Ibn Ḥajar al-Haytamī ialah Aḥmad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Ali bin Ḥajar.

Al-Haytamī merupakan nisbah yang diberikan kepada Ibn Ḥajar. Ia merujuk kepada sebuah tempat iaitu Maḥallā Abi Haytam yang merupakan tempat kelahiran beliau.[10] Maḥalla Abi Haytam adalah sebuah kawasan yang terletak di Barat Mesir.[11] Terdapat juga sumber yang menisbahkan nama al-Haythamī[12] kepada beliau. Antaranya al-Ghazzī dalam *al-Kawākib al-Sā'irah* dan al-Shawkānī dalam *al-Badr al-Ṭāli'*.[13] Ini berkemungkinan kerana dikatakan asal ejaan Maḥallah Abi al-Haytam ialah dengan huruf *tha'* (ث) iaitu Maḥallah Abi al-Haytham. Akan tetapi berlalunya masa, lama kelamaan

---

[6] Lamyā', *Ibn Ḥajar al-Makkī wa Juhūduhu,* 16.
[7] al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā'irah,* 3:101.
[8] Nama sebenar beliau ialah Abu Bakr bin Muḥammad bin 'Abdullah bin 'Ali bin 'Amru al-Sayfī al-Yazanī al-Shāfi'ī. Hidup sebelum tahun 974 H dan tidak diketahui tarikh kewafatannya. Lihat al-Bābānī, *Hadiyyat al-'Ārifīn,* 1:239; Kaḥḥālah, *Mu'jam al-Mu'allifīn,* 3:73
[9] kitab *al-Fatāwa al-Kubrā al-Fiqhiyyah* adalah hasil fatwa yang dikeluarkan oleh Ibn Ḥajar. Ianya kemudian dikumpulkan oleh salah seorang anak muridnya dan kemuidan menuliskan mukadimah untuk buku tersebut. Dikatakan murid Ibn Ḥajar yang menulis mukadimah kitab *al-Fatāwa al-Kubrā al-Fiqhiyyah* ialah 'Abd al-Qādir al-Fākihī. Beliau adalah 'Abd al-Qādir bin Aḥmad bin 'Alī al-Fākihī al-Makkī lahir pada tahun 920 H dan meninggal pada 982 H. Lihat al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā'irah,* 3:150; Ibn al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab,* 10:582; Al-'Aydarūsī, *al-Nūr al-Sāfir,* 464.
[10] al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir,* 395.
[11] Abu 'Abdullah Yāqūt al-Hamawi, *Mu'jam al-Buldān* (Bayrūt: Dār Ṣādir, 1995), 5:63.
[12] Perbezaan berlaku pada huruf *tā'* (ت) al-Haytamī dan huruf *thā'* (ث) al-Haythamī.
[13] Lihat al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā'irah,* 3:102 dan al-Shawkānī, *al-Badr al-Ṭāli',* 1:109.

bertukar menjadi al-Haytam dieja dengan huruf *ta'* (ت).[14] Namun ejaan dengan huruf *tha'* sebenarnya adalah salah dan dinafikan oleh sebahagian sarjana.[15] Justeru itu, kebanyakan ulama yang menulis biografi Ibn Ḥajar meletakkan al-Haytamī dan bukannya al-Haythamī. Lebih-lebih lagi apabila melihat kepada sumber utama dalam membincangkan latar belakang Ibn Ḥajar iaitu penulisan al-Sayfī dan al-Fāqihī yang merupakan anak murid Ibn Ḥajar al-Haytamī.

Dalam masa yang sama, terdapat kekeliruan yang sering berlaku dalam mengenali Ibn Ḥajar al-Haytamī apabila terdapat seorang ulama yang mempunyai nama yang hampir sama dengan beliau iaitu al-Hāfiẓ al-Haythamī[16]. Beliau merupakan pemilik kepada kitab *Mujamma‘ al-Zawā'id wa Manba‘ al-Fawā'id* . Ini kerana hanya terdapat sedikit perbezaan dalam mengeja nisbah yang diberikan kepada kedua tokoh ini iaitu pada huruf *tha'* pada al-Hāfiẓ al-Haythamī dan huruf *ta'* pada Ibn Ḥajar al-Haytamī.

Nasab keturunan Ibn Ḥajar al-Haytamī disebutkan terkait dengan Bani Sa‘ad yang berada di kawasan Timur Mesir.[17] Leluhur Bani Sa'ad adalah sampai kepada para sahabat al-Anṣar. Maka beliau pernah dinisbahkan sebagai Anṣarīnamum menurut anak murid beliau, ibn Ḥajar melarang untuk menulis nisbah ini kerana sifat warak beliau.[18]

Ibn Ḥajar al-Haytamī mempunyai dua panggilan (*kunyah*)[19] iaitu Abu al-‘Abbās dan Abu ‘Abd Allah.[20] Beliau digelar dengan Ibn Ḥajar bersempena dengan nama ayah

---

[14] Lihat al-Zabīdī, *Tāj al-‘Arūs min Jawāhir al-Qāmūs*, (t.tp., Dār al-Hidāyah, t.t ), 34:67.
[15] Lihat Mirdād, *al-Mukhtaṣar min Kitāb Nashr al-Nūr*, 122.
[16] Nama penuh beliau ialah ‘Ali bin Abi Bakr bin Sulaymān bin Abi Bakar bin ‘Umar bin Ṣāleh Nur al-Dīn Abu al-Ḥasan al-Haythami. Lahir pada 735 H dan meninggal pada 807 H. Antara karyanya yang terkenal *Mujamma‘ al-Zawā'id wa Manba‘ al-Fawā'id*. Rujuk Muḥammad bin Aḥmad ‘Ali al-Fāsī, *Dzail al-Taqyīd fi Ruwāh al-Sunan wa al-Asānīd*, (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990), 2:229. Lihat al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 9:105.
[17] Lihat al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 2; al-‘Aydarūsi, *al-Nūr al-Sāfir*,395.
[18] Lihat al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 2; al-Haytami, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 1:3.
[19] Menurut Ibn Manẓūr kunyah adalah satu julukan yang diberikan kepada seseorang disebabkan oleh salah satu dari tiga sebab. Pertama diberikan *kunyah* kepada sesuatu perkara tidak disukai untuk menyebutnya. Kedua seseorang diberi *kunyah* dengan satu nama kerana untuk memulia dan menyanjunginya. Ketiga *kunyah* itu menyamai kedudukan nama sebenar lalu pemilik *kunyah* dikenali dengan *kunyah* seperti Abi Lahab yang nama sebenarnya adalah ‘Abd al-‘Uzza, namun dia lebih dikenali dengan *kunyah*nya lalu Allah menamakannya dengan *kunyah*nya. Sila rujuk Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab*, 15:233
[20] Lihat al-‘Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 391; Ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:541; al-Ziriklī, *al-A‘lām*, 1:234.



University of Malaya

kepada moyangnya iaitu Ḥajar. Ḥajar ini dikatakan sangat pendiam dalam kebanyakan keadaan, dia tidak bercakap melainkan perkara yang penting lalu beliau digelarkan dengan Ḥajar (batu). Selain itu, Ḥajar juga memang terkenal dalam kalangan kaumnya sebagai antara pahlawan terbilang dan jaguh dalam menunggang kuda perang. Dia juga seorang yang pendiam dan tidak berkata-kata melainkan perkara yang penting. Jika tidak dia akan sentiasa sibuk dengan melayan masyarakat dengan apa yang Allah kurniakan kepadanya, lalu disebabkan itu mereka menyamakannya dengan *Ḥajar* (batu) yang tidak berkata-kata.[21]

Dalam catatan sejarah Islam, terdapat dua orang ilmuan Islam silam terkenal dengan gelaran Ibn Ḥajar iaitu Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī[22] (773-852 H/ 1372-1448 M) dan Ibn Ḥajar al-Haytamī sendiri.

### 3.2.2 Kelahiran

Menentukan tarikh dan tempat kelahiran seseorang tokoh amat penting. Ia dapat memperlihatkan serba sedikit zaman dan persekitaran yang dilalui oleh tokoh tersebut. Ibn Ḥajar al-Haytamī dilahirkan di sebuah perkampungan Maḥallah Abi Haytam yang terletak di Barat Mesir selepas keluarganya berpindah dari tempat asal mereka iaitu Salmunt sebuah kawasan berdekatan dengan ‘Ain Shams di Timur Mesir.[23] Mengenai tarikh kelahiran Ibn Ḥajar al-Haytamī, terdapat tiga pandangan yang berbeza. Pertama

University of Malaya

[21] Lihat al-Sayfī, *Nafais al-Durar*, kertas 2; al-Haytami, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 1:3; al-‘Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 396.
[22] Nama sebenar beliau ialah Abu al-Faḍl Aḥmad bin ‘Ali bin Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Ali bin Aḥmad al-Kināni al-‘Asqalāni. Lahir pada tahun 773 H/ 1372 M dan meninggal pada 852 H/ 1448 M. Penulis kitab syarah hadith al-Imām al-Bukhārī yang terkenal iaitu kitab *Fatḥ al-Bāri bi Sharḥ Ṣaḥīh al-Bukhārī*. Sila rujuk al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 1:74. Al-Shawkāni, *al-Badr al-Ṭāli’*, 1:87. Al-Sakhāwi, *al-Jawāhir wa al-Durar fi tarjamah Shaykh al-Islām Ibn Ḥajar*, (Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm, 1999), 1:101.
[23] Lihat al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 1.

pada tahun tahun 909 H/ 1503 M.[24] Kedua pada tahun 911 H/ 1505 M. Ketiga pada tahun 899 H/ 1593 M.[25]

Pendapat yang paling tepat ialah Ibn Ḥajar al-Haytamī dilahirkan pada 909 H/ 1503 M. Ini kerana anak muridnya al-Sayfī menjelaskan beliau melihat sendiri tulisan tangan Ibn Ḥajar menyatakan beliau lahir pada 909 H/ 1503 M.[26] Selain itu, Ibn Ḥajar al-Haytamī terdapat bukti lain yang menyokong pendapat tersebut iaitu Ibn Ḥajar al-Haytamī menyenaraikan al-Ḥāfiẓ al-Jalāl al-Ṣuyūṭī[27] dalam senarai gurunya. Ini kerana beliau menerima ijazah secara umum daripada al-Ḥāfiẓ al-Jalāl al-Ṣuyūṭī sebelum al-Ṣuyūṭī meninggal dunia. Ibn Ḥajar al-Haytamī mengatakan beliau lahir tiga tahun sebelum kewafatan al-Ṣuyūṭī.[28] Ini dapat dimaklumi kerana al-Ṣuyūṭī wafat pada jamadil awal tahun 911 H/ 1505 M. Selain itu, terdapat juga beberapa sumber yang memperincikan tarikh kelahiran Ibn Ḥajar dengan menyatakan bulan iaitu pada bulan Rajab.[29]

### 3.2.3 Pendidikan

Latar belakang pendidikan awal ini sangat penting dalam membentuk keperibadian sesiapa pun. Kesannya terhadap sosok peribadi seseorang tidak pernah disangkal. Begitu juga terhadap Ibn Ḥajar al-Haytamī. Ayah Ibn Ḥajar al-Haytamī meninggal dunia semasa beliau masih kecil. Kemudian beliau dijaga oleh dua orang guru ayahnya iaitu Shams al-

University of Malaya

---

[24] Lihat al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 2; al-Haytami, *al-Fatāwā al-Kubrā,* 1:3; al-Shawkānī, *al-Badr al-Ṭāli*'1:109; al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 391; Ibn al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:542; Kaḥḥālah, *Mu'jam al-Mu'allifīn*), 2:152.
[25] al-Bābānī, *Hadiyyah al-'Ārifīn,* 1:146; al-Kattānī, *Fahras al*-Fahāris, 1:338.
[26] Lihat al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 2.
[27] Beliau adalah Jalāl al-Dīn Abu al-Faḍl Abd al-Raḥmān bin Abi Bakr bin Muḥammad al-Suyūṭi al-Shāfi'i lahir pada 849 H dan meninggal pada 911 H. Lihat al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab,* 10:74 dan al-'Aydarūsi, *al-Nūr al-Sāfir,* 90.
[28] Lihat al-Jazzār, *Ibn Ḥajar al-Haytamī,* 28.
[29] al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 391; Ibn al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:542; Kaḥḥālah, *Mu'jam al-Mu'allifīn*), 2:152.

Dīn bin Abi al-Ḥamāil[30] dan Shams al-Dīn al-Shannāwi[31]. Kemudian Shaykh Shams al-Dīn al-Shannāwī membawa Ibn Ḥajar al-Haytamī ke Ṭanṭā di Masjid al-Aḥmadī. Beliau mula menghafal al-Quran dan menimba ilmu dengan para ulama di sana. Seterusnya, pada tahun 924 H, Shaykh Shams al-Dīn al-Shannāwī membawa Ibn Ḥajar al-Haytamī ke al-Qāhirah di Masjid al-Azhar. Pada ketika itu umurnya sekitar empat belas tahun. Kemudian beliau dijaga oleh salah seorang daripada murid al-Shannāwī dan Ibn Abi al-Ḥamā'il. Namun, tidak ada catatan yang menceritakan tentang anak murid al-Shannāwī yang menjaga Ibn Ḥajar al-Haytamī itu.[32] Di situ juga beliau bergaul dengan para ulama Mesir walaupun umurnya masih lagi muda.[33]

Melihat kepada kelebihan dan kehebatan yang ada pada Ibn Ḥajar al-Haytamī, guru-guru beliau telah memberikan keizinan kepada beliau untuk memberi fatwa dan mengajarkan ilmu kepada masyarakat sebelum usia beliau menginjak dua puluh tahun.[34] Di kedua-dua tempat itulah iaitu Masjid al-Aḥmadī di Ṭanṭā dan Masjid al-Azhar di al-Qāhirah menjadi tempat pembelajaran beliau dan tempat beliau menimba ilmu dalam pelbagai bidang ilmu terutamnya ilmu fiqh dan ilmu hadith.[35] Sebagai contoh di situlah beliau berguru dengan al-Imām al-Zaynī 'Abd al-Ḥaq al-Sunbātī dan al-Qāḍī Zakāriyā dalam bidang hadith.[36] Manakala dalam bidang fiqh beliau berguru di situ dengan ramai ulama yang terkenal antaranya al-Nāṣir al-Ṭabalāwī dan Tāj al-'Ārifīn Abu al-Ḥassan al-Bakrī.[37]

University of Malaya

---

[30] Beliau adalah Shams al-Dīn al-Sarawī yang terkenal dengan gelaran Ibn Abi al-Ḥamā'il wafat pada tahun 932 H. Lihat al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:259 dan lihat al-Ghazzi, *al-Kawākib al-Sā'irah,* 1:29.
[31] Penulis tidak mendapati nama penuh Shams al-Dīn al-Shannāwī melainkan yang disebutkan dua orang muridnya iaitu al-Sayfī dalam *Nafāis al-Durar* dan al-Fāqihī dalam mukadimah *al-Fatāwā al-Kubrā.* Lihat al-Sayfī, *Nafāis al-Durar,* kertas 2 dan al-Haytamī, *al-Fatāwā al-Kubrā.,* 1:3.
[32] Lamyā', *Ibn Ḥajar al-Makkī wa Juhūduhu*, 24.
[33] Lihat al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 2; al-Haytamī, *al-Fatāwā al-Kubrā.*, 1:3; al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 391; Ibn al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:542; Kaḥḥālah, *Mu'jam al-Mu'allifīn*), 2:152;
[34] Lihat al-Sayfī, *Nafais al-Durar*, kertas 2; al-Haytamī, *Fatāwā al-Kubrā*, 1:3, Al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir,* 392; al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:542.
[35] Lihat al-Jazzār, *Ibn Ḥajar al-Haytamī,* 30.
[36] al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 2.
[37] *Ibid*.

Selain itu, Ibn Ḥajar al-Haytamī mempelajari naḥu daripada beberapa orang guru[38] antaranya al-Shams al-Badrī, al-Shams al-Ḥaṭṭābī, al-Nāṣir al-Liqānī, al-Shamsh al-Ḍayrūṭī, al-Shamsh al-Ṭahāwī dan lain-lain. Beliau mempelajari ilmu Maani dan Bayan daripada al-Shams al-Manāwī dan al-Shams al-Duljī. Manakala ilmu usul beliau berguru dengan al-Shams al-Duljī, al-Shaykh Nāṣir al-Dīn al-Ṭaḥḥān, al-Ṭabalāwi, al-Bakrī, al-Shihāb bin ‘Abd al-Ḥaq, al-Shams al-‘Ubbādī dan al-Shihāb al-Barlasī. Ibn Ḥajar al-Haytamī juga telah mempelajari ilmu mantik daripada al-Nūr al-ṭahāwī, al-Shaykh ‘Abīd al-Shanshūrī, al-Duljī dan lain-lain lagi. Manakala beliau mempelajari ilmu faraid dan ilmu hisab daripada al-Shams bin ‘Abd al-Qādir al-Faraḍī, al-Shihāb al-ṣāLiḥ al-Baṭawī. Beliau juga mempelajari perubatan dari al-Shihāb al-Ṣā’igh al-Ḥanafī.[39]

Semasa berada di Mesir pada akhir tahun 933 H, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah menunaikan haji di Makkah dan menetap di situ. Kemudian pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 934 H Ibn Ḥajar al-Haytamī kemudiannya kembali ke Mesir. Pada tahun 940 H, Ibn Ḥajar al-Haytamī sekali lagi pergi ke Makkah bersama keluarganya dan telah memutuskan untuk terus menetap di Makkah. Di situlah beliau mengajar, menulis buku dan memberikan fatwa sehinggalah beliau meninggal dunia.[40] Al-Sayfī menceritakan bahawa Ibn Ḥajar al-Haytamī meninggalkan Mesir dan kemudian menetap di Makkah sehingga kewafatannya adalah disebabkan oleh gangguan daripada orang yang dengki kepadanya dan mereka mencuri kitab-kitab yang dimilikinya.[41]

### 3.2.4 Suasana Kehidupan

Suasana kehidupan seseorang ilmuwan wajar untuk dibentangkan kerana ia membantu dalam mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan keperibadi, keilmuan dan ketokohan seseorang ilmuwan. Di sini, akan diperlihatkan serba sedikit

[38] Biografi guru-guru Ibn Ḥajar al-Haytamī yang akan disbebutkan selepas ini akan disebutkan pada sub topik guru-guru Ibn Ḥajar al-Haytamī.
[39] al-Haytami, *al-Fatāwā al-Kubrā,* 1:3
[40] al-‘Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 392–393.
[41] Lihat al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 2.



University of Malaya

tentang latar zaman dan persekitaran yang Ibn Ḥajar al-Haytamī hidup di dalamnya. Dua fokus utama dalam memperlihatkan latar zaman dan persekitaran tersebut ialah keadaan politik dan keadaan keagamaan pada masa kehidupan Ibn Ḥajar al-Haytamī.

### a. Suasana Politik

Ibn Ḥajar al-Haytamī hidup pada kurun ke-10 hijrah.[42] Semasa hayatnya, beliau hidup dalam dua zaman pemerintahan kerajaan Islam iaitu pemerintahan Mamālīk[43] dan pemerintahan Uthmāniyyah.[44] Selama lebih kurang 15 tahun pertama hidupnya, Ibn Ḥajar al-Haytamī hidup dalam pemerintahan Mamālīk dan selebihnya lebih kurang 52 tahun beliau hidup di bawah pemerintahan Uthmāniyyah.

Pemerintahan Mamālīk pada waktu itu menguasai Mesir, Syam, dan bahagian Barat semenanjung tanah Arab. Zaman ini dikatakan antara zaman kelemahan pemerintah Islam kerana berlakunya pelbagai masalah dari pelbagai sudut seperti perpecahan dalaman disebabkan fitnah yang berleluasa dan ancaman dari tentera Salib sehingga dapat menawan beberapa kawasan orang Islam.[45]

Melihat kepada masalah yang semakin meruncing, pemerintah Mamālīk telah meminta pertolongan Turki Uthmāniyyah supaya masuk campur dalam urusan pemerintahan.[46] Setelah itu bermulalah penguasaan pemerintah Uthmāniyyah terhadap

University of Malaya

[42] Sila rujuk perbincangan mengenai pengenalan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam sub topik kelahiran.
[43] Mamālīk berasal perkataan *mamlūk* yang bermaksud hamba. Istilah ini mula diperkenalkan pada zaman Khalifah al-Ma‘mūn yang memrintah pada tahun 813 M – 833 M. Mereka asalnya adalah golongan hamba berkulit putih yang dibeli untuk tujuan peperangan. Majoriti golongan *mamlūk* dari bangsa Turki, Caucasus, Kurdi, dan pelbagai bangsa lain. Kebanyakan ahli sejarah berpendapat bahawa Pemerintahan Mamālīk secara rasminya bermula pada tahun 1250 H di bawah pemerintahan Shajar al-Durr. Lihat Aḥmad bin ‘Alī al-Maqrizī, *al-Sulūk li Ma‘rifat Dual al-Mulūk* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 1:459 dan lihat Muḥammad Suhayl Ṭaqūs, *Tārīkh al-Mamālīk fi Miṣr wa Bilād al-Shām* (Bayrūt: Dār al-Nafā’is, 1997), 35, lihat Wan Kamal Mujani, “Sejarah Politik Mamluk (648-922H/ 1250-1517M) Suatu Pengamatan Berdasarkan Sumber Primer dan Sekunder,” *International Journal of West Asian Studies* 2, no.2 (2010), 17
[44] Kerajaan Uthmāniyyah adalah salah sebuah empayar islam yang terakhir dan muncul pada pada tahun 1231 M dan berakhir pada tahun 1924 M. Lihat Yilmaz Oztuna, *Tārīkh al-Daulah al-‘Uthmāniyyah*, terj. ‘Adnān Maḥmūd Salmān dan Maḥmūd al-’Anṣārī (Istanbūl: Muassasah Faiṣal li al-Tamwīl, 1988), 83.
[45] Muḥammad bin Aḥmad bin ’Iyyās, *Badāi‘ al-Zuhūr fī Waqāi‘ al-Duhūr* (al-Qāhirah: al-Hay’ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kitāb, 1984), 4:402.
[46] Ibn ’Iyyās, *Badāi‘al-Zuhūr*, 3:156.

Mesir pada awal tahun 923 H dan kemudian mereka menguasai kesemua kawasan jajahan takluk Mamālīk termasuklah Hijaz.[47]

Semasa pemerintahan Uthmāniyyah, Ibn Ḥajar al-Haytamī hidup di bawah pemerintahan dua khalifah iaitu Khalifah Salīm al-Awwal[48] dan Khalifah Sulaimān al-Qānuni[49]. Pada zaman ini, peluasan kawasan pemerintahan Islam menyaksikan peluasan yang terluas dalam sejarah. Namun pada masa yang sama pemerintahan Uthmāniyyah berdepan dengan dua ancaman yang besar iaitu ancaman al-Rawāfiḍ[50] dan ancaman tentera Salib[51].[52]

Secara umumnya inilah keadaan politik dalam dunia Islam pada waktu itu. Jika dilihat secara khusus di Makkah yang mana Ibn Ḥajar al-Haytamī banyak menghabiskan hayatnya di situ, ia di bawah pentadbiran Keluarga Abi Numay dan tertakluk di bawah pemerintahan Uthmāniyyah. Selama hidup di Makkah, Ibn Ḥajar sempat hidup di bawah dua orang pentadbir Makkah iaitu Barakāt bin Muḥammad al-Sharīf[53] bermula pada tahun 903 H/ 1497 M hingga 931 H/ 1525 M dan Muḥammad bin Barakāt bin Muḥammad[54]

---

[47] Ibn 'Iyyās, *Badāi'al-Zuhūr,* 5:148; Ibrahīm Bik Ḥalīm, *Tārīkh al-Dual al-'Uthmāniyyah al-'Āliyyah* (Bayrūt: Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 1988), 73.

[48] Nama sebenar beliau ialah Salīm bin Abī Yazīd bin Muḥammad bin Murad lahir pada tahun 872 H dan meninggal pada tahun 926 H. Sultan Salīm al-Awwal memerintah pada tahun 918 H sehingga tahun 926 H. Lihat Ibn al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab,* 10:198; al-Ghazzi, *al-Kawākib al-Sā'irah,* 1:209; Ibrahīm Bik Ḥalīm, *Tārīkh al-Dual al-'Uthmāniyyah al-'Āliyyah*, 79.

[49] Nama sebenar beliau ialah Sulaimān bin Salīm. Sultan Sulaimān memerintah bermula pada tahun 926 H sehingga tahun 974 H. Lihat Ibn al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:549; al-Ghazzi, *al-Kawākib al-Sā'irah,* 3:139; Ibrahīm Bik Ḥalīm, *Tārīkh al-Dual al-'Uthmāniyyah al-'Āliyyah*, 87.

[50] Al-Rawāfiḍ adalah kumpulan yang sesat yang menolak dan tidak mengiktiraf kekhalifahan dan keutamaan Sayyidinā Abu Bakr dan Sayyidinā 'Umar. Istilah ini muncul apabila mereka menolak pengiktirafan Zaid bin 'Alī bin Ḥussayn terhadap kekhalifan Sayyidinā Abu Bakr dan Sayyidinā 'Umar. Kini mereka dikenali dengan nama al-Syī'ah wa al-'Imāmiyyah atau madhab 'Ithnā 'Asyariyyah. Lihat Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Sharastānī, *al-Milal wa al-Niḥal* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992), 1;144; Muḥammad bin 'Umar al-Rāzī, *'I'tiqādāt Firaq al-Muslimīn wa al-Musyrikīn* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 1:52; Abu Dhar bin Musā'id al-Taymī, *al-'Ulūhiyyah wa al-'Ubūdiyyah fi mu'taqad al-Rāfiḍah* (al-Qāhirah; Dār al-Muḥaddithīn, 2007), 20.

[51] Tentera Salib (*al-Ṣalībiyyūn*) adalah tentera dari eropah pada Zaman Pertengahan yang dipengaruhi oleh isu keagamaan. Perang Salib yang pertama berlaku pada tahun 1095. Lihat Qāsim 'Abduh Qāsim, *Māhiyah al-Ḥurūb al-Ṣalībiyyah* (al-Kuwait: 'ālam al-Ma'rifah, 1990), 7.

[52] Ibrāhim Bīk, *Tārīkh al-Dual al-'Uthmāniyyah al-'Āliyyah,* 79.

[53] Beliau adalah Barakāt bin Muḥammad bin Barakāt bin Ḥassan. Mengambil alih tampuk pentadbiran Mekah dari ayahnya selepas kewafatan ayahnya pada tahun 903 H. Lihat al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā'irah,* 1:166; lihat Muḥammad Ṭāhir al-Kurdī, *al-Tārīkh al-Qawīm li Makkah wa Bayt Allah al-Karīm* (Bayrūt: Dār Khuḍr, 2000), 5:501; lihat Mājidah Fayṣal Zakariyyā, "Manā'iḥ al-Karam fī Akhbār Makkah wa al-Bayt wa Wūlat al-Ḥaram Dirāsah wa Taḥqīq" (tesis kedoktoran, Universiti Umm al-Qurā, 1994), 2:206.

[54] Beliau adalah anak kepada Muḥammad bin Barakāt bin Ḥassan. Lihat lihat Muḥammad Ṭāhir al-Kurdī, *al-Tārīkh al-Qawīm li Makkah,* 5:501; lihat Mājidah Fayṣal, "Manā'iḥ al-Karam," 2:357.



University of Malaya

bermula pada tahun 931 H/ 1525 M hingga 992 H/ 1583 M. Semasa zaman ini, berlakunya banyak perselisihan dan fitnah di antara ahli keluarga Abi Numay dan setiap mereka meminta pertolongan dengan kabilah-kabilah Arab yang berada di sekitar Makkah.[55]

**b. Suasana Keagamaan**

Semasa zaman pemerintahan Mamālīk, suasana beragama dilihat berkait rapat dengan corak pemerintah pada masa tersebut. Dari sudut fiqh, pemerintah pada zaman tersebut telah mengamalkan salah satu daripada empat mazhab fiqh dan meninggalkan yang lain. Pada waktu itu, pemerintah akan menghukum sesiapa yang tidak mengamalkan mazhab yang sama dengan pemerintah.[56] Manakala ketika era pemerintahan Uthmāniyyah, dari sudut pengamalan fiqh pemerintah meletakkan mazhab Hanafi sebagai mazhab rasmi negara.[57] Dalam pada masa yang sama, pada zaman ini juga kebanyakan ahli ilmu mengikut aliran al-Ashā‘irah[58] ataupun al-Māturīdiyyah[59] dalam bab aqidah. Manakala dalam bab tasawwuf Ṭarīqah Ṣūfiah[60] sangat meluas pada zaman ini sehingga tersebar ke seluruh pelusuk tanah jajahan Islam.[61]

### 3.2.5 Guru dan Murid

Ibn Ḥajar al-Haytamī telah berguru dengan ramai ulama ulung pada zamannya. Sudah tentu ia memberi kesan yang besar dalam membentuk ketokohan beliau sama ada dalam bentuk teori mahupun praktikal. Antara guru-guru beliau yang boleh dikenal pasti nama

---

[55] Mājidah Fayṣal, "Manā'iḥ al-Karam," 2:235 .
[56] Muḥammad Kurd 'Alī, *Khiṭat al-Shām* (Damshiq: Maktabah al-Nūrī, t.t.), 4:49.
[57] Aḥmad bin Muṣtafā al-Ṭāshkubrī, *Al-Shaqā'iq al-Nu'māniyyah fī 'Ulamā' al-Dawlah al-'Uthmāniyyah* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Arabī, t.t.), 5.
[58] Al-'Ashā'irah adalah salah satu mazhab dalam ilmu kalam yang disandarkan kepada Imām Abu al-Ḥassan 'Alī al-'Ash'arī bin 'Ismā'il yang meninggal pada 324 H. Lihat al-Sharastānī, *al-Milal wa al-Niḥal*,1:81 dan lihat al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 4:129.
[59] Al-Māturīdiyyah adalah salah satu mazhab dalam ilmu kalam yang disandarkan kepada Abu Manṣūr Muḥammad bin Muḥammad al-Māturīdī al-Samarqandī yang meninggal pada 333 H. Lihat al-Ziriklī, *al-A'lām*, 7:19.
[60] Ṭarīqah Ṣūfiah adalah satu cara dan jalan untuk mengenali Allah Ta'ālā. Ṭarīqah Ṣūfiah ini terbahagai kepada beberapa kumpulan dan terdapat sebahagiannya yang menyeleweng. Lihat al-Rāzī, *'I'tiqādāt Firaq al-Muslimīn*, 1:72.
[61] al-Ṭāshkubrī, *Al-Shaqā'iq al-Nu'māniyyah*, 5.



University of Malaya

penuh mereka ialah Zakariyyā al-’Anṣārī,[62] al-Zainī al-Sunbāṭī,[63] al-Shams bin Abi al-Ḥamā’il,[64] al-Shihāb al-Ṣā’igh,[65] Shams al-Dīn al-Duljī,[66] al-Shams al-Ḍayrūtī,[67] Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥaq al-Sunbāṭī,[68] Abu al-Ḥassan al-Bakrī,[69] al-Shams al-Ḥaṭṭābī,[70] al-Shihāb al-Ramlī,[71] Nāṣir al-Dīn al-Liqānī,[72] Nāṣir al-Dīn al-Ṭabalāwī,[73] dan al-Shanshūrī.[74] Terdapat juga beberapa orang guru Ibn Ḥajar al-Haytamī yang disebut dalam biografi beliau, malah yang beliau sebut sendiri namun tidak dapat ditemui maklumat mereka secara lengkap. Antaranya ialah al-Shams al-Shanāwī,[75] al-Shams bin ‘Abd al-Qādir al-Faraḍī,[76] al-Shams al-Mashaḍī,[77] al-Shihāb al-Ṭaḥḥān,[78] al-Shihāb al-Burullusī,[79] al-Shams al-‘Ubbādī,[80] al-Imām Mujallī,[81] al-Shams al-Munāwī,[82] Ibn ‘Izz al-Dīn al-Bāsiṭī,[83]

University of Malaya

[62] Beliau adalah Zakariyyā bin Muḥammad bin Aḥmad bin Zakariyyā al-’Anṣārī al-Qāhirī al-’Azharī al-Shāfi‘ī. Lahir pada tahun 826 H/ 1422 M dan meninggal pada 925 H/ 1520 M. Lihat Al-‘Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 172 dan al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:186.
[63] Beliau adalah ‘Abd al-Ḥaq bin Muḥammad bin ‘Abd al-Ḥaq al-Sunbāṭī al-Qāhirī al- Shāfi‘ī. Lahir pada 842 H/ 1428 dan meninggal pada 931 H/ 1524 M. Lihat Al-‘Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 213; al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā’irah*, 1:222.
[64] Sila rujuk biografi beliau pada sebelum ini pada nota kaki bernombor 30.
[65] Beliau adalah Aḥmad bin al-Ṣā’igh al-Miṣrī al-Ḥanafī. Meninggal pada tahun 934 H/ 1527 M. Lihat al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:280.
[66] Beliau adalah Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al-Duljī al-‘Uthmānī al-Shāfi‘ī. Lahir pada tahun 860 H/ 1455 M dan meninggal pada tahun 947 H/ 1540 M. Lihat al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:389 dan lihat al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā’irah*, 2:6.
[67] Beliau adalah Muḥammad bin Sha‘bān bin Abī Bakr bin Khalaf al-Dimyāṭī. Lahir pada tahun 780 H/1465 dan meninggal pada tahun 949 H/1543 M. Lihat Kaḥḥālah, *Mu‘jam al-Mu’allifīn*, 10:69.
[68] Beliau ialah Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥaq bin Muḥammad al-Sunbāṭī al-Shāfi‘ī al-Miṣrī. Meninggal pada tahun 950 H/ 1543 M. Lihat al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā’irah*, 2:112.
[69] Beliau adalah Muḥammad bin Muḥammad bin ‘Abd ar-Raḥmān al-Bakrī al-Ṣiddīq al-Miṣrī al-Shāfi‘ī. Meninggal pada tahun 952 H/ 1545 M. Lihat al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:419 dan lihat al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā’irah*, 2:192.
[70] Beliau adalah Muḥammad bin Muḥammad bin‘Abd ar-Raḥmān al-Ḥaṭṭāb al-Ru‘ainī al-’Andalūsī al-Makkī. Lahir pada tahun 902 H/ 1497 M dan meninggal pada tahun 957 H/ 1547 M. Lihat al-Ziriklī, *al-A‘lām*, 7:58 dan Kaḥḥālah, *Mu‘jam al-Mu’allifīn*, 11:230.
[71] Beliau adalah Aḥmad bin Ḥamzah bin al-Ramlī al-Manūfī al-’Anṣārī al-Shāfi‘ī. Meninggal pada tahun 957 H/ 1550 M. Lihat al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā’irah*, 2:192 dan al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:454
[72] Beliau adalah Muḥammad bin Ḥassan bin ‘Alī bin ‘Abd al-Raḥmān al-Liqānī al-Mālikī yang terkenal dengan gelaran Nāṣir al-Dīn. lahir pada tahun 873 H/ 1468 M dan meninggal pada tahun 958 H/ 1551 M. Lihat Kaḥḥālah, *Mu‘jam al-Mu’allifīn*, 9:203.
[73] Beliau adalah Muḥammad bin Sālim bin ‘Alī al-Miṣrī al-Azharī al-Shāfi‘ī. Meninggal pada tahun 966 H/ 1522 M. Lihat al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā’irah*, 2:33.
[74] Beliau adalah Muḥammad bin ‘Abdullah bin ‘Alī al-Shanshūrī. Meninggal pada tahun 983 H/ 1576 M. Lihat al-Ghazzī, *al-Kawākib al-Sā’irah*, 2:37.
[75] al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 1.
[76] *Ibid.*
[77] al-Haytami, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 1:3
[78] *Ibid.*
[79] *Ibid.*
[80] *Ibid.*
[81] *Ibid.*
[82] *Ibid*,.
[83] *Ibid.*

al-Juwāynī,[84] al-Ṭanbadāwī,[85] al-Amīn al-'Umarī,[86] al-Shihāb al-Badrī,[87] al-Shihab al-ṣālīḥ al-Baṭawī,[88] al-Shams al-Ṭahāwī,[89] al-Nūr al-Ṭahāwī[90] dan al-Shams al-Samnūdī.

Bilangan anak murid Ibn Ḥajar juga terlalu ramai. Antara sebabnya ialah beliau menetap di Makkah yang menjadi tempat manusia berkumpul dari seluruh pelusuk dunia. Masyarakat sentiasa berkumpul kepadanya untuk menuntut ilmu dan meminta pandangan. Bahkan ramai yang berbangga supaya dapat dikaitkan dengan beliau.[91] Di sini, akan disebutkan hanya beberapa orang sahaja yang terkenal, antaranya 'Abd al-Raḥman al-'Amūdī,[92] 'Abd al-Qādir al-Fākihī,[93] Muḥammad Ṭāhir al-Hindī,[94] Muḥammad al-Fākihī,[95] Aḥmad bin Qāsim al-'Ābbādī,[96] Muḥammad al-Zamzamī,[97] 'Abd al-Karīm al-Quṭbi,[98] Mulā 'Alī al-Qārī,[99] Abu Bakr al-Shanawānī,[100] dan Shaykh 'Abdullah al-'Aydrūsī.[101]

---

[84] Ibn Ḥajar al-Haytamī, *al-Fatāwā al-ḥadithiyyah* (t.p: Dār al-Fikr, t.t), 232.
[85] al-Haytami, *al-Fatāwā al-Kubrā*, 3:3
[86] *Ibid*, 1:3
[87] *Ibid*.
[88] *Ibid*.
[89] *Ibid*.
[90] *Ibid*.
[91] al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:543.
[92] Beliau adalah Wajīh al-Dīn 'Abd al-Raḥmān bin 'Umar bin Aḥmad bin Muḥammad al-'Amūdī al-Shāfi'ī. Meninggal pada tahun 967 H/ 1560 M. Lihat al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 358 dan al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:509.
[93] Sila rujuk biografi beliau pada sebelum ini.
[94] Beliau adalah Jamal al-Dīn Muḥammad Ṭāhir yang digelarka *Mulk al-Muḥadithīn al-Hindī*. Lahir pada tahun 913 H/ 1578 M dan meninggal pada tahun 986 H/ 1578 M. Lihat al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 475 dan al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:601.
[95] Beliau adalah Abu al-Sa'ādāt Muḥammad bin Aḥmad bin 'Alī al-Fākihī al-Makkī al-Ḥanbalī. Lahir pada tahun 923 H/ 1517 M dan meninggal pada tahun 992 H/ 1584 M. Lihat al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 527; al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:627; Kaḥḥālah, *Mu'jam al-Mu'allifīn*, 8:298.
[96] Beliau adalah Aḥmad bin Qāsim bin al-'Ābbādī al-Qāhirī al-Shāfi'ī. Meninggal pada tahun 994 H/ 1585 M. Lihat al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:636 dan lihat Kaḥḥālah, *Mu'jam al-Mu'allifīn*, 2:48
[97] Beliau adalah Muḥammad bin 'Abd al-'Azīz bin 'Alī al-Zamzamī al-Bayḍāwī. Meninggal pada tahun 1009 H/ 1600 M. Lihat Mirdād, *al-Mukhtaṣar min Kitāb Nashr al-Nūr*, 435.
[98] Beliau adalah 'Abd al-Karīm bin Muḥid al-Dīn bin Abi 'Īsā 'Alā al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin Qāḍi Khān al-Nahrawālī al-Ḥanafī al-Makkī yang dikenali dengan al-Quṭbī. Lahir pada tahun 961 H/ 1553 M dan meninggal pada tahun 1605 M. Lihat al-Bābānī, *Hadiyyah al-'Ārifīn*, 1:611; Mirdād, *al-Mukhtaṣar min Kitāb Nashr al-Nūr*, 280; Kaḥḥālah, *Mu'jam al-Mu'allifīn*, 5:320.
[99] Beliau adalah al-Mulā 'Alī bin Sulṭān Muḥammad al-Harawī al-Qārī al-Makkī. Meninggal pada tahun 1014 H/ 1605 M. Lihat al-Bābānī, *Hadiyyah al-'Ārifīn*, 1:611 dan lihat Kaḥḥālah, *Mu'jam al-Mu'allifīn*, 7:100.
[100] Beliau adalah Abu Bakr bin 'Ismā'īl bin Shihāb al-Dīn 'Umar bin 'Alī al-Shanawānī. Lahir pada tahun 959 H/ 1551 H dan meninggal pada tahun 1019 H/ 1610 M. Lihat Lihat al-Bābānī, *Hadiyyah al-'Ārifīn*, 1:239 dan lihat Kaḥḥālah, *Mu'jam al-Mu'allifīn*, 3:59.
[101] Beliau adalah Shaykh bin 'Abdullah bin Shaykh bin 'Abdullah al-'Aydrūsī al-Yamanī al-Shāfi'ī. Lahir pada tahun 919 H/ 1513 M dan meninggal pada tahun 990 H/ 1582 M. Lihat al-'Aydrūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 488 dan lihat al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:620.



University of Malaya

### 3.2.6 Sumbangan dalam Bidang Ilmu

Sumbangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam bidang ilmu amat banyak dan menjadikan beliau seorang ilmuwan yang disegani dan sering menjadi tumpuan masyarakat setempat dan juga luar dari pelusuk dunia. Dari sudut ini juga dapat dilihat beliau merupakan seorang ilmuwan yang multidisiplin kerana ilmu yang beliau sampaikan tidak menjurus kepada satu-satu bidang sahaja. Sumbangan beliau terhadap bidang ilmu ini boleh dikategori kepada pengajaran (*tadrīs*), fatwa, dan karya penulisan.

#### a. Pengajaran (*Tadrīs*)

Sumbangan Ibn Ḥajar al-Haytamī bidang pengajaran terutamanya ketika beliau menetap di Makkah tidak dapat dinafikan. Beliau mengadakan pengajaran secara formal sama ada di rumah persendirian mahupun di Masjidil Haram. Disebutkan bahawa Ibn Ḥajar al-Haytamī mengajar di rumah seorang pembesar dari India yang bernama Āṣif Khān. Di situ beliau mengajarkan kitab al-Shifā’ karya al-Qādhī ‘Iyāḍ.[102] Manakala pengajaran yang beliau jalankan di Masjidil Haram terlalu banyak. Usaha yang beliau curahkan dalam bidang pengajaran merupakan satu usaha yang luar biasa. Pengajaran kepada masyarakat ini dilakukan siang dan malam di Masjidil Haram menjadikan ramai orang yang berkumpul kepadanya. Usaha yang luar biasa itu pernah menyebabkan beliau jatuh sakit.[103]

Dari sini, boleh dilihat bahawa Ibn Ḥajar al-Haytamī bukanlah seorang tokoh yang hanya berkecimpung dalam bidang ilmu teori semata-mata bahkan beliau terlibat secara terus dalam medan lapangan. Mempunyai kelebihan untuk mengajar dalam kalangan manusia yang ramai di Makkah merupakan satu kelebihan yang sangat besar. Anak murid beliau menceritakan keadaan Ibn Ḥajar al-Haytamī ketika dalam pengajaran, apabila

[102] Jār Allah bin Fahd, *Nayl al-Mūnā bi Dhayl Bulūgh al-Qirā li Takmilah Itḥāf al-Warā* (Makkah: Muassasah al-Furqān li al-Turāth al-Islāmī, 2000), 664.
[103] *Ibid*, 667.



University of Malaya

beliau ditanya dan dipersoalkan, maka beliau akan menjawab dengan menulis *ḥāshiah*[104]. Perkara ini menunjukkan persediaan beliau yang bersungguh-sungguh dan memperlihatkan kemampuan beliau yang mempunyai ingatan yang kuat untuk mengingati ilmu.[105]

**b. Fatwa**

Manakala sumbangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam bidang fatwa adalah sesuatu yang tidak boleh disangkal. Ini kerana beliau sememangnya seorang yang berkecimpung dalam hal ehwal syariah dan undang-undang dan itu merupakan pengkhususan yang menyebabkan beliau dikenali dalam dunia ilmuwan. Disebabkan sumbangan beliau dalam fatwa inilah beliau digelar sebagai Mufti Makkah. Gelaran ini diberikan oleh para sarjana Islam yang hidup sezaman dengan beliau antaranya Jār Allah bin Fahd. Beliau mengelarkan Ibn Ḥajar al-Haytamī sebagai *al-Shaykh al-ʻAllāmah Muftī al-Muslimīn Shihāb al-Dīn Aḥmad al-Haytamī al-Shāfiʻī.*[106] Manakala anak murid beliau al-Fāqihī juga menyatakan perkara yang sama dengan gelaran *Muftī al-Muslimīn.*[107] Manakala al-Sayfī telah menerangkan bahawa gurunya adalah seorang yang sangat berkecimpung dalam bidang fatwa. Beliau memberitahu Ibn Ḥajar al-Haytamī sering dikunjungi oleh orang-orang yang membawa permasalahan agama. Lalu Ibn Ḥajar al-Haytamī menjawab permasalahan tersebut sehingga mereka balik dengan senang hati dan gembira.[108]

Selain itu, Ibn Ḥajar al-Haytamī juga menjadi tumpuan orang luar terutamanya dari kawasan luar yang bermazhab Shāfiʻī seperti Mesir, Syam, Halab, negara Kurdi dan lain-lain. Mereka menghantarkan surat kepada beliau untuk bertanyakan pelbagai masalah agama untuk mendapatkan fatwa beliau.[109] Hal ini memperkukuhkan bahawa Ibn

---

[104] *Ḥāshiah* merupakan nota kaki ataupun ulasan terhadap sesuatu dalam sesebuah buku sebagai tambahan dan penerangan.
[105] al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 7.
[106] Jār Allah, *Nayl al-Mūnā*, 664.
[107] al-Haytamī, *al-Fatāwa al-Kubrā*, 1:3.
[108] al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 1.
[109] al-Haytamī, *al-Fatāwa al-Kubrā*, 1:3.



University of Malaya

Ḥajar al-Haytamī merupakan seorang tokoh yang menjadi rujukan bukan sahaja masyarakat setempat bahkan seluruh pelusuk dunia untuk menyelesaikan pelbagai masalah terutamanya yang berkaitan dengan persolan agama seperti fiqh, hadith, aqidah, pendidikan dan sebagainya.

**c. Karya**

Hasil penulisan Ibn Ḥajar al-Haytamī begitu banyak dan mencakupi pelbagai bidang. Ini merupakan sumbangan Ibn Ḥajar al-Haytamī yang amat bernilai. Pada masa yang sama ia melambangkan ketokohan beliau dalam bidang keilmuan. Dalam bidang hadith contohnya, beliau mengarang kitab *Fatḥ al-'Ilāh fī Sharḥ al-Mishkat,*[110] *al-Fatāwā al-Ḥadīthiyyah,*[111] *Fatḥ al-Mubīn fī Sharḥ al-'Arba'īn*[112] dan lain-lain. Dalam bidang fiqh pula, antaranya *al-Fatāwā al-Fiqhiyyah al-Kubrā,*[113] *Ḥāshiyah al-'Īḍāḥ fī al-Manāsik li al-Imām al-Nawāwī*[114] dan lain-lain. Dalam bidang aqidah seperti *al-'I'lā bī Qawāṭi' al-'Islām,*[115] *al-Zawājir 'an 'Iqtirāf al-Kabā'ir,*[116] dan lain-lain. Dalam bidang akhlak pula seperti *Taṭhīr al-'Īaybah min Danas al-Ghaybah,*[117] *al-'Ifādah limā Jā'a fī al-Maraḍ wa al-'Iyādah,*[118] dan lain-lain. Manakala bidang nahu seperti *Sharḥ 'Alfiyah Ibn Mālik,*[119].

---

[110] Ia adalah sebuah kitab yang mensyarahkan sebuah kitab hadith yang bertajuk *Mishkāt al-Maṣābīh* hasil tulisan Muḥammad 'Abdullah al-Khaṭīb al-Tibrīzī wafat pada 731 H/ 1340 M yang ditulis untuk menyempurkan kitab *Maṣābīḥ al-Sunnah* hasil tulisan al-Baghawī. lihat Lihat Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Ẓunūn 'an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn* (Baghdād: Maktabah al-Muthannā, 1941), 2:1699.

[111] Ia sekumpulan fatwa Ibn Ḥajar yang terhasil daripada soalan-soalan yang dilontarkan kepadanya dan kemudian dikumpulkan oleh salah seorang pelajarnya. Lihat Aḥmad bin Muḥammad al-Haytamī, *al-Fatāwā al- Ḥadīthiyyah* (t.tp: Dār al-Fikr, t.t.), 2; lihat al-Kattānī, *Fahras al-Fahāris*, 1:339.

[112] Ia merupakan syarah kepada kitab Hadith 40 yang terkenal hasil tulisan al-Imām Muḥyi al-Dīn al-Nawāwī wafat pada 676 H/ 1277 M. Lihat Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Ẓunūn,* 1:59.

[113] Ia merupakan sebuah kitab yang sangat bernilai dalam bidang fiqh dan persoalan-persoalan fiqh. Ianya dikumpulkan oleh salah seorang pelajar Ibn Ḥajar. Dikatakan pelajar ini ialah 'Abd al-Qādir al-Fākihī. Sila rujuk biografi beliau pada sebelum ini.

[114] Kitab ini ditulis berdasarkan kitab *al-'Īḍāḥ fī al-Manāsik* hasil tulisan al-Imām Muḥyi al-Dīn al-Nawāwī. Lihat Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Ẓunūn,* 1:210.

[115] Lihat al-Sayfī, *Nafais al-Durar*, kertas 4; lihat al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir,* 395.

[116] Lihat al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab,* 10:543.

[117] Lihat 'Ismā'īl bin Muḥammad 'Amīn al-Bābānī, *'Īḍāḥ al-Maknūn fī al-Dhayl 'alā Kashf al-Ẓunūn* (Bayrūt: Dār 'Iḥyā al-Turāth al-'Arabī, t.t), 3:294.

[118] Lihat al-Sayfī, *Nafais al-Durar*, kertas 5.

[119] Kitab ini ditulis untuk mensyarahkan kitab *'Alfiyah* dalam bidang nahu hasil tulisan Muḥammad bin 'Abdullah al-Ṭā'ī yang terkenal dengan gelaran Ibn Mālik al-Naḥwī yang wafat pada 672 H/ 1273 M. Terdapat ramai ulamak yang mensyarahkan kitab *'Alfiyah* ini termasuklah Ibn Ḥajar sendiri. Lihat al-Sayfī, *Nafais al-Durar,* kertas 6; Lihat Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Ẓunūn,* 1:151.



University of Malaya

Dalam bidang sastera bahasa Arab seperti *al-Nakhb al-Jalīlah fi al-Khuṭab al-Jazīlah,*[120] *al-Durr al-Manẓūm fī Tasliah al-Mafhūm,*[121] dan lain-lain. Dalam bidang falak pula seperti *al-Mukhtaṣar al-Hai'ah al-Saniyyah fī al-Hai'ah al-Suniyyah,*[122]. Dalam bidang sirah seperti *al-Minaḥ al-Makkiyyah fī Sharh al-Hamziyyah,*[123] *Ashraf al-Wasā'il fī Fahmi al-Shamā'il,*[124] dan lain-lain. Manakala dalam bidang penulisan biografi ulama seperti *Ma'dan al-Yawāqīt al-Multami'ah fī Manāqib al-'A'immah al-'Arba'ah,*[125] *Mu'jam Shuyūkh Ibn Ḥajar,*[126] dan lain-lain. Menurut anak murid beliau iaitu al-Sayfī, jumlah karya tulisan Ibn Ḥajar al-Haytamī mencapai 92 buah.[127] Manakala satu pandangan lagi menyebut jumlahnya sebanyak 77 buah.[128] Namun hasil kajian terkini mendapati bahawa Ibn Ḥajar al-Haytamī mewariskan hasil tulisan yang mencapai jumlah 117 buah.[129]

Jumlah hasil penulisan yang banyak dan mencakupi pelbagai disiplin ilmu serta diiktiraf oleh kebanyakan sarjana telah menjadi satu ukuran yang boleh digunakan untuk menilai keilmuan dan ketokohan seseorang ilmuwan. Maka termasuk di dalam hal ini ialah keadaan yang berlaku kepada Ibn Ḥajar al-Haytamī. Justeru, jumlah hasil karya beliau yang banyak mampu menjelaskan kemampuan beliau sebagai seorang tokoh ilmuwan yang disegani oleh para ilmuwan sezaman dengannya.

### 3.2.7 Kewafatan

Dalam menentukan tahun kewafatan Ibn Ḥajar al-Haytamī, terdapat beberapa pandangan yang berbeza. Pendapat pertama menyatakan Ibn Ḥajar al-Haytamī meninggal pada tahun

---

120 Lihat al-Bābānī, *Hadiyyah al-'Ārifīn,* 1:146.
121 Lihat Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Ẓunūn,* 1:735 dan lihat al-Bābānī, *Hadiyyah al-'Ārifīn,* 1:146.
122 Lihat al-Sayfī, *Nafais al-Durar,* kertas 6. Ia merupakan sebuah kitab ringkasan kepada kitab *al-Hai'ah al-Saniyyah fī al-Hai'ah al-Suniyyah* hasil tulisan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. Lihat Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Ẓunūn,* 2:2047; al-Ghazzi, *al-Kawākib al-Sā'irah,* 3:102.
123 Lihat al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir,* 395; Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Ẓunūn,* 2:1349.
124 Lihat al-Sayfī, *Nafais al-Durar,* kertas 4; Ḥājī Khalīfah, *Kashf al-Ẓunūn,* 2:1059.
125 Lihat al-Bābānī, *Hadiyyah al-'Ārifīn,* 1:146; al-Bābānī, *'Īḍāḥ al-Maknūn,* 4:510.
126 Lihat al-Sayfī, *Nafais al-Durar,* kertas 5; lihat al-'Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir,* 392.
127 Lihat al-Sayfī, *Nafais al-Durar,* kertas 6.
128 *Ibid.*
129 Lamyā', *Ibn Ḥajar al-Makkī wa Juhūduhu fi al-Kitābah al-Tārīkhiyyah,* 100.

974 H/ 1566 M.[130] Pendapat kedua dari sumber lain menyatakan Ibn Ḥajar al-Haytamī meninggal pada tahun 973 H/ 1565 M.[131] Pendapat ketiga menyatakan Ibn Ḥajar al-Haytamī meninggal pada tahun 964 H/ 1556 M dan pendapat yang keempat menyatakan Ibn Ḥajar al-Haytamī meninggal pada tahun 995 H/ 1587 M.[132] Namun pendapat ketiga dan keempat adalah salah menurut al-Kattānī kerana ia bercanggah dengan apa yang ditulis oleh kebanyakan ilmuwan yang menulis tentang biografi Ibn Ḥajar al-Haytamī.[133]

Pendapat yang lebih tepat ialah pendapat pertama iaitu Ibn Ḥajar al-Haytamī meninggal pada 974 H/ 1566 M kerana ia pendapat yang ditulis sendiri oleh anak muridnya iaitu al-Sayfī dalam *Nafais al-Durar*. Menurut al-Sayfī lagi disebutkan pada tahun 971 H telah tersebar berita kematian Ibn Ḥajar al-Haytamī di Damsyiq lalu dilaksanakan solat ghaib ke atas beliau. Namun selepas itu ternyata Ibn Ḥajar al-Haytamī masih lagi hidup.[134] Ibn Ḥajar al-Haytamī dikebumikan di perkuburan *al-Ma‘lāh* yang terletak di Makkah.[135]

### 3.2.8 Kesimpulan Pengenalan Ibn Ḥajar al-Haytamī

Ibn Ḥajar al-Haytamī merupakan antara ilmuwan ulung yang pernah dilahirkan dalam sejarah Islam. Sejarah membuktikan beliau berjaya meletakkan namanya sebagai tokoh yang terkemuka dalam segenap lapangan ilmu Islam. Dengan melihat sumbangan beliau dalam bidang ilmu seperti dalam bidang pengajaran, fatwa dan karya penulisan yang jumlah begitu banyak sehingga mencapai 117 buah, sudah cukup untuk menggambarkan keilmuan dan ketokohan yang dimiliki oleh beliau.

[130] Lihat al-Sayfī, *Nafais al-Durar*, kertas 7; al-‘Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 390; al-Ziriklī, *al-A‘lām*, 3:234.
[131] Ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:541, al-Shawkānī, *al-Badr al-Ṭāli‘*, 1:109; al-Ghazzi, *al-Kawākib al-Sā’irah*, 3:102.
[132] Lihat al-Kattānī, *Fahras al-Fahāris*, 1:338.
[133] *Ibid*,.
[134] al-Ghazzi, *al-Kawākib al-Sā’irah*, 3:102.
[135] al-Sayfī, *Nafais al-Durar*, kertas 7; al-‘Aydarūs, *al-Nūr al-Sāfir*, 391; Ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab*, 10:543.



University of Malaya

Lahir pada awal kurun ke 10 hijrah dan bermula dengan kehidupan sebagai seorang anak yatim, ketokohan Ibn Ḥajar al-Haytamī telah dipupuk sejak seusia kecil apabila beliau telah pun dididik oleh para ulama setelah kematian ayahnya. Suasana dan persekitaran ilmu itu tidak terputus di situ apabila pada usia kecil itu juga beliau telah pun menghafal al-Quran. Menginjak usia belasan tahun beliau menadah ilmu dari ulama besar di Mesir dan melazimi mereka untuk mempelajari ilmu bukan sahaja dari sudut teori bahkan praktikal.

Hasilnya, pada usia yang terlalu muda, pengiktirafan daripada guru-guru dan para ulama di sekelilingnya telah pun diperolehi oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī. Buktinya beliau telah pun mengajar dan memberikan fatwa dalam menyelesaikan masalah yang berlaku pada zamannya sungguh pun usianya belum menjangkau dua puluhan.

Selain itu, manfaat ilmunya tidak sahaja berlegar di sekitar Mesir bahkan di seluruh pelusuk dunia. Ini kerana separuh daripada umurnya dihabiskan dengan menetap di Makkah, tempat tumpuan dan berkumpulnya umat Islam dari seluruh dunia. Dari situ jugalah mengalirnya ilmu beliau ke serata tempat. Di situlah beliau mengajar, menulis, menjawab persoalan-persoalan dan memberikan fatwa sehingga ke akhir hayatnya. Dapat berhadapan dengan pelbagai lapisan masyarakat sudah tentunya menjadikan pandangan yang beliau keluarkan lebih matang dan terbuka.

Penelusuran latar belakang Ibn Ḥajar al-Haytamī ini dapat memperkukuhkan bahawa beliau adalah seorang ilmuwan yang mempunyai kelebihan tersendiri. Melihat perkara tersebut, adalah penting untuk mengkaji pandangan-pandangan beliau bagi menggali khazanah ilmu yang beliau tinggalkan. Dengan sendirinya pandangan beliau dalam bidang pendidikan juga merupakan pandangan yang tidak boleh diketepikan apabila melihat kepada latar belakang kehidupan beliau yang cemerlang. Oleh itu, wajar untuk dikenal pasti pandangan-pandangan beliau yang berkaitan dengan pendidikan

University of Malaya

khususnya melalui penelitian terhadap karya khusus berkaitan pendidikan yang telah beliau wariskan iaitu kitab *Taḥrīr al-Maqāl*.

### 3.3 Pengenalan Kitab *Taḥrīr al-Maqāl*

Sarjana Islam silam amat mementingkan ilmu dan pendidikan yang turut merangkumi pengajaran dan pembelajaran. Ini bagi menyahut seruan Ilahi supaya terdapat sekumpulan daripada orang mukmin yang mendalami agama.[136] Begitu juga banyak seruan junjungan Nabi s.a.w yang menyeru kepada umatnya untuk mementingkan ilmu dan pendidikan. Maka, selaras dengan tuntutan semasa, institusi-institusi pendidikan telah dibina untuk mengajarkan ilmu sama ada melibatkan wakaf-wakaf persendirian mahupun dana-dana pemerintah.

Apabila wujudnya institusi pendidikan, maka pengajaran dan pembelajaran berlaku secara lebih tersusun. Namun tidak dapat dinafikan wujudnya juga keadaan-keadaan yang tidak mempunyai hukum yang jelas mengenainya. Para ilmuwan Muslim berusaha untuk menyatakan hukum bagi keadaan-keadaan yang dimaksudkan itu dan Ibn Ḥajar al-Haytāmī merupakan antara ilmuwan yang turut mengarang karya-karya yang berkaitan dengan ilmu dan pendidikan. Karya yang dimaksudkan ialah *Taḥrīr al-Maqāl fī Ādāb wa ’Aḥkām wa Fawā’id Yaḥtāj Ilayhā Mu’addibū al-Aṭfāl* yang boleh diterjemahkan ke bahasa Melayu sebagai ‘Perincian Kata tentang Adab, Hukum, dan Faedah yang Diperlukan oleh Pendidik Kanak-kanak).

Sebagaimana dibahaskan sebelum ini, Ibn Hajar al-Haytami dikenali dalam pelbagai lapangan ilmu terutamanya fiqh mazhab Shafi‘ī. Namun, beliau kurang dikenali dalam bidang pendidikan. Justeru, mengkaji dan membahaskan kitab *Taḥrīr al-Maqāl* ini sedikit sebanyak akan menonjolkan kemampuan beliau dalam bidang pendidikan. Bermula dengan sumbangan beliau dalam bidang ilmu melalui pengajaran, fatwa dan juga

[136] Surah al-Taubah: 12.



University of Malaya

ratusan hasil penulisan beliau, maka kitab *Taḥrīr al-Maqāl* ini mempunyai nilai yang tersendiri untuk diketengahkan.

### 3.3.1 Penisbahan Kitab

*Taḥrīr al-Maqāl* merupakan sebuah karya asli tulisan Ibn Ḥajar al-Haytamī dan kesahihannya tidak pernah diragukan. Penisbahan kitab ini kepada Ibn Ḥajar al-Haytamī boleh dilihat dilakukan oleh anak murid beliau sendiri iaitu al-Sayfī dalam *Nafāis al-Durar fī Tarjamah Shaykh al-Islām Ibn Ḥajar.*[137] Selain itu, ia juga dilakukan oleh beberapa penulis yang lain antaranya al-Babānī dalam dua kitabnya iaitu *Hadiyyah al-ʻĀrifīn*[138] dan *ʼĪḍāḥ al-Maknūn.*[139] Begitu juga, al-Ziriklī menisbahkan kitab ini kepada Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam kitabnya *al-Aʻlām.*[140]

### 3.3.2 Sebab Penulisan

Sebab penulisan kitab *Taḥrīr al-Maqāl* dijelaskan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam bahagian pendahuluan kitab. Beliau menyatakan bahawa tujuan beliau menulis buku tersebut ialah sebagai jawapan terhadap beberapa persoalan yang telah ditanyakan kepada beliau oleh seorang pendidik yang mengajar di sebuah institusi pendidikan di situ. Soalan tersebut bertarikh 2 jamādil awal tahun 957 H/ 1550 M. Ibn Ḥajar al-Haytamī menjelaskan seperti berikut:

فقد ورد عليّ من بعض صلحلاء مؤدبي الأطفال ، ثاني جمادى الأولى سنة وخمسين

وتسعمائة ، أسئلة مفحمة ، وتدقيقات الأجوبة عنها متحتمة[141]

---

[137] Hanyasanya al-Sayfī tidak meletakkan nama penuh kitab *Tahrīr al-Maqaāl* dalam *Nafāis.* Beliau hanya meletakkan *Taḥrīr al-Maqāl fī Ādāb wa ʼAḥkām tataʻallaq bi muaddibī al-aṭfāl.* Lihat al-Sayfī, *Nafāis al-Durar*, kertas 5.
[138] al-Bābānī, *Hadiyyah al-ʻĀrifīn*, 1:146.
[139] al-Bābānī,*ʼĪḍāḥ al-Maknūn*, 2:234.
[140] al-Ziriklī, *al-Aʻlām*,1:234.
[141]Aḥmad bin Muḥammad Ibn Ḥajar al-Haytamī, *Taḥrir al-Maqāl fī Ādāb wa Aḥkām wa Fawāʼid Yaḥtāju Ilayhā Muʼaddibū al-Aṭfāl* ed. ʻAlī Aḥmad al-Kindī (Abu Ẓabī: Muassasah Baynūnah, 2009), 38.

> Terjemahan: Pada 2 jamadil awal tahun 957, telah sampai kepada ku beberapa soalan yang sukar untuk dijawab dari sebahagian pendidik kanak-kanak yang baik (*ṣulaḥā’ mu’addibī al-aṭfāl*).

Setelah melihat kepada soalan-soalan tersebut, beliau berpandangan perlu untuk menjawab kesemua soalan yang ditanyakan itu. Melihat kepada kepentingan yang ada pada persoalan-persoalan itu juga, maka beliau mengambil keputusan untuk dikarang sebuah buku yang menghimpunkan jawapan-jawapan kepada persoalan-persoalan yang ditanyakan agar dapat menjadi pedoman bukan sahaja kepada pihak yang bertanya, malah kepada sesiapa sahaja yang terlibat dengan bidang pendidikan.

Pada masa yang sama, pada salah satu bahagaian dalam kitab ini iaitu pada *al-maqṣad al-sābi‘* (tujuan ketujuh), Ibn Ḥajar al-Haytamī telah menyebut mengenai sebab penulisan kitab secara terperinci. Ibn Ḥajar al-Haytamī menjelaskan sebab dan latar belakang bagaimana persoalan yang ditulis kepadanya itu timbul. Beliau juga menyatakan bahawa orang yang bertanya itu asalnya bekerja sebagai seorang hakim (*qāḍhi*) yang menjaga amanah dan keadilan. Namun, disebabkan tekanan serta masalah yang timbul dan boleh menjerumuskan beliau dalam perbuatan dosa ketidakadilan, beliau meninggalkan pekerjaan tersebut. Selepas itu, beliau telah menghadapi masalah kewangan untuk menyara kehidupan keluarganya. Lalu beliau bekerja sebagai seorang guru di salah sebuah sekolah anak yatim ataupun disebut sebagai *maktab*[142].[143]

Ketika si penanya bertugas sebagai tenaga pegajar di *maktab* tersebut, maka timbullah pelbagai masalah dan persoalan yang melibatkan pentadbiran dan pengurusan termasuklah pengurusan displin dan tingkah laku kanak-kanak pelajar. Disebabkan kebimbangan yang boleh membawa kepada bahaya dan dosa yang mungkin timbul dari

---

[142] *Maktab* ataupun juga dikenali sebagai *kuttāb* merupakan pusat pembelajaran dalam sejarah pendidikan islam sebelum *madrasah.* Antara tujuan asalnya ditubuhkan adalah untuk hafalan al-Quran dan pembelajaran berasaskan al-Quran. Lihat Muḥammad Munīr Mursī, *Al-Tarbiyah al-‘Islāmiyyah ’Uṣūluhā wa Taṭawwuruhā fī al-Bilād al-‘Arabiyyah* (T:tp: ‘Ālam al-Kutub, 2005), 287.

[143] Al-Haytamī, *Taḥrir al-Maqāl,* 77.



University of Malaya

masalah dan persoalan tersebut, maka beliau telah mengutarakan soalan-soalan kepada Ibn Ḥajar al-Haytamī melalui suratnya untuk mendapatkan jawapan-jawapan. Oleh kerana itu, Ibn Ḥajar al-Haytamī memberikan jawapan-jawapan dengan menulis *Taḥrīr al-Maqāl* dan berharap ia menjadi panduan bukan sahaja kepada si penanya bahkan kepada setiap guru. Ibn Ḥajar al-Haytamī menyatakan:

> ليكون مجموع ذلك نافعًا للمعلمين ، مرشدًا للمسترشدين ، وزاجرًا للمعتدين ، ومعينًا للصالحين ، ومنقذًا للمرتكبين في ورطة التعليم[144]
>
> Terjemahan: supaya gabungan semua itu memberi manfaat (*nāfi'an*) kepada guru-guru, memberi petunjuk (*murshidan*) kepada orang yang meminta petunjuk, menjadi penghalang (*zājiran*) bagi orang yang melampaui batas, menjadi penolong (*mu'īnan*) kepada orang yang salih, dan menjadi penyelamat (*munqizan*) kepada orang terlibat dalam kesesakan pengajaran).

Berdasarkan sebab penulisan tersebut, dapat dinyatakan bahawa perbincangan yang wujud dalam *Taḥrīr al-Maqāl* merupakan perbincangan terhadap permasalahan dan persoalan semasa yang benar-benar wujud, bukan hanya sekadar andaian semata-mata. Hal ini memperkukuhkan lagi nilai pendidikan yang terzahir daripada *Taḥrīr al-Maqāl*. Dari sudut yang lain, sebab penulisan tersebut telah memperlihatkan ketinggian ilmu yang ada pada penulisnya iaitu Ibn Ḥajar al-Haytamī kerana beliau menjadi rujukan individu dan masyarakat sekeliling. Pengiktirafan yang diberikan terhadapnya membuktikan yang beliau bukan sahaja layak memberikan fatwa dalam bidang ilmu fiqh sahaja, malah termasuk juga bidang ilmu pendidikan.

---

[144] Al-Haytamī, *Taḥrir al-Maqāl*, 78.



University of Malaya

### 3.3.3 Isi Kandungan dan Metodologi Penulisan

Secara umumnya, penulisan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam *Taḥrīr al-Maqāl* adalah bertujuan memudahkan pembaca memahami apa yang hendak disampaikan. Walaupun sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahawa ia menghimpunkan jawapan-jawapan terhadap persoalan-persoalan yang diutarakan, namun Ibn Ḥajar al-Haytamī memilih untuk menghimpunnya dalam bentuk sebuah penulisan supaya jawapan beliau nanti dapat dimanfaatkan oleh para guru yang lain. Untuk memudahkan *Taḥrīr al-Maqāl* dijadikan sebagai pedoman, maka Ibn Ḥajar al-Haytamī telah menyusun kitab tersebut dengan susunan yang tersendiri. Beliau menyatakan:

> فاستخرت الله – سبحانه وتعالى – الذي ما خاب من استخاره ، وضممت إليه تتمات تؤمن من لجأ إليها عثارها ، وسميتها تحرير المقال في آداب وأحكام وفوائد يحتاج إليها مؤدبو الأطفال[145]
>
> Terjemahan: Maka aku telah memohon petunjuk (*istikhārah*) daripada Allah –subhanaahu wa taala- dan tidak hampa sesiapa yang ber*istikhārah* kepadanya, dan aku meletakkan padanya pelengkap yang [menghilangkan] kesulitan apabila berlindung kepadanya, dan aku menamakannya *Taḥrīr al-Maqāl fī Ādāb wa 'Aḥkām wa Fawā'id Yaḥtāj Ilayhā Mu'addibū al-Aṭfāl.* dan aku telah menyusunnya kepada tujuh tujuan [bahagian] dan [satu] penutup).

Ibn Ḥajar al-Haytamī membuat pembahagian-pembahagian yang tertentu dengan tema-tema yang tertentu supaya objektif setiap bahagian tampak lebih jelas. Beliau telah membahagikan *Taḥrīr al-Maqāl* kepada satu *muqaddimah* (pendahuluan), tujuh *maqṣad* (tujuan) dan satu *khātimah* (penutup) yang boleh diperincikan seperti berikut:

- *Muqaddimah al-Mu'allif* (Pendahuluan Penulis)

---

[145] Al-Haytamī, *Taḥrir al-Maqāl,* 38.



University of Malaya

- *Al-Maqṣad al-'Awwal* (Tujuan Pertama): *Fī al-'Aḥādīth al-Dāllah ʻalā Sharaf Ahl al-Qur'ān* (Berkenaan Hadis-hadis Yang Menjadi Dalil Kemuliaan Ahli al-Qur'an)
- *Al-Maqṣad al-Thāni* (Tujuan Kedua): *Fī Faḍā'il Muʻallimī al-Qur'ān wa Mutaʻallimih* (Berkenaan Kelebihan Pengajar dan Pelajar al-Qur'an)
- *Al-Maqṣad al-Thālith* (Tujuan Ketiga): *Fī Jawāz 'Akhz al-'Ujrah alā Taʻlīm al-Qur'ān wa al-Ruqyah bih* (Berkenaan Keharusan Mengambil Upah Dalam Pengajaran al-Qur'an dan *Ruqyah* Dengannya)
- *Al-Maqṣad al-Rābiʻ* (Tujuan Keempat): *Fī Imtināʻ'Akhz al-'Ujrah alā Taʻlīm al-Qur'ān* (Berkenaan Dalil Yang Melarang Mengambil Upah Dalam Pengajaran al-Qur'an)
- *Al-Maqṣad al-Khāmis* (Tujuan Kelima): *Fī Bayān Ikhtilāf al-ʻUlamā' fī al-'Akhz bi al-'Aḥādīth al-Sābiqah* (Berkenaan Penerangan Perselisihan Para Ilmuwan Tentang Hal Mengambil Upah Berdasarkan Hadith-Hadith Yang Lalu)
- *Al-Maqṣad al-Sādis* (Tujuan Keenam): *Fī Taḥzīr al-Muʻallim min Naẓar al-Marad al-Ladzīna Yuʻallimu-hum* (Peringatan Berkenaan Memandang Kepada Kanak-kanak berwajah lembut [*al-Marad*][146] )
- *Al-Maqṣad al-Sābiʻ* (Tujuan Ketujuh): *Al-'As'ilah wa al-'Ajwibah allatī Hiya al-Sabab fī Hādhā al-Taʻlīf* (Berkenaan Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Yang Menjadi Sebab Pengarangan Buku Ini)
- *Al-Khātimah* (Penutup).

---

[146] *Al-Marad* adalah anak kecil yang berwajah lembut sehingga boleh menimbulkan syahwat atau fitnah. Menurut Ibn Manẓūr dalam *al-Lisān* "*murd (al-amrād) :* pemuda yang baru tumbuh janggut dan misainya. Lihat Ibn Manẓūr, *Lisān al-ʻArab*, 3:401.

**a. *Muqaddimah al-Mu’allif* (Pendahuluan Penulis)**

Dalam mukadimah penulisan *Taḥrīr al-Maqāl*, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah menjelaskan sebab penulisan kitab secara umum. Beliau hanya menyatakan bahawa beliau menerima beberapa soalan daripada seorang guru. Namun, beliau menyifatkan persoalan-persoalan tersebut adalah sukar. Selain itu, beliau menyatakan bahawa tarikh beliau menerima soalan-soalan tersebut yang menjadi sebab kepada penulisan kitabnya itu ialah pada 2 jamādil awal tahun 957 H/ 1550 M.

**b. *Al-Maqṣad al-’Awwal* (Tujuan Pertama): *Fī al-’Aḥādīth al-Dāllah ‘alā Sharaf Ahl al-Qur’ān* (Berkenaan Hadis-hadis Yang Menjadi Dalil Kemuliaan Ahli al-Qur’an)**

Pada *Al-Maqsad al-’Awwal* (Tujuan Pertama) ini, sebagai pembuka kepada penulisan kitab *Taḥrīr al-Maqāl*, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah mengumpulkan lebih daripada sepuluh hadith yang menerangkan kemuliaan dan ketinggian yang dikhususkan oleh Allah SWT kepada ahli al-Quran. Walau bagaimanapun, hadith-hadith tersebut tidak merujuk secara khusus kepada pengajar mahupun pelajar. Sebaliknya ia lebih bersifat umum.

**c. *Al-Maqṣad al-Thāni* (Tujuan Kedua): *Fī Faḍā’il Mu‘allimī al-Qur’ān wa Muta‘allimih* (Berkenaan Kelebihan Pengajar dan Pelajar al-Qur’an)**

Pada *al-Maqṣad al-Thāni* (Tujuan Kedua) pula, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah mengumpulkan sebahagian hadith-hadith yang menyatakan kemuliaan yang dimiliki oleh mereka yang berkecimpung dalam bidang al-Quran tidak kira sama ada mereka orang yang mengajarkan al-Quran ataupun mereka yang mempelajarinya. Di sini, dapat dilihat bahawa Ibn Ḥajar al-Haytamī cuba untuk mengecilkan skop ahli al-Quran yang diberikan kemuliaan pada *al-Maqṣad al-Awwal* (Tujuan Pertama).

University of Malaya

**d. *Al-Maqṣad al-Thālith* (Tujuan Ketiga): *Fī Jawāz ’Akhz al-’Ujrah alā Ta‘līm al-Qur’ān wa al-Ruqyah bih* (Berkenaan Keharusan Mengambil Upah Dalam Pengajaran al-Qur’an dan *Ruqyah* Dengannya)**

Pada *al-Maqṣad al-Thālith* (Tujuan Ketiga), Ibn Ḥajar al-Haytamī telah mengumpulkan pula hadith-hadith yang menunjukkan keharusan mengambil upah daripada pengajaran al-Quran atau mengambil upah daripada merawat (*ruqyah*) menggunakan al-Quran. Dari sini, Ibn Ḥajar al-Haytamī dilihat membawa perbincangan kepada skop yang lebih terperinci iaitu permasalahan yang sering timbul dalam kalangan masyarakat berkaitan dengan mengambil upah mengajar al-Quran sama ada al-Quran dijadikan sebagai subjek pembelajaran ataupun bahan bacaan untuk perubatan. Seperti dua *maqṣad* sebelum ini, Ibn Ḥajar al-Haytamī hanya mengumpulkan hadith-hadith tanpa memberikan ulasan terhadap hadith-hadith tersebut.

**e. *Al-Maqṣad al-Rābi‘* (Tujuan Keempat): *Fī Imtinā‘’Akhz al-’Ujrah alā Ta‘līm al-Qur’ān* (Berkenaan Dalil Yang Melarang Mengambil Upah Dalam Pengajaran al-Qur’an)**

Pada *al-Maqṣad al-Raābi‘* (Tujuan Keempat), Ibn Ḥajar al-Haytamī telah mengumpulkan beberapa hadith yang menunjukkan kepada larangan mengambil upah dari usaha mengajar al-Quran. Seperti biasa, Ibn Ḥajar al-Haytamī hanya mengumpulkan hadith-hadith yang berkaitan tanpa memberi sebarang ulasan terhadap hadith-hadith tersebut. Namun, dapat diperhatikan bahawa Ibn Ḥajar al-Haytamī sengaja menyatakan *al-Maqṣad al-Rābi‘* (Tujuan Keempat) untuk menimbulkan persoalan kepada para pembaca kerana ia seolah-olah bertentangan dengan *al-Maqṣad al-Thālith* (Tujuan Ketiga).

University of Malaya

f. ***Al-Maqṣad al-Khāmis* (Tujuan Kelima): *Fī Bayān Ikhtilāf al-'Ulamā' fī al-'Akhz bi al-'Aḥādīth al-Sābiqah* (Berkenaan Penerangan Perselisihan Para Ilmuwan Tentang Hal Mengambil Upah Berdasarkan Hadith-Hadith Yang Lalu)**

Pada *al-Maqṣad al-Khāmis* (Tujuan Kelima) inilah Ibn Ḥajar al-Haytamī memberi ulasan mengenai hadith-hadith yang telah dinyatakan dalam *al-Maqṣad al-Thālith* dan *al-Maqṣad al-Raābi'* yang kelihatan bertentangan antara kedua-dua maqsad tersebut. Persoalan yang berlaku dalam kedua-dua *maqṣad* itu berkisar berkenaan hukum mengambil upah daripada usaha mengajar al-Quran sama ada diharuskan ataupun dilarang. Pada *al-Maqṣad al-Khāmis* ini, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah merungkai permasalahan tersebut dengan menyatakan bahawa para ilmuwan Islam silam telah berselisih pendapat dalam hal ini. Sebahagian mengharuskan hukum mengambil upah daripada pengajaran al-Quran, manakala sebahagian yang lain tidak membenarkannya. Namun, dalam *al-Maqṣad al-Khāmis* ini, Ibn Hajar al-Haytamī menyatakan bahawa sebahagian besar ilmuwan berpendapat bahawa mengambil upah daripada pengajaran al-Quran adalah dibolehkan.

g. ***Al-Maqṣad al-Sādis* (Tujuan Keenam): *Fī Taḥzīr al-Mu'allim min Naẓar al-Marad al-Ladzīna Yu'allimu-hum* (Peringatan Berkenaan Memandang Kepada Kanak-kanak berwajah lembut [*al-Marad*][147] )**

Pada *al-Maqṣad al-Sādis* (Tujuan Keenam), selepas merungkaikan persoalan hukum mengambil upah daripada pengajaran al-Quran, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah membawa satu permaslahan yang serius dan penting yang berlaku dalam situasi semasa iaitu larangan kepada para guru (*al-mu'allim*) untuk memandang kepada kanak-kanak berwajah lembut atau disebut dengan istilah *al-marad*. Keseriusan ini dapat dilihat dengan beliau menjadikannya sebagai salah satu *maqṣad* dalam buku ini. Beliau telah

[147] Lihat nota kaki no.146.



University of Malaya

mengumpulkan beberapa hadith yang menjadi dalil kepada larangan tersebut. Tidak cukup dengan itu, beliau juga membawa beberapa kisah yang berlaku dalam kalangan ilmuwan terkenal yang berkaitan dengan perbahasan mereka terhadap permasalahan *al-marad* ini.

**h. *Al-Maqṣad al-Sābi‘* (Tujuan Ketujuh): *Al-’As’ilah wa al-’Ajwibah allatī Hiya al-Sabab fī Hādhā al-Ta‘līf* (Berkenaan Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Yang Menjadi Sebab Pengarangan Buku Ini)**

*Al-Maqṣad al-Sābi‘* (Tujuan Ketujuh) merupakan kemuncak kepada penulisan *Tahrir al-Maqal*. Ia merupakan bahagian yang terpanjang dalam kitab ini kerana tujuan utama penulisan *Taḥrīr al-Maqāl* ialah menjawab sebanyak sembilan persoalan yang diberikan kepada Ibn Ḥajar al-Haytamī dan dimuatkan dalam bahagian ini. Beliau telah menjawab kesemua persoalan yang dilontarkan kepada beliau dalam *al-Maqṣad al-Sābi‘* (Tujuan Ketujuh) ini. Namun, sebelum menjawab persoalan tersebut, beliau telah menjelaskan sekali lagi latar belakang kepada munculnya persoalan-persoalan itu sebagai satu perincian kepada bahagian yang telah beliau nyatakan dalam mukadimah kitab.

Pada awal *al-Maqṣad al-Sābi‘* ini, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah meletakkan harapannya yang tinggi terhadap *Taḥrīr al-Maqāl*. Beliau berharap kitabnya itu akan menjadi sebuah penulisan yang bermanfaat (*nāfi‘an*) kepada para guru, menjadi petunjuk (*murshidan*) kepada orang ingin meminta petunjuk, menjadi penghalang (*zājiran*) bagi orang yang melampaui batas, menjadi penolong (*mu’īnan*) kepada orang yang salih, dan menjadi penyelamat (*munqizan*) kepada orang yang terlibat dalam kesesakan pengajaran. walaupun pada asalnya penulisan kitab itu hanya untuk menjawab persoalan yang datang daripada seorang guru, namun Ibn Ḥajar al-Haytamī yakin ia perlu dijadikan sebagai pedoman untuk semua yang berkecimpung dalam bidang pendidikan. Oleh kerana itu, beliau menjelaskan harapannya yang tinggi terhadap *Taḥrīr al-Maqāl*, dalam *al-Maqṣad al-Sābi‘* ini.

### I. Al-Khātimah (Penutup)

Pada penutup *Taḥrīr al-Maqāl*, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah mengumpulkan hadith-hadith yang menyeru dan mendorong para pendidik untuk bersikap kasih sayang kepada kanak-kanak pelajar serta berbuat baik dan membantu mereka dalam menyelesaikan segala keperluan mereka. Dari sini, dilihat Ibn Ḥajar al-Haytamī cuba untuk menyampaikan satu perkara yang penting iaitu berkaitan kasih sayang kepada kanak-kanak pelajar. Walaupun beliau membahaskan mengenai perihal memukul pelajar dalam *al-Maqṣad al-Sābi‘* , namun dalam bahagian penutup kitab ini, beliau telah berbicara berkenaan kasih sayang terhadap kanak-kanak dengan membawakan hadith-hadith yang berkaitan dengan kasih sayang terhadap mereka.

### 3.3.5 Manuskrip dan Cetakan

Terdapat lima[148] naskhah manuskrip yang berlainan untuk *Taḥrīr al-Maqāl.* Naskhah pertama terdapat di Perpustakaan Iskandariah Mesir dengan nombor 263. Naskhah tersebut mempunyai 41 helaian dan setiap helaian mempunyai 25 baris. Naskhah itu ditulis pada 11 Safar 1059 H dan nama penulis naskhah ini ialah ‘Abd al-Wāḥid. Naskhah kedua pula terdapat di Universiti Tokyo, Jepun yang bernombor 329. Ia mempunyai 35 helaian dan ditulis pada 2 Syawal 1083 H oleh ‘Abd al-Mu‘ṭī bin Sālim bin ‘Umar bin ‘Umar bin Aḥmad al-Shiblī al-Samlāwī al-Shafi‘ī. Naskhah ketiga terdapat di Perpustakaan al-Azhar yang bernombor 97728. Ia mempunyai 22 helaian dan ditulis pada 5 Rabī‘ al-Awwal 1129 H oleh Muḥammad bin Sulaymān bin Ibrāhīm al-Sunbāṭī al-Shafi‘ī. Seterusnya naskhah keempat yang juga terdapat di Perpustakaan al-Azhar bernombor 34106. Ia mempunyai 34 helaian dan pada naskhah tersebut, tidak terdapat

---

[148] Jumlah ini sebagai mana yang dinyatakan oleh ‘Alī āhmad al-Kindī ketika menyunting kitab *Taḥrīr al-Maqāl.* Setiap naskhah yang disebutkan selepas ini adalah berdasarkan tulisan beliau. Walaubagaimanapun hanya tiga daripada lima naskhah tersebut yang ada dalam simpanan penulis iaitu naskhah yang terdapat di perpustakaan al-Azhar. Lihat Al-Haytamī, *Taḥrir al-Maqāl,* 20.



University of Malaya

nama penulis naskhah. Naskhah yang kelima juga terdapat di Perpustakaan al-Azhar yang bernombor 48841. Ia mempunyai 31 helaian dan juga tidak diketahui penulisnya.

Terdapat beberapa orang penulis yang telah menyunting kitab ini dan seterusnya mencetak dan menerbitkannya. Antaranya ialah edisi ‘Abd al-Mu‘iz ‘Abd al-Ḥamīd al-Jazzār yang telah diterbitkan pada tahun 1406 H/ 1985 M oleh Majma’ al-Buḥūth al-’Islāmiyyah, Mesir. Seterusnya ialah edisi Muḥammad Suhayl al-Dibs yang diterbitkan pada tahun 1407 H/ 1987 M oleh Dār Ibn Kathīr, Damsyiq. Beegitu juga edisi Majdī al-Sayyid Ibrāhīm yang diterbitkan pada tahun 1407 H/ 1987 M oleh maktabah al-Qur’ān. Selain itu ialah edisi Muḥammad Nūr al-Dīn Marbu Banjar al-Makkī yang diterbitkan pada tahun 1418 H/ 1997 M oleh Majlis al-Banjarī li al-Tafaqquh fī al-Dīn, Kaherah, Mesir. Begitu juga edisi ‘Alī Aḥmad al-Kindī yang diterbitkan pada tahun 1430 H/ 2009 M oleh Mu’assasah Baynūnah, Abu Dhabi.

Kitab *Taḥrīr al-Maqāl* yang disunting oleh ‘Alī Aḥmad al-Kindī merupakan edisi yang menjadi rujukan utama dalam kajian ini. Hal ini kerana ia merupakan suntingan yang terbaru, iaitu diterbitkan pada tahun 2009 berbanding dengan suntingan-suntingan yang lain. Selain itu, ia juga merupakan suntingan yang boleh dianggap paling lengkap dan paling tepat kerana menggabungkan kesemua naskhah manuskrip yang ada sebagai rujukan dalam penyuntingan.

### 3.3.5 Kesimpulan Pengenalan *Taḥrīr al-Maqāl*

Sebagai salah sebuah karya yang ditulis oleh seorang ilmuwan yang mempunyai latar belakang yang hebat dan menjadi rujukan masyarakat Islam, ia sudah mampu meletakkan *Taḥrīr Al-Maqāl* pada satu kedudukan yang tinggi. Ini menunujukkan kitab ini berhak untuk diberikan perhatian dan diperhalusi. Bermula dengan susunan yang sistematik, kemudian perbahasan yang mendalam dan tidak meleret-leret dan seterusnya berakhir dengan kesimpulan yang jelas.

University of Malaya

Susunan yang sistematik memudahkan pembaca untuk memahami objektif setiap bahagian. Pembahagian ini mampu menyediakan pembaca untuk pergi ke setiap bahagian dengan kefahaman yang betul dan tersusun. Dalam perbahasan untuk menjawab persoalan yang diberikan kepada beliau, Ibn Ḥajar al-Haytamī memilih untuk membawa perbahasan tersebut selari dengan latar belakang dan kepakaran beliau yang sedia ada. Ibn Ḥajar al-Haytamī sebagai seorang ilmuwan yang mempunyai kepakaran dalam bidang fiqh terutamanya fiqh Shāfi'ī dan undang-undang Islam memilih untuk sentiasa membawa pandangan ilmuwan-ilmuwan Islam yang lain terutamanya daripada kalangan mazhab Shāfi'ī sebelum melontarkan pandangannya sendiri. Dapat diperhatikan bahawa Ibn Ḥajar al-Haytamī membawa pandangan ilmuwan yang lain dengan dua tujuan sama ada untuk mengukuhkan pandangan beliau ataupun mempersoalkan pandangan tersebut. Apabila beliau mempersoalkan sesuatu pandangan ilmuwan yang lain, beliau akan menerangkan dengan jelas bahagian yang tidak dipersetujuinya sehingga mampu menjadikan pandangan beliau dilihat lebih jelas dan kukuh.

Setelah melihat isi kandungan *Taḥrīr al-Maqāl* dan metodologi penulisannya, dapat dinyatakan bahawa *Taḥrīr al-Maqāl* merupakan sebuah kitab yang padat tetapi mudah untuk diambil pengajaran lantaran persembahannya yang tersusun dan sistematik. Ini juga menunjukkan *Taḥrīr al-Maqāl* mempunyai nilai yang tersendiri bukan kerana isinya sahaja, bahkan kerana latar belakang penulisnya yang mempunyai ketinggian ilmu yang diiktiraf oleh ilmuwan Islam yang lain. Justeru, kepentingan *Taḥrīr al-Maqāl* dalam bidang pendidikan umumnya dan pendidikan kanak-kanak secara khusus wajar diberikan perhatian. Ia wajar dijadikan rujukan dalam perkara-perkara berkaitan pendidikan yang tidak jelas hukumnya seperti hukum melaksanakan hukuman memukul kanak-kanak pelajar dan sebagainya.

University of Malaya

# BAB EMPAT

# DISIPLIN DAN HUKUMAN DALAM PENDIDIKAN KANAK-KANAK MENURUT IBN ḤAJAR AL-HAYTAMĪ

## 4.1 Pengenalan

Bab ini akan membahaskan dengan terperinci tentang disiplin dan hukuman dalam pendidikan kanak-kanak menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī  melalui kitabnya *Taḥrīr al-Maqāl.* Pada masa yang sama, pandangan-pandangan beliau dalam tulisannya yang lain juga dipaparkan untuk menyokong pandangannya yang dimuatkan dalam kitab tersebut. Jika diteliti perbahasan dalam *Taḥrīr al-Maqāl*, disiplin dan hukuman merupakan antara satu isu yang jelas terlihat menjadi fokus utama dalam penulisan itu. Sebagaimana yang dibincangkan dalam bab sebelum ini, *Taḥrīr al-Maqāl* dibahagikan kepada tujuh tujuan (*sab'ah maqāṣid*). Tujuan yang terpanjang dan menjadi perbahasan utama ialah Tujuan Ketujuh (*al-Maqṣad al-Sābi'*). Dalam Tujuan Ketujuh (*al-Maqṣad al-Sābi'*) tersebut, perbincangan mengenai disiplin dan hukuman boleh dilihat  dibahaskan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam usaha menjawab beberapa persoalan yang dilontarkan kepadanya.

Sebagaimana yang telah disebutkan dalam bab ketiga, sebab penulisan *Taḥrīr al-Maqāl* adalah untuk menjawab beberapa persoalan berkaitan pendidikan yang diajukan kepada beliau. Oleh yang demikian, keseluruhan pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam bab ini adalah berlatar belakangkan pandangan yang beliau tulis dalam kitab tersebut. Berdasarkan kepada kerangka konsep disiplin yang telah dibincangkan dalam bab kedua, maka pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dianalisis untuk dikenal pasti hal-hal yang berkaitan disiplin dalam pendidikan kanak-kanak menurut pandangan beliau.

Pada masa yang sama, ehwal hukuman menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī juga akan diteliti. Dalam hal ini, perbahasan mengenai pandangan beliau bermula dengan persoalan yang dibangkitkan oleh beliau secara umum mengenai keharusan pelaksanaan hukuman

University of Malaya

dalam pendidikan, seterusnya persoalan keizinan dalam menghukum, tujuan hukuman dan jenis hukuman. Berkaitan dengan jenis hukuman, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah membicarakan berkenaan hukuman memukul secara terperinci. Maka, pandangan beliau tentang hukuman dengan memukul akan turut dibincangkan dengan teliti melibatkan hal berkaitan jumlah bilangan pukulan, jenis pemukul, tatacara memukul, kesalahan yang membolehkan hukuman memukul dan dakwaan melampau dalam memukul.

Selain itu, untuk mengukuhkan lagi perbahasan disiplin dan hukuman dalam bab ini, turut dibentangkan pandangan para ilmuwan Islam terutamanya ilmuwan sebelum kelahiran Ibn Hajar al-Haytami mengenai kedua-dua ehwal tersebut. Selain itu, pandangan sarjana pendidikan moden sama ada dari dunia Islam ataupun dari dunia barat dalam hal ini juga diketengahkan bagi memperlihatkan pandangan-pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam ehwal pendidikan adalah pandangan yang berkualiti dan selari dengan pandangan ilmuwan pendidikan yang sedia ada.

Justeru, perbahasan dalam bab ini akan menunjukkan bahawa Ibn Ḥajar al-Haytamī adalah ilmuwan yang memiliki disiplin ilmu yang pelbagai termasuklah bidang pendidikan dan bukannya terhad dalam bidang fiqh sahaja. Ini dapat dilihat bermula dengan tulisan-tulisan beliau yang mencakupi pelbagai bidang seperti fiqh, hadis, sejarah, sastera termasuklah bidang pendidikan seperti *Taḥrīr al-Maqāl* dan *Ādāb al-'Ilm*. Begitu juga pengiktirafan masyarakat setempat dan seluruh pelusuk dunia pada zaman tersebut kepadanya apabila beliau menjadi rujukan untuk menyelesaikan pelbagai masalah termasuk jugalah yang bersangkut paut dengan pendidikan. Bertitik tolak daripada perbahasan dalam bab ini juga akan menunjukkan bahawa ilmuwan Islam sangat mementingkan perbincangan mengenai ehwal pendidikan kanak-kanak. Selain itu, dengan membawa pandangan-pandangan sarjana pendidikan Barat dalam ehwal pendidikan kanak-kanak akan memperlihatkan bahawa Islam dan peradabannya telah lama mendahului sistem pendidikan yang ada sekarang.

University of Malaya

## 4.2 Disiplin Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī

Disiplin sebagaimana yang ditakrifkan sebelum ini dalam bab kedua ialah suatu bentuk latihan dan kawalan dalam sesuatu bidang, tempat atau organisasi terhadap pemikiran dan tingkah laku kepada seseorang untuk patuh kepada peraturan yang ditetapkan dan tidak melanggar peraturan tersebut supaya tidak membawa kepada hukuman dan denda yang bersesuaian. Manakala secara khususnya jika dikaitkan dengan pendidikan di sekolah, maka disiplin ditakrifkan sebagai satu bentuk latihan dan kawalan dalam sekolah terhadap pemikiran dan tingkah laku pelajar untuk patuh kepada peraturan yang ditetapkan dan tidak melanggar peraturan tersebut supaya tidak membawa kepada hukuman dan denda yang bersesuaian.

Bertitik tolak daripada takrif disiplin yang dibincangkan sebelum ini, dapat dikenal pasti bahawa istilah bahasa Arab yang membawa makna paling dekat kepada disiplin ialah *ta'dīb.* Walaupun perkataan *ta'dīb* membawa makna yang lebih luas daripada perkatan disiplin itu sendiri sebagaimana yang dibahaskan sebelum ini, namun apabila ditelusuri khazanah ilmiah sarjana pendidikan Islam silam, didapati apabila mereka membincangkan berkenaan ehwal disiplin kanak-kanak dan pelajar, maka perkataan yang sering digunakan ialah *ta'dīb.*[1]

Secara umumnya, keseluruhan *Taḥrir al-Maqāl* adalah berkisar mengenai disiplin. Ini boleh dibuktikan apabila beliau meletakkan dua perkataan penting yang terkait dengan *ta'dīb* dalam menamakan kitab tersebut iaitu *Ādāb* dan *Mu'addib*.[2] Beberapa perkara penting dapat dikenalpasti dalam *Taḥrir al-Maqāl* yang mengisyaratkan bahawa Ibn Ḥajar al-Haytamī membahaskan mengenai ehwal disiplin ataupun *ta'dīb*. Antaranya disiplin dengan penanaman nilai ukhrawi, disiplin dengan

[1] Sila rujuk bab kedua dalam sub topik konsep disiplin dalam Pendidikan Islam.
[2] Sila rujuk bab ketiga dalam sub topik pengenalan *Taḥrīr al-Maqāl fī Ādāb wa 'Aḥkām wa Fawā'id Yaḥtāj Ilayhā Mu'addibū al-Aṭfāl* untuk pengenalan lebih lanjut mengenai buku *Taḥrīr al-Maqāl.*



University of Malaya

peneguhan yang positif, disiplin dengan amaran keras (*taḥzīr*), disiplin dengan pengalaman, disiplin dengan kasih sayang dan disiplin dengan hukuman.

### 4.2.1 Disiplin Dengan Penanaman Nilai Ukhrawi

Asas utama dalam disiplin ialah pengawalan pemikiran dalam diri seseorang yang dapat mempengaruhi tingkah laku. Penanaman nilai ukhrawi dalam diri kanak-kanak pelajar merupakan suatu bentuk disiplin yang dilihat sangat berkesan untuk membentuk pelajar yang berdisiplin. Penanaman nilai ukhrawi sebagai salah satu wasilah disiplin (*ta'dīb*) oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam *Taḥrir al-Maqāl* jelas dilihat pada dua *maqṣād*. Pertama ialah pada *al-maqṣad al-awwal* (Tujuan Pertama) yang bertajuk *Fī al-'Aḥādīth al-Dāllah 'alā Sharaf Ahl al-Qur'ān*[3] (Berkenaan Hadis-hadis Yang Menjadi Dalil Kemuliaan Ahli al-Qur'an) dan kedua ialah pada *al-maqṣad al-thāni* (Tujuan Kedua) bertajuk *Fī Ba'ḍi al-'Aḥādīth al-Wāridah Fī Faḍā'il Mu'allimī al-Qur'ān wa Muta'allimīh*[4] (Berkenaan Hadis-hadis Kelebihan Pengajar dan Pelajar al-Qur'an). Dalam kedua-dua *maqṣad* ini, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah menyenaraikan hadis-hadis yang menerangkan kemuliaan, kelebihan dan keutamaan mereka yang berkecimpung dalam bidang yang berkaitan al-Qur'an. Kemuliaan, kelebihan dan keutamaan mereka ini bukan sahaja diperolehi di dunia bahkan di akhirat kelak.

Disiplin dengan motivasi dan rangsangan ukhrawi merupakan cerminan daripada al-Qur'an. Ia merupakan kaedah al-Qur'an untuk mendisiplinkan manusia dengan memberikan janji yang benar dan ganjaran yang besar yang boleh diperolehi di akhirat jika mematuhi apa yang diperintahkan oleh Allah SWT.[5] Dengan itu, tidak dapat dinafikan bahawa kaedah ini mempunyai kesan yang mendalam dalam diri manusia.

---

[3] Al-Ḥaytamī, *Taḥrir al-Maqāl*, 39.
[4] *Ibid.*, 44.
[5] Surah al-Baqarah: 25; surah al-Tawbah: 72; surah Yunūs: 9-10; surah al-ḥijr: 45-48; surah: al-Furqān: 15-16; surah Yāsīn: 55-58; surah ṣād: 59-54; surah al-Zumar: 73-74; surah al-Dukhān: 51-55; surah Muḥammad: 15.



University of Malaya

Jika diteliti, meletakkan perkara ini diawal penulisan merupakan metodologi kebanyakan ilmuwan pendidikan Islam silam dalam penulisan mereka yang berkaitan dengan  pendidikan kanak-kanak. Ini boleh dilihat sebagai contoh dalam penulisan Ibn Khaythamah menerusi kitab *Kitāb al-'Ilm*,[6] Ibn Saḥnūn menerusi kitab *Kitāb Ādāb al-Mu'allimīn* ,[7] dan al-Nawāwī menerusi kitab *Ādāb al-Ālim wa al-Muta'allim* [8]. Hal ini mengisyaratkan kepada kelebihan dan keutamaan pendidikan itu sendiri yang diberikan perhatian oleh para ilmuwan terutamanya yang berkait dengan al-Qur'an. Justeru, aspek ukhrawi ini yang akan menjadi teras dan menjadi tujuan utama serta yang akan mencorakkan aspek-aspek yang lain.

Motivasi dan rangsangan ukhrawi sangat penting diamalkan dalam membentuk disiplin terhadap kanak-kanak pelajar. Ini melatih mereka untuk sentiasa tekun mempelajari ilmu terutamanya al-Qur'an kerana mengharapkan kemuliaan yang disebutkan hasil daripada pembelajaran ilmu tersebut. Ia juga dapat mengawal mereka dari dalam diri mereka sendiri agar tidak cuai dan lalai dalam melaksanakan tanggungjawab mereka kerana sebarang kecuaian dan kelalaian akan membawa kepada hilangnya kemuliaan yang diharapkan.[9]

Sarjana motivasi barat pada masa kini mengemukakan salah satu cara berfikir yang dapat mendisiplinkan seseorang dengan menjadikan dirinya mampu mengawal diri sendiri sehingga dapat menjadi orang yang berjaya. Cara berfikir yang dimaksudkan ialah

---

[6] Ibn Khaythamah meletakkan hadis-hadis dan athar yang menunjukkan kelebihan dan keutamaan menuntut ilmu dan menyebarkannya di awal kitabnya *Kitāb al-'Ilm.* Lihat Ibn Khaythamah Zuhayr bin bin Ḥarb al-Nasā'ī, *Kitāb al-'Ilm* (al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, 2001), 7.
[7] Ibn Saḥnūn memulakan penulisan kitabnya *Kitāb Ādāb al-Mu'allimīn* dengan mengumpulkan hadis-hadis yang berkaitan dengan al-Quran dan kelebihannya. Lihat Ibn Saḥnūn, *Kitāb Ādāb al-Mu'allimīn*, 75.
[8] Al-Nawāwī meletakkan di awal kitabnya *Ādāb al-Ālim wa al-Muta'allim* mengumpulkan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis berkenaan kelebihan dan keutamaan menuntut dan mengajarkan ilmu. Lihat Abu Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawāwī, *Ādāb al-Ālim wa al-Muta'allim wa al-Muftī wa al-Mustaftī wa Faḍl Ṭalab al-'Ilm* (Ṭanṭā: Maktabah al-Ṣaḥābah, 1987), 11.
[9] Terdapat sebuah hadis yang menceritakan keburukan orang yang mempelajari al-Quran kemudian tidak beramal dengannya yang akan mengakibatkan dimasukkan kedalam neraka. Hadis ini diriwayatkan oleh Ibn al-Ḍurays, Bab Fī Man Yuqāl: al-Qu'ān Yashfa' li Ṣāḥibihi Yaum al-Qiyāmah, Hadis no. 91. Muhammād bin Ayūb Ibn al-Ḍurays, *Faḍā'il al-Qur'ān wa Mā Unzila Min al-Qur'ān bi Makkah wa Mā Unzila bi al-Madīnah* ed. Ghazwah Budayr (Damsyiq: Dār al-Fikr, 1987), 55.



University of Malaya

berfikir secara*'Begin with the end in mind'* (bermula dengan pengakhiran dalam berfikir).[10] Cara berfikir ini menjadikan manusia melakukan setiap sesuatu selepas daripada memahami dengan jelas hala tuju akhir yang ingin dituju. Maka dengan itu, destinasi terakhir yang ingin dituju akan mempengaruhi corak dan cara yang akan dipraktikkan. Malah matlamat terakhir akan mengawal segala pergerakan dan tindakan yang akan dilaksanakan. Perkara ini juga disentuh oleh sarjana pendidikan moden Barat dengan mengenengahkan teori *Goal Setting* (Penetapan Matlamat). [11] Teori ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan antara tujuan atau matlamat yang jelas sesuatu kerja dengan mutu dan hasil kerja yang diperolehi.[12] Matalamat yang jelas juga bukan sahaja mempengaruhi prestasi individu bahkan mempengaruhi prestasi sesuatu kumpulan.[13] Oleh itu, setiap individu sama ada berseorangan mahupun berkumpulan akan bergerak kepada matlamat yang telah ditetapkan dan tidak akan melakukan apa-apa yang boleh membantutkan usaha untuk mencapai matlamat tersebut.

Dari situ dapat diperhatikan jika sarjana Barat mula melihat kepentingan menetapkan matlamat dalam sesuatu perkara, maka sarjana Muslim kehadapan dalam hal ini. Bahkan matlamat yang diletakkan oleh sarjana pendidikan Muslim lebih bersifat integratif kerana dikaitkan dengan unsur rohani atau spiritual. Matlamat daripada sarjana Barat terhenti dan terhad kepada pada aspek material iaitu pencapaian matlamat dunia tanpa ada kaitan dengan sesuatu yang bersifat rohani atau spiritual yang merupakan sebahagian daripada unsur manusia yang bersifat integratif merangkumi rohani dan jasmani.

---

[10] Stephen R. Covey, *The 7 Habits of Highly Effective People* (New York: Free Press, 2004), 95.
[11] Teori ini dikemukan oleh Edwin A. Locke dan Gary Latham selepas menggumpulkan hampir 400 kajian mengenai matlamat (*goals*) dan menjadi satu teori *Goal Setting and Task Performance* (Penetapan Matlamat dan Prestasi Kerja). Lihat Fred C. Lunenburg, "Goal Setting Theory of Motivation", *International Journal of Management, Bussines, and Administration,* 15, no.1 (2011), 2.
[12] Edwin A. Locke , "Motivation Through Conscious Goal Setting", *Applied and Preventive Psychology* 5, no.2 (1992), 117.
[13] Jennifer D. Nahrgang et al.,"Goal Setting in Teams: The Impact of Learning and Performance Goals on Process and Performance", *Organizational Behaviuor and Human Decision Process and Performance* 122, no. 1 (September 2013), 12.



University of Malaya

Justeru, disiplin melalui penanaman nilai ukhrawi yang ditunjukkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī merupakan suatu pandangan yang signifikan dan ternyata berkesan serta mempunyai kepentingan yang tinggi dalam usaha mengawal tingkah laku kanak-kanak pelajar dan melatih mereka. Dari sini, pengawalan diri yang merupakan asas utama dalam disiplin diri akan berfungsi sepenuhnya untuk menghalakan tingkah laku dan keperibadian kanak-kanak pelajar tersebut sehingga menjadi pelajar yang berdisiplin tinggi.

### 4.2.2 Disiplin dengan Peneguhan yang Positif

Peneguhan positif yang dimaksudkan ialah sesuatu ganjaran yang diberikan sama ada dalam bentuk material ataupun emosi. Peneguhan positif ini sangat penting untuk mengurus tingkah laku dan membina konsep kendiri dan maruah.[14] Justeru, dalam bidang pendidikan ia sangat dititik beratkan supaya boleh menjadi pemangkin kepada disiplin pelajar khususnya kanak-kanak. Ia juga dilihat berupaya mengurus dan mengawal pemikiran dan tingkah laku pelajar khususnya kepada kanak-kanak dan umumnya kepada sesiapa sahaja.

Ibn Ḥajar al-Haytamī menerusi *Taḥrir al-Maqāl* dilihat mengisyaratkan kepada bentuk disiplin dengan peneguhan positif ini dalam tujuan (*maqṣād*) ketiga, keempat dan kelima. Ketiga-tiga bahagian ini asalnya berkisar tentang upah dan ganjaran yang diberikan kepada guru sebagai balasan daripada pengajaran yang diberikan. Ibn Ḥajar al-Haytamī membuat kesimpulan daripada perbincangannya dengan menyatakan bahawa perbuatan mengambil upah daripada pengajaran al-Qur'an adalah diharuskan. Beliau menyatakan:

[14] Sandra F. Rief, *Bagaimana Mendekati dan Mendidik Kanak-Kanak ADD/ADHD*, (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara, 2007), 29.



University of Malaya

فالحق الذي شهدت به القاعدة الأصولية والحديثية ، جواز أخذ الأجرة على تعليم القرآن بعقد صحيح ، وذلك من الحلال الذي لا شبهة فيه ، ولا كراهة ، وإن وقع الخلاف فيه[15]

Terjemahan: Maka [pendapat] yang betul yang disaksikan oleh kaedah usul dan hadis [adalah] dibolehkan pengambilan upah ke atas pengajaran al-Qur'an dengan perjanjian yang sempurna (*'aqdin ṣaḥihin*). Dan itu termasuk dalam [perkara yang] halal tidak ada [sebarang] keraguan (*shubhah*) padanya, dan tidak makruh (*karāhah*), walaupun berlaku perselisihan terhadapnya.

Jika dilihat secara asas, perbincangan mengenai disiplin dengan peneguhan positif dalam *Taḥrīr al-Maqāl* lebih menjurus kepada pendidik kerana berkait dengan upah yang diberikan kepada pendidik sebagai ganjaran mengajar. Namun demikian, pengkaji melihat perkara tersebut juga berkesan kepada kanak-kanak pelajar. Hal ini kerana disiplin dengan peneguhan positif sememangnya juga berkesan kepada pelajar. Perkara yang sama juga diisyaratkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam hal keharusan untuk memberi hadiah kepada pendidik. Beliau mengatakan:

وعُلم أنه يجوز الإهداء إلى معلم القرآن ، ويجوز له القبول[16]

Terjemahan: Dan diketahui bahawa boleh memberi hadiah kepada guru al-Quran dan boleh baginya untuk menerimanya.

Ibn Ḥajar al-Haytamī menyatakan kesan positif daripada pemberian dan penerimaan hadiah ini ialah perasaan kasih sayang antara kedua pihak yang terlibat sepertimana yang disebutkan dalam sebuah hadis yang bermaksud "Hendaklah kalian

[15] Al-Ḥaytamī, *Taḥrir al-Maqāl*, 67.
[16] *Ibid.*, 68.



University of Malaya

saling memberi hadiah nescaya kalian akan saling mencintai”.[17] Jelas, perbuatan memberi upah dan juga memberi hadiah yang dibincangkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī adalah berkait dengan masalah yang dihadapi oleh orang yang memberi soalan kepada beliau yang sebelum ini bekerja sebagai hakim tetapi memutuskan untuk menjadi pendidik. Kemudian beliau menghadapi masalah kewangan dalam menyara kehidupan.[18] Pengkaji melihat jawapan Ibn Ḥajar al-Haytamī ini selain memberikan hukum kepada permasalahan tetapi sebagai salah satu cara memberi motivasi kepada pendidik dan juga kanak-kanak pelajar. Dengan itu, pengkaji melihat perkara sama boleh digunakan kepada kanak-kanak pelajar untuk mendisiplinkan mereka dengan memberikan kesan motivasi dalaman.

Al-Ghazzālī menyatakan perkara ini dengan jelas apabila beliau berpendapat bahawa kanak-kanak hendaklah dihargai dan diberikan ganjaran serta dipuji dikhalayak ramai apabila mereka melakukan akhlak yang mulia (*khuluq jamīl*) dan perbuatan yang terpuji (*fi‘l maḥmūd*).[19] Selain itu, pemberian hadiah ataupun apa-apa yang berbentuk ganjaran akan memberikan gambaran kepada kanak-kanak pelajar bahawa perbuatan mereka adalah baik seterusnya mereka akan berterusan untuk mengamalkannya dengan perasaan dalaman yang kuat.[20]

Dalam pendidikan moden barat, sarjana mereka menilai tingkah laku bermasalah dalam kalangan pelajar dengan mengeluarkan pelbagai teori antaranya teori Tingkah Laku.[21] Teori ini meletakkan bahawa tingkah laku dapat dimodifikasi dengan cara peneguhan yang sistematik, memberi peneguhan, mengenakan dendaan dan mendesak

---

[17] Hadis riwayat al-Bayhaqī, Kitāb al-Hibāt, Bāb al-Taḥrīḍ ‘alāal-Hibah wa al-Hadiyyah Ṣilah Bayna al-Nās, no. Hadis 11946. Lihat Aḥmad bin al-ḥusayn al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā* (Bayrūt: Dār al-Kutib al-‘Ilmiyyah, 2003), 6:280.
[18] Sila rujuk bab ke tiga dalam penulisan ini di bawah tajuk sebab penulisan *Taḥrīr al-Maqāl.*
[19] Abu Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazzālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, t.t), 3:73.
[20] Fathī Dhiāb dan Haṣan Muḥammad Wahdān, *Mafāhīm wa Asālīb Tadrīs al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah* (T.tp: al-Janadria, 2010), 159.
[21] Khalim Zainal, “Memahami Tingkah Laku Remaja Bermasalah dari Perspektif Teori Tingkah Laku, Humanistik, Psikoanalitik dan Tret Personaliti”, *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara,* 9, (2008), 44.



University of Malaya

secara rasional.[22] Apabila dilakukan perkara sedemikian, ia akan menghasilkan tingkah laku yang diingini. Hal ini kerana bagi mereka, peneguhan positif yang diberikan mempunyai kesan insentif motivasi (*incentive-motivation*) yang tinggi dalam diri pelajar.[23] Selain itu, peneguhan positif ini terbukti memberi semangat dan dorongan kepada pelajar dalam usaha untuk mejadikan mereka berdisiplin dan konsisten dalam aktiviti mereka.[24]

### 4.2.3 Disiplin Dengan Amaran (*Taḥzīr*)

Disiplin dengan amaran keras (*Taḥzīr*) telah diisyaratkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī ketika membincangkan tentang larangan terhadap pendidik agar berhati-hati supaya tidak terjerumus dalam lembah syahwat atau fitnah terhadap kanak-kanak. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas apabila Ibn Ḥajar al-Haytamī meletakkannya sebagai salah satu daripada tujuan (*maqṣād*) dalam *Taḥrīr al-Maqāl* iaitu dalam tujuan yang keenam (*al-maqṣād al-sādis*).[25] Pada masa kini, isu yang dibangkitkan ini lebih dikenali dengan istilah '*Pedofilia'*. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) *Pedofilia* ialah sejenis gangguan psikologi yang mana seseorang individu tertarik secara seksual kepada kanak-kanak yang belum mencapai umur baligh.[26] *Pedofilia* termasuk dalam *parafilia* iaitu suatu perlakuan seksual diluar tabii.[27] Kes berkaitan *Pedofilia* ini berlaku diseluruh dunia dan kesannya amat bahaya terutamanya kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa antaranya

University of Malaya

---

[22] Khalim Zainal, *Memahami Tingkah Laku Remaja Bermasalah*, 45.
[23] Albert Bandura, *Social Learning Thoery* (New York: General Learning Press, 1971), 3.
[24] Ini dibuktikan oleh satu kajian yang dilakukan terhadap pelajar dalam aktiviti hafalan al-Quran yang menunjukkan kesan positif pendekatan peneguhan positif. Lihat Muhammad Khairuddin Bajuri et al., "Pendekatan Peneguhan Bagi Aktiviti Hafalan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Di Peringkat Menengah Rendah," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 8, (jun 2014), 119.
[25] Al-Ḥaytamī, *Taḥrir al-Maqāl*, 71.
[26] Lihat International Statistic Classification of Diseases and Related Health Problems: The ICD 10 Classification of Mental and Behavioural Disorders, World Health Organization. Bahagian F65.4, h.171.
[27] Christoph J. Ahlers etc "How Unusual are The Contents of Paraphilias? Paraphilia-Associated Sexsual Arousal Patterns in a Community-Based Sample of Men", The Journal of Sexual Medicine 8, no. 5 (2011), 1363.

boleh membawa trauma sepanjang hayat, masalah tingkah laku, kemurungan dan sebagainya.[28]

Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī, terdapat sebahagian kanak-kanak yang memiliki wajah yang lembut dan menarik melebihi seorang wanita dan boleh menarik perhatian orang lelaki. Kanak-kanak sebegini lebih dikenali dengan istilah *al-amrad*. Perkataan *al-amrad* adalah berasal daripada *murd* yang membawa makna pemuda yang baru tumbuh janggut dan misainya. [29] Sarjana Islam meletakkan hukum memandang dan berdua-duaan dengan *al-amrad* bergantung kepada keadaan. Jika memandang dan berdua-duaan dengan mereka bebas daripada fitnah dan dengan niat bukan untuk syahwat (*iltidhādh*) adalah harus (*mubāḥ*). Tetapi jika pandangan dan berdua-duaan dengan mereka boleh membawa fitnah dan disertai dengan syahwat maka hukumnya adalah haram.[30]

Oleh itu, Ibn Ḥajar al-Haytamī mengawali perbahasan dengan meletakkan beberapa hadis yang mengancam dan menerangkan keburukan pandangan mata terhadap *al-amrad*. Antaranya hadis yang menyatakan bahawa setiap anggota badan boleh melakukan zina dan zina bagi mata adalah melihat perkara yang diharamkan.[31] Juga hadis yang memberi ancaman kepada mereka yang tidak menjaga pandangan.[32] Begitu juga beliau juga membawa beberapa hadis yang menyebutkan kelebihan yang diganjarkan kepada mata yang tidak melihat kepada perkara-perkara yang diharamkan.[33] Selain itu beliau juga membawa beberapa kisah yang berlaku pada salafusalleh berkaitan dengan bahaya memandang *al-amrad*. Antara kisah tersebut ialah Sufyān al-Thaurī yang

---

[28] Alexandra Cook etc " Complex Trauma in Children and Adolescents", Jurnal Psychiatric Annals 35, no.5, 390.
[29] Ibn Manẓūr, *Lisān al-'Arab*, 3:401.
[30] Ibn Ābidīn, *Radd al-Muḥtār*, 1:407.
[31] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ist'dhān, Bab Zinā al-Jawāriḥ dūna al-Farj, no. Hadis 6243 dan riwayat Muslim, kitab al-Qadr, Bāb Qadr 'alā Ibn Ādam Ḥazzuhu min al-Zinā wa Ghayrihi, no. Hadis 2657. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 8:54 dan Muslim, *al-Musnad al- Ṣaḥīḥ*, 4:2047.
[32] Hadis riwayat al-Ṭābarānī, Bab al-ṣād, no. Hadis 7840. Lihat Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭābarānī, *al-Mu'jam al-Kabīr* (al-Qāhirah: Maktabah Ibn Taymiyyah, t,t), 8:208.
[33] Hadis riwayat al-Ṭābarānī, Bab al-'Ayn, no. Hadis 10362. Aḥmad al-Ṭābarānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 10:173; Hadis riwayat al-Ṭābarānī, Bab al-'Mīm, no. Hadis 1003. Aḥmad al-Ṭābarānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, 19:416.



University of Malaya

melarang seorang *al-amrad* untuk masuk bertemu dengannya lalu berkata “ jauhkan dia dari sisiku, sesungguhnya aku melihat bersama setiap wanita ada seekor syaitan dan setiap *amrad* ada tujuh belas syaitan”.[34] Begitu juga kisah Aḥmad bin Ḥanbal yang didatangi oleh seorang lelaki bersama dengan anak saudaranya yang merupakan seorang *amrad*, lalu beliau menasihati lelaki tersebut supaya tidak lagi membawanya apabila bertemu dengannya dan supaya tidak berjalan seiringan di jalanan untuk mengelakkan berlakunya fitnah.[35]

Pengkaji berpandangan bahawa walaupun konteks asal perbahasan yang ditunjukkan pleh Ibn Ḥajar al-Haytamī khusus ditujukan kepada para pendidik, namun jika ia mampu menjadi kaedah dalam membentuk disiplin pendidik, maka pada hemat pengkaji ia juga berkesan jika dilaksanakan kepada pelajar. Ia boleh dilaksanakan dengan cara memberi amaran kepada pelajar yang melanggar undang-undang yang ditetapkan. Justeru, wajar untuk diperhatikan bahawa memberi amaran keras (*taḥzīr*) merupakan salah satu bentuk disiplin yang boleh dipraktikkan.

Ilmuwan Islam melihat memberi amaran keras ini adalah salah satu wasilah yang berkesan dalam membentuk disiplin .[36] Namun, amaran yang diberikan tersebut tidaklah melampau batas sehingga ke tahap pembohongan dan tidak berlebih-lebihan sehingga memberi kesan yang negatif kepada pelajar.[37]

### 4.2.4 Disiplin Dengan Pengalaman

Tidak dinafikan pengalaman merupakan salah satu perkara yang boleh membentuk peribadi seseorang. Dengan itu memberikan kanak-kanak pengalaman dengan melakukan sesuatu perkara akan memberikan kesan dalam diri mereka dan akan membentuk disiplin

---

[34] Al-Haytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 74.
[35] *Ibid.*, 75.
[36] Ali bin Nayif, *al-Asālīb al-Shar‘iyyah fī Ta’dīb al-aṭfāl* (Pahang: t.p, 2009), 59.
[37] Aḥmad Dhiyāb dan ‘Atīf Muḥammad Abū Hirbayd, “Ta’dīb al-Ṭifl bi Istikhdām al-‘Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī” (makalah, Mu’tamar al-Tarbawī, Kuliyah al-Tarbiyah, Univeriti Islam Gaza, 22-23 November 2005).



University of Malaya

mereka kerana bersama-sama dengan pengalaman itu adanya unsur pelatihan dan pengawalan. Dalam hal ini, disiplin dengan pengalaman dapat dilihat diisyaratkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī ketika menjawab persoalan sama ada pendidik boleh memberi tugasan kepada pelajar yang lebih terkehadapan dari sudut kefahaman untuk membantu pelajar yang lain.[38] Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī, perkara tersebut diharuskan kerana ia termasuk dalam proses pembelajaran pelajar itu sendiri dan bukannya bertujuan untuk meringankan beban tugas pendidik.

Memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengalami sendiri sesuatu perkara akan memberi kesan yang mendalam kepada diri mereka. Kesan inilah yang akan membentuk pengalaman tersebut seterusnya membentuk cara fikir dan tindakan mereka. Oleh kerana itu, Ibn Ḥajar al-Haytamī  dilihat mengharuskan perkara ini. Namun, ia hendaklah diperhalusi supaya tidak menjadi satu alasan kepada guru untuk melepaskan beban yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Jika terjadi seperti itu, maka hal tersebut tidak lagi diharuskan.[39] Justeru, maslahah untuk mendisiplinkan kanak-kanak merupakan tujuan utama dalam perkara ini.

Dalam hal ini, Ibn Saḥnūn berpendapat bahawa memberikan pengalaman kepada pelajar dengan melakukan suatu perkara adalah hal yang dibolehkan kerana ia perkara yang akan melatih mereka dan menambahkan kematangan mereka.. Beliau menyatakan pandangan ini apabila ditanya tentang keizinan kepada pelajar untuk menulis surat kepada orang lain. Ibn Saḥnūn mengatakan bahawa memberikan keizinan kepada para pelajar untuk menulis surat kepada orang lain adalah dibolehkan kerana ia termasuk dalam perkara yang akan menambahkan kematangan mereka. [40] Bahkan Imam Nawāwī sangat menggalakkan pelajar untuk memberi tunjuk ajar kepada rakan-rakan sepengajaran serta menegaskan bahawa perkara itu akan membawa keberkatan dan akan menerangkan

[38] Al-Ḥaytamī, *Taḥrir al-Maqāl,* 95.
[39] *Ibid.,* 96.
[40] Ibn Sāḥnūn, *Ādāb al-Mu'allimīn,* 101.



University of Malaya

hati.[41] Jelas bahawa pengalaman yang terhasil daripada melakukan suatu perkara memberi kesan dalam pembentukan disiplin dalam diri.

Peranan pengalaman dalam membentuk pengawalan diri pelajar dibincangkan oleh sarjana barat menerusi teori *Experiential Learning.*[42] Teori ini menjadikan pengalaman sebagai salah satu wasilah untuk pelajar mendapatkan ilmu pengetahuan.[43] Beberapa istilah digunakan untuk menerangkan perkara ini, antaranya *'learning by doing', 'experienced based learning'* dan sebagainya, namun ia tetap merujuk kepada sebuah kaedah pembelajaran yang menggunakan pengalaman sebagai medium pembelajaran.[44] Dapat dilihat ilmuan Islam dan sarjana pendidikan kini bersepakat terhadap kepentingan pengalaman dalam memperoleh ilmu seterusnya membentuk jati diri serta disiplin dalam diri pelajar.

Oleh itu, membentuk disiplin dalam diri seseorang terutamanya kanak-kanak melalui pengalaman yang diberikan kepadanya merupakan sesuatu yang tidak asing dalam bidang pendidikan. Justeru, pandangan ibn Ḥajar al-Haytamī terhadap perkara ini adalah selari dan tidak bertentangan dengan kaedah pembelajaran masa kini. Dengan itu, dapat dinilai bahawa pandangan beliau dalam bidang pendidikan mempunyai nilai yang tinggi seterusnya mengukuhkan lagi bahawa beliau merupakan seorang ilmuwan multidisiplin.

University of Malaya

---

[41] Al-Nawāwī, *Ādāb al-Ālim,* 52.

[42] Perbincangan mengenai *Experiential Learning* ataupun Pembelajaran Berasaskan Pengalaman dilakukan oleh sarjana barat seawal abad ke dua puluh. Antara sarajana yang terkenal dalam bidang ini ialah William James, John Dewey, Kurt Lewin, Jean Piaget, Lev Vygotsky, Carl Jung, Paulo Freire, Carl Rogers dan lain-lain. Lihat Alice Y. Kolb dan David A. Kolb, "Experiential Learning Theory", dalam *Encyclopedia of The Science of Learning,* ed. Norbert M. Seel (New York: Springer Science+Business Media, 2012), 1215-1219.

[43] Menurut Kolb pembelajaran adalah satu proses di mana pengetahuan dibentuk melalui transformasi pengalaman. Lihat Reijo Miettinen, "The Concept of Experiential Learning and John Dewey's Theory of Reflective Thought and Action," *International Journal of Lifelong Education* 19, 1 (Januari-Februari 2000), 62.

[44] Mazuki Mohd Yasim, "Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Experiential Learning)," dalam *Pendidikan Luar: Definisi, Falsafah dan Aplikasi,* ed. Md Amin Md Taff (Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012), 90.

### 4.2.5 Disiplin Dengan Kasih Sayang

Pendidik yang baik bukan sahaja memindahkan ilmu yang ada padanya kepada kanak-kanak tetapi mampu mendidik mereka dengan penuh kasih sayang. Kasih sayang tidak dapat dinafikan mampu mempengaruhi dan mengawal kanak-kanak. Kebolehan seorang pendidik untuk menzahirkan kasih sayang kepada kanak-kanak dengan baik memberi kesan yang mendalam kepada mereka. Perkara ini diisyaratkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam penutup *Taḥrīr al-Maqal* apabila beliau menghimpunkan sejumlah hadis yang kesemuanya menyeru kepada seruan untuk bersikap kasih sayang dan membantu kanak-kanak dalam urusan pengajian mereka.[45]

Ibn Hajar al-Haytami mengisyaratkan dalam *Taḥrīr al-Maqāl* kepada perbincangan mengenai disiplin dengan kasih sayang kepada kanak-kanak selepas perbincangan mengenai disiplin dengan hukuman (*ḍarb*) yang akan dibincangkan dalam sub-topik selepas ini. Menerusi susunan ini, seolah-olah Ibn Ḥajar al-Haytamī ingin memberi isyarat bahawa hukuman yang sering disinonimkan dengan kekerasan bukanlah wasilah utama dalam membentuk disiplin dan mendidik kanak-kanak. Akan tetapi wasilah yang lebih utama dalam membentuk disiplin mereka ialah kasih sayang. Iaitu dengan bersikap kasih sayang (*raḥmah*), berbuat baik (*iḥsān*) dan membantu mereka (*al-Qiyām bi maṣāliḥihim*).[46]

Perkara ini juga ditekankan oleh al-Qābisī yang menjelaskan bahawa sebaik-baik penjagaan terhadap kanak-kanak ialah dengan berkasih sayang terhadap mereka.[47] Jelas pembentukan disiplin melalui kasih sayang daripada pendidik kepada kanak-kanak adalah perkara penting dan mampu untuk mengawal tingkah laku kanak-kanak.

Menjadikan kasih sayang sebagai formula untuk mendidik dan membentuk disiplin kanak-kanak adalah adalah suatu perkara yang tidak dapat disangkal. Bahkan ia

---

[45] Al-Ḥaytamī, *Taḥrir al-Maqāl*, 107.
[46] *Ibid.*, 107.
[47] Al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah*, 127.



University of Malaya

tidak keterlaluan jika ada yang menggatakan bahawa hanya terdapat satu pedagogi iaitu pedagogi kasih sayang.[48] Mereka juga meletakkan pendekatan kasih sayang tidak membataskan seorang guru untuk menjalankan hukuman kepada pelajar yang melanggar disiplin, tetapi penekanan harus diberikan kepada bimbingan dan pengarahan yang disampaikan secara halus.[49]

Selain itu, kasih sayang yang diberikan oleh pendidik kepada kanak-kanak pelajar dalam pembelajaran boleh memberi kesan yang ketara dalam kejayaan dan pembelajaran mereka dengan menyediakan mereka pengalaman pembelajaran yang postitif (*positive learning experiences*), kegembiraan, dan kejayaan yang jelas.[50] Ia juga merupakan salah satu cara yang paling sihat untuk mendidik anak-anak dengan memberikan mereka minda yang penuh kasih sayang dan keseronokan.[51]

Justeru, mendisiplinkan kanak-kanak dengan mengubah tingkah laku mereka serta pengawalan dalam diri mereka melalui kasih sayang merupakan satu perkara yang besar dalam pendidikan kanak-kanak. Kepentingan kasih sayang dalam pendidikan kanak-kanak bukan sahaja perlu dirasai oleh ibu bapa akan tetapi mesti dirasai oleh pendidik yang menjadi wakil kepada ibu bapa ketika berada dalam institusi pendidikan. Maka, menjadi sesuatu yang amat relevan apabila Ibn Ḥajar al-Haytamī meletakkan kasih sayang sebagai satu tema kepada penutup kepada *Taḥrīr al-Maqal* seterusnya mengisyaratkan bahawa kasih sayang seorang pendidik kepada kanak-kanak yang dididiknya merupakan satu perkara yang sangat penting dan sangat perlu diberikan perhatian oleh para pendidik.

---

[48] Titin Nurhidayati, "Pendekatan Kasih Sayang: Solusi Pengembangan Karekter Terpuji dan Akhlak Mulia dalam Diri Anak Didik" *Jurnal Falasifa* 2, 2 (September 2011), 5.
[49] *Ibid.,* 10.
[50] Kaarina Maata dan Satu Uusiautti, *Many Faces of Love* (Rotterdam: Sense Publishers, 2013), 97.
[51] *Ibid.*



University of Malaya

### 4.2.6 Disiplin Dengan Hukuman

Dalam *Taḥrīr al-Maqāl,* disiplin dengan hukuman merupakan bab yang paling panjang dibahaskan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī. Ia diletakkan dalam *al-maqṣad al-sābi‘* (Tujuan Ketujuh) dan dijelaskan dengan sangat terperinci. Berkemungkinan disebabkan oleh salah faham dan kejahilan yang banyak berlaku pada masa itu berkenaan hal ini, justeru Ibn Hajar melihat ia wajar dibahaskan secara terperinci.[52] Pandangan beliau dalam bab ini disifatkan sangat penting kerana ia merupakan pandangan yang sangat diperlukan terutamanya oleh para pendidik. Hal ini kerana permasalahan tingkah laku kanak-kanak atau pelanggaran peraturan oleh para mereka merupakan perkara yang sering berlaku dalam institusi pendidikan sejak dahulu hingga kini. Justeru, pengkaji merasakan keperluan untuk menganalisis hal ini secara berasingan dalam topik yang seterusnya. Walaupun hukuman merupakan sebahagian daripada disiplin seperti yang boleh difahami daripada penulisan Ibn Hajar al-Haytami, namun disebabkan perbahasannya yang terperinci, maka wajar dianalisis dalam topik yang berasingan supaya dapat dipecahkan perinciannya kepada sub-sub topik yang bersesuaian.

## 4.3 Hukuman dalam Pendidikan Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī

Hukuman sebagaimana yang ditakrifkan sebelum ini dalam bab kedua ialah satu perbuatan balas terhadap perbuatan yang bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan dan mempunyai tujuan yang tertentu. Dari sudut pendidikan di sekolah, hukuman dilaksanakan terhadap pelajar yang melakukan perbuatan dan tingkah laku yang bertentangan dengan peraturan sekolah. Hukuman dalam pendidikan sering menjadi perbahasan dalam kalangan sarjana pendidikan. Namun begitu, menurut ilmuwan Islam perkara ini adalah dibolehkan.[53] Antara ilmuwan Islam yang membincangkan perkara ini

[52] Al-Ḥaytamī, *Taḥrir al-Maqāl*, 87.
[53] Sila rujuk bab kedua dibawah sub topik Hukuman Dalam Pendidikan Kanak-Kanak menurut Islam dalam penulisan ini.

University of Malaya

dengan terperinci ialah Ibn Ḥajar al-Haytamī sendiri dalam *Taḥrīr al-Maqāl*. Jika dilihat, pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī mengenai hukuman terhadap kanak-kanak dimuatkan dalam *al-maqṣad al-sābi'* (tujuan ketujuh) dalam *Taḥrīr al-Maqāl*. Secara khususnya, pandangan beliau mengenai hukuman dimuatkan dalam jawapannya terhadap soalan yang keempat dan kelima yang diajukan kepadanya.[54] Ibn Ḥajar al-Haytamī dilihat cenderung kepada pandangan yang menyatakan bahawa pendidik tidak dibolehkan untuk menghukum kanak-kanak yang dididiknya terutamanya hukuman fizikal kecuali dengan satu syarat iaitu pendidik tersebut mendapat keizinan untuk menghukum daripada ayah kanak-kanak tersebut atau pun penjaganya jika kanak-kanak itu anak yatim. Beliau menyatakan:

> فالمنقول – وهو المذهب المعتمد الذي لا يجوز لشافعي مخالفته – أنه لا يجوز للمعلم الضرب ، وإلا بعد إذن أب ، فجدّ ، فوصى ، فقيّم ، فأم ، ونحوها ممن مرّ[55]
>
> Terjemahan: Dan yang dinaqalkan – dan ia adalah pendapat yang muktamad yang tidak boleh bagi pemegang mazhab Shāfi'ī untuk bersalahan dengannya- sesungguhnya tidak boleh bagi seorang guru untuk memukul (*al-Ḍarb*) kecuali selepas mendapat keizinan dari ayah. [jika ayah tiada] lalu datuknya, [jika tiada] maka penjaga yang diwasiatkan (*waṣiy*), [jika tiada] maka penjaga yang dilantik (*qayyim*), [jika tiada] maka ibu, dan yang lainnya seperti apa yang telah [disebutkan] lalu.

Dapat dirumuskan secara keseluruhannya pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī mengenai hukuman dalam pendidikan ini berkisar dalam dua tema. Pertama, menjaga kepentingan kanak-kanak pelajar terutamanya mereka yang merupakan anak yatim.

---

[54] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 86 – 96.
[55] *Ibid.*, 87.



University of Malaya

Kedua, mengelakkan penyalah gunaan hukuman oleh para pendidik terhadap kanak-kanak yang dididik. Justeru, menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī keizinan daripada ayah atau penjaga menjadi tunjang dan syarat yang utama kepada pelaksanaan hukuman. Pandangan beliau mengkin juga terkesan daripada pengalaman hidupnya semasa beliau menuntut ilmu. Beliau menjelaskan " وَقَاسَيْت أَيْضًا من الْإِيذَاء من بَعْض أَهْل الدُّرُوس التي كنا نَحْضُرُهَا"[56]. (Aku juga telah menderita daripada gangguan dari sebahagian rakan sepengajaran (*ahl al-durūs*) yang kami hadiri). Justeru, tidaklah menghairankan jika beliau sangat menitikberatkan isu keizinan sebelum menjalankan hukuman.

### 4.3.1 Syarat Keizinan

Ibn Ḥajar al-Haytamī menerusi *Taḥrīr al-Maqāl* telah membahaskan satu syarat utama untuk melaksanakan hukuman terhadap pelajar iaitu keizinan. Keizinan yang dimaksudkan ialah keizinan yang diberikan oleh ayah ataupun penjaga kanak-kanak kepada pendidik untuk melaksanakan hukuman terhadap kanak-kanak tersebut. Walaupun soalan keizinan yang dibahaskan dalam *Taḥrīr al-Maqāl* adalah khusus untuk menghukum dengan hukuman fizikal iaitu memukul (*ḍarb*) namun pengkaji melihat ianya boleh diguna pakai untuk sebarang bentuk dan jenis hukuman. Ini bagi mengelakkan sebarang permasalahan dan sebarang tidak puas hati yang boleh berlaku antara penjaga kanak-kanak dengan pendidik. Sebagaimana yang dimaklumi bahawa hukuman fizikal selalunya membawa kepada perselisihan antara penjaga dengan guru ataupun sekolah. Jadi, boleh dikatakan mana-mana jenis hukuman yang membawa kepada perselisihan adalah termasuk dalam perbahasan ini. Ibn Ḥajar al-Haytamī menyatakan:

[56] Al-Haytami, *al-Fatāwā al-Kubrā al-Fiqhiyah*, 1:4.



University of Malaya

أنه لا يجوز للمعلم الضرب ، وإلا بعد إذن أب ، فجدّ ، فوصى ، فقيّم ، فأم ، ونحوها

ممن مرّ[57]

> Terjemahan:Sesungguhnya tidak boleh bagi seorang guru untuk memukul (*al-Ḍarb*) kecuali selepas mendapat keizinan dari ayah. [jika ayah tiada] lalu datuknya, [jika tiada] maka penjaga yang diwasiatkan (*waṣiy*), [jika tiada] maka penjaga yang dilantik (*qayyim*), [jika tiada] maka ibu, dan yang lainnya seperti apa yang telah [disebutkan] lalu.

Ibn Ḥajar al-Haytamī melihat keizinan daripada penjaga merupakan suatu syarat yang mutlak dalam melaksanakan hukuman terutamanya hukuman fizikal. Pada masa yang sama, Ibn Ḥajar al-Haytamī meletakkan susunan penjaga yang boleh memberikan keizinan yang dimulai dengan ayah. Jika ayah kanak-kanak tersebut telah tiada, maka jatuh kepada datuknya. Jika kanak-kanak tersebut tidak mempunyai datuk, maka penjaga yang diwasiatkan (*waṣiy*). Jika tiada, penjaga yang dilantik (*qayyim*) oleh pihak berkuasa. Selepas itu, barulah jatuh kepada ibu. Justeru, susunan ini sangat penting untuk melihat siapakah yang boleh memberikan keizinan kepada pendidik untuk melaksanakan hukuman kepada kanak-kanak tersebut.

Terdapat pandangan yang mengangap bahawa pendidik tidak memerlukan keizinan dalam melaksanakan hukuman. Sebagai contoh, Ibn Ḥajar al-Haytamī membawakan pandangan al-'Azrā'ī[58] dalam hal ini. Al-'Azrā'ī menyatakan bahawa pendidik tidak memerlukan keizinan untuk menghukum pelajar hanya kerana tidak ada pandangan yang jelas mengenai perkara tersebut dan berlaku ijmak terhadap perkara itu.[59] Justeru, untuk menjawab pandangan tersebut, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah mengemukakan

University of Malaya

---

[57] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl,* 87.
[58] Beliau adalah Shihāb al-Dīn Aḥmad bin Ḥamdān bin Aḥmad bin 'Abd al-Qādir al-'Azrā'ī al-Shāfi'ī (707-783 H). Lihat ibn al-'Imād, *Shadharāt al-Dhahab,* 8:479.
[59] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl,* 86.

hujah yang menerangkan mengenai kedudukan pendidik terhadap kanak-kanak yang dididik. Beliau juga menyatakan perbezaan kedudukan penjaga (*walī*) dengan guru yang hanya sebagai wakil penjaga (*nā'ib walī*). Ibn Ḥajar al-Haytamī menyatakan:

وذلك لأن التعزير قربة ، وهي لا تجوز إلا للولي ومن في معناه مما مرّ ، والمعلم ليس في معنى الولي ، وإنما هو نائب ، فتوقف تعزيره على الإذن[60]

Terjemahan: Dan itu kerana *ta'zīr* adalah hukuman (*'uqūbah*), dan ianya tidak dibolehkan melainkan hanya kepada penjaga (*walī*) dan siapa yang dalam maknanya seperti apa yang telah [disebutkan] lalu. Dan guru bukanlah termasuk dalam makna penjaga (*walī*) akan tetapi wakil kepada penjaga (*nāib 'anhu*), maka *ta'zīr* bergantung kepada izin.

Beliau menyatakan sebagaimana disebutkan sebelum ini bahawa menghukum pelajar adalah termasuk dalam permasalahan *ta'zīr*.[61] Oleh itu, ia tidak diharuskan melainkan kepada penjaga (*walī*) iaitu mereka yang mempunyai kuasa terhadap kanak-kanak. Para pendidik tidaklah dianggap sebagai *walī* terhadap kanak-kanak yang dididik kerana mereka hanyalah *nā'ib walī*. Justeru, mereka tidak mempunyai kuasa ke atas kanak-kanak tersebut untuk menjalankan hukuman melainkan dengan keizinan daripada penjaga.

Apabila selesai membincangkan mengenai keizinan sebagai syarat utama dalam melaksanakan hukuman, Ibn Ḥajar al-Haytamī membincangkan pula berkenaan bentuk keizinan tersebut. Beliau menekankan bahawa keizinan mestilah jelas (*ṣarīḥ*). Ibn Ḥajar al-Haytamī menjelaskan bahawa menghantar anak ke institusi pendidikan tidaklah boleh dianggap sebagai satu bentuk keizinan kepada pendidik untuk menjalankan hukuman

[60] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 86.
[61] Hukuman *ta'zīr* ialah hukuman yang diberikan kepada pesalah tanpa ada jenis dan kadar yang ditetapkan oleh islam (*'uqūbat ghayr muqaddarah*). Lihat al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-'Islāmī wa Adillatuh*, 4: 3142.



University of Malaya

kepada kanak-kanak tersebut. Pandangan beliau ini adalah bertujuan menjawab pandangan yang diutarakan oleh al-Qamūlī[62]. Al-Qamūlī berpendapat bahawa menghantar kanak-kanak untuk belajar adalah cukup untuk dianggap sebagai satu bentuk keizinan kepada para pendidik untuk menjalankan hukuman kepada kanak-kanak yang dididik. Namun, Ibn Ḥajar al-Haytamī menyanggkal kenyataan itu dengan menyatakan:

ولا مجرد الإذن في التعليم إذنا في الضرب ، لأنه لا يستلزمه ، وقد رأينا من يأذن فيه وينهى عن الضرب ، فسكوته عنه يحتمل رضاه به وعدمه ، فلا يجوز الإقدام عليه إلا بالتصريح.[63]

Terjemahan: dan bukan sekadar izin dalam mengajar [itu merupakan] izin untuk memukul, kerana ia tidak semestinya. Dan sesungguhnya kami telah melihat [ada] yang memberi izin untuknya [mengajar] dan melarang untuk memukul. Maka diamnya terhadap perkara itu membawa kemungkinan redhanya dengan perkara itu atau tidak. Maka tidak boleh untuk melaksanakannya melainkan dengan [keizinan] yang jelas (*taṣrīḥ*)

Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī keizinan itu mestilah dalam bentuk yang jelas dan tidak mempunyai keraguan dan kebarangkalian lain. Menurut beliau, penghantaran kanak-kanak ke sekolah tidak boleh dianggap sebagai satu bentuk keizinan kerana ia tidak jelas dan mengandungi beberapa kebarangkalian. Antaranya ialah kemungkinan penjaga yang menghantar redha untuk dijalankan hukuman kepada kanak-kanak di bawah jagaannya dan mungkin juga tidak. Oleh itu, menganggap perbuatan penjaga menghantar

[62] Beliau adalah Aḥmad bin Muḥammad bin Abī al-Ḥaram al-Shāfi‘ī (645H/1247M-727H/1327M). Lihat al-Ziriklī , *al-’A’lām*, 1:222.
[63] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 86.



University of Malaya

anak mereka ke sekolah sebagai satu bentuk keizinan untuk menjalankan hukuman adalah tidak tepat. Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī lagi, terdapat penjaga yang memberi keizinan untuk mengajar anak mereka tetapi tidak memberi keizinan untuk memukul anak mereka. Justeru, kemungkinan tersebut menjadikan perbuatan menghantar anak ke sekolah tidak boleh dijadikan sebagai satu bentuk keizinan yang diberikan penjaga kepada para pendidik untuk melaksanakan hukuman. Oleh sebab itu, beliau meletakkan syarat bentuk keizinan mestilah dalam bentuk yang jelas (*taṣrīḥ*).

Bagi membuktikan perkara ini, Ibn Ḥajar al-Haytamī membawa contoh yang menunjukkan bahawa perbuatan menghantar kanak-kanak untuk belajar bukanlah merupakan sebuah bentuk keizinan. Ibn Ḥajar al-Haytamī membawa pandangan Shaykh al-Islām al-Mujtahid al-Taqī al-Subki[64] yang melarang para pendidik anak-anaknya untuk menghukum anak-anaknya dengan hukuman memukul dengan tujuan menjaga mereka.[65]

Ibn Ḥajar al-Haytamī turut menjelaskan bahawa terdapat amalan yang dilakukan oleh para pendidik pada ketika itu yang menjalankan hukuman kepada kanak-kanak pelajar tanpa keizinan dari penjaga. Faktor utama bagi perkara tersebut ialah kejahilan terhadap hukum dan kepentingan keizinan terhadap perkara itu.[66] Menurut beliau lagi, kejahilan berkenaan hukuman seharusnya dielakkan seboleh mungkin. Justeru, perkara tersebut tidak boleh dijadikan sebagai hujah untuk mengatakan bahawa keizinan tidak diperlukan dalam menjalankan hukuman kepada kanak-kanak pelajar.

Apabila diteliti pandangan beberapa ilmuwan Islam yang lain terhadap perkara ini, didapati ia selari dengan pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī. Sebagai contoh, Imām al-Nawawī menyatakan bahawa guru dibolehkan untuk menghukum pelajar dengan izin *walī* atau penggantinya.[67] Pendapat Imām al-Nawāwī ini adalah merupakan dasar kepada

---

[64] Beliau adalah ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfī al-Subkī al-Shāfi‘ī (727H/1327M-771H/1370M). Lihat ibn al-‘Imād, *Shadharāt al-Dhahab,* 8:378.
[65] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl,* 86.
[66] *Ibid.,* 87.
[67] Al-Nawāwī, *Rauḍah al-Ṭālibīn,* 10:175.



University of Malaya

pendapat Ibn Ḥajar al-Haytamī. Ini kerana pendapat Ibn Ḥajar al-Haytamī mengenai perkara ini juga boleh didapati dalam kitabnya yang lain seperti *Tuḥfah al-Muḥtāj fī Syarḥ al-Minhāj* yang merupakan sebuah kitab yang ditulis untuk mensyarahkan kitab Imām al-Nawāwī iaitu *al-Minhāj*.[68] Selain itu, ulama mazhab Shāfi'ī yang lain seperti Shams al-Dīn al-Ramlī[69] juga berpendapat yang sama ketika mensyarahkan kitab yang sama iaitu *al-Minhāj*.[70] Begitu juga al-Khaṭīb al-Sharbīnī mengeluarkan pandangan yang sama iaitu guru dibolehkan untuk menghukum pelajar tetapi dengan syarat adanya izin *walī*.[71]

Selain itu, fuqaha mazhab Ḥanafī dan Mālikī juga berpendapat sedemikian. Antaranya ialah al-Kāsānī dalam *Badā'i'al-Ṣanā'i*[72] dan Ibn al-Humām dalam *Fatḥ al-Qādir*[73] yang merupakan fuqaha mazhab Hanafi. Begitu juga Abu Muḥammad 'Abdullah bin Najm al-Mālikī dalam kitabnya *'Aqd al-Jawāhir al-Thamīnah fī Madhhab 'Ālim al-Madīnah*[74] dan Abu 'Abdullah 'Aḥmad bin Muḥammad al- Mālikī dalam kitabnya *Minaḥ al-Jalīl Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* yang merupakan fuqaha mazhab Maliki.[75]

Pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam hal ini juga seiring dengan pandangan para ilmuwan pendidikan Islam yang mendahului beliau. Antaranya Ibn Saḥnūn ketika membahaskan hukum untuk menjalankan hukuman memukul (*ḍarb*) kepada kanak-kanak pelajar, beliau menyatakan tidak mengapa untuk menghukum pelajar dengan memukul untuk kebaikan mereka. Namun, beliau menyatakan keizinan diperlukan jika guru ingin

University of Malaya

---

[68] Aḥmad bin Muḥammad ibn Ḥajar al-Ḥaytamī, *Tuḥfah al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj* (Miṣr: al-Maktabah al-Tijāriyyahal-Kubrā, 1983), 9:179.
[69] Beliau ialah Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin Ḥamzah al-Ramlī (919-1001 H). Lihat al-Ziriklī, *al-'A'lām*, 6:7 .
[70] Muḥammad bin Shihāb al-Dīn al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1984), 8:22.
[71] Muḥammad bin Aḥmad al-Khāṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāẓ al-Minhāj* (T.t.p: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994), 5:525.
[72] Lihat Abu Bakr bin Mas'ūd al-Kāsānī al-Ḥanafī, *Badā'i'al-ṣanā'i' fī Tartīb al-Shāra'i'* (T.tp: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1986), 7:305.
[73] Lihat Ibn al-Humām Kamāl al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Wāḥid, *Fatḥ al-Qādir li ibn al-Humām* (Tt.p: Dār al-Fikr, t.t), 5:353.
[74] Lihat Abu Muḥammad 'Abdullah bin Najm al-Mālikī, *'Aqd al-Jawāhir al-Thamīnah fī Madhhab 'Ālim al-Madīnah,* ed. Ḥumayd bin Muḥammad (Bayrūt: Dār al-Gharb al-'Islāmī, 2003), 3:1179.
[75] Lihat Abu 'Abdullah 'Aḥmad bin Muḥammad al- Mālikī, *Minaḥ al-Jalīl Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1989), 9:357.

menghukum pelajar dengan memukul lebih daripada tiga kali.[76] Ibn Saḥnūn tidak membincangkan tiga pukulan pertama itu memerlukan keizinan atau tidak. Namun, yang jelas apabila melebihi tiga kali pukulan ia memerlukan kepada keizinan daripada penjaga kanak-kanak tersebut.

Jika dilihat kenyataan al-Ghazzālī dalam perkara ini nampak lebih jelas. Al-Ghazzālī menyatakan bahawa guru dibolehkan untuk menghukum dengan hukuman memukul (*ḍarb*) dengan tujuan disiplin (*ta'dīban*) dengan izin si ayah.[77] Pada masa yang sama, al-Ghazzālī juga memberi syarat bahawa hukuman yang diizinkan itu hendaklah tidak menyebabkan kecederaan yang membinasakan.[78] al-Qābisī pula meletakkan satu langkah yang praktikal dalam proses keizinan iaitu perbincangan antara pendidik dengan ayah kanak-kanak pelajar. Al-Qābisī menyatakan para pendidik hendaklah berbincang dengan ayah kanak-kanak yang melakukan kesalahan atau penjaganya jika kanak-kanak tersebut anak yatim sekiranya mereka melakukan kesalahan.[79] Perbincangan dengan ayah atau penjaga adalah bermaksud meminta keizinan untuk memukul kerana selepas itu al-Qābisī membahaskan jumlah bilangan pukulan dan tatacara memukul menurut beliau.[80]

Kesimpulannya, Ibn Ḥajar al-Haytamī melihat hukuman memukul yang dikenakan kepada pelajar hanya boleh dilaksanakan selepas adanya keizinan yang jelas daripada ayah atau penjaga kanak-kanak yang terlibat. Ini bermakna jika tidak ada keizinan yang jelas daripada ayah atau penjaga, maka hukuman tidak boleh dilaksanakan. Ternyata pandangan ini adalah lebih sesuai dan selari dengan pandangan sarjana Islam yang lain. Dari sudut lain, keizinan ini menunjukkan kesempurnaan pendidikan Islam. Perkara ini membuktikan adanya hubungan pendidikan kanak-kanak yang bermula dari rumah hingga ke sekolah. Ia juga bukti yang menunjukkan pendidik dan penjaga saling

---

[76]Ibn Saḥnūn, *Kitāb Ādāb al-Mu'allimīn*, 89.
[77] Abu Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazzālī, *al-Waṣīṭ fī al-Madhab*, ed. Aḥmad Maḥmūd dan Muḥammad Tāmir, (al-Qāhirah: Dār al-Salām, 1997), 6:513.
[78] Al-Ghazzālī, *al-Waṣīṭ fī al-Madhab*, 6:513.
[79] al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah*, 129.
[80] *Ibid.*, 130.



University of Malaya

membantu dalam mendidik kanak-kanak pelajar kerana masing-masing mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk mendidik mereka.

### 4.3.2 Tujuan Pelaksanaan

Perbincangan mengenai tujuan sesuatu perkara amat penting kerana dari situ penilaian boleh dibuat terhadap kepentingan dan hala tujunya. Perkara ini juga termasuk dalam pelaksanaan hukuman dalam pendidikan. Secara umumnya, tujuan pelaksanaan hukuman dalam pendidikan menurut Islam telah dibahaskan dalam bab kedua sebelum ini.[81]

Dalam *Taḥrīr al-Maqāl,* Ibn Ḥajar al-Haytamī telah meletakkan dengan jelas tujuan pelaksanaan hukuman dalam pendidikan kanak-kanak. Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, corak pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam pendidikan kanak-kanak lebih cenderung diwarnai oleh orientasi kebajikan pelajar. Oleh yang demikian, Ibn Ḥajar al-Haytamī telah meletakkan dua tujuan utama yang jelas dan perlu dicapai dalam pelaksanaan hukuman iaitu memperbaiki (*iṣlāḥ*) dan mencegah (*zajr*). Beliau menyatakan:

والعقوبة إنما جازت لنحو الصبي على خلاف الأصل ، لظن إفادتها زاجرًا وإصلاحًا.[82]

> Terjemahan: Dan hukuman (*al-‘uqūbah*) sebenarnya diperbolehkan kepada kanak-kanak walau menyalahi [kaedah] asal, kerana anggapan ianya [menjadi] pencegahan (*zajr*) dan pembaikan (*iṣlāḥ*).

Dapat dilihat dengan jelas tujuan yang pertama pelaksanaan hukuman terhadap kanak-kanak menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī ialah untuk memperbaiki (*iṣlāḥ*). Memperbaiki yang dimaksudkan oleh beliau ialah memperbaiki kelemahan dan

---

[81] Sila rujuk bab kedua dalam tulisan ini yang bertajuk Disiplin dan Hukuman dalam Pendidikan Kanak-Kanak menurut Islam di bawah sub topik Hukuman dalam pendidikan kanak-kanak.
[82] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 89.



University of Malaya

kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak. Ini dibuktikan apabila Ibn Ḥajar al-Haytamī membawa beberapa contoh yang dianggap sebagai kelemahan dan kesalahan yang harus diperbaiki dengan hukuman antaranya malas dalam menuntut ilmu dan mencuaikan apa yang telah diajar kepadanya.[83]

Manakala tujuan yang kedua bagi pelaksanaan hukuman terhadap kanak-kanak menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī ialah untuk mencegah (*zajr*). Dapat difahami dengan mudah mencegah yang dimaksudkan ialah mencegah kanak-kanak daripada melakukan kesalahan serta mengulanginya. Namun begitu, Ibn Ḥajar al-Haytamī menambah apabila kedua-dua tujuan tersebut tidak dapat dicapai melainkan dengan cara menambahkan kesakitan terhadap hukuman, maka hukuman tidak boleh dilaksanakan. Beliau menerangkan:

> ويشترط أيضا في جواز التعزير للمعلم ، أن يظنه زاجرًا له ، من غير ضرب مبرح ، أما إذا ظن أنه لا يفيد فيه إلا المبرح – ويظهر من كلامهم ضبطه بأنه الشديد الإيذاء بحيث لا يحتمل عادة وإن لم يُدْم البدن – فلا يجوز المبرح إجماعا ، ولا غيره على الأصح[84]
>
> Terjemahan: Dan disyaratkan juga dalam keharusan *ta‘zīr* bagi si guru untuk menyangka bahawa [itu akan menjadi] pencegah (*zājiran*) baginya, tetapi bukan dengan pukulan yang amat menyakitkan (*mubarriḥ*). Adapun jika dia menyangka (*zhan*) bahawa [memukul] tidak memberikan manfaat padanya melainkan pukulan yang sangat menyakitkan (*al-mubarriḥ*) – dan jelas dari perkataan mereka ukurannya ialah kesakitan yang bersangatan yang mana ianya tidak tertanggung kebiasaanya walaupun ia tidak [menyebabkan]

---

[83] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 87.
[84] *Ibid.*, 89.



University of Malaya

> mengalirnya darah dari badan– maka tidak boleh pukulan yang sangat menyakitkan (*al-mubarriḥ*) secara ijmak, dan bukan juga yang lainnya menurut pendapat yang lebih sahih.

Dari sini, sekali lagi dilihat pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī adalah berlatar belakang kepentingan menjaga kanak-kanak dan juga mengelak penyalahgunaan hukuman terhadap mereka. Beliau melihat hukuman tidak seharusnya bersifat hukuman yang amat menyakitkan (*mubarriḥ*). Beliau juga melihat bahawa jika tidak ada cara lain yang berkesan untuk menghukum kanak-kanak melainkan dengan hukuman yang amat menyakitkan (*mubarriḥ*), maka hukuman tersebut adalah tidak dibenarkan.

Ibn Ḥajar al-Haytamī meletakkan ukuran pukulan atau hukuman yang menyakitkan (*mubarriḥ*) adalah berdasarkan kesakitan yang bersangatan yang secara kebiasaannya tidak tertanggung walaupun ia tidak menyebabkan pendarahan dari badan. Ini sebagai menyangkal pendapat sebahagian sarjana yang meletakkan ukuran kepada hukuman yang menyakitkan (*mubarriḥ*) tersebut ialah hukuman yang dikhuatiri akan menyebabkan kehilangan nyawa dan anggota badan atau menyebabkan pendarahan. Dalam isu ini, Ibn Ḥajar al-Haytamī membawa pandangan al-Adhra‘ī yang menyatakan tafsiran kepada *mubarriḥ* ialah hukuman yang dikhuatiri akan menyebabkan kehilangan nyawa dan anggota badan ataupun yang menyebabkan pendarahan[85] yang mana beliau tidak bersetuju dengan tafsiran ini dan menyatakan bahawa pendapatnya lebih tepat. Perkara ini juga menjadi satu bukti bahawa pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī terhadap hukuman ke atas kanak-kanak konsisten bertujuan menjaga kebajikan pelajar.

Secara keseluruhannya, jika dibandingkan tujuan hukuman dalam pendidikan kanak-kanak menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī, ia tidak banyak berbeza dengan pandangan ilmuwan Islam yang lain. Hal ini kerana secara umumnya tujuan pelaksanaan sesuatu

[85] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 89.



University of Malaya

hukuman adalah berkisar dalam tiga aspek iaitu mendidik (*ta'dīb*), memperbaiki (*iṣlāh*) dan mencegah (*rad'*). Menurut Ibn 'Ashūr, beliau menyatakan bahawa tiga tujuan (*maqṣad*) pensyariatan hukuman dalam Islam ialah mendidik penjenayah (*ta'dīb al-jāni*), memberi keadilan kepada mangsa (*irḍā' al-majni 'alayh*) dan memberi ancaman kepada sesiapa yang ingin melakukan jenayah yang sama (*zajr al-muqtaḍi bi al-junāh*).[86] Perkara yang sama disebutkan oleh al-Māwardī dalam menyatakan tujuan (*maqṣad*) pensyariatan hukuman dalam Islam. Menurut al-Māwardī, tujuannya ialah menghalang pesalah daripada mengulangi kesalahan (*rad' al-jānī*), memperbaikinya (*iṣlāḥ wa tahdhīb*) dan mencegah orang lain untuk melakukan kesalahan yang sama (*man' al-ghayr*).[87]

Selain itu, al-Ghazzālī menyatakan bahawa guru dibenarkan untuk menjalankan hukuman ke atas kanak-kanak pelajar jika hukuman tersebut bertujuan untuk disiplin (*ta'dīban*) dan mempunyai nilai pengajaran.[88] Ibn Saḥnūn pula hanya meletakkan tujuan pelaksanaan hukuman secara umum iaitu untuk kebaikan (*manāfi'*) kanak-kanak pelajar terbabit.[89] Manakala al-Qābisī memberi pandangan yang sama dengan Ibn Saḥnūn, tetapi beliau menambah bahawa hukuman bukanlah bertujuan untuk guru melepaskan api kemarahannya kepada pelajar yang terbabit.[90]

Daripada perbahasan tujuan pelaksanaan hukuman ini, dapat dilihat bahawa hukuman merupakan salah satu wasilah yang bertujuan mendisiplinkan kanak-kanak pelajar. Oleh itu, secara tidak langsung pandangan yang mengatakan bahawa hukuman dalam pendidikan tidak lagi diperlukan adalah tidak benar berdasarkan kepada tujuan yang penting daripada pelaksanaan hukuman tersebut. Walaupun Ibn Ḥajar al-Haytamī mengenakan syarat yang ketat dalam pelaksanaan hukuman, namun beliau tetap membenarkan dan tidak menafikannya kerana dalam hukuman itu sendiri terdapat

[86] Ibn 'Ashūr, *Maqāṣid al-Sharī'ah al-'Islāmiyyah,* 3:550.
[87] Al-Māwardī, *al-'Aḥkām al-Sulṭāniyyah,* 344.
[88] Al-Ghazzālī, *al-Waṣīṭ fī al-Madhab,* 6:513.
[89] Ibn Saḥnūn, *Ādāb al-Mu'allimīn,* 89.
[90] Al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah,* 129.



University of Malaya

kepentingan yang besar dan tujuan yang mulia untuk dicapai terhadap kebaikan kanak-kanak yang dididik.

### 4.3.3 Jenis Hukuman

Dalam bab kedua yang lalu telah dibentangkan secara umum mengenai hukuman dari sudut pandang Islam. Begitu juga hukuman terhadap kanak-kanak yang boleh dibahagikan kepada dua jenis hukuman iaitu hukuman berbentuk fizikal (*ḥissī*) dan hukuman berbentuk psikologi (*ma'nawī*).[91] Hukuman fizikal membawa makna satu bentuk tindak balas terhadap perbuatan kanak-kanak yang bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan yang mempunyai tujuan tertentu dalam bentuk mengenakan kesakitan terhadap anggota badan tertentu dan meletakkan mereka dalam keadaan yang tidak selesa. Antara contoh yang biasa adalah dengan memukul (*al-ḍarb*),[92] menarik telinga,[93] berdiri atas bangku[94] dan sebagainya.

Manakala hukuman berbentuk psikologi (*ma'nawī*) adalah satu bentuk tindak balas terhadap perbuatan kanak-kanak yang bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan yang mempunyai tujuan tertentu dalam bentuk psikologi yang membawa perasaan yang tidak disukai seperti takut, cemas, bimbang dan sebagainya. Antara contohnya ialah *al-ḥirmān* iaitu menghalang kanak-kanak mereka daripada melakukan perkara yang mereka sukai tanpa disertai sebarang kemudharatan seperti menghalang mereka bermain dengan kawan-kawan. [95] Selain itu *al-hijr* yang bermaksud memulaukan mereka agar meninggalkan kesalahan yang dilakukan.[96] Walaupun hukuman ini berbeza namun harus diperhatikan bahawa hukuman tersebut tidaklah lari daripada tujuan asal pelaksanaannya.

---

[91] Ahmad Kilani, *Pengurusan Pendidikan,* 162.
[92] Ibn Saḥnūn, *Ādāb al-Mu'allimīn,* 89; al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah,* 130; al-Ḥāzimī, *Uṣūl al-Tarbiyah al-Islāmiyyah,* 405.
[93] 'Alī Naif, *al-Asālīb al-Shar'yyah fī Ta'dīb al-Ṭifl* (Pahang: t.p, 2009), 36.
[94] Ahmad Kilani, *Pengurusan Pendidikan,* 162.
[95] Al-Ḥāzimī, *Uṣūl al-Tarbiyah al-Islāmiyyah,* 403.
[96] Abdullah Nāṣiḥ 'Ulwān, *Tarbiyyah al-Awlād,* 724.



University of Malaya

Jika diteliti pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam *Taḥrīr al-Maqāl* mengenai jenis-jenis hukuman ini, dapat dilihat pandangan beliau selari dengan pandangan yang menyatakan bahawa hukuman terbahagi kepada dua jenis tersebut.[97] Walau bagaimanapun, hukuman psikologi (*ma'nawī*) tidaklah disebut secara jelas oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam *Taḥrīr al-Maqāl* jika dibandingkan dengan hukuman fizikal (*ḥissī*). Walaupun begitu, dapat difahami isyarat Ibn Hajar bahawa beliau menganggap hukuman yang diberikan kepada kanak-kanak adalah termasuk dalam hukuman *ta'zīr*. Jenis hukuman pula bergantung kepada penentuan pihak yang berkuasa. Dalam hal ini, pihak yang berkuasa ialah pendidik atau pihak institusi pendidikan. Ibn Ḥajar al-Haytamī menyatakan:

ويشترط أيضا في جواز التعزير للمعلم ، أن يظنه زاجرا له ، من غير ضرب مبرح[98]

> Terjemahan: Dan disyaratkan juga dalam keharusan *ta'zīr* bagi si guru untuk menyangka bahawa [itu akan menjadi] pencegah (*zājiran*) baginya, tetapi bukan dengan pukulan yang amat menyakitkan (*mubarriḥ*)

Sifat umum yang terdapat dalam ruang lingkup *ta'zīr* itu sendiri membawa kepada apa sahaja hukuman yang boleh mencegah kanak-kanak daripada melakukan kesalahan dan memperbaiki mereka termasuklah hukuman secara psikologi. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, Ibn Ḥajar al-Haytamī tidak membawa secara jelas contoh-contoh hukuman secara psikologi terhadap kanak-kanak.

Berlainan halnya dengan hukuman secara fizikal (*ḥissī*). Ibn Ḥajar al-Haytamī menjelaskannya dengan terperinci dan beliau terus memberikan contoh yang paling mendasar dan sering dipraktikkan dalam institusi pendidikan iaitu hukuman memukul

---

[97] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 89.
[98] *Ibid.*



University of Malaya

(*ḍarb*). Hal ini kerana pada asalnya hukuman secara fizikal (*ḥissī*) tidak hanya terbatas kepada hukuman memukul sahaja, bahkan banyak cara lagi. Antaranya ialah mencubit, menarik telinga, ketuk ketampi dan sebagainya sebagaimana yang disbeutkan sebelum ini. Memukul hanya merupakan hukuman secara fizikal yang memberikan kesan yang ketara dan jelas.

## 4.4 Hukuman Memukul (*Ḍarb*) dalam Pendidikan Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī

Pada bab kedua yang lalu dijelaskan bahawa hukuman memukul (*ḍarb*) merupakan bentuk hukuman yang sering menjadi perbahasan dalam kalangan sarjana pendidikan.[99] Bahkan jika diteliti khazanah silam pendidikan Islam, perbahasan ilmuwan pendidikan Islam terhadap perkara ini sangat mendalam dan terperinci.[100] Perkara ini juga boleh dilihat dengan jelas dalam penulisan Ibn Ḥajar al-Haytamī menerusi *Tāḥrīr al-Maqāl*. Antara perkara berkaitan yang dibincangkan berkenaan dengan hukuman memukul ialah jumlah bilangan pukulan, tatacara memukul, jenis pemukul yang digunakan dan beberapa kesalahan yang membolehkan hukuman memukul dilaksanakan.

### 4.4.1 Jumlah Bilangan Pukulan

Setelah dibahaskan mengenai keharusan dan tujuan hukuman dalam pendidikan, aspek teknikal hukuman juga sangat penting untuk dibicarakan. Antara aspek teknikal yang penting untuk dibincangkan ialah jumlah bilangan pukulan. Para ilmuwan Islam berbeza pendapat dalam menentukan jumlah bilangan pukulan yang dikenakan kepada kanak-kanak yang melakukan kesalahan.

---

[99] Sila rujuk bab kedua dalam penulisan ini di bawah subtopik Hukuman Memukul (*ḍarb*) untuk perbahasan yang lanjut.
[100] Lihat Ibn Saḥnūn, *Ādāb al-Mu'allimīn,* 89; Al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah*, 129.



University of Malaya

Secara umumnya terdapat tiga pandangan dalam menentukan jumlah bilangan pukulan dalam hukuman memukul terhadap kanak-kanak.

1. Pandangan pertama menyatakan jumlah bilangan pukulan adalah tidak boleh melebihi tiga kali pukulan. Ini merupakan pandangan beberapa ilmuwan Islam antaranya Qādhi Shurayḥ,[101] Ibn ‘Ābidīn,[102] al-Shurunbulālī,[103] dan Ashhab.[104] Pandangan pertama ini berdasarkan larangan Nabi Muḥammad s.a.w untuk tidak menghukum lebih daripada tiga kali pukulan dan hukuman qisas dikenakan kepada orang yang memukul jika lebih daripada tiga kali pukulan.[105] Selain itu, pandangan ini menurut Qādhi Shurayḥ adalah berdasarkan kedatangan malaikat Jibril yang membawa wahyu pertama, lalu meminta Rasulullah s.a.w membacanya. Kemudian Baginda s.a.w menyatakan bahawa Baginda tidak tahu membaca, lalu malaikat Jibril memeluk Baginda. Ia berulang sebanyak tiga kali.[106]
2. Pendapat kedua pula menyatakan bahawa jumlah pukulan tersebut tidak boleh melebihi sepuluh kali. Ini merupakan pandangan Imām Aḥmad bin Ḥanbal dan al-Layth.[107] Pandangan ini adalah berdasarkan zahir maksud hadis Nabi Muḥammad s.a.w yang melarang untuk memukul lebih daripada sepuluh kali pukulan melainkan dalam kes yang berkaitan dengan hukum hudud.[108] Beberapa sarjana pendidikan Islam moden menjadikan pandangan kedua ini sebagai

University of Malaya

[101] Al-Ḥaytamī , *Taḥrīr al-Maqāl*, 129.
[102] Ibn Ābidīn, *Radd al-Muḥtār*, 1:352.
[103] Ḥasan bin ‘Ammār al-Shurubulālī, *Marāqī al-Fallāḥ Syarḥ Matn Nūr al-’Īḍāḥ* (T.tp: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2005), 71.
[104] Abu ‘Abdullah, *Minaḥ al-Jalīl*, 9:357.
[105] Hadis ini disebutkan oleh ibn ‘Ābidīn dalam kitabnya *Radd al-Muḥtār*. Lihat ibn Ābidīn, *Radd al-Muḥtār*, 1:352.
[106] Hadis riwayat al-Bukhārī, Bab Bad’u al-Waḥyi, no. Hadis 3 dan riwayat Muslim, kitab al-Īmān, Bāb Bad’u al-Waḥyi ilā Rasūlillah, no. Hadis 160. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:7 dan Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysābūrī, *al-Musnad al- Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adl ilā Rasulillah* (Bayrūt: Dār Iḥyā‘ al-Turāth al-‘Arabī, t.t), 1:139 .
[107] Ibn Ḥajar al-‘Asqālanī, *Fatḥ al-Bārī*, 12:178.
[108] Hadis riwayat al-Bukhārī, kitab al-Ḥudud, Bab kam al-Ta‘zīr wa al-‘Adab, no. Hadis 6848 dan riwayat Muslim, kitab al-Ḥudūd, Bāb Qadr ’Aṣwāṭ al-Ta‘zīr, no. Hadis 1708. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 8:174 dan Muslim, *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ*, 3:1332.

pegangan mereka seperti Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān yang menyatakan jumlah pukulan untuk kanak-kanak yang belum baligh ialah satu hingga ke tiga pukulan. Jika kanak-kanak tersebut telah baligh, jumlah pukulan boleh melebihi tiga pukulan dan tidak melebihi sepuluh pukulan.[109] Selain itu, Muḥammad ‘Aṭiyyah al-Abrāshī juga menyatakan bahawa sebaiknya para pendidik sentiasa mengurangkan hukuman yang keras. Namun, jika keadaan memerlukan untuk dilaksanakan hukuman ke atas kanak-kanak, maka memadai dengan tiga kali pukulan yang ringan. Dalam apa jua keadaan pun, jumlah pukulan tidak boleh melebihi sepuluh kali pukulan.[110]

3. Pandangan ketiga menyatakan bahawa jumlah pukulan adalah bergantung kepada keperluan tanpa menetapkan bilangan yang tertentu dengan syarat pukulan tersebut tidak mencederakan dan tidak boleh melebihi 40 kali pukulan. Menurut Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī ini merupakan pandangan Imām Mālik dan al-Sḥāfi‘ī.[111] Ia juga merupakan pandangan kebanyakan fuqaha mazhab Maliki dan Shāfi‘ī.[112]

Dalam hal ini, Ibn Ḥajar al-Haytamī menerusi *Tāḥrīr al-Maqāl* dilihat memilih pandangan yang ketiga sebagai pegangannya iaitu jumlah pukulan adalah bergantung kepada keperluan, namun tidak boleh sampai 40 kali pukulan. Ibn Ḥajar al-Haytamī menyatakan:

ثم إذا جاز للمعلم التعزير ، فله الضرب ، ويلزمه أن يكون بحسب ما يراه كافيًا ، بالنسبة لجريمة الولد ، فلا يجوز له أن يرقى إلى مرتبة ، وهو يرى ما دونها كافيا ، كدفع الصائل.

---

[109] Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān, *Tarbiyyah al-Awlād*, 728.
[110] Muḥammad ‘Aṭiyyah al-Abrāshī, *al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah wa falāsifatuhā* (al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1976), 152.
[111] Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqālanī, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 1959), 12:178.
[112] lihat Ḥāshiah al-Imām ‘Abd al-Ḥamīd al-Shirwānī dalam al-Haytamī, *Tuḥfah al-Muḥtāj*, 1:450 dan Abu ‘Abdullah Muḥammad al-Ḥaṭāb, *Mawāhib al-Jalīl fī Sharḥ Mukhtaṣar Khalīl* (t.tp: Dār al-Fikr, t.t), 1:414.



University of Malaya

ولا يجوز له أن يبلغ بالضرب أربعين في الحرّ ، وعشرين في غيره ، بل يلزمه النقص عن ذلك ، لقوله – صلى الله عليه وسلم – كما ورد في خبر مرسل : ( من بلغ حدّا في غير حد فهو من المعتدين )[113]

Terjemahan: Kemudian jika dibolehkan bagi si guru [menghukum secara] *ta'zīr*, maka dia boleh memukul. Dan perlu baginya [memukul] itu sekadar apa yang dia lihat cukup, dengan kadar kesalahan anak tersebut. (dan) tidak boleh melebihi sekadar itu, dan dia melihat ianya cukup, seperti untuk mengelakkan memukul dengan ganas (*al-ṣāil*) Dan tidak dibolehkan untuk memukul itu sampai empat puluh kali pada orang yang merdeka (*al-ḥurr*) dan dua puluh kali pada selainnya. Bahkan menjadi keperluan baginya untuk mengurangkan dari [jumlah] itu, berdasarkan sabda Baginda SAW sepertimana yang datang dari hadis *mursāl* : (( barang siapa yang melebihi [bilangan hukuman] hudud pada [keasalahan] selain hudud maka dia dari kalangan orang-orang yang melampaui batas ))

Ibn Ḥajar al-Haytamī memilih untuk tidak meletakkan bilangan tertentu dalam meletakkan jumlah bilangan pukulan namun beliau mensyaratkan bahawa bilangan pukulan itu tidak sampai 40 kali pukulan. tetapi menyatakan bilangan tersebut mestilah setimpal dengan kesalahan kanak-kanak. Justeru, jumlah bilangan pukulan hendaklah tidak boleh melebihi jumlah maksimum yang ditetapkan iaitu bilangan pukulan dalam hukum hudud sebagaimana yang boleh difahami daripada hadis Nabi s.a.w :

من بلغ حدّا في غير حد فهو من المعتدين[114].

---

[113] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 88.
[114] Hadis riwayat al-Bayhaqī, Kitab al-'Ashribah wa al-Ḥad, Bab Mā Jā'a fī al-Ta'zīr wa Annahu Lā Yablugh Bihi Arba'īn, no. Hadis 17584. Lihat al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, 8:567.



University of Malaya

Terjemahan: barang siapa yang [memukul] sampai [bilangan hukuman] hudud pada [keasalahan] selain hudud maka dia dari kalangan orang-orang yang melampaui batas.

Ibn Ḥajar al-Haytamī membahaskan pandangan pertama dan menyatakan bahawa ia dilihat tidak tepat kerana hadis yang berkaitan dengan malaikat Jibril memeluk Nabi s.a.w sebanyak tiga kali yang digunakan sebagai dalil tidak sesuai untuk ditafsirkan kepada jumlah bilangan pukulan. Beliau menegaskan bahawa pendalilan perkara ini melalui hadis tersebut adalah tersasar. Adapun berkaitan dengan hadis larangan untuk tidak melebihi tiga kali pukulan ketika menghukum dan hukuman boleh dikenakan kepada orang yang memukul jika lebih daripada tiga kali pukulan tidak dibincangkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī. Namun, pengkaji tidak menemui nas hadis tersebut dalam kitab-kitab hadis, malah terdapat kelemahan dalam periwayatannya.[115] Ini menjadikan hadis tersebut agak lemah untuk dijadikan sebagai hujah.

Berkaitan pandangan yang kedua iaitu jumlah pukulan tidak boleh melebihi sepuluh kali pukulan, Ibn Ḥajar al-Haytamī menyatakan bahawa hadis tersebut *mansūkh* dengan amalan para sahabat tanpa mengingkari kedudukan hadis tersebut.[116] Perkara ini juga disebutkan oleh Imām al-Nawāwī yang menyatakan bahawa hadis tersebut *mansūkh* dengan amalan para sahabat.[117] al-Khaṭīb al-Sharbīnī juga menyatakan pandangan yang sama ketika mensyarahkan kitab *al-Minhāj* karangan Imām al-Nawawī.[118]

---

[115] Hadis ini disebutkan oleh ibn Ābidīn dalam kitabnya *Rad al-Muḥtār* dari seorang sahabat bernama Mirdās al-Mu'allim. Menurut al-Dhahabī nama Mirdās al-Mu'allim disebutkan dalam sebuah hadis yang batil. Manakala ibn Ḥajar al-'Asqalānī menyatakan Mirdās al-Mu'allim disebutkan dalam sebuah hadis oleh Abū Zayd al-Dausī dalam *Kitāb al-Asrār* tanpa sanad. Menurut ibn Ḥajar al-'Asqalānī lagi sehingga sekarang aku tidak mendapati sanad hadis tersebut. Lihat Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī, *Tajrīd Asmā' al-Ṣaḥābah* (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, t.t.), 2:69 dan Aḥmad bin 'Alī ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Ṣaḥābah* (Bayrūt: Dār al-Kutib al-'Ilmiyyah, 1994), 6:60.

[116] Amalan para sahabat ini seperti yang berlaku pada zaman saidina Umar al-Khaṭṭaāb apabila beliau meminta pandangan daripada para sahabat yang lain tentang jumlah hukuman kepada peminum arak. Lalu 'Abd al-Raḥmān bin 'Auf memberi pandangan supaya mejadikan bilangannya 80 kali sebatan. Sedangkan pada zaman nabi Muḥammad s.a.w dan Abu Bakar jumlah sebatan adalah 40 kali. Lihat Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Ḥudūd, Bab Ḥad al-Khamr, no. Hadis 1706. Muslim, *al-Musnad al- Ṣaḥīḥ*, 3:1330.

[117] Al-Nawāwī, *Rauḍah al-Ṭālibīn*, 10:175.

[118] Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 5:525.



University of Malaya

Ibn Saḥnūn berbeza pandangan dalam hal ini. Beliau menyatakan dalam *Adāb al-Mu'allimīn* bahawa jumlah bilangan pukulan terhadap kanak-kanak pelajar tidak boleh melebihi tiga kali pukulan kecuali dengan izin ayah kanak-kanak yang terbabit. Jika ayahnya mengizinkan, maka dibolehkan untuk lebih daripada tiga pukulan. Namun, pukulan tersebut tidak boleh melebihi sepuluh pukulan. Selain itu, Ibn Saḥnūn menambah bahawa jika kesalahan tersebut berkait dengan bacaan al-Quran, maka jumlah pukulan tidak boleh melebihi tiga kali. Menurutnya, jumlah sepuluh pukulan adalah hukuman bagi kesalahan berkaitan disiplin (adab).[119] Dapat difahami menurut Ibn Sahnun bahawa kesalahan dalam membaca al-Qur'an hanyalah kesalahan biasanya yang tidak berkaitan dengan kesalahan disiplin (*adab*). Ini menunjukkan bahawa Ibn Saḥnūn memilih pandangan yang kedua sebagai pandangannya.

Al-Qābisī pula berpandangan yang sama dengan Ibn Saḥnūn iaitu jumlah pukulan boleh melebihi tiga pukulan tetapi dengan syarat mendapat keizinan daripada ayah atau penjaga kanak-kanak yang terlibat. Namun jumlah pukulan tidak boleh melebihi sepuluh pukulan. Walau bagaimanapun, beliau menambah bahawa tidak mengapa bagi guru untuk menambah jumlah pukulan lebih daripada sepuluh jika jumlah pukulan sebelumnya tidak memberi kesan kepada pelajar yang melakukan kesalahan.[120] Ini bermakna bagi al-Qābisī, jumlah asal bagi jumlah pukulan adalah antara tiga hingga sepuluh pukulan dan boleh melebihinya dengan syarat jumlah tersebut tidak mencapai tujuan hukuman yang diinginkan.

Justeru, selepas meneliti perbahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī terhadap jumlah bilangan pukulan sebenarnya bukanlah menjadi tujuan utama, tetapi lebih bertujuan untuk memperbaiki (*iṣlāḥ*) dan mencegah (*zajr*). Manakala pertimbangan guru dalam meletakkan bilangan pukulan sangat penting.

---

[119] Ibn Saḥnūn, *Ādāb al-Mu'allimīn*, 89.
[120] Al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah*, 130.



University of Malaya

Oleh itu, adalah penting untuk guru memahami tujuan asal menghukum seperti mana yang disebutkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī iaitu menghukum kanak-kanak adalah bertujuan untuk disiplin (*ta'dīb*) iaitu dengan memperbaiki dan mencegah, bukannya mendera. Oleh itu, bilangan pukulan itu tidaklah menjadi satu isu yang besar. Jumlah pukulan maksimum yang diletakkan pula hanyalah untuk menghadkan bilangan pukulan guru sekiranya guru dikalahkan oleh emosi. Justeru, wajarlah jumlah pukulan adalah di bawah bilangan hukuman hudud.[121]

### 4.4.2 Jenis Pemukul

Alat pemukul juga merupakan salah satu aspek teknikal yang penting untuk dibincangkan berkaitan dengan hukuman memukul. Ini kerana ia mempunyai kesan yang besar dalam pelaksanaan hukuman tersebut. Ia penting untuk dibahaskan kerana ia menjadi kayu ukur dan lambang kepada tujuan hukuman dilaksanakan. Oleh sebab itu, para ilmuwan Islam tidak meninggalkan perbahasan mengenai alat pemukul yang digunakan dalam hukuman memukul seperti Khaṭīb al-Sharbīnī,[122] al-Ramlī,[123] Ibn 'Ābidīn[124] dan lain-lain lagi.

Ibn Ḥajar al-Haytamī juga membincangkan mengenai perkara ini dalam *Tāḥrīr al-Maqāl*. Beliau menyatakan:

ويجب في نحو السوط أن يكون معتدل الحجم ؛ فيكون بين القضيب والعصا وأن يكون معتدل الرطوبة ؛ فلا يكون رطبا فيشق الجلد لثقله ، ولا شديد اليبوسة فلا يؤلم لخفته.[125]

Terjemahan: Dan wajiblah pada keadaan rotan (*al-sauṭ*) itu sederhana saiznya (*mu'tadil al-ḥajm*), hendaklah [saiznya] di antara ranting (*al-*

121 Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 90.
122 Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 5:519.
123 Al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj*, 8:17.
124 Ibn Ābidīn, *Radd al-Muḥtār*, 1:352.
125 *Ibid.*, 90



University of Malaya

> *qaḍīb*) dan tongkat (*al-ʻāṣā*) Dan hendaklah [rotan itu] sederhana lembut (*mu'tadil al-ruṭūbah*), ianya tidak terlalu lembut (*raṭban*) maka dengan sebab itu ia akan memecahkan kulit kerana beratnya, dan tidak pula terlalu lembut (*shadīd al-yabūsah*) maka dengan sebab itu ia tidak akan memberikan rasa sakit kerana lembutnya.

Ibn Ḥajar al-Haytamī menamakan alat pemukul yang digunakan dalam hukuman memukul dengan istilah *al-sauṭ* yang bermaksud sesuatu yang digunakan untuk memukul.[126] Beliau meletakkan dua perkara penting yang perlu diambil kira dalam memilih jenis alat pemukul. Pertama ialah saiz alat pemukul dan kedua ialah kekerasan alat pemukul. Namun begitu, beliau tidak menetapkan jenis alat pemukul tersebut. Ibn Ḥajar al-Haytamī menyatakan alat pemukul mestilah tidak terlalu kecil dan tidak terlalu besar dari segi saiznya. Beliau membawa ukuran saiz alat pemukul adalah antara ranting kayu (*al-qaḍīb*) dan tongkat (*al-ʻāṣā*). Ia bermakna saiz alat pemukul tidaklah lebih kecil daripada ranting kayu (*al-qaḍīb*) dan tidaklah lebih besar daripada tongkat (*al-ʻāṣā*). Manakala dari segi ukuran kekerasan alat pemukul, menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī, ia hendaklah tidak terlalu keras dan tidak terlalu lembut. Ibn Ḥajar al-Haytamī menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan terlalu keras ialah sesuatu yang boleh memecahkan kulit sehingga menyebabkan kecederaan seperti luka. Manakala tidak terlalu lembut menurut beliau ialah sesuatu yang tidak meninggalkan apa-apa kesan rasa sakit.[127]

Pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī ini adalah berdasarkan kefahaman terhadap sebuah hadis yang menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w memerintahkan untuk menggunakan rotan yang sederhana bagi digunakan sebagai pemukul untuk menyebat

---

[126] Lihat Ismāʻil bin Ḥammād al-Jūharī, *al-Ṣaḥḥāḥ,* ed. Muḥammad Muḥammad Tāmir (al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, 2009), 572.
[127] Perkara ini juga beliau terangkan dalam kitabnya *Tuḥfah al-Muḥtāj*. Lihat al-Ḥaytamī, *Tuḥfah al-Muḥtāj*, 9:174.



University of Malaya

seorang penzina.[128] Sebenarnya hadis tersebut juga menjadi sandaran kebanyakan ilmuwan Islam selain Ibn Ḥajar al-Haytamī terutamanya dalam bidang fiqh untuk mengeluarkan pendapat yang selari dengan hadis berkaitan dengan ciri-ciri alat pemukul. Antaranya ialah al-Nawāwī,[129] al-Ḥatāb,[130] Ibn Qudāmah[131] dan al-Ramlī.[132] Ibn Ḥajar al-Haytamī juga memberikan komentar terhadap hadis tersebut bahawa Rasulullah s.a.w tidak menetapkan jenis alat pemukul. Oleh itu, beliau juga tidak menetapkan jenis alat pemukul dalam melaksanakan hukuman. Bahkan beliau cenderung kepada pendapat Ibn Ṣalāḥ[133] yang menyatakan bahawa alat pemukul boleh terdiri daripada tali yang dipintal dan diperbuat daripada kulit (*suyūr*), kayu, ranting, kasut (*na'l*), dan hujung baju yang sedikit keras.[134] Ini juga sebenarnya selari dengan maksud sebuah hadis yang menyatakan bahawa Nabi Muḥammad s.a.w memukul dengan menggunakan pelepah kayu dan tamar ketika melaksanakan hukuman hudud.[135] Justeru, dapat dinyatakan bahawa para ilmuwan Islam tidak menetapkan jenis alat pemukul asalkan ia menepati ciri-ciri yang telah disebutkan tadi.

Jika diteliti pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī terhadap perbahasan mengenai alat pemukul, dapat difahami secara isyarat bahawa hukuman memukul yang dilaksanakan terhadap kanak-kanak pelajar bukanlah untuk mencederakan atau mendera mereka, sebaliknya bertujuan untuk mendisiplinkan (*ta'dīb*) mereka. Jika tujuannya untuk mencederakan atau mendera mereka, sudah tentu alat pemukul yang mempunyai saiz yang besar dan sifat kekerasan yang tinggi sesuai untuk digunakan. Oleh itu, jelas dilihat

University of Malaya

---

[128] Hadis riwayat Mālik, Kitab al-Rajm wa al-Ḥudūd, no. Hadis 3048. Lihat Mālik bin Anas al-Madanī, *al-Muwaṭṭa'*, ed. Muḥammad Muṣṭafā al-'A'ẓamī (Abū Ẓabī: Muassasah Zāyad bin Sulṭān Āli Nihyān, 2004), 5:1205.
[129] Al-Nawāwī, *al-Majmū'*, 20:43.
[130] Al-Ḥaṭāb, *Mawāhib al-Jalīl*, 6:318.
[131] Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 9:168.
[132] Al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj*, 8:17.
[133] Beliau adalah 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥmān Ṣalāḥ al-Dīn bin 'Uthmān al-Kurdī al-Shahruzūrī (643H/1181M-577H/1245M). Lihat al-Ziriklī, *al-'A'lām*, 4:207.
[134] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 90.
[135] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Ḥudūd, Bab Mā Jā'a fī Shārib al-Khamr, no. Hadis 6773; Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Ḥudūd, Bab Ḥad al-Khamr, no. Hadis 1706. Lihat al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 8:157 dan Muslim, *al-Musnad al-Ṣaḥīḥ*, 3:1330.

bahawa perbahasan mengenai alat pemukul ini menunjukkan keprihatinan para ilmuwan Islam dalam pelaksanaan hukuman memukul termasuklah Ibn Ḥajar al-Haytamī sendiri. Secara tidak langsung juga, perbahasan mengenai alat pemukul dalam hukuman memukul ini menguatkan lagi pandangan bahawa hukuman memukul merupakan salah satu bentuk hukuman yang penting ke arah mencapai tujuan mendisiplinkan pelajar iaitu *ta'dīb* (disiplin).

### 4.4.3 Tatacara Memukul

Tatacara memukul merupakan salah satu aspek teknikal yang terpenting dalam hukuman memukul. Maka tidak hairanlah perkara ini dibahaskan dan dibincangkan oleh para ilmuwan Islam silam dengan sangat terperinci.[136] Ibn Ḥajar al-Haytamī juga membincangkan perkara ini dengan terperinci. Hal ini menjadikan perbincangan Ibn Hajar terhadap hukuman memukul tidak terhenti sekadar perincian tentang matlamat dan tujuan sahaja, bahkan merangkumi aspek teknikal termasuk panduan dalam melaksanakan hukuman tersebut menerusi tatacara yang tertentu.

**a. Teknik Memukul**

Dalam Tujuan Ketujuh *Taḥrīr al-Maqāl*, Ibn Ḥajar al-Haytamī mengambarkan secara terpeinci bagaimana teknik memukul dengan betul. Beliau menyatakan:

ثم كيفية ضربه أن يكون مفرقا ، لا مجموعا في محل واحد[137]

> Terjemahan: Kemudian tatacara memukul hendaklah [di bahagian] berasingan, bukan secara tertumpu di bahagian yang sama.

Beliau juga menyatakan:

---

[136] Al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj*, 5:521; Al-Ramlī, *Nihāyah al-Muḥtāj*, 8:17.
[137] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 89.



University of Malaya

> وأن يكون بين الضربتين زمن يخفّ فيه ألم الأولى. وأن يرفع الضارب ذراعه ، لا عضده حتى يرى بياض إبطه ، فلا يرفع لذلك ، لئلا يعظم ألمه. ولا يضعه عليه وضعا لا يتألم به[138]
>
> Dan hendaklah ada di antara dua pukulan itu [tempoh] masa yang menggurangkan (padanya) rasa sakit [pukulan] yang pertama. Dan [ketika memukul] hendaklah tukang pukul mengangkat pergelangan tangan hinga ke siku (*zirā'*), dan bukan lengannya (*'aḍud*) sehingga kelihatan putih ketiaknya, maka hendaklah dia tidak mengangkat [tangannya] seperti itu, supaya tidak terlalu sakit.

Menurut Ibn Ḥajar al-Haytamī, apabila hendak memulakan proses menghukum dengan memukul terhadap kanak-kanak pelajar, maka beberapa perkara perlu diberikan perhatian.

1. Pertama, bahagian yang dipukul tidak boleh tertumpu pada satu bahagian sahaja sekiranya pukulan dibuat melebihi sekali. Ia mestilah dilakukan pada bahagian yang berasingan. Ini bagi mengelakkan kecederaan dan kesakitan yang keterlaluan pada bahagian tersebut jika tertumpu pada bahagian yang sama.
2. Kedua, jika jumlah pukulan adalah lebih daripada satu pukulan, maka satu tempoh hendaklah diletakkan antara dua pukulan tersebut. Tempoh ini bertujuan untuk mengurangkan kesan kesakitan daripada pukulan yang pertama.
3. Ketiga, orang yang memukul tidak boleh menggunakan keseluruhan kekuatan tangannya dengan mengangkat keseluruhan tangan untuk menghayunkan alat pemukul tersebut. Ibn Ḥajar al-Haytamī menggambarkan bahawa jika kelihatan putih ketiak orang yang memukul tersebut, maka ia tidak dibenarkan. Orang

[138] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl,* 90.



University of Malaya

yang memukul hanya boleh menggunakan pergelangan tangan sehingga ke siku sahaja. Apabila melakukan pukulan, orang yang memukul hanya perlu menghayunkan tangan hingga ke siku sahaja tanpa melibatkan lengan dan bahunya. Ini bertujuan menjadikan pukulan tidak terlalu kuat sehingga boleh mencederakan seperti luka dan sebagainya.

Al-Zubairī[139] salah seorang ilmuwan dalam mazhab Imam Shafi'ī mempunyai pandangan yang berbeza pandangan terhadap ehwal teknik memukul terutamanya yang berkaitan penumpuan pukulan kepada satu kawasan badan. al-Zubairī menyatakan bahawa dibolehkan untuk memukul dengan menumpukan pada satu-satu bahagian badan.[140] Namun, perkara ini telah disangkal oleh al-Māwardī dengan menyatakan bahawa menumpukan pukulan kepada satu bahagian badan boleh membawa kecederaan dan kebinasaan (*al-talaf*) dan perkara ini dilarang ketika menjalankan hukuman hudud yang bersifat wajib menjadikan perkara ini dilarang terhadap hukuman takzir yang hanya bersifat harus.[141]

Manakala dari sejarah pendidikan barat pula terdapat dua aliran berkaitan teknik menghukum dengan memukul (merotan) iaitu pertama cara tradisional orang British yang diamalkan di sekolah British yang mana mereka mahukan satu pukulan tanpa memanaskan badan. Kedua cara yang dipraktikkan di benua Amerika Utara yang hanya mencari cara bagaimana hendak mencederakan anggota badan orang yang dipukul (dirotan).[142] Dengan itu adalah tidak menghairankan jika pendidikan di barat meletakkan hukuman memukul dalam kategori *Corporal Punishment* yang ditakrifkan sebagai suatu

---

[139] Beliau ialah al-Zubayr bin Aḥmad bin Sulaymān bin 'Abdullah al-Zubayrī al-Baṣrī (w. 317 H). Lihat Abū Bakr Aḥmad bin 'Alī al-Khāṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*, ed. Basshār 'Awwād Ma'rūf (Bayrūt: Dār al-Garb al-Islāmī, 2002), 9:492; Tāj al-Dīn 'Abdul Wahhāb bin Taqī al-Dīn al-Subkī, *Ṭabqāt al-Shafi'iyyah al-Kubrā*, ed. Maḥmūd Muḥammad dan 'Abd al-Fātiḥ Muḥammad (t.tp: Hijr li al-ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tauzī', 1992), 3:295.

[140] Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Baṣrī al-Māwardī, *al-Ḥāwī al-Kabīr Fiqh Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999), 13:438.

[141] *Ibid.*

[142] Mohd Rashid Mohd Saad, *Mengapa Rotan Tidak Berkesan?* (Kuala Lumpur: Pts Professional Publishing, 2006), 45.

kaedah membentuk disiplin di mana penjaga sengaja menimbulkan rasa sakit (*deliberately inflicts pain*) kepada kanak-kanak sebagai tindak balas kepada tingkah laku mereka yang tidak dapat diterima atau mereka menggunakan bahasa yang tidak sesuai.[143]

Secara keseluruhannya, teknik memukul yang dinyatakan di atas adalah manifestasi daripada tujuan utama menghukum iaitu mendisiplinkan diri dan bukan semata-mata menghukum. Justeru, dapat dilihat teknik yang digunakan bukanlah bertujuan untuk memberi kesakitan kepada kanak-kanak pelajar sebagaimana dalam pandangan pendidikan barat yang menyasarkan kesakitan sebagai tujuan dengan unsur dalam menghukum itu adalahah *deliberately inflicts pain* (sengaja menimbulkan rasa sakit). Bahkan jauh lebih daripada itu, ia bertujuan memberikan pendidikan yang membekas dalam diri mereka agar mampu melatih dan mengawal diri seterusnya mengubah tingkah laku dan sikap yang bertentangan yang telah dilakukan.

**b. Syarat Semasa Memukul**

Selain teknik memukul, Ibn Ḥajar al-Haytamī turut memperincikan tatacara memukul dengan menyatakan beberapa syarat yang perlu dipatuhi semasa hukuman memukul dilaksanakan. Antaranya:

1. Syarat pertama hendaklah ditentukan bahagian badan yang dibolehkan untuk dipukul daripada bahagian badan yang tidak dibolehkan. Hal ini kerana seorang guru tidak boleh memukul sebarang anggota badan yang dia kehendaki. Beliau menyatakan:

ويلزم الفقيه أن يتقي في ضربه الوجه والمقاتل[144]

[143] Andero Abraham dan Allen Stewart "Issue of Corporal Punishments: re-Examined" *Journal of Instructional Psychology* 29, no.2 (Jun 2002), 91.
[144] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl,* 89.



University of Malaya

Terjemahan: Dan perlu bagi si guru (*al-faqīh*) ketika memukul untuk mengelakkan [memukul bahagian] muka dan tempat yang boleh membawa maut (*al-maqātil*).

Dua tempat yang tidak boleh dipukul seperti yang dinyatakan oleh Ibn Hajar ialah muka dan bahagian tubuh badan yang boleh membawa maut. Begitu juga beliau melarang untuk memukul dikawasan seperti kemaluan, bawah telinga, dan tengkuk. Perincian ini juga berasaskan kepada hadis Nabi s.a.w seperti berikut:

إذا ضرب أحدكم فليتق الوجه[145]

Terjemahan: Jika sesorang hendak memukul hendaklah ia menjauhi [tidak memukul] bahagian muka.

Senada dengan perkara itu, al-Qābisī menyatakan pandangan bahawa dua bahagian yang mesti dijauhi ketika menjalankan hukuman memukul ialah bahagian muka dan kepala.[146] Beliau juga membawa pandangan Ibn Saḥnūn yang turut menyatakan perkara yang sama. Menurut beliau, Ibn Saḥnūn menyatakan bahawa memukul di bahagian-bahagian tersebut akan membawa kesan yang buruk, antaranya boleh merosakkan otak dan mata. Tambahnya lagi, tempat yang selamat dan sesuai ialah dengan memukul di bahagian kaki.[147] Ini juga diperkukuhkan dengan kenyataan al-Abrāshī yang membawa pandangan Ibn Sīnā bahawa para pendidik dinasihatkan tidak memukul kanak-kanak pelajar di bahagian kepala, tengkuk, telinga dan muka kerana memukul di bahagian-bahagian tersebut akan mengakibatkan kesan buruk kepada kanak-kanak terbabit.[148]

---

145 Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-'Ādāb, Bāb al-Nahy 'an Ḍarb al-Wajh, no. Hadis 2612. Lihat Muslim, *al-Musnad al- Ṣaḥīḥ*, 4:2016.
146 Al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah*, 134.
147 *Ibid*.
148 Al-Abrāshī, *al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, 234.



University of Malaya

2. Syarat yang kedua ialah mengelakkan perasaan marah dan dendam semasa menghukum. Dalam erti kata yang lain, hukuman memukul tidak boleh dilaksanakan jika ada unsur-unsur kemarahan daripada guru ketika proses hukuman dilaksanakan. Syarat kedua ini tidak disebut secara jelas oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī dalam *Taḥrīr al-Maqāl.* Namun, pengkaji melihat ia seperti diisyaratkan oleh Ibn Hajar berdasarkan hubungkaitnya dengan syarat ketiga yang akan dibincangkan selepas ini. Ia juga boleh dilihat sebagai pelengkap kepada perbincangan mengenai tatacara memukul kepada kanak-kanak pelajar. Syarat kedua ini dilihat penting untuk dinyatakan bagi mengelakkan hukuman memukul yang dilaksanakan tersasar daripada tujuan asal menghukum yang boleh menyebabkan kecederaan dan kezaliman terhadap kanak-kanak yang terlibat. Perkara ini juga dikiaskan daripada larangan Rasulullah s.a.w kepada para qāḍi (hakim) untuk tidak menjalankan hukum dalam keadaan marah. Rasulullah s.a.w menyatakan:

لاَ يَقْضِيَنَّ حَكَمٌ بَيْنَ اثْنَيْنِ وَهُوَ غَضْبَانُ[149]

Terjemahan: Sungguh seorang hakim tidak boleh memutuskan [suatu perkara] di antara dua orang dalam keadaan dia marah.

Ibn Saḥnūn melihat bahawa menghukum dengan hukuman memukul yang disertai oleh perasaan marah adalah perkara yang dilarang dan beliau menyatakan perkara ini setelah beliau menceritakan kisah anak Sa‘ad bin al-Khaffāf yang menangis kerana dipukul oleh gurunya. Lalu Sa‘ad mengeluarkan satu hadis iaitu *“syirār ummatī mu‘allimū ṣibyānihim aqalluhum raḥmatan li al-yatīm wa aghlaẓuhum ‘alā al-miskīn”*[150]

---

[149] Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-’Aḥkām, Bab Hal Yaqḍī al-Qāḍī au Yuftī wa Hua Gaḍbān, no.Hadis. 7158 dan Hadis riwayat Muslim, Kitab al-’Aqḍiyah, Bab Karāhah Qaḍā‘ al-Qāḍī wa Hua Gaḍbān, no. Hadis 1716.

Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-’Aḥkām, Bab Hal Yaqḍī al-Qāḍī au Yuftī wa Hua Gaḍbān, no.Hadis. 7158 dan Hadis riwayat Muslim, Kitab al-’Aqḍiyah, Bab Karāhah Qaḍā‘ al-Qāḍī wa Hua Gaḍbān, no. Hadis 1716.



University of Malaya

(sejahat-jahat ummat ku adalah para guru yang mengajar kanak-kanak yang sangat kurang belas kasihan terhadap anak-anak yatim dan sangat kasar keatas orang miskin).[151] Al-Qābisī menambah bahawa hukuman memukul yang dilakukan semata-mata untuk melepaskan kemarahan dan menghilangkan kemarahan merupakan kezaliman dan bukan sesuatu perbuatan yang adil terhadap kanak-kanak yang terlibat.[152] Sarjana pendidikan Islam moden seperti ‘Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān juga menyatakan perkara yang sama kerana ia dikhuatiri akan membawa kepada kemudharatan kepada kanak-kanak.[153]

3. Syarat yang ketiga ialah tidak melampau ketika memukul. Ibn Ḥajar al-Haytamī menyatakan:

ويلزمه أن يكون بحسب ما يراه كافيا ، بالنسبة لجريمة الولد ، فلا يجوز له أن يرقى إلى مرتبة ، وهو يرى ما دونها كافيا ، كدفع الصائل[154]

Terjemahan: Dan perlu baginya [memukul] itu sekadar apa yang dia lihat cukup, dengan kadar kesalahan anak tersebut. (dan) tidak boleh melebihi sekadar itu, dan dia melihat ianya cukup, seperti untuk mengelakkan memukul dengan ganas (*al-ṣāil*).

Syarat yang ketiga ini menuntut kebijakan dan ketajaman pandangan para pendidik yang menjalankan hukuman memukul. Syarat ketiga ini dilihat berkait rapat dengan pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī berkenaan dengan jumlah bilangan pukulan yang beliau meletakkan jumlah bilangan pukulan adalah bergantung kepada keperluan tanpa menetapkan bilangan yang tertentu dengan syarat pukulan tersebut tidak mencederakan dan tidak boleh melebihi 40 kali pukulan.

---

elah berrhujah dengan Hadis ini ketika mentafsirkan ayat 41 dalam surah al-Baqarah. Lihat Abu ‘Abdullah Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī, *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān,* ed. Aḥmad al-Bardūnī (al-Qāhirah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), 1:335.

[151] Ibn Saḥnūn, *Kitāb ādāb al-Mu‘allimīn,* 89.

[152] Al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah,* 129.

[153] ‘Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān, *Tarbiyah al-’Awlād,* 2:727.

[154] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl,* 88.



University of Malaya

Imām Aḥmad bin Ḥanbal ketika ditanya mengenai hukuman memukul kepada yang dikenakan oleh pendidik kepada kanak-kanak beliau menyatakan berdasarkan kadar kesalahan mereka (*‘alā qadr dhunūbihim*) dan pendidik tersebut hendaklah berhati-hati dalam memukul.[155]

Penelitian terhadap tatacara pelaksanaan hukuman memukul yang melibatkan teknik dan syarat semasa memukul seperti yang dibentangkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī menunjukkan beliau konsisten menjaga tujuan asal hukuman yang disebutkan sebelum ini iaitu untuk memperbaiki (*iṣlāḥ*) dan mencegah (*zajr*). Beliau mempersembahkan teknik memukul terhadap kanak-kanak dengan jelas dan teratur bagi menggambarkan hukuman untuk kanak-kanak bukanlah untuk menghukum semata-mata lalu mencederakannya, akan tetapi untuk medidik dan menjaga maslahat kanak-kanak tersebut. Oleh sebab itu, beliau menegaskan perkara ini di awal perbincangan sebelum menerangkan berkenaan teknik memukul dengan menyatakan:

ولأن القصد ردعه لا قتله ، ثم كيفية ضربه أن يكون مفرقا[156]

> Terjemahan: kerana tujuan [memukul] adalah untuk menghalangnya (*rad‘ahu*) dan bukannya membunuhnya Kemudian tatacara memukul hendaklah [di bahagian] berasingan

Penegasan ini dilihat sengaja diletakkan sebelum memulakan perbahasan tentang tatacara memukul agar apabila proses hukuman berlangsung, tujuan asal bagi pelaksanaan hukuman tersebut sentiasa jelas dan tidak tersasar dengan sebarang niat yang lain.

[155] Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, 5:397.
[156] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl*, 89.



University of Malaya

### 4.4.4 Kesalahan yang Membolehkan Hukuman Memukul

Ibn Ḥajar al-Haytamī telah meletakkan beberapa contoh kesalahan yang dilakukan oleh pelajar yang membolehkan mereka dihukum. Jenis kesalahan tersebut boleh dibahagikan kepada tiga.

1. Pertama, kesalahan berkaitan dengan kelemahan dirinya sendiri seperti malas untuk menghafal pelajaran dan mencuaikan apa yang dipelajari.[157]
2. Kedua, kesalahan yang berkaitan kejahatan yang dilakukan seperti ponteng kelas, mengganggu pelajar lain dan menyebut perkataan yang tidak sepatutnya.[158] Bagi kesalahan jenis ini, Ibn Ḥajar al-Haytamī meletakkan syarat tambahan jika hukuman hendak dilaksanakan. Syarat tersebut ialah hendaklah kesalahan sedemikian dipastikan dengan yakin dilakukan oleh kanak-kanak yang terbabit. Keyakinan boleh diperolehi sama ada melalui penglihatan sendiri atau pemberitahuan oleh pihak yang boleh dipercayai. [159]
3. Ketiga, kesalahan yang berkaitan dengan tindakan terhadap guru seperti mengeluarkan perkataan yang tidak sepatutnya kepada guru atau mencuri atau merosakkan hartanya.[160]

Al-Qābisī ada menambah beberapa contoh kesalahan jenis yang pertama yang membolehkan untuk hukuman memukul dilaksanakan. Antaranya ialah berlambat-lambat untuk berjumpa dengan guru kerana mencuaikan apa yang dipelajari, atau melakukan kesalahan yang banyak dalam bacaan atau tulisan. Namun, al-Qābisī mensyaratkan hukuman memukul dilaksanakan setelah percubaan membetulkan kesalahan tersebut dilakukan beberapa kali namun masih gagal dan kanak-kanak itu tidak mengambil endah terhadap usaha yang dilakukan.[161] al-Maghrāwī juga menambah contoh-contoh kesalahan

---

[157] Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl,* 87.
[158] *Ibid*.
[159] *Ibid*.
[160] *Ibid.,* 88.
[161] Al-Qābisī, *al-Risālah al-Mufaṣṣalah,* 133.

yang boleh dihukum ke atas pelajar jika mereka melakukannya secara jelas. Antara kesalahan-kesalahan tersebut ialah menipu, memaki hamun, ponteng kelas, berinteraksi dengan riba dan sebagainya.[162]

Dari sudut pandang yang berbeza al-Imām al-Taqī al-Subkī berpendapat bahawa kanak-kanak pelajar tidak boleh dihukum hanya kerana kelemahan dalam hafalan, malah beliau melarang para guru (*mu'adib*) yang mengajar anak-anaknya untuk menghukum mereka disebabkan oleh kelemahan dalam hafalan.[163] Perkara ini disokong oleh sebahagian sarjana masa kini kerana beranggapan kelemahan dalam menghafal adalah disebabkan oleh perbezaan potensi dalam kalangan pelajar.[164] Mereka menyatakan bahawa hukuman hanya boleh digunakan dalam aspek disiplin (*ta'dīb*) dan bukannya dalam aspek pembelajaran (*ta'līm*).[165]

Walau bagaimanapun, pengkaji melihat pandangan al-Imām al-Taqī al-Subkī ini tidak bertentangan dengan pandangan Ibn Ḥajar al-Haytamī kerana apa yang dimaksudkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī berkenaan kesalahan dalam hafalan ialah kecuaian pelajar yang bersifat malas untuk menghafal. Apa yang dianggap sebagai kesalahan dan perlu dihukum ialah sikap tersebut dan bukannya kelemahan dalam potensi untuk menghafal. Oleh kerana itu, Ibn Ḥajar al-Haytamī hanya menyatakan beberapa sikap dan tingkah laku yang bermasalah yang layak dihukum oleh guru akibat kesalahan tersebut.

Sarjana pendidikan Islam cuba mengumpulkan senarai perlakuan yang boleh membawa kepada hukuman memukul, antaranya ialah meninggalkan solat, derhaka kepada kedua ibu bapa, menipu, mencuri, berinteraksi dengan riba, meniru dalam

---

[162] Aḥmad Jumu'ah al-Maghrāwī, *Jāmi' Jawāmi' al-Ikhtiṣār wa al-Bayān fīmā Yu'raḍ li al-Mua'limīn wa Ābā' al-Ṣibyān* (al-Jazā'ir: al-Sharikah al-Waṭaniyyah, t.t), 46.
[163] Hishām Nashābah, *al-Turāth al-Tarbawī al-Islāmī fī Khams Makhṭuṭāt* (Bayrūt: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1988), 55.
[164] Maḥmūd Khalīl Dif, "Mushkilah al-'Iqāb al-Badanī fi al-Ta'līm al-Madrasī wa 'Ilājuhā fī ḍaw' al-Tawjīh al-Tarbawī al-Islāmī," *Majallah al-Jāmi'ah al-Islāmiyyah* 7, 1 (Januari 199), 143.
[165] *Ibid.*



University of Malaya

peperiksaan, merokok, menyimpan gambar-gambar lucah, memaki hamun rakan sekelas atau guru, memukul rakan sekelas, sering ponteng kelas tanpa sebab yang benar, berterusan melakukan perkara yang mengganggu perjalanan pembelajaran dalam kelas, dan apa-apa yang bertentangan dengan adab Islam.[166]

Dari sini, perbincangan yang dilontarkan oleh Ibn Ḥajar al-Haytamī terhadap jenis kesalahan ini amat penting kerana hukuman yang dijalankan kepada kanak-kanak pelajar adalah untuk memperbaiki kesalahan yang mereka lakukan agar tidak mengulangi kesalahan tersebut. Kanak-kanak pelajar perlu mengetahui bahawa hukuman yang dilaksanakan adalah untuk kebaikan dan manfaat diri mereka. Hukuman tersebut bukanlah bertujuan untuk menghina dan merendah-rendahkan mereka.

### 4.4.5 Dakwaan Melampau dalam Memukul

Seperkara yang berkemungkinan akan timbul setelah hukuman memukul dilaksanakan ialah dakwaan melampau dalam menghukum pelajar. Dalam hal ini, Ibn Ḥajar al-Haytamī juga membincangkan dalam *Tāḥrīr al-Maqāl* berkenaan tuduhan melampau dalam menghukum sama ada daripada pelajar atau penjaga mereka terhadap guru.[167] Tuduhan pasti bertujuan mendakwa guru melampau dalam memukul pelajar atau melebihi kadar yang sepatutnya diterima oleh kanak-kanak pelajar terbabit. Dalam erti kata yang lain, guru telah melebihi keperluan untuk memukul pelajar tanpa sebab. Oleh itu, Ibn Ḥajar al-Haytamī berpandangan bahawa jika berlaku pertuduhan seumpama itu, maka pelajar ataupun penjaganya mestilah membawa sebarang bukti bagi membenarkan perkara tersebut.[168]

Ibn Ḥajar al-Haytamī mengganggap isu ini adalah sama dengan konsep *wakālah.*[169] Guru tersebut adalah orang yang diwakilkan (*wakīl*) manakala ibu bapa atau

166 Maḥmūd Khalīl Dif, *Mushkilah al-ʻIqāb al-Badanī,* 143.
167 Al-Ḥaytamī, *Taḥrīr al-Maqāl,* 91.
168 *Ibid.,* 91.
169 Konsep *Wakālah* ialah salah satu akad dalam urusan muamalat. Ia disimpulkan sebagai melantik seseorang untuk menjadi wakil dalam menjalankan sesuatu pekerjaan atau urusan dengan syarat perkara



University of Malaya

penjaga sebagai orang yang mewakilkan (*muwakkil*). Pihak ibu bapa sebagai *muwakkil* telah mengupah *wakīl* iaitu guru. *Muwakkil* telah mendakwa bahawa *wakīl* tidak melaksanakan amanah yang diberikan atau pun telah mencuaikan amanah yang diberkan kepadanya. Oleh kerana *muwakkil* mengupah *wakīl* tanpa sebarang paksaan, maka sebarang salah laku yang didakwa oleh *muwakkil* terhadap *wakīl* hendaklah dibawa bukti bersama-sama dengannya. Jika bukti tidak dapat diberikan oleh *muwakkil*, maka *wakīl* dianggap tidak bersalah.

Ilmuwan Islam berselisih pandangan terhadap *ḍamān*[170] (ganti rugi) yang dikenakan kepada penjaga ataupun pendidik apabila berlaku kecederaan yang serius (*al-talaf*)[171]. Imām Abu Ḥanifah berpandangan penjaga ataupun pendidik dikenakan *ḍamān* jika berlaku kecederaan (*al-talaf*) ketika menghukum kanak-kanak dengan hukuman yang biasa (*al-t'dīb al-mu'tād*)[172] kerana penjaga (*al-walī*) menurut Imām Abu Ḥanifah keselamatan tidak dijamin ketika menghukum dalam perkara yang wajib tetapi ketika menghukum dalam perkara yang harus keselamatan hendaklah dijamin (*Anna al-wājib lā yataqayyad bi salāmah al-'āqibah wa al-mubāḥ yataqayyad bihā*).[173] Selain itu, bagi beliau asal kepada perkara ini adalah dibenarkan untuk menghukum tetapi tidak dibenarkan untuk mencederakan. Apabila hukuman tersebut membawa kesan kecederaan yang serius jelas ianya telah melampau had yang sepatutnya.[174]

---

tersebut haruslah perkara yang dibolehkan oleh syarak dan ianya merangkumi pelbagai aspek yang boleh diwakilkan tidak kira dalam perniagaan, perundangan, perkahwinan mahupun urusan seharian. Selain itu, pelantikan wakil juga harus untuk diberikan upah ataupun tidak berdasarkan kepada persetujuan antara kedua-dua pihak. Lihat Mohd Syukri Mohd Noor, "Prinsip al-Wakalah dalam al-Kutub al-Sittah dan Aplikasinya dalam Industri Takaful di Malaysia" (tesis Sarjana, Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 24.

[170] *Ḍaman* bererti tanggungan seseorang untuk memenuhi hak yang berkaitan dengan harta benda, fizikal, mahupun perasaan seperti pencemaran nama baik. Ianya boleh diertikan dengan ganti rugi. Lihat Asmuni Mth, "Teori Ganti Rugi (*DHAMAN*) Perspektif Hukum Islam" *Millah* 6, no. 2 (Februari 2007), 101.

[171] kecederaan yang serius (*al-talaf*) adalah seperti berlaku kecacatan dan yang boleh membawa maut

[172] Hukuman yang biasa (*al-ta'dīb al-mu'tād*) ialah hukuman yang menepati syarat menghukum dari sudut keizinan dan tatacara yang betul.

[173] Ibn Ābidīn, *Radd al-Muḥtār*, 6:565.

[174] *Ibid.*, 6:566.



University of Malaya

Namun, dua orang murid Imām Abu Ḥanifah iaitu Abu Yusūf dan Muḥammad al-Ḥasan berbeza pandangan dengan beliau dengan menyatakan bahawa bahawa penjaga dan pendidik tidak dikenakan *ḍamān* kerana bagi mereka menghukum (*al-ta'dīb*) adalah perkara yang dibenarkan (*ma'dhūn fīh*) dan perkara yang terhasil daripada perkara yang dibenarkan tidak dianggap sebagai suatu serangan (*i'tidā'*) dan kezaliman.[175]

Manakala dalam mazhab Imām al-Shāfi'ī menyatakan bahawa wajib untuk *ḍamān* jika berlaku kecederaan yang serius (*al-talaf*) walaupun tidak melampaui hukuman yang biasa (*al-t'dīb al-mu'tād*) kerana bagi mereka menghukum mestilah disertakan dengan jaminan keselamatan. Melihat kepada tujuan utama menghukum adalah untuk mendidik dan bukannya untuk membinasakan (*al-halāk*) dan jika berlakunya kebinasaan (*al-halāk*) maka jelaslah bahawa mereka menghukum dengan cara yang melampau.[176]

